



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI DALAM TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 720

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

Sebagaimana pada 21 Julai 2023

Teks ini HANYALAH TEKS KEMAS KINI bagi Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 oleh Jabatan Peguam Negara. Melainkan jika dan sehingga dicetak semula menurut kuasa Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang di bawah subseksyen 14(1) Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1], teks ini BUKAN TEKS YANG SAH.

**AKTA PERBADANAN INSURANS
DEPOSIT MALAYSIA 2011**

Tarikh Perkenan Diraja 24 Januari 2011

Tarikh penyiaran dalam
Warta 27 Januari 2011

Kali terakhir dipinda
melalui Akta A1647 yang
mula berkuat kuasa pada 22 Februari 2022;
 kecuali seksyen
 12, 13, 14, 15, 16,
 17, 22, 23, 24, 25,
 26 dan 27,
 21 Julai 2023

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 2016

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 720

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA

Bab 1

Objektif dan operasi

3. Perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005
4. Matlamat Perbadanan
5. Meterai perbadanan dan meterai faksimile
6. Penyempurnaan dokumen
7. Penubuhan jawatankuasa
8. Pejabat Perbadanan
9. Kuasa untuk melantik wakil dan ejen
10. Penubuhan subsidiari

*Bab 2**Lembaga Pengarah*

Seksyen

11. Tugas dan komposisi
12. Lembaga boleh membuat undang-undang kecil
13. Tempoh jawatan pengarah
14. Kehilangan kelayakan dan penamatan pengarah Lembaga
15. Tindakan dan prosiding Lembaga tidak terjejas oleh kekosongan, dsb.
16. Saraan dan elaun bagi pengarah
17. Tugas pengarah
18. Mesyuarat

*Bab 3**Ketua Pegawai Eksekutif*

19. Pelantikan, fungsi dan kebertanggungjawaban
20. Terma dan syarat perkhidmatan

*Bab 4**Pegawai dan pekerja, dsb.*

21. Pelantikan, terma dan syarat perkhidmatan
22. Bantuan kewangan kepada pegawai, pekerja dan orang lain

*Bab 5**Kewajipan dan kuasa*

23. Sekatan menyiasat secara khusus mengenai hal ehwal pelanggan tertentu
24. Kerahsiaan
25. Kuasa Perbadanan
26. Peminjaman wang atau penyediaan pembiayaan bagi maksud tertentu
27. Penetapan institusi anggota tambahan

Bab 6

Kewangan

Seksyen

28. Kumpulan wang dan sumber kumpulan wang
29. Peminjaman wang atau peruntukan pembiayaan kepada Perbadanan
30. Pelaburan dibenarkan
31. Tahun kewangan
32. Kehendak menyimpan buku, rekod, akaun atau dokumen lain
33. Juruaudit
34. Penyata kewangan dan laporan tahunan
35. Penyata kewangan tidak disatukan

BAHAGIAN III

KEANGGOTAAN, PEMBATALAN DAN PENAMATAN

36. Disifatkan sebagai anggota
37. Terma dan syarat keanggotaan
38. Pembatalan keanggotaan
39. Penamatan keanggotaan
40. Kesan pembatalan atau penamatan

BAHAGIAN IV

INSURANS DEPOSIT

Bab 1

Skop perlindungan

41. Deposit
42. Skop perlindungan bagi deposit
43. Pemindahan deposit antara anggota penerima deposit
44. Deposit anggota penerima deposit diperoleh oleh bukan anggota penerima deposit

Seksyen

- 45. Deposit disifatkan
- 46. Bukan sebahagian deposit

*Bab 2**Premium*

- 46A. Takrif
- 47. Premium pertama berkenaan dengan anggota penerima deposit baharu
- 47A. Pengiraan premium pertama berkenaan dengan anggota penerima deposit baharu
- 48. Premium tahunan berkenaan dengan anggota penerima deposit
- 49. Pengiraan premium tahunan berkenaan dengan anggota penerima deposit
- 49A. Premium tahunan berkenaan dengan anggota penerima deposit di bawah skim pemindahan perniagaan
- 50. Tiada tolakan berkenaan dengan anggota penerima deposit
- 51. Surcay premium berkenaan dengan anggota penerima deposit
- 52. Caj lampau tempoh berkenaan dengan anggota penerima deposit
- 53. Peraturan-peraturan premium berkenaan dengan anggota penerima deposit
- 54. Premium dan surcay ke atas anggota penerima deposit disifatkan diperoleh

*Bab 3**Bayaran*

- 55. Bayaran
- 56. Bayaran wajib
- 57. Bayaran budi bicara
- 58. Bayaran pendahuluan
- 59. Tarikh mengira liabiliti
- 60. Pengiraan pulangan atau bunga atas deposit bagi bayaran wajib
- 61. Perbadanan boleh membayar pulangan atau bunga atas bayaran wajib

Seksyen

- 62. Pengiraan pulangan atau bunga atas deposit bagi bayaran budi bicara
- 63. Pulangan atau bunga atas pelaburan berkaitan derivatif yang ditentukan sebelumnya sebagai diinsuranskan oleh Perbadanan
- 64. Pelepasan liabiliti, dsb., berkenaan dengan deposit diinsuranskan
- 65. Subrogasi
- 66. Penyerahhakan
- 67. Had masa bagi tindakan berkenaan dengan deposit diinsuranskan

BAHAGIAN V

PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS

Bab 1

Skop perlindungan

- 68. Takrif
- 69. Skop perlindungan bagi sijil takaful dan polisi insurans
- 70. Pemindahan sijil atau polisi antara anggota penanggung insurans

Bab 2

Levi

- 70A. Takrif
- 71. Levi pertama berkenaan dengan anggota penanggung insurans baharu
- 71A. Pengiraan levi pertama berkenaan dengan anggota penanggung insurans baharu
- 72. Levi tahunan berkenaan dengan anggota penanggung insurans
- 73. Pengiraan levi tahunan berkenaan dengan anggota penanggung insurans
- 73A. Levi tahunan berkenaan dengan anggota penanggung insurans di bawah skim pemindahan perniagaan
- 74. Tiada tolakan berkenaan dengan anggota penanggung insurans
- 75. Surcaj levi berkenaan dengan anggota penanggung insurans
- 76. Caj lampau tempoh berkenaan dengan anggota penanggung insurans

Seksyen

- 77. Peraturan-peraturan levi berkenaan dengan anggota penanggung insurans
- 78. Levi dan surcay atas anggota penanggung insurans disifatkan diperoleh

*Bab 3**Bayaran*

- 78A. Takrif
- 79. Bayaran berkenaan dengan manfaat dilindungi
- 80. Bayaran wajib berkenaan dengan manfaat dilindungi
- 81. Bayaran budi bicara berkenaan dengan manfaat dilindungi
- 82. Bayaran pendahuluan berkenaan dengan manfaat dilindungi
- 83. Pemberhentian polisi insurans dan sijil takaful dalam penggulangan
- 84. Penentuan bayaran wajib bagi sijil takaful keluarga dan polisi hayat
- 85. Penentuan bayaran wajib bagi sijil takaful am dan polisi am
- 86. Pemberitahuan oleh Perbadanan
- 87. Pengiraan pulangan atau bunga atas manfaat dilindungi bagi bayaran wajib
- 88. Perbadanan boleh membayar pulangan atau bunga atas bayaran wajib berkenaan dengan manfaat dilindungi
- 89. Pengiraan pulangan atau bunga atas manfaat dilindungi bagi bayaran budi bicara
- 90. Pelepasan liabiliti, dsb., berkenaan dengan manfaat dilindungi
- 91. Subrogasi berkenaan dengan manfaat dilindungi
- 92. Penyerahhakan berkenaan dengan manfaat dilindungi
- 93. Had masa bagi tindakan berkenaan dengan manfaat dilindungi
- 94. (*Dipotong*)

BAHAGIAN VI

PEMERIKSAAN INSTITUSI ANGGOTA

- 95. Bank Negara Malaysia hendaklah menyediakan maklumat
- 96. Pemeriksaan

Seksyen

- 97. Pemeriksaan khas
- 97A. Perancangan resolusi

BAHAGIAN VII

TINDAKAN OLEH PERBADANAN

Bab 1

Tindakan berkenaan dengan institusi anggota tidak berdaya maju

- 98. Pemberitahuan mengenai tidak berdaya maju
- 99. Kuasa Perbadanan dalam hal institusi anggota tidak berdaya maju
- 100. Notis pengambilalihan kawalan
- 101. Peruntukan berhubung dengan pengambilalihan kawalan
- 102. Kuasa mengurangkan modal syer dan membatalkan syer institusi anggota di bawah perenggan 99(1)(c)
- 103. Penyelesaian resolusi
- 104. Penubuhan Jawatankuasa Pentaksir
- 105. Perkhidmatan peralihan
- 106. Pelantikan penerima, dsb.
- 107. Peruntukan berhubung dengan pelantikan di bawah perenggan 99(1)(c) dan seksyen 106
- 108. Kesahan transaksi
- 109. Penggantungan prosiding
- 110. Pelanjutan masa
- 111. Kesahan cagaran
- 112. Penyerahhakan bukan keingkaran, dsb.
- 113. Perjanjian diatasi bagi maksud perenggan 99(1)(c) dan seksyen 106
- 114. Bekalan dan pendahuluan lanjut
- 115. Perjanjian kewangan yang layak
- 116. Perbadanan, dsb., bukan majikan pengganti
- 117. Tuntutan, prosiding tertentu dilarang

*Bab 2**Peruntukan yang berhubungan dengan institusi perantaraan*

Seksyen

- 118. Penamaan institusi perantaraan
- 119. Siaran notis
- 120. Institusi perantaraan diberi kuasa untuk menjalankan perniagaan
- 121. Ketidakpakaian kehendak
- 122. Institusi perantaraan bukan majikan pengganti
- 123. Kuasa memberikan arahan
- 124. Pengambilalihan sebahagian liabiliti deposit yang tidak diinsuranskan atau manfaat yang tidak dilindungi
- 125. Penggantungan berkenaan dengan institusi perantaraan
- 126. Notis mengenai niat untuk meneruskan prosiding
- 127. Bantuan kepada institusi perantaraan
- 128. Perbadanan boleh memegang syer institusi anggota

*Bab 2A**Peruntukan yang berhubungan dengan pemindahan wajib syer*

- 128A. Takrif
- 128B. Pemindahan wajib syer
- 128C. Kesan perintah pindah milik
- 128D. Perintah pindah milik gantian

*Bab 3**Peruntukan am yang berhubungan dengan penggulungan*

- 128E. Takrif
- 129. Penggulungan institusi anggota atas permohonan Perbadanan
- 130. Disifatkan sebagai pemiutang
- 131. Objektif pelikuidasi apabila menggulung institusi anggota
- 131A. Penerusan perniagaan takaful keluarga

Seksyen

- 131B. Penerusan perniagaan hayat
- 132. Pelantikan dan saraan pelikuidasi yang dilantik berkenaan dengan institusi anggota
- 133. Penyeliaan Perbadanan

Bab 4

Peruntukan khusus mengenai penggulungan anggota penerima deposit

- 134. Keutamaan pembayaran dalam penggulungan anggota penerima deposit
- 134A. Keutamaan pembayaran dalam penggulungan anggota penerima deposit yang menjalankan perniagaan perbankan Islam
- 134B. Keutamaan pembayaran dalam penggulungan anggota penerima deposit yang merupakan suatu bank Islam

Bab 5

Peruntukan khusus mengenai penggulungan anggota penanggung insurans

- 135. Tafsiran
- 136. Penggulungan anggota penanggung insurans atas permohonan oleh orang selain Perbadanan
- 137. Notis prosiding penggulungan oleh orang selain Perbadanan
- 138. Laporan dan akaun pelikuidasi
- 139. Penyata hal ehwal
- 140. *(Dipotong)*
- 141. *(Dipotong)*
- 142. *(Dipotong)*
- 142A. Keutamaan pembayaran dalam penggulungan pengendali takaful
- 142B. Keutamaan pembayaran dalam penggulungan syarikat insurans
- 142C. Penilaian aset dan liabiliti suatu pengendali takaful atau syarikat insurans
- 143. Penepian beban bukti hutang yang ketat
- 144. Ketidakpakaian peruntukan tertentu dalam Akta Syarikat 2016, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013

BAHAGIAN VIII

PERLINDUNGAN PENSTABILAN

Seksyen

145. Tafsiran
146. Perintah perlindungan penstabilan
147. Pemakaian peruntukan khas
148. Perlindungan penstabilan
149. Fi, premium atau levi bagi perlindungan penstabilan
150. Pemakaian peruntukan berkenaan dengan institusi anggota
151. Fi, premium atau levi disifatkan sebagai diperoleh
152. Perluasan pemakaian seksyen 51 atau 75
153. Surcaj
154. Caj lampau tempoh
155. Tiada tolakan
156. Pendanaan dan kerugian
157. Pemakaian berterusan peruntukan khas

BAHAGIAN IX

KUASA BERHUBUNG DENGAN ASET YANG DIPEROLEH OLEH
PERBADANAN*Bab 1**Pemerolehan dan pelupusan oleh Perbadanan*

158. Pemerolehan dan pelupusan aset oleh Perbadanan
159. Hak untuk melupuskan dan mengekalkan nilai harta

*Bab 2**Peruntukan berkaitan dengan konservator*

160. Tafsiran
161. Kuasa untuk melantik konservator dan konservator tambahan, dsb.

Seksyen

162. Kelayakan konservator
163. Dua konservator atau lebih
164. Tempoh pentadbiran
165. Pemberitahuan pelantikan konservator
166. Kesan pelantikan konservator
167. Kuasa am konservator
168. Tugas am konservator
169. Konservator sebagai ejen orang terjejas
170. Pegawai orang terjejas hendaklah melaksanakan atau menjalankan fungsi dengan kelulusan bertulis
171. Urus niaga dengan aset orang terjejas
172. Pampasan
173. Obligasi pegawai orang terjejas
174. Penyiasatan urusan dan hal ehwal
175. Hak konservator ke atas buku, rekod, akaun atau dokumen lain orang terjejas
176. Hak konservator ke atas aset orang terjejas
177. Menyekat atau menghalang konservator
178. Penafian tuntutan
179. Moratorium
180. Perjanjian kewangan yang layak dengan orang terjejas
181. Mendapatkan balik balasan wang daripada aset yang diperolehi atau dijual sebelum pelantikan konservator
182. Keutamaan tidak wajar
183. Pengosongan jawatan penerima, dsb.
184. Konservator hendaklah menyediakan cadangan
185. Mesyuarat pemiutang bercagar
186. Pelaksanaan cadangan
187. Pengubahsuaian kepada cadangan
188. Syarat kelulusan kawal selia
189. Penolakan atau pemberhentian cadangan

Seksyen

- 190. Laporan mengenai salah laku
- 191. Kesahan transaksi

BAHAGIAN X

KESALAHAN

- 192. Mengemukakan diri sebagai institusi anggota
- 193. Pernyataan palsu
- 194. Tidak memberikan maklumat, dsb.
- 195. Kesalahan am
- 196. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan atau badan tidak diperbadankan atau oleh pengarah, pegawai, pengawal, dsb.
- 197. Kuasa Perbadanan untuk mengkompaun kesalahan
- 198. Mahkamah boleh memerintahkan pematuhan
- 199. Hukuman kewangan tambahan
- 200. Perintah pematuhan atau penyekatan
- 201. Mendapatkan kembali denda

BAHAGIAN XI

PERUNTUKAN AM

- 202. Pengemukaan maklumat kepada Perbadanan
- 203. Pengemukaan maklumat kepada Bank Negara Malaysia
- 203A. Aktuari bebas
- 204. Niat untuk menggulung institusi anggota
- 205. Pengiktirafan kehakiman
- 206. Penggulangan Perbadanan
- 207. Kekebalan
- 207A. Pengecualian dari liabiliti
- 208. Pemakaian dan ketidakpakaian Akta lain

Seksyen

209. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, perintah, undang-undang kecil, pemberitahuan, arahan, garis panduan, pekeliling atau nota

BAHAGIAN XII

PEMANSUHAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN

210. Pemansuhan
211. Kecualian dan peralihan
212. Pemindahan kumpulan wang tertentu daripada Bank Negara Malaysia

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 720

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi kewujudan berterusan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, pentadbiran sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans di bawah Akta ini dan perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya.

[31 Disember 2010]

BAHAWASANYA kestabilan sistem kewangan ialah penentu utama pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran Malaysia:

DAN BAHAWASANYA sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans ialah komponen penting dalam jaring keselamatan kewangan kerana ia menggalakkan dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan:

DAN BAHAWASANYA maksud sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans adalah untuk melindungi pendeposit daripada kehilangan sebahagian atau kesemua deposit mereka dan benefisiari takaful dan orang diinsuranskan daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans mereka sekiranya berlaku kegagalan sesuatu institusi anggota dan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia hendaklah menjalankan fungsi yang dimandatkan dengan cepat dan berkesan dan menggalakkan pengurusan risiko yang wajar dalam sistem kewangan dan menggalakkan serta memperkukuh perlindungan pengguna kewangan:

DAN BAHAWASANYA peruntukan khusus dikehendaki demi kepentingan orang awam untuk memberi Perbadanan kuasa untuk melaksanakan dengan segera tindakan resolusi yang dinyatakan dalam Akta ini pada kos minimum kepada sistem kewangan:

MAKA, INILAH, DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada 31 Disember 2010.

Tafsiran

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain—

“akaun pelaburan” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah subseksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*];

“Akta dimansuhkan” ertinya Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 [*Akta 642*];

“anggota penanggung insurans” ertinya suatu institusi anggota yang merupakan syarikat insurans atau pengendali takaful;

“anggota penerima deposit” ertinya suatu institusi anggota yang merupakan bank Islam atau bank berlesen;

“aset” termasuklah apa-apa kemudahan pembiayaan Islam, kemudahan kredit konvensional, harta, perniagaan dan perusahaan dalam apa-apa jenis;

“bank berlesen” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah subseksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*];

“bank Islam” ertinya suatu bank yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, selain suatu bank Islam antarabangsa berlesen;

“benefisiari takaful” ertinya seseorang yang berhak ke atas suatu manfaat takaful, sama ada orang itu ialah pemunya sijil atau tidak;

“berkaitan”, berhubung dengan suatu perbadanan, ertinya berkaitan mengikut pengertian seksyen 7 Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*];

“bersekutu” ertinya suatu perbadanan yang tidak kurang daripada dua puluh peratus dan tidak lebih daripada lima puluh peratus daripada syer perbadanan itu dipegang oleh perbadanan lain, dengan itu perbadanan yang mula-mula disebut itu ialah suatu perbadanan bersekutu dengan perbadanan yang lain itu;

“cagaran” termasuklah suatu gadai janji atau gadaian, sama ada di sisi undang-undang atau ekuiti, debentur, bil pertukaran, nota janji hutang, jaminan, lien atau sandaran, sama ada sebenar atau konstruktif, surat hipotekasi, tanggung rugi, aku janji dan cara lain untuk menjamin pembayaran atau pelepasan hutang atau liabiliti, sama ada pada masa sekarang atau hadapan dan sama ada terletak hak atau kontingen;

“deposit” ertinya—

(a) suatu deposit konvensional; atau

(b) suatu deposit Islam;

“deposit diinsuranskan” ertinya deposit yang diinsuranskan secara berasingan sebagai deposit Islam atau deposit konvensional di bawah seksyen 42;

“deposit Islam” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah subseksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;

“deposit konvensional” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepada takrif “deposit” di bawah subseksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan tidak termasuk suatu deposit Islam;

“depositori pusat” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 [*Akta 453*];

“ditentukan”, jika tiada cara disebutkan, ertinya ditentukan secara bertulis;

“ditetapkan”, jika tiada cara disebutkan, ertinya ditetapkan melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*;

“dokumen” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 3 Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*];

“dokumen konstituen”, berhubung dengan suatu pertubuhan, perbadanan atau bukan perbadanan, ertinya statut, piagam, memorandum persatuan, perkara persatuan, kaedah-kaedah, undang-undang kecil, perjanjian perkongsian, atau surat cara lain, yang di bawahnya atau dengannya pertubuhan itu diperbadankan atau ditubuhkan, atau struktur tadbir urus dan pentadbirannya, bidang fungsi, urusan, kuasa atau tugasnya dinyatakan, sama ada terkandung dalam satu dokumen atau lebih;

“ejen depositori yang dibenarkan” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991;

“kumpulan perniagaan” ertinya suatu kumpulan syarikat yang mana sesuatu institusi anggota adalah berkaitan atau bersekutu dengan syarikat lain dalam kumpulan yang sama;

“Gabenor” ertinya Gabenor Bank Negara Malaysia;

“harta” ertinya apa-apa harta alih atau tak alih dan termasuklah—

- (a) apa-apa hak, kepentingan, hakmilik, tuntutan, hak dalam tindakan, kuasa atau keistimewaan, sama ada pada masa sekarang atau hadapan, atau sama ada terletak hak atau kontingen, yang berhubungan dengan mana-mana harta, atau yang selainnya mempunyai nilai;
- (b) apa-apa dokumen yang disempurnakan untuk memindahmilikan, menyerahhakkan, melantik, menyerahkan, atau selainnya memindahkan atau melupuskan harta jika orang yang menyempurnakan dokumen itu ialah pemunya atau pemilik, atau yang dia berhak mendapat suatu hak kontingen mengenainya, sama ada bagi keseluruhan atau sebahagian kepentingan dalam harta;
- (c) apa-apa sekuriti, termasuk apa-apa saham, syer, debentur, bon, pinjaman saham, hak langganan atau waran yang boleh dipindah milik;
- (d) apa-apa surat cara boleh niaga, termasuk apa-apa nota bank, nota pembawa, bil Perbendaharaan, waran dividen, bil pertukaran, nota janji hutang, cek dan perakuan deposit boleh niaga;
- (e) apa-apa gadai janji atau gadaian, sama ada di sisi undang-undang atau ekuiti, jaminan, lien atau sandaran, sama ada sebenar atau konstruktif, surat hipotekasi atau resit amanah, tanggung rugi, aku janji atau cara lain yang menjamin pembayaran atau pelepasan suatu hutang atau liabiliti, sama ada pada masa sekarang atau hadapan, atau terletak hak atau kontingen; dan
- (f) apa-apa harta ketara atau tak ketara yang lain;

“hayat sertaan” ertinya—

- (a) seseorang yang berkenaan dengannya suatu sijil takaful memperuntukkan perlindungan atas kematian atau keberterusan hidupnya; atau
- (b) seseorang yang berkenaan dengannya suatu sijil takaful memperuntukkan perlindungan atas suatu kemalangan, penyakit atau keuzuran,

sama ada orang itu ialah pemunya sijil atau tidak;

“institusi anggota” ertinya suatu institusi kewangan atau orang yang disifatkan atau ditetapkan sebagai institusi anggota di bawah Akta ini dan keanggotaannya tidak dibatalkan di bawah seksyen 38 atau ditamatkan di bawah seksyen 39;

“institusi kewangan” ertinya suatu bank berlesen, bank Islam, syarikat insurans atau pengendali takaful;

“institusi kewangan pembangunan” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*];

“institusi perantaraan” ertinya suatu subsidiari Perbadanan yang dinamakan sebagai suatu institusi perantaraan di bawah perenggan 99(1)(f);

“Jawatankuasa Pentaksir” ertinya jawatankuasa yang diperuntukkan di bawah seksyen 104;

“kemudahan kredit konvensional” ertinya—

- (a) pemberian apa-apa pendahuluan, pinjaman, kredit perdagangan atau kemudahan lain dalam apa-apa jua bentuk atau dengan apa jua nama dipanggil yang dengannya orang yang kepadanya pendahuluan, pinjaman, kredit perdagangan atau kemudahan lain itu diberikan mempunyai akses, secara langsung atau tidak langsung, kepada dana atau harta orang yang memberikan;

- (b) pemberian suatu jaminan atau apa-apa cagaran berhubung dengan kewajipan mana-mana orang; atau
- (c) apa-apa urusan niaga atau transaksi seumpama itu sebagaimana yang ditetapkan oleh Perbadanan;

“kemudahan pembiayaan Islam” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepada takrif “kemudahan pembiayaan” di bawah subseksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;

“ketua eksekutif”, berhubung dengan suatu perbadanan, ertinya seseorang orang sebenar, dengan apa jua nama dipanggil, yang bertanggungjawab, sama ada secara perseorangan atau bersesama dengan seseorang atau lebih, tertakluk pada kuasa pengarah, bagi penjalanan urusan dan pentadbiran perbadanan itu;

“Ketua Pegawai Eksekutif” ertinya ketua eksekutif Perbadanan;

“Kumpulan Wang Disatukan” ertinya Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan yang ditubuhkan oleh Perlembagaan Persekutuan;

“Lembaga” ertinya lembaga pengarah Perbadanan;

“liabiliti” termasuklah tiap-tiap jenis hutang, kewajipan dan obligasi, sama ada pada masa sekarang atau hadapan, dan terletak hak atau kontingen;

“manfaat dilindungi” ertinya manfaat takaful dan insurans yang dilindungi secara berasingan oleh sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans di bawah Bahagian V;

“manfaat insurans” ertinya suatu obligasi di bawah suatu polisi insurans untuk membayar suatu amaun kepada atau bagi manfaat orang diinsuranskan atau untuk menunaikan suatu obligasi yang tidak berupa wang apabila berlakunya satu kejadian atau lebih yang diperuntukkan dalam polisi insurans dan suatu amaun yang kena dibayar di bawah suatu polisi insurans disebabkan oleh obligasi sedemikian;

“manfaat insurans dilindungi” ertinya suatu jenis atau perihalan

manfaat insurans yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subseksyen 69(2) sebagai dilindungi di bawah sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans yang diperuntukkan dalam Akta ini;

“manfaat takaful” ertinya suatu obligasi di bawah suatu sijil takaful untuk membayar suatu amaun kepada atau bagi manfaat benefisiari takaful atau untuk menunaikan suatu obligasi yang tidak berupa wang apabila berlakunya satu kejadian atau lebih yang diperuntukkan dalam sijil takaful dan suatu amaun yang kena dibayar di bawah suatu sijil takaful disebabkan oleh obligasi sedemikian;

“manfaat takaful dilindungi” ertinya suatu jenis atau perihalan manfaat takaful yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subseksyen 69(2) sebagai dilindungi di bawah sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans yang diperuntukkan dalam Akta ini;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi hal kewangan;

“meterai faksimile” ertinya pendua kepada meterai perbadanan bagi Perbadanan;

“orang diinsuranskan” ertinya seseorang yang berhak kepada suatu manfaat insurans, sama ada orang itu ialah pemunya polisi atau tidak;

“orang diinsuranskan hayat” ertinya—

- (a) seseorang yang berkenaan dengannya suatu polisi insurans memperuntukkan perlindungan atas kematian atau keberterusan hidupnya; atau
- (b) seseorang yang berkenaan dengannya suatu polisi insurans memperuntukkan perlindungan atas suatu kemalangan, penyakit atau keuzuran,

sama ada orang itu adalah pemunya polisi atau tidak;

“orang terjejas” ertinya—

- (a) mana-mana syarikat yang berkewajipan atau berhutang di bawah suatu kemudahan pembiayaan Islam atau kemudahan kredit konvensional kepada Perbadanan atau mana-mana subsidiari Perbadanan, sama ada pada masa sekarang atau hadapan, atau sama ada terletak hak atau kontingen;
- (b) mana-mana subsidiari syarikat yang disebut dalam perenggan (a);
- (c) mana-mana syarikat yang telah menyediakan cagaran bagi pelaksanaan atau penunaian suatu kewajipan atau liabiliti yang berhutang oleh mana-mana orang terjejas utama kepada Perbadanan atau mana-mana subsidiari Perbadanan, sama ada pada masa sekarang atau hadapan, atau sama ada terletak hak atau kontingen; atau
- (d) mana-mana syarikat yang sekurang-kurangnya lima peratus daripada modal syernya telah digadaikan, disandarkan atau digadaikan oleh mana-mana orang untuk menjamin pelaksanaan atau penunaian suatu kewajipan atau liabiliti yang berhutang oleh mana-mana orang terjejas utama kepada Perbadanan atau mana-mana subsidiari Perbadanan, sama ada pada masa sekarang atau hadapan, atau sama ada terletak hak atau kontingen,

dan tidak termasuk suatu institusi anggota;

“orang terjejas utama” ertinya mana-mana syarikat yang disebut dalam perenggan (a) takrif “orang terjejas”;

“pegawai”, berhubung dengan suatu institusi anggota atau orang terjejas, ertinya—

- (a) mana-mana pengarah, setiausaha atau pekerja institusi anggota atau orang terjejas;

- (b) mana-mana penerima, pengurus atau penerima dan pengurus sama ada dilantik oleh mahkamah atau selainnya; dan
- (c) mana-mana pelikuidasi yang dilantik oleh mahkamah atau selainnya;

“pejabat” termasuklah ibu pejabat, tempat utama perniagaan, cawangan, agensi, tempat perniagaan bergerak, tempat perniagaan yang diadakan dan disenggarakan bagi suatu tempoh terhad sahaja dan mana-mana tempat perniagaan lain;

“pelikuidasi” termasuklah seorang pelikuidasi interim, jika berkenaan;

“pemunya polisi” ertinya seseorang yang mempunyai hakmilik sah ke atas suatu polisi insurans dan termasuklah—

- (a) jika polisi telah diserahkan, pemegang serah hak;
- (b) jika berhak terhadap syarikat insurans untuk melaksanakan hak seorang pemunya polisi yang sah, wakil diri pemunya polisi yang mati; dan
- (c) berhubungan dengan suatu polisi yang memperuntukkan pembayaran anuiti, penerima anuiti;

“pemunya sijil” ertinya seseorang yang mempunyai hakmilik sah ke atas suatu sijil takaful dan termasuklah—

- (a) jika sijil telah diserahkan hak, pemegang serah hak;
- (b) jika berhak terhadap pengendali takaful untuk melaksanakan hak seorang pemunya polisi yang sah bagi sijil itu, wakil diri pemunya sijil yang mati; dan
- (c) berhubung dengan suatu sijil yang memperuntukkan pembayaran anuiti, penerima anuiti;

“pendaftar kapal Malaysia” ertinya pendaftar kapal Malaysia yang dilantik di bawah subseksyen 14(1) Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 [*Ord.70/1952*] dan termasuklah Pendaftar Besar Kapal yang dilantik di bawah subseksyen 14(1) Ordinan itu;

“Pendaftar Syarikat” ertinya Pendaftar yang ditetapkan di bawah subseksyen 20A(1) Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 [*Akta 614*];

“pendaftar mahkamah” ertinya mana-mana Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar Kanan atau Penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi yang dilantik di bawah seksyen 10 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [*Akta 91*];

“Pendaftar tanah” ertinya Pendaftar sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 5 *Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], Pendaftar sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 4 Ordinan Tanah Sabah [*Sabah Bab 68*] atau Pendaftar di bawah Kanun Tanah Sarawak [*Sarawak Bab 81*];

“pendeposit” ertinya seorang—

- (a) yang akaunnya telah atau akan dikreditkan berkenaan dengan wang yang menjadi suatu deposit Islam atau deposit konvensional atau sebahagian daripada deposit itu; atau
- (b) yang kepadanya suatu institusi anggota bertanggung berkenaan dengan suatu surat cara yang dikeluarkan bagi wang yang menjadi suatu deposit Islam atau deposit konvensional atau sebahagian daripada deposit itu;

“pengendali takaful” ertinya pengendali takaful yang dilesenkan untuk menjalankan perniagaan takaful di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, selain suatu pengendali takaful yang dilesenkan untuk menjalankan perniagaan takaful semula semata-mata dan suatu pengendali takaful antarabangsa;

“Pengerusi” ertinya pengerusi Lembaga;

*CATATAN—Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] telah disemak dan dinamakan sebagai Kanun Tanah Negara [*Akta 828*] m.b.p 15 Oktober 2020

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Insurans Deposit Malaysia;

“perbadanan” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 3 Akta Syarikat 2016;

“perniagaan perbankan Islam” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah subseksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;

“pihak ketiga yang layak” ertinya suatu perbadanan yang memenuhi apa-apa kriteria yang ditetapkan oleh Perbadanan;

“polisi am” ertinya suatu polisi yang dikeluarkan oleh suatu syarikat insurans yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 untuk menjalankan perniagaan insurans am;

“polisi hayat” ertinya suatu polisi yang dikeluarkan oleh suatu syarikat insurans yang menjalankan perniagaan insurans hayat yang di bawahnya suatu obligasi timbul atas kematian atau keberterusan hidup seseorang, termasuk peluasan perlindungan bagi kemalangan diri, penyakit atau keuzuran, dan termasuk suatu anuiti, dan suatu polisi yang hanya memperuntukkan perlindungan terhadap penyakit atau keuzuran sahaja atau perbelanjaan perubatan sahaja tetapi tidak termasuk suatu polisi yang merupakan polisi bagi kemalangan diri sahaja;

“polisi hayat sertaan” ertinya suatu polisi hayat yang memberikan suatu hak kepada pemunya polisi untuk menyertai dalam untukan, yang jumlah atau penentuan masa adalah pada budi bicara syarikat insurans, daripada aset suatu kumpulan wang insurans di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013;

“polisi insurans” ertinya suatu polisi hayat atau polisi am;

“pulangan” termasuklah apa-apa bentuk sewaan, keuntungan, dividen dan manfaat, termasuk apa-apa fi atau hadiah, yang kena dibayar atau diberikan berhubung dengan apa-apa deposit Islam atau sebagai sebahagian daripada apa-apa manfaat takaful atau di bawah mana-mana dokumen, perjanjian, perkiraan dan surat cara yang berhubung dengan suatu kemudahan pembiayaan Islam;

“sekuriti” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671];

“sekuriti Islam” ertinya sekuriti yang mengikut Shariah;

“sijil takaful” ertinya suatu kontrak berkenaan dengan takaful keluarga atau takaful am;

“sijil takaful am” ertinya suatu sijil takaful yang dikeluarkan oleh pengendali takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk menjalankan perniagaan takaful am;

“sijil takaful keluarga” ertinya suatu sijil takaful yang dikeluarkan oleh pengendali takaful yang menjalankan perniagaan takaful keluarga yang di bawahnya suatu obligasi timbul atas kematian atau keberterusan hidup seseorang, termasuk peluasan perlindungan bagi kemalangan diri, penyakit atau keuzuran, dan termasuk suatu anuiti, dan suatu sijil yang hanya memperuntukkan perlindungan terhadap penyakit atau keuzuran sahaja atau perbelanjaan perubatan sahaja tetapi tidak termasuk suatu sijil bagi kemalangan diri sahaja;

“subsidiari” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Syarikat 2016;

“surat cara modal” ertinya syer keutamaan, saham pinjaman, hutang berjangka subordinat atau surat cara lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia sebagai layak untuk menjadi modal bagi maksud Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;

“syarikat” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Syarikat 2016;

“syarikat insurans” ertinya suatu penanggung insurans yang dilesenkan untuk menjalankan perniagaan insurans di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, selain suatu penanggung insurans yang dilesenkan untuk menjalankan perniagaan insurans semula semata-mata, Danajamin Nasional Berhad dan mana-mana orang yang

menjalankan perniagaan insurans jaminan kewangan atau perniagaan insurans jaminan kredit semata-mata;

“syer” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Syarikat 2016;

“tahun taksiran”, berhubung dengan pengiraan dan pembayaran premium dan levi di bawah Akta ini, ertinya tempoh yang bermula pada hari pertama bulan Januari dan berakhir pada hari ketiga puluh satu bulan Disember setiap tahun atau apa-apa tempoh lain yang diluluskan oleh Menteri;

“takaful” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;

“takaful am” ertinya takaful selain takaful keluarga;

“takaful keluarga” ertinya takaful di bawah suatu sijil takaful keluarga.

Perjanjian kewangan yang layak

(1A) Bagi maksud ini—

- (a) “cagaran kewangan” ertinya mana-mana yang berikut yang tertakluk pada suatu kepentingan atau hak yang menjamin pembayaran atau pelaksanaan suatu obligasi berkenaan dengan suatu perjanjian kewangan yang layak atau yang tertakluk pada suatu perjanjian sokongan kredit pindah hakmilik:
 - (i) wang tunai atau yang bersamaan dengan wang tunai, termasuk surat cara boleh niaga dan deposit tuntutan;
 - (ii) sekuriti, sekuriti Islam, suatu akaun sekuriti, suatu akaun sekuriti Islam, atau suatu hak untuk memperoleh sekuriti atau sekuriti Islam; atau

- (iii) suatu perjanjian niaga hadapan atau suatu akaun niaga hadapan;
- (b) “derivatif” ertinya apa-apa perjanjian, termasuk suatu opsyen, swap, kontrak niaga hadapan atau kontrak hadapan, yang harga pasaran, nilai, penghantaran atau obligasi pembayarannya berpunca daripada, dirujuk kepada atau berdasarkan, tetapi tidak terhad kepada, sekuriti, komoditi, aset, kadar (termasuk kadar faedah atau kadar pertukaran) atau indeks;
- (c) “derivatif Islam” ertinya apa-apa perjanjian, termasuk suatu opsyen, swap, kontrak niaga hadapan atau kontrak hadapan, yang dibuat mengikut Syariah, yang harga pasaran, nilai, penghantaran atau obligasi pembayarannya berpunca daripada, dirujuk kepada atau berdasarkan, tetapi tidak terhad kepada, sekuriti Islam, komoditi, aset, kadar (termasuk kadar keuntungan atau kadar pertukaran) atau indeks;
- (d) “perantaraan kewangan” ertinya —
 - (i) suatu agensi penjelasan; atau
 - (ii) seseorang, termasuk broker, bank atau syarikat amanah, yang dalam perjalanan biasa perniagaan menyenggara akaun sekuriti, akaun sekuriti Islam atau akaun niaga hadapan untuk orang lain;
- (e) “perjanjian kewangan yang layak” ertinya—
 - (i) suatu perjanjian induk berkenaan dengan satu atau lebih transaksi kewangan yang layak di bawahnya yang sekiranya hal tertentu yang ditentukan oleh pihak-pihak kepada perjanjian itu berlaku—
 - (A) transaksi yang disebut dalam perjanjian itu tamat atau boleh ditamatkan;

- (B) nilai penamatan transaksi di bawah subperenggan (i) dikira atau boleh dikira; dan
- (C) nilai penamatan transaksi di bawah subperenggan (i) adalah bersih atau boleh bersih, supaya suatu amaun bersih kena dibayar,

dan jika suatu perjanjian adalah juga berkenaan dengan satu atau lebih transaksi yang bukan transaksi kewangan yang layak, perjanjian itu hendaklah disifatkan sebagai perjanjian kewangan yang layak hanya berkenaan dengan transaksi yang merupakan transaksi kewangan yang layak dan apa-apa penguatkuasaan yang dibenarkan oleh pihak-pihak mengenai hak mereka di bawah perjanjian itu;

- (ii) suatu perjanjian yang berhubungan dengan cagaran kewangan, termasuk perjanjian sokongan kredit pindah hakmilik, berkenaan dengan satu atau lebih transaksi kewangan yang layak di bawah suatu perjanjian induk yang disebut dalam subperenggan (i);
 - (iii) suatu perjanjian untuk meminjam atau meminjamkan sekuriti atau komoditi, termasuk suatu perjanjian untuk memindahkan sekuriti atau komoditi yang di bawahnya peminjam boleh membayar balik pinjaman itu dengan sekuriti atau komoditi yang lain, wang tunai atau bersamaan dengan wang tunai; atau
 - (iv) apa-apa perjanjian lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;
- (f) “perjanjian sokongan kredit pindah hakmilik” ertinya suatu perjanjian yang di bawahnya hakmilik kepada harta telah diperuntukkan bagi maksud menjamin pembayaran atau

pelaksanaan suatu obligasi berkenaan dengan suatu perjanjian kewangan yang layak; dan

(g) “transaksi kewangan yang layak” ertinya —

- (i) suatu derivatif atau suatu derivatif Islam, sama ada yang akan diselesaikan melalui pembayaran atau serahan; atau
- (ii) suatu perjanjian beli semula, beli semula songsang atau jual beli balik berkenaan dengan sekuriti atau sekuriti Islam.

(2) Apa-apa sebutan dalam Akta ini mengenai “Akta ini” hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, disifatkan sebagai termasuk sebutan mengenai mana-mana kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, undang-undang kecil, perintah, pemberitahuan, arahan, garis panduan, pekeliling, nota atau mana-mana perundangan subsidiari lain yang dibuat atau dikeluarkan di bawah Akta ini.

BAHAGIAN II

PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA

Bab 1

Objektif dan operasi

Perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005

3. (1) Walau pun Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 dimansuhkan oleh seksyen 210, perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta yang dimansuhkan dengan nama “Perbadanan Insurans Deposit Malaysia” hendaklah terus wujud di bawah dan tertakluk pada peruntukan Akta ini.

(2) Perbadanan ialah pertubuhan perbadanan yang sama yang telah ditubuhkan di bawah Akta yang dimansuhkan.

(3) Perbadanan hendaklah terus kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan, dan boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas nama perbadanannya.

Matlamat Perbadanan

4. (1) Matlamat Perbadanan adalah untuk—

- (a) mentadbirkan suatu sistem insurans deposit dan suatu sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans di bawah Akta ini;
- (b) memperuntukkan insurans terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit yang baginya anggota penerima deposit adalah bertanggung dan memperuntukkan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans yang baginya anggota penanggung insurans adalah bertanggung;
- (c) mengadakan insentif bagi pengurusan risiko yang wajar dalam sistem kewangan; dan
- (d) menggalakkan atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

(2) Dalam mencapai matlamatnya di bawah perenggan (1)(b) dan (d), Perbadanan hendaklah bertindak dalam apa-apa cara bagi meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Meterai perbadanan dan meterai faksimile

5. (1) Meterai perbadanan dan meterai faksimile Perbadanan boleh dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan.

(2) Lembaga boleh mengadakan suatu meterai faksimile dan boleh membenarkan tandatangan mana-mana pengarah dan setiausaha dibuat melalui cetakan atau cara mekanikal yang lain.

(3) Meterai perbadanan hendaklah digunakan dengan kebenaran Lembaga dan tiap-tiap surat cara yang padanya meterai perbadanan itu dicapkan hendaklah ditandatangani oleh seorang pengarah dan hendaklah ditandatangani balas oleh setiausaha atau oleh seorang lagi pengarah atau oleh seorang lain yang dilantik Lembaga, dan semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai perbadanan, yang disahkan sebagaimana yang disebut terdahulu, hendaklah disifatkan sebagai telah disempurnakan dengan sah melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

(4) Tiap-tiap surat cara yang padanya meterai faksimile dicapkan dan ditandatangani oleh seorang pengarah dan setiausaha melalui cetakan atau cara mekanikal yang lain hendaklah mempunyai kuasa dan kesahan yang sama seolah-olah meterai perbadanan telah diletakkan pada surat cara itu dan surat cara itu telah ditandatangani mengikut subseksyen (3).

(5) Semua mahkamah, hakim dan orang yang bertindak secara kehakiman hendaklah memberi pengiktirafan kehakiman kepada meterai perbadanan dan meterai faksimile itu.

(6) Meterai perbadanan dan meterai faksimile itu hendaklah disimpan dalam jagaan setiausaha atau mana-mana orang lain sebagaimana yang dibenarkan oleh Lembaga.

Penyempurnaan dokumen

6. Apa-apa dokumen atau surat cara yang, jika disempurnakan oleh seorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak dikehendaki dibuat di bawah meterai boleh dengan cara yang sama disempurnakan oleh Perbadanan, dan mana-mana dokumen atau surat cara itu boleh disempurnakan bagi pihak Perbadanan oleh mana-mana pegawai Perbadanan yang diberi kuasa secara am atau khusus oleh Lembaga bagi maksud itu.

Penubuhan jawatankuasa

7. Perbadanan boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk melaksanakan fungsinya.

Pejabat Perbadanan

8. Perbadanan boleh, di dalam atau di luar Malaysia, menubuhkan mana-mana pejabat sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk melaksanakan fungsinya.

Kuasa untuk melantik wakil dan ejen

9. (1) Perbadanan boleh, melalui surat cara di bawah meterai perbadanannya, melantik seseorang sama ada di Malaysia atau di suatu tempat di luar Malaysia untuk menjadi wakilnya, dan orang yang dilantik itu boleh, tertakluk pada surat cara itu, melakukan apa-apa perbuatan atau melaksanakan apa-apa kuasa atau fungsi yang dia diberi kuasa oleh surat cara itu untuk melakukan atau menyempurnakan.

(2) Perbadanan boleh, di dalam atau di luar Malaysia, melantik mana-mana ejen sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk melaksanakan apa-apa tindakan bagi pihak Perbadanan.

Penubuhan subsidiari

10. (1) Bagi maksud menjalankan fungsi, kuasa dan kewajipan di bawah Akta ini, Perbadanan boleh menubuhkan apa-apa subsidiari sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat.

(2) Tanpa menjejaskan mana-mana peruntukan lain Akta ini, Perbadanan boleh menetapkan, dengan kelulusan Menteri, bagi mana-mana peruntukan Akta ini untuk terpakai bagi suatu subsidiari Perbadanan seolah-olah subsidiari Perbadanan itu ialah Perbadanan itu sendiri.

Bab 2

Lembaga Pengarah

Tugas dan komposisi

11. (1) Hendaklah ada suatu lembaga pengarah yang hendaklah bertanggungjawab bagi penjalanan urusan dan hal ehwal Perbadanan dan hendaklah menjalankan segala kuasa dan melakukan segala tindakan yang boleh dijalankan atau dilakukan oleh Perbadanan.

(2) Lembaga hendaklah terdiri daripada pengarah yang berikut:

- (a) seorang Pengerusi yang dilantik oleh Menteri yang hendaklah mempunyai pengalaman yang berkaitan dalam sektor swasta;
- (b) Gabenor;
- (c) Ketua Setiausaha Perbendaharaan;
- (d) dua orang pengarah yang dilantik oleh Menteri, seorang daripada mereka hendaklah daripada sektor awam dan seorang lagi boleh daripada sektor awam atau seorang yang mempunyai pengalaman dalam sektor awam; dan
- (e) tidak lebih daripada empat pengarah lain yang dilantik oleh Menteri, yang hendaklah mempunyai pengalaman yang berkaitan dalam sektor swasta dan sekurang-kurangnya seorang daripada mereka hendaklah mempunyai pengalaman yang berkaitan dalam sektor perbankan dan kewangan.

(2A) Menteri, dalam melantik pengarah di bawah perenggan (2)(d) dan (e), hendaklah memberi perhatian kepada—

- (a) kepelbagaian lembaga pengarah dalam hal minat, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman;

- (b) kejujuran dan kedudukan orang itu; dan
- (c) pengetahuan, kemahiran dan pengalaman orang itu dalam perbankan, insurans, ekonomi atau dalam mana-mana disiplin lain yang berkaitan, yang akan membolehkannya untuk melaksanakan fungsinya sebagai seorang pengarah.

(2B) Setiap pengarah yang disebut dalam perenggan (2)(b) atau (c) boleh menugaskan secara bertulis suatu jawatan dalam organisasinya sebagai pengarah silih ganti yang akan menghadiri mesyuarat Lembaga bagi menggantikan tempat pengarah itu apabila pengarah itu bagi apa-apa sebab tidak dapat hadir.

(2C) Bagi mengelakkan keraguan, bagi maksud subseksyen 15(9) Akta Bank Negara Malaysia 2009 [*Akta 701*], jawatan Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia boleh ditugaskan sebagai pengarah silih ganti di bawah subseksyen (2B).

(2D) Apabila menghadiri mesyuarat Lembaga bagi menggantikan tempat pengarah yang disebut dalam perenggan (2)(b) atau (c), pengarah silih ganti itu hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai pengarah Lembaga.

(3) Tanpa menjejaskan subseksyen 18(2), tiada seorang pun pengarah yang disebut dalam perenggan (2)(b), (c) atau (d) layak dilantik sebagai Pengerusi oleh Menteri.

Lembaga boleh membuat undang-undang kecil

12. (1) Lembaga boleh membuat apa-apa undang-undang kecil sebagaimana yang perlu atau suai manfaat berhubung dengan pentadbiran, pengurusan, kawalan, urusan, aset dan hal ehwal Perbadanan termasuk—

- (a) fungsi, kuasa, kewajipan, saraan, faedah dan terma dan syarat perkhidmatan, tatakelakuan atau surcaj ke atas pegawai, pekerja dan ejen Perbadanan;

- (b) percanggahan kepentingan berkenaan dengan pengarah, pegawai dan pekerja Perbadanan yang sedang berkhidmat dan pengarah, pegawai dan pekerja yang telah meninggalkan perkhidmatan Perbadanan;
- (c) pelantikan, terma rujukan dan aktiviti jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Perbadanan;
- (ca) kuorum suatu mesyuarat Lembaga;
- (d) kaedah-kaedah dan tatacara yang hendaklah dipatuhi oleh pengarah pada mesyuarat Lembaga; dan
- (e) apa-apa perkara lain sebagaimana yang dikehendaki untuk diperuntukkan di bawah undang-undang kecil dalam Akta ini.

(2) Undang-undang kecil yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah mengikat semua orang yang baginya undang-undang kecil itu terpakai.

(3) Mana-mana orang yang tidak mematuhi undang-undang kecil yang dibuat di bawah perenggan (1)(b) melakukan suatu kesalahan.

Tempoh jawatan pengarah

13. (1) Pengarah yang dilantik oleh Menteri di bawah subseksyen 11(2) hendaklah memegang jawatan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan layak untuk dilantik semula.

(2) Gabenor dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, masing-masing, hendaklah menjadi pengarah sepanjang tempoh mereka memegang jawatan sebagai Gabenor dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

(3) Seseorang pengarah silih ganti yang ditugaskan dalam subseksyen 11(2B) oleh seorang pengarah yang disebut dalam perenggan 11(2)(b) atau (c) (dalam subseksyen ini disebut sebagai

“pengarah prinsipal”) hendaklah, melainkan jika tugas itu terlebih dahulu dibatalkan secara bertulis atau jawatan itu tidak lagi wujud, terhenti menjadi pengarah silih ganti apabila pengarah prinsipal terhenti menjadi anggota Lembaga.

Kehilangan kelayakan dan penamatan pengarah Lembaga

14. (1) Tiada seorang pun boleh dilantik atau dikekalkan, sebagai seorang pengarah Lembaga jika orang itu merupakan—

- (a) seorang ahli Dewan Negara atau Dewan Rakyat atau mana-mana Dewan Perundangan;
- (b) seorang pegawai sesuatu institusi anggota; atau
- (c) seorang pemegang jawatan, atau mana-mana orang yang memegang apa-apa jawatan atau kedudukan yang seumpamanya dalam sesuatu parti politik.

(1A) Bagi maksud perenggan (1)(c), “pemegang jawatan” ertinya mana-mana orang yang merupakan presiden atau naib presiden, atau setiausaha atau bendahari bagi suatu parti politik atau mana-mana cawangan parti politik itu, atau yang merupakan seorang anggota jawatankuasa atau anggota badan pengelolaan suatu parti politik atau mana-mana cawangan parti politik itu atau yang memegang apa-apa jawatan atau kedudukan dalam suatu parti politik atau mana-mana cawangan parti politik itu, dengan apa jua nama yang dipanggil, yang sama dengan mana-mana yang disebut di atas atau yang berkenaan dengannya orang itu menjalankan pengurusan atau kawalan bagi hal ehwal parti politik atau mana-mana cawangan parti politik itu.

(2) Menteri boleh menamatkan atau menggantung pelantikan mana-mana pengarah jika—

- (a) dia menjadi tidak sempurna akal atau selainnya menjadi tidak berupaya untuk menjalankan tugasnya;

- (b) telah dikenakan ke atas pengarah itu apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan melalui bon atau selainya, di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pencegahan jenayah, atau tahanan pencegahan bagi pencegahan jenayah atau pengedaran dadah, atau kediaman terhad, atau buang negeri atau imigresen;
- (c) dia menjadi seorang bankrap, menggantung pembayaran atau mencapai penyelesaian dengan pemiutangnya;
- (d) dia telah dipertuduh atas suatu kesalahan jenayah di bawah mana-mana undang-undang yang boleh dihukum pemenjaraan, sama ada hukuman pemenjaraan sahaja, atau sebagai ganti, atau sebagai tambahan kepada, suatu denda, dalam mana-mana mahkamah di dalam atau di luar Malaysia;
- (e) dia bersalah kerana salah laku yang serius berhubungan dengan kewajipannya di bawah Akta ini; atau
- (f) dia tidak menghadiri, kecuali atas sebab cuti yang dibenarkan oleh Menteri dalam hal Pengerusi atau oleh Pengerusi dalam hal mana-mana pengarah lain, dua mesyuarat Lembaga dalam mana-mana tempoh dua belas bulan.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), mana-mana pengarah yang dilantik oleh Menteri di bawah subseksyen 11(2) boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatan dengan memberikan notis bertulis tidak kurang daripada tiga puluh hari kepada Menteri.

Tindakan dan prosiding Lembaga tidak terjejas oleh kekosongan, dsb.

15. Lembaga boleh bertindak walau pun terdapat apa-apa kekosongan dan prosidingnya tidak boleh menjadi tidak sah oleh—

- (a) ketidakhadiran mana-mana pengarah;

- (b) apa-apa kecacatan yang kemudiannya diketahui dalam pelantikan atau kelayakan mana-mana pengarah atau keanggotaan Lembaga;
- (c) apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan dalam pengadaan atau penjalanan sesuatu mesyuarat; atau
- (d) kehadiran atau penyertaan seseorang yang bukan seorang pengarah Lembaga.

Saraan dan elaun bagi pengarah

16. Tiap-tiap pengarah termasuklah pengarah silih ganti hendaklah dibayar oleh Perbadanan apa-apa fi, elaun dan apa-apa saraan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri, atas syor Lembaga.

Tugas pengarah

17. (1) Seorang pengarah Lembaga hendaklah, pada setiap masa, bertindak dengan jujur dan demi kepentingan Perbadanan dan menggunakan usaha yang munasabah dalam menunaikan tugas jawatannya.

(2) Seorang pengarah atau mana-mana orang yang pernah menjadi seorang pengarah tidak boleh—

- (a) menggunakan secara tidak wajar apa-apa maklumat yang diperolehi oleh sebab kedudukannya sebagai seorang pengarah untuk mendapat, secara langsung atau tidak langsung, suatu faedah bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain; atau
- (b) melakukan, mengatakan atau menyiarkan apa-apa yang boleh memudaratkan kepentingan Perbadanan.

Mesyuarat

18. (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekerap yang dikehendaki tetapi tidak kurang daripada empat kali setahun.

(2) Pengerusi hendaklah menguruskan semua mesyuarat Lembaga dan semasa ketiadaannya, pengarah yang hadir hendaklah memilih seorang pengerusi daripada kalangan pengarah dalam perenggan 11(2)(e) dan orang yang dipilih itu hendaklah menguruskan mesyuarat itu dan mempunyai segala kuasa Pengerusi.

(3) *(Dipotong oleh Akta A1647).*

(4) Keputusan Lembaga hendaklah diambil secara majoriti biasa bagi undian pengarah yang hadir dan mengundi.

(5) Dalam hal bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

(6) Suatu ketetapan secara bertulis, yang ditandatangani oleh semua pengarah yang pada masa itu berhak untuk menerima notis mengenai suatu mesyuarat pengarah, adalah sah dan berkesan seolah-olah ia telah diluluskan pada suatu mesyuarat pengarah yang sewajarnya diadakan dan dijalankan dan apa-apa ketetapan sedemikian boleh terdiri daripada beberapa dokumen dalam bentuk yang serupa, setiap satunya ditandatangani oleh seorang pengarah atau lebih.

(7) Tiada apa jua dalam seksyen ini boleh menghalang Pengerusi daripada membenarkan seorang pengarah untuk menggunakan video secara langsung, rangkaian televisyen atau kemudahan perhubungan atau multimedia lain yang sesuai untuk mengambil bahagian dalam mana-mana mesyuarat Lembaga jika, sebelum mesyuarat itu, pengarah itu, melalui pemberitahuan kepada Pengerusi, telah memohon kebenaran itu.

*Bab 3**Ketua Pegawai Eksekutif***Pelantikan, fungsi dan kebertanggungjawaban**

19. (1) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah dilantik oleh Menteri, atas syor Lembaga.

(2) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertanggungjawab bagi pentadbiran urusan dan hal ehwal harian Perbadanan.

(3) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertanggungjawab menjabar dan bertanggungjawab menerangkan kepada Lembaga bagi penjalanan kuasanya dan pelaksanaan tugasnya.

(4) Semasa ketiadaan atau ketidakupayaan Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga boleh membenarkan seorang pegawai Perbadanan untuk melaksanakan tugas, fungsi dan tanggungjawab Ketua Pegawai Eksekutif.

Terma dan syarat perkhidmatan

20. Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah—

- (a) bagi maksud Bab 4, disifatkan sebagai seorang pegawai atau pekerja Perbadanan dan tertakluk pada terma dan syarat perkhidmatan; dan
- (b) menikmati apa-apa pampasan, faedah dan saraan lain sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri, atas syor Lembaga.

Bab 4

Pegawai dan pekerja, dsb.

Pelantikan, terma dan syarat perkhidmatan

21. (1) Perbadanan boleh melantik mana-mana pegawai dan pekerja sebagaimana yang perlu untuk menjalankan urusan dan hal ehwal Perbadanan dan pegawai atau pekerja itu hendaklah memegang jawatan bagi apa-apa tempoh, menerima apa-apa pampasan dan apa-apa saraan lain, dan hendaklah tertakluk pada apa-apa terma dan syarat perkhidmatan sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga.

(2) Seorang pegawai atau pekerja Perbadanan hendaklah, pada setiap masa, bertindak dengan suci hati dan mematuhi apa-apa kehendak, piawaian, kewajipan dan tatakelakuan termasuk surcaj sebagaimana yang diperuntukkan dalam undang-undang kecil yang dibuat oleh Lembaga di bawah perenggan 12(1)(a).

(3) Perbadanan boleh, dengan kelulusan Lembaga, menubuhkan dan menyenggara suatu dana pencen atau simpanan bagi pegawai dan pekerjanya daripada wang Perbadanan.

Bantuan kewangan kepada pegawai, pekerja dan orang lain

22. Perbadanan boleh mengadakan—

- (a) subsidi, pemberian, kemudahan pembiayaan Islam atau kemudahan kredit konvensional, dengan atau tanpa pulangan atau bunga, untuk memperoleh perumahan atau kenderaan atau bagi maksud perubatan atau bagi pembiayaan atau pinjaman belas kasihan, kepada pegawai dan pekerjanya;
- (b) kemudahan pembiayaan Islam atau kemudahan kredit konvensional, dengan atau tanpa pulangan atau bunga, bagi maksud pendidikan atau biasiswa kepada pegawai dan pekerjanya atau mana-mana orang lain; dan

(c) derma kepada mana-mana orang,

atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

Bab 5

Kewajipan dan kuasa

Sekatan menyiasat secara khusus mengenai hal ehwal pelanggan tertentu

23. Tanpa menjejaskan kuasa penelitian, pemeriksaan, penyiasatan, siasatan atau resolusi yang diberikan kepada Perbadanan, tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh—

(a) membenarkan Menteri untuk mengarahkan Perbadanan; atau

(b) membenarkan Perbadanan,

untuk menyiasat secara khusus mengenai hal ehwal mana-mana pelanggan suatu institusi anggota.

Kerahsiaan

24. (1) Seseorang pengarah, pegawai, pekerja atau ejen Perbadanan termasuk seseorang yang dilantik di bawah subseksyen 25(3) atau mana-mana orang yang kerana apa-apa jua sebab mempunyai dengan apa-apa cara akses kepada apa-apa rekod, buku, daftar, surat-menyurat atau apa-apa jua dokumen lain, bahan atau maklumat yang berhubungan dengan urusan dan hal ehwal—

(a) Perbadanan;

(b) Bank Negara Malaysia;

- (c) suatu institusi anggota;
- (d) seorang pelanggan Bank Negara Malaysia; atau
- (e) seorang pelanggan suatu institusi anggota,

yang telah diperolehnya semasa melaksanakan kewajipannya atau menjalankan fungsinya, tidak boleh—

- (A) memberikan, memberitahu, menunjukkan, menyiarkan, atau selainnya menzahirkan, kepada mana-mana orang, rekod, buku, daftar, surat menyurat atau apa-apa jua dokumen yang lain, bahan atau maklumat; atau
- (B) menggunakan rekod, buku, daftar, surat menyurat atau apa-apa jua dokumen yang lain, bahan atau maklumat,

melainkan jika pendedahan atau penggunaan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dikehendaki—

- (C) di bawah mana-mana undang-undang;
- (D) bagi pelaksanaan kewajipannya atau penjalanan fungsinya di bawah Akta ini; atau
- (E) mengikut undang-undang oleh mana-mana mahkamah.

(2) Tiada seorang pun yang menerima atau memperoleh rekod, buku, daftar, surat menyurat atau apa-apa jua dokumen lain, bahan atau maklumat yang dizahirkan mengikut subseksyen (1) boleh menzahirkan atau menggunakannya kecuali bagi maksud khusus yang kerananya rekod, buku, daftar, surat menyurat atau apa-apa jua dokumen lain, bahan atau maklumat itu telah dizahirkan kepada orang itu.

(3) Seksyen ini tidak terpakai bagi apa-apa rekod, buku, daftar, surat menyurat atau apa-apa jua dokumen lain, bahan atau maklumat yang pada masa penzahiran adalah, ataupun telah dijadikan, tersedia ada mengikut undang-undang bagi orang awam daripada apa-apa sumber.

(4) Tiada seorang pun yang mempunyai apa-apa rekod, buku, daftar, surat menyurat atau apa-apa jua dokumen lain, bahan atau maklumat yang pada pengetahuannya telah dizahirkan dengan melanggar subseksyen (1) boleh dengan apa jua cara sekalipun menzahirkan yang sama kepada mana-mana orang lain.

(5) Jika Perbadanan dalam penjalanan mana-mana kuasanya, atau penunaian mana-mana kewajipannya atau fungsinya, di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana jua undang-undang lain, mengesyaki mana-mana orang telah melakukan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini, atau mana-mana jua undang-undang lain, maka adalah sah di sisi undang-undang bagi Perbadanan untuk memberikan maklumat mengenai pelakuan itu kepada seorang pegawai polis, atau menyampaikan apa-apa maklumat berhubungan dengan kesalahan itu kepada mana-mana institusi anggota atau orang lain yang terjejas oleh kesalahan itu atau kepada mana-mana pihak berkuasa lain atau orang yang mempunyai kuasa untuk menyiasat di bawah atau menguatkuasakan peruntukan undang-undang yang di bawahnya kesalahan itu disyaki oleh Perbadanan telah dilakukan.

(6) Subseksyen (5) hendaklah berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya, walau apa pun apa-apa ketidakselarasan berkenaan dengannya atau yang bertentangan dengannya, dalam Akta ini atau mana-mana undang-undang lain.

(7) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1), (2) atau (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Kuasa Perbadanan

25. (1) Perbadanan hendaklah mempunyai segala kuasa sebagaimana yang perlu untuk atau berkaitan dengan, atau semunasabahnya bersampingan dengan, pencapaian matlamatnya, pelaksanaan fungsinya atau penunaian kewajipannya.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), bagi maksud Akta ini, Perbadanan boleh melakukan segala perkara yang perlu bagi atau bersampingan dengan matlamat Perbadanan dan, khususnya, Perbadanan boleh—

- (a) bagi maksud mengurangkan atau mengelakkan risiko kepada sistem kewangan atau ancaman kerugian kepada Perbadanan—
 - (i) memperoleh aset daripada institusi anggota;
 - (ii) kecuali bagi maksud penyediaan bantuan likuiditi, membuat pinjaman atau pendahuluan atau menyediakan pembiayaan dengan atau tanpa cagaran, atau menjamin dengan atau tanpa cagaran apa-apa pinjaman, pendahuluan atau pembiayaan yang disediakan, kepada institusi anggota;
 - (iii) memperoleh, dengan cara cagaran atau selainnya, atau melanggan syer atau surat cara modal suatu institusi anggota dan memegang, melupuskan atau selainnya berurusan dengan syer atau surat cara modal itu;
 - (iv) membuat deposit dengan anggota penerima deposit;
 - (v) menjamin semua atau sebahagian liabiliti anggota penerima deposit berkenaan dengan suatu deposit; atau
 - (vi) menjamin atau mengambil alih semua atau sebahagian liabiliti anggota penanggung insurans berkenaan dengan suatu manfaat takaful atau insurans;
- (b) memegang, melupuskan atau selainnya berurusan dengan aset yang diperoleh daripada institusi anggota;

- (c) meminjam atau selainnya mendapatkan dana mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Perbadanan;
- (d) memperoleh dan memegang apa-apa harta alih atau harta tak alih bagi kegunaannya sendiri dan melupuskan atau selainnya berurusan dengan harta sedemikian;
- (e) menjamin, menanggung rugi, atau menjadi bertanggung bagi pembayaran wang atau pelaksanaan apa-apa obligasi;
- (f) menggadai janji, menggadaikan atau mewujudkan suatu lien atau memindahkan atau selainnya berurusan dengan mana-mana asetnya untuk menjamin pelaksanaan apa-apa obligasinya atau obligasi mana-mana orang lain;
- (g) membuat apa-apa perjanjian dengan mana-mana orang untuk mencapai objektifnya atau berhubung dengan pelaksanaan fungsinya, termasuk suatu perjanjian perikatan strategik dengan Bank Negara Malaysia;
- (h) menyelesaikan atau mengkompromi apa-apa tuntutan oleh atau terhadap Perbadanan;
- (ha) menyediakan apa-apa subsidi, pemberian, kemudahan pembiayaan Islam atau kemudahan kredit konvensional, dengan atau tanpa pulangan atau bunga, kepada mana-mana orang bagi maksud latihan, penyelidikan, pendidikan atau pembangunan sumber manusia berhubung dengan perkhidmatan perbankan dan kewangan; dan
- (i) melakukan segala perkara lain yang perlu untuk atau bersampingan dengan perjalanan apa-apa kuasa atau pelaksanaan apa-apa obligasi Perbadanan.

(3) Perbadanan boleh, sama ada secara am atau dalam mana-mana hal tertentu, melantik mana-mana orang yang bukan seorang pengarah, pegawai atau pekerja Perbadanan, untuk memberikan apa-apa bantuan sebagaimana yang ditentukan olehnya dalam perjalanan kuasanya, pelaksanaan fungsinya atau penunaian kewajipannya, di bawah Akta

ini, atau untuk menjalankan, melaksanakan atau menunaikan kuasa, fungsi atau kewajipan itu bagi pihak dan atas nama Perbadanan sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Perbadanan.

Peminjaman wang atau penyediaan pembiayaan bagi maksud tertentu

26. Perbadanan boleh membuat pinjaman atau menyediakan pembiayaan, sama ada dengan atau tanpa cagaran, kepada suatu perbadanan selain institusi anggota—

- (a) bagi maksud, atau berkaitan dengan, pelaksanaan satu tindakan resolusi atau lebih di bawah Akta ini; dan
- (b) bagi maksud mengurangkan atau mengelakkan risiko kepada sistem kewangan atau ancaman kerugian kepada Perbadanan.

Penetapan institusi anggota tambahan

27. (1) Bagi maksud menggalakkan atau mengekalkan kestabilan sistem kewangan atau keyakinan orang awam dalam kestabilan itu dan atas syor Perbadanan dan Bank Negara Malaysia, Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan mana-mana institusi kewangan pembangunan atau mana-mana orang lain yang dikawal selia dan diselia oleh Bank Negara Malaysia, selain institusi kewangan yang ditakrifkan dalam seksyen 2, menjadi suatu institusi anggota bagi maksud Akta ini.

(2) Perintah yang disebut dalam subseksyen (1) boleh memperuntukkan bahawa apa-apa peruntukan Akta ini tidaklah terpakai berkenaan dengan orang itu, atau hendaklah terpakai dengan pengubahsuaian berkenaan dengan orang itu.

*Bab 6**Kewangan***Kumpulan wang dan sumber kumpulan wang**

28. (1) Bagi maksud Akta ini, Perbadanan hendaklah menyenggara dan mentadbirkan enam kumpulan wang yang berasingan yang berikut:

(a) suatu kumpulan wang insurans deposit Islam yang hendaklah terdiri daripada—

(i) segala premium yang diterima oleh Perbadanan di bawah Akta ini; dan

(ii) segala wang atau aset lain yang boleh dalam apa-apa cara menjadi kena dibayar dengan sah kepada, diterima oleh atau terletak hak pada Perbadanan yang berhubungan dengan mana-mana perkara yang bersampingan dengan kuasa, kewajipan dan fungsinya,

berkenaan dengan deposit Islam;

(b) suatu kumpulan wang insurans deposit konvensional yang hendaklah terdiri daripada—

(i) segala premium yang diterima oleh Perbadanan di bawah Akta ini; dan

(ii) segala wang atau aset lain yang boleh dalam apa-apa cara menjadi kena dibayar dengan sah kepada, diterima oleh atau terletak hak pada Perbadanan yang berhubungan dengan mana-mana perkara yang bersampingan dengan kuasa, kewajipan dan fungsinya,

berkenaan dengan deposit konvensional;

(c) suatu kumpulan wang perlindungan takaful keluarga yang hendaklah terdiri daripada—

- (i) segala levi yang diterima oleh Perbadanan di bawah Akta ini; dan
- (ii) segala wang atau aset lain yang boleh dalam apa-apa cara menjadi kena dibayar dengan sah kepada, diterima oleh atau terletak hak pada Perbadanan yang berhubungan dengan mana-mana perkara yang bersampingan dengan kuasa, kewajipan dan fungsinya,

berkenaan dengan sijil takaful keluarga;

(d) suatu kumpulan wang perlindungan takaful am yang hendaklah terdiri daripada—

- (i) segala levi yang diterima oleh Perbadanan di bawah Akta ini; dan
- (ii) segala wang atau aset lain yang boleh dalam apa-apa cara menjadi kena dibayar dengan sah kepada, diterima oleh atau terletak hak pada Perbadanan yang berhubungan dengan mana-mana perkara yang bersampingan dengan kuasa, kewajipan dan fungsinya,

berkenaan dengan sijil takaful am;

(e) suatu kumpulan wang perlindungan insurans hayat yang hendaklah terdiri daripada—

- (i) segala levi yang diterima oleh Perbadanan di bawah Akta ini; dan
- (ii) segala wang atau aset lain yang boleh dalam apa-apa cara menjadi kena dibayar dengan sah kepada, diterima oleh atau terletak hak pada Perbadanan yang

berhubungan dengan mana-mana perkara yang bersampingan dengan kuasa, kewajipan dan fungsinya,

berkenaan dengan polisi hayat; dan

(f) suatu kumpulan wang perlindungan insurans am yang hendaklah terdiri daripada—

(i) segala levi yang diterima oleh Perbadanan di bawah Akta ini; dan

(ii) segala wang atau aset lain yang boleh dalam apa-apa cara menjadi kena dibayar dengan sah kepada, diterima oleh atau terletak hak pada Perbadanan yang berhubungan dengan mana-mana perkara yang bersampingan dengan kuasa, kewajipan dan fungsinya,

berkenaan dengan polisi am.

(2) Perbadanan diberi kuasa untuk mengkredit segala pendapatan pengendalian langsung kepada, dan mempertanggungkan segala perbelanjaan, kos dan kerugian terhadap kumpulan wang atau kumpulan-kumpulan wang tertentu yang berkaitan, dan jika perbelanjaan, kos atau kerugian itu tidak dapat dihubungkan secara khusus dengan kumpulan wang atau kumpulan-kumpulan wang tertentu, caj itu—

(a) hendaklah diagihkan antara kumpulan wang itu mengikut suatu formula yang ditetapkan oleh Perbadanan; atau

(b) jika Perbadanan tidak menetapkan suatu formula, hendaklah diagihkan antara kumpulan wang itu mengikut perkadaran amaun premium dan levi Islam dan konvensional yang dipungut dalam tahun taksiran sebelum tahun yang kredit atau tanggungan itu dibuat.

(3) Perbadanan diberi kuasa untuk memindahkan wang atau aset daripada mana-mana kumpulan wang kepada kumpulan wang lain, sebagaimana yang perlu untuk atau berkaitan dengan, atau semunasabahnya bersampingan dengan, pencapaian matlamatnya, pelaksanaan fungsinya atau penunaian kewajibannya, dan tertakluk pada apa-apa syarat yang boleh ditentukan oleh Perbadanan.

Peminjaman wang atau peruntukan pembiayaan kepada Perbadanan

29. (1) Tanpa menjejaskan seksyen 156, Menteri boleh, atas permintaan Perbadanan, meminjamkan wang atau memperuntukkan pembiayaan kepada Perbadanan atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(2) Apa-apa peminjaman wang atau peruntukan pembiayaan menurut subseksyen (1) hendaklah dibuat daripada Kumpulan Wang Disatukan dan jika peminjaman atau peruntukan pembiayaan sedemikian dibuat, Menteri hendaklah menyebabkan suatu penyata mengenai peminjaman atau peruntukan pembiayaan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada peluang yang seawal mungkin.

Pelaburan dibenarkan

30. (1) Perbadanan boleh melabur dalam yang berikut:

- (a) sekuriti denominasi ringgit yang dikeluarkan atau dijamin oleh Kerajaan atau Bank Negara Malaysia atau daripada gred pelaburan tinggi sebagaimana yang dinilai oleh suatu agensi penilaian yang bereputasi baik;
- (b) deposit dengan Bank Negara Malaysia atau mana-mana institusi kewangan; atau
- (c) apa-apa pelaburan lain yang diluluskan oleh Menteri, atas syor Lembaga.

(2) Perbadanan boleh, semata-mata bagi maksud melindungi apa-apa pendedahan yang berbangkit daripada perenggan (1)(a), (b) atau (c), membuat transaksi kewangan, sama ada diniagakan di bursa atau di kaunter termasuk kontrak swap, niaga hadapan, opsyen dan hadapan.

(3) Apa-apa pelaburan yang dibuat oleh Perbadanan di bawah subseksyen (1) daripada kumpulan wang insurans deposit Islam, kumpulan wang perlindungan takaful keluarga atau kumpulan wang perlindungan takaful am hendaklah mengikut Syariah.

Tahun kewangan

31. Melainkan jika diarahkan selainnya oleh Menteri, tahun kewangan Perbadanan hendaklah bermula pada hari pertama Januari dan berakhir pada hari ke tiga puluh satu Disember pada setiap tahun.

Kehendak menyimpan buku, rekod, akaun atau dokumen lain

32. Perbadanan hendaklah menyebabkan buku, rekod, akaun atau dokumen lain disimpan dan hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan disediakan bagi tahun kewangan itu penyata kewangan yang sesuai mengikut Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240].

Juruaudit

33. Akaun Perbadanan hendaklah diaudit oleh Ketua Audit Negara.

Penyata kewangan dan laporan tahunan

34. (1) Perbadanan hendaklah, dalam tempoh tiga bulan dari penutupan tahun kewangannya, menghantar suatu salinan akaun tahunan yang diaudit oleh Ketua Audit Negara dan suatu laporan

tahunan mengenai perjalanan kerja Perbadanan sepanjang tahun itu kepada Menteri, yang hendaklah, secepat yang mungkin, menyebabkan ia dibentangkan di hadapan Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

(2) Perbadanan boleh menyiarkan akaun tahunan dan laporan tahunan yang disebut dalam subseksyen (1) dalam keadaan akaun tahunan dan laporan tahunan itu tidak dapat dibentangkan di hadapan Dewan Negara dan Dewan Rakyat dalam masa enam bulan dari 31 Disember tahun taksiran yang sebelumnya.

Penyata kewangan tidak disatukan

35. Walau apa pun seksyen 32 dan mana-mana undang-undang yang lain, Perbadanan tidak perlu menyediakan, mengemukakan atau menyiarkan penyata kewangan yang disatukan dan Perbadanan, suatu institusi perantaraan dan mana-mana subsidiari Perbadanan yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan boleh menyediakan, mengemukakan dan menyiarkan penyata kewangan yang berasingan.

BAHAGIAN III

KEANGGOTAAN, PEMBATALAN DAN PENAMATAN

Disifatkan sebagai anggota

36. (1) Suatu bank berlesen atau bank Islam —

- (a) yang disifatkan sebagai suatu institusi anggota di bawah seksyen 37 Akta yang dimansuhkan, hendaklah berterusan kekal sebagai suatu institusi anggota di bawah Akta ini; atau
- (b) yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*], Akta Bank Islam 1983 [*Akta 276*], Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 selepas mula berkuatkuasanya Akta ini, hendaklah disifatkan sebagai suatu institusi anggota dari tarikh ia diberikan lesen.

(2) Suatu pengendali takaful atau syarikat insurans disifatkan sebagai suatu institusi anggota—

(a) dari tarikh berkuatkuasanya Akta ini; atau

(b) jika ia mula wujud selepas tarikh berkuatkuasanya Akta ini, dari tarikh ia didaftarkan di bawah Akta Takaful 1984 [Akta 312], atau dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996 [Akta 553], Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

(3) Mana-mana orang yang ditetapkan sebagai institusi anggota oleh suatu perintah yang disebut dalam subseksyen 27(1) disifatkan sebagai suatu institusi anggota dari tarikh kuat kuasa perintah itu.

(4) Walau apa pun subseksyen 120(1), seksyen ini tidak terpakai bagi suatu institusi perantaraan.

Terma dan syarat keanggotaan

37. (1) Terma dan syarat keanggotaan suatu institusi anggota hendaklah ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 209.

(2) Suatu institusi anggota hendaklah mematuhi terma dan syarat sebagaimana yang ditetapkan menurut subseksyen (1).

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan boleh, sebagai tambahan, dikenakan denda harian tidak melebihi lima puluh ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Pembatalan keanggotaan

38. Keanggotaan suatu institusi anggota yang merupakan suatu institusi kewangan hendak dibatalkan jika lesen institusi anggota itu telah diserahkan balik atau dibatalkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Penamatan keanggotaan

39. (1) Lembaga boleh, pada bila-bila masa selepas Perbadanan menerima suatu pemberitahuan di bawah seksyen 98 dan sama ada Perbadanan telah menjalankan mana-mana kuasanya di bawah seksyen 99 atau tidak, mengadakan suatu mesyuarat untuk memutuskan sama ada keanggotaan institusi anggota itu patut ditamatkan.

(2) Jika Lembaga bercadang untuk menamatkan keanggotaan institusi anggota itu, Perbadanan hendaklah memberikan notis bertulis mengenai cadangannya kepada institusi anggota itu dan hendaklah memberi institusi anggota itu suatu peluang untuk membuat representasi dalam tempoh lima hari dari tarikh notis itu berkenaan dengan cadangan itu.

(3) Jika representasi telah diterima oleh Perbadanan daripada institusi anggota itu, Lembaga hendaklah menimbangkan representasi itu dan hendaklah membuat keputusan untuk mengesahkan atau tidak mengesahkan cadangan untuk menamatkan keanggotaan institusi anggota itu.

(4) Jika Lembaga telah mengesahkan cadangannya untuk menamatkan keanggotaan institusi anggota itu, Perbadanan hendaklah—

- (a) dengan serta-merta memaklumkan Menteri dan Bank Negara Malaysia secara bertulis; dan
- (b) mengeluarkan suatu notis bertulis mengenai penamatan keanggotaan kepada institusi anggota yang keanggotaannya

hendaklah ditamatkan apabila habis tempoh yang ditentukan dalam notis itu.

(5) *(Dipotong oleh Akta A1505).*

(6) *(Dipotong oleh Akta A1505).*

(7) Jika, pada bila-bila masa selepas suatu notis penamatan telah diberikan kepada suatu institusi anggota di bawah subseksyen (4), Perbadanan berpuas hati bahawa sebagai akibat daripada apa-apa tindakan oleh institusi anggota itu, atau mana-mana orang lain, risiko kepada pendeposit atau benefisiari takaful atau orang diinsuranskan atau Perbadanan telah dielakkan atau dikurangkan secara substansial, Perbadanan boleh membatalkan notis penamatannya itu dan memaklumkan Menteri sewajarnya.

(8) Apa-apa keputusan Perbadanan untuk menamatkan suatu keanggotaan atau membatalkan penamatan itu adalah muktamad dan mengikat.

Kesan pembatalan atau penamatan

40. (1) Jika keanggotaan suatu institusi anggota telah dibatalkan di bawah seksyen 38 atau ditamatkan di bawah seksyen 39—

- (a) bekas institusi anggota itu tidak boleh memakai atau menggunakan perkataan “insurans deposit” atau “perlindungan manfaat takaful” atau “pampasan manfaat takaful” atau “perlindungan manfaat insurans” atau “pampasan manfaat insurans”, atau apa-apa terbitan daripada atau variasi perkataan itu dalam apa-apa bahasa atau apa-apa perkataan lain dalam apa-apa bahasa yang boleh ditafsirkan sebagai bererti atau membayangkan bahawa institusi itu ialah suatu institusi anggota;
- (b) dalam hal bekas anggota penerima deposit, deposit yang belum dijelaskan pada tarikh kuat kuasa pembatalan atau penamatan keanggotaan itu, ditolak apa-apa pengeluaran

daripada deposit itu, akan terus diinsuranskan selama tempoh dua tahun dari tarikh kuat kuasa pembatalan atau penamatan itu atau sehingga dikeluarkan kesemuanya, mengikut mana-mana yang lebih awal;

- (c) dalam hal bekas anggota penanggung insurans, manfaat dilindungi pada tarikh pembatalan atau penamatan keanggotaan itu berkuat kuasa, ditolak apa-apa pembayaran yang dibuat disebabkan oleh manfaat itu, hendaklah terus dilindungi selepas tarikh kuat kuasa pembatalan atau penamatan itu sehingga penunaian semua obligasi bekas anggota penanggung insurans berkenaan dengan manfaat takaful atau insurans itu;
- (d) bekas institusi anggota itu tidak boleh dianggap sebagai suatu institusi anggota hanya kerana liabilitinya berkenaan dengan deposit atau manfaat takaful atau insurans terus diinsuranskan atau dilindungi di bawah Akta ini walaupun keanggotaannya telah dibatalkan atau ditamatkan; dan
- (e) bekas institusi anggota itu tidak boleh dilepaskan daripada obligasi atau liabilitinya kepada Perbadanan yang telah terakru sebelum pembatalan atau penamatan keanggotaannya itu.

(2) Jika keanggotaan bekas anggota penerima deposit telah ditamatkan di bawah seksyen 39, institusi itu tidak boleh, mulai tarikh kuat kuasa penamatan itu, meminta atau menerima apa-apa lagi deposit.

(3) Jika keanggotaan bekas anggota penanggung insurans telah ditamatkan di bawah seksyen 39, institusi itu tidak boleh, mulai tarikh kuat kuasa penamatan itu, menawarkan atau mengeluarkan apa-apa lagi sijil takaful atau polisi insurans atau memperbaharui apa-apa sijil takaful atau polisi insurans.

(4) Bagi maksud perenggan (1)(b) atau (c), suatu pembatalan atau penamatan keanggotaan tidak boleh menjejaskan obligasi, hak dan

keupayaan Perbadanan untuk membuat suatu bayaran di bawah Bab 3 Bahagian IV atau Bab 3 Bahagian V.

(5) Jika keanggotaan suatu institusi anggota telah dibatalkan atau ditamatkan—

- (a) dalam hal bekas anggota penerima deposit, institusi itu hendaklah memberi notis mengenai insurans berterusan yang diperuntukkan dalam perenggan (1)(b);
- (b) dalam hal bekas anggota penanggung insurans, institusi itu hendaklah memberikan notis mengenai perlindungan berterusan yang diperuntukkan dalam perenggan (1)(c); dan
- (c) Perbadanan boleh memberikan notis mengenai pembatalan atau penamatan keanggotaan bekas institusi anggota jika pada pendapat Perbadanan, kepentingan awam menghendaki supaya notis itu diberikan,

melalui penyiaran dalam sekurang-kurangnya dua akhbar harian yang disiarkan di Malaysia, salah satu daripadanya hendaklah dalam bahasa kebangsaan.

(6) Jika suatu bekas anggota penerima deposit berkewajipan untuk membayar balik kepada seseorang apa-apa wang yang telah diterima atau dipegang olehnya semasa ia masih suatu institusi anggota, wang itu tidak boleh menjadi suatu deposit atau sebahagian daripada suatu deposit bagi maksud insurans deposit dengan Perbadanan jika tarikh yang orang yang memperoleh kepentingannya dalam wang itu ialah suatu tarikh selepas tarikh pembatalan atau penamatan keanggotaan bekas institusi anggota itu berkuat kuasa sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

(7) Jika bekas anggota penanggung insurans bertanggung kepada mana-mana orang bagi suatu manfaat takaful atau insurans dan liabiliti itu ditanggung semasa ia masih suatu institusi anggota, manfaat takaful atau insurans itu tidak boleh menjadi suatu manfaat dilindungi jika tarikh yang orang yang memperoleh kepentingannya dalam manfaat itu ialah suatu tarikh selepas tarikh pembatalan atau penamatan

keanggotaan bekas institusi anggota itu berkuat kuasa sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

(8) Mana-mana bekas institusi anggota yang melanggar perenggan (1)(a) atau perenggan (5)(a) atau (b) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit dan boleh, sebagai tambahan, dikenakan denda harian tidak melebihi lima puluh ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

BAHAGIAN IV

INSURANS DEPOSIT

Bab 1

Skop perlindungan

Deposit

41. (1) Bagi maksud Bahagian ini—

(a) “deposit” ertinya baki belum dibayar daripada agregat deposit sebagaimana yang ditakrifkan di bawah subseksyen 2(1) yang diterima atau dipegang oleh anggota penerima deposit daripada atau bagi pihak seseorang dan termasuklah—

(i) suatu draf bank, cek kembara, surat kredit bayar dahulu, kiriman wang atau surat cara lain yang seumpamanya yang berkenaan dengannya anggota penerima deposit itu bertanggung terutamanya dan yang memenuhi kriteria sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan;

(ii) cek atau surat cara atau arahan lain yang seumpamanya yang dimasukkan ke dalam sistem pembayaran yang ditetapkan di bawah

subseksyen 30(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau subseksyen 39(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 walau apa pun apa-apa kelengahan atau kegagalan oleh anggota penerima deposit itu dalam mengkreditkan akaun itu;

- (iii) deposit mata wang asing; atau
- (iv) apa-apa liabiliti atau surat cara kewangan sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan,

tetapi tidak termasuk, melainkan jika ditentukan selainnya oleh Perbadanan di bawah subperenggan (iv)—

- (A) suatu deposit yang tidak kena dibayar di Malaysia;
 - (B) suatu deposit pasaran wang;
 - (C) suatu deposit surat cara boleh niaga dan apa-apa deposit pembawa yang lain;
 - (D) suatu perjanjian beli semula;
 - (E) suatu deposit yang kena dibayar oleh anggota penerima deposit dalam perjalanan perniagaan perbankan Labuannya yang dijalankan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 [*Akta 704*] atau perniagaan perbankan Islam Labuannya yang dijalankan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010 [*Akta 705*];
 - (EA) suatu pelaburan berkaitan derivatif; dan
 - (F) apa-apa liabiliti atau surat cara kewangan yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan;
- (b) “akaun amanah” termasuklah wang yang dipegang dalam akaun bagi maksud suatu amanah.

(2) *(Dipotong oleh Akta A1647).*

Skop perlindungan bagi deposit

42. (1) Perbadanan hendaklah secara berasingan menginsuranskan kategori deposit yang berikut yang diletakkan dengan institusi anggota:

- (a) deposit Islam; dan
- (b) deposit konvensional.

(2) Bagi maksud subseksyen (1)—

- (a) jika seorang pendeposit memiliki hanya satu deposit dengan suatu anggota penerima deposit, deposit itu hendaklah diinsuranskan—
 - (i) berkenaan dengan wang pokok dan pulangan bagi deposit Islam, setakat had yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan; dan
 - (ii) berkenaan dengan wang pokok dan bunga bagi deposit konvensional, setakat had yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan; dan
- (b) jika seorang pendeposit memiliki lebih daripada satu deposit dengan suatu anggota penerima deposit, agregat deposit itu hendaklah diinsuranskan—
 - (i) berkenaan dengan wang pokok dan pulangan bagi deposit Islam, setakat apa-apa had yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan; dan
 - (ii) berkenaan dengan wang pokok dan bunga bagi deposit konvensional, setakat had yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan.

(3) Bagi mengelakkan keraguan, suatu had yang ditetapkan di bawah subseksyen (2) boleh berhubung dengan apa-apa jenis atau perihalan deposit dan had yang berbeza boleh terpakai bagi jenis atau perihalan deposit yang berbeza.

(4) Tertakluk pada peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 209—

(a) jika anggota penerima deposit berkewajipan untuk membayar balik wang kepada seorang pendeposit yang bertindak sebagai seorang pemegang amanah untuk mana-mana benefisiari atau sebagai pemunya bersama dengan seorang yang lain, dan peramanahan atau pemunyaan bersama itu telah didedahkan dalam rekod anggota penerima deposit itu—

- (i) deposit pendeposit itu sebagai pemegang amanah atau sebagai seorang pemunya bersama, hendaklah disifatkan sebagai suatu deposit yang berasingan daripada mana-mana deposit pendeposit itu yang bertindak bagi pihak dirinya sendiri atau bertindak bagi amanah yang lain atau keupayaan bersama dengan anggota penerima deposit itu;
- (ii) jika seorang pemegang amanah bertindak bagi dua benefisiari atau lebih, deposit yang dipegang olehnya sebagai amanah bagi setiap benefisiari, hendaklah setiap satu disifatkan sebagai suatu deposit yang berasingan; dan
- (iii) deposit yang dipegang sebagai amanah oleh seorang pemegang amanah bagi seorang benefisiari dalam anggota penerima deposit hendaklah disifatkan sebagai suatu deposit yang berasingan daripada suatu deposit benefisiari itu dengan anggota penerima deposit itu bagi pihak dirinya sendiri dan hendaklah juga disifatkan sebagai berasingan daripada mana-mana deposit yang dipegang sebagai amanah oleh

pemegang amanah yang lain untuk benefisiari itu dalam anggota penerima deposit itu;

- (b) bagi mengelakkan keraguan, jika seorang pendeposit ialah pemunya bersama bagi suatu deposit dalam suatu anggota penerima deposit dengan seorang yang lain, kesemua deposit pendeposit itu dengan orang itu hendaklah diagregatkan dan disifatkan sebagai satu deposit dan hendaklah diinsuranskan setakat had yang ditetapkan di bawah subseksyen (2); dan
- (c) bagi maksud perenggan (4)(a) dan (b)—
 - (i) anggota penerima deposit itu hendaklah menyatakan dalam rekodnya—
 - (A) bagi suatu akaun amanah, bahawa akaun itu dipegang oleh pemegang amanah bagi benefisiari yang dinamakan; atau
 - (B) bagi suatu akaun bersama, nama tiap-tiap pemegang akaun bersama;
 - (ii) pemegang amanah hendaklah—
 - (A) menyenggara rekod terperinci sebagaimana yang ditetapkan oleh Perbadanan mengenai akaun amanah;
 - (B) mengemukakan kepada anggota penerima deposit itu apa-apa rekod yang dikehendaki oleh Perbadanan di bawah Akta ini; dan
 - (C) memfailkan suatu akuan berkanun yang memperakui ketepatan rekod yang dikemukakan di bawah subsubperenggan (B) apabila dikehendaki oleh Perbadanan; dan

- (iii) pemegang amanah dalam menyenggara dan mengemukakan mana-mana rekod mengenai akaun amanah yang dikehendaki di bawah subperenggan (ii) hendaklah memastikan bahawa maklumat yang diberikan itu adalah benar, betul dan lengkap dan tidak mengandungi maklumat yang palsu atau mengelirukan dan anggota penerima deposit itu hendaklah bergantung pada apa-apa rekod itu bagi maksud subperenggan (i) dan pemegang amanah hendaklah menanggung rugi anggota penerima deposit itu sekiranya berlaku apa-apa prosiding undang-undang yang berhubungan dengan rekod itu.

(5) Walau apa pun apa-apa dalam perenggan (4)(a), Perbadanan tidak boleh menginsuranskan secara berasingan deposit yang dipegang sebagai amanah bagi mana-mana benefisiari sekiranya, pada pendapat Perbadanan, amanah itu wujud terutamanya bagi maksud mendapatkan atau menaikkan insurans deposit.

(6) Bagi maksud subperenggan (4)(a)(i), mana-mana deposit yang dipegang sebagai amanah oleh seorang pemegang amanah yang sama untuk benefisiari yang sama hendaklah diagregatkan dan disifatkan sebagai satu deposit.

(7) Tertakluk pada peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 209 dan penzahiran yang dibuat oleh pemegang amanah di bawah subperenggan (4)(c)(ii), jika seorang pendeposit—

- (a) mengendalikan suatu perniagaan sebagai tuan punya tunggal atau seorang rakan kongsi suatu perkongsian; atau
- (b) menjalankan mana-mana amalan profesional,

yang telah dizahirkan sedemikian dalam rekod anggota penerima deposit, suatu deposit perniagaan atau amalan profesional itu hendaklah disifatkan sebagai berasingan daripada deposit pendeposit bagi pihak dirinya sendiri atau sebagai pemegang amanah atau pemunya bersama.

(8) Perbadanan boleh menghendaki pendeposit untuk mengemukakan kepada Perbadanan apa-apa maklumat sebagaimana yang difikirkan suai manfaat atau perlu bagi maksud membuat apa-apa bayaran di bawah Akta ini.

Pemindahan deposit antara anggota penerima deposit

43. (1) Jika liabiliti deposit anggota penerima deposit (dalam seksyen ini disebut sebagai “anggota pemindah”) dipindahkan kepada dan diambil alih oleh anggota penerima deposit yang lain, deposit itu, ditolak apa-apa pengeluaran daripada deposit itu, disifatkan sebagai dan akan terus diinsuranskan secara berasingan oleh Perbadanan setakat apa-apa had yang ditetapkan di bawah subseksyen 42(2) selama tempoh dua tahun, atau sehingga deposit itu matang atau dikeluarkan kesemuanya, mengikut mana-mana yang lebih awal, selepas tarikh pemindahan dan pengambilalihan.

(2) Jika terdapat pemindahan liabiliti deposit di bawah subseksyen (1)—

- (a) anggota pemindah itu hendaklah memberikan notis mengenai pemindahan liabiliti deposit dan insurans yang berasingan yang berterusan yang disebut dalam subseksyen (1); dan
- (b) Perbadanan boleh memberikan notis mengenai perkara yang disebut dalam perenggan (a) jika pada pendapat Perbadanan, kepentingan awam menghendaki supaya notis itu diberikan,

melalui penyiaran dalam sekurang-kurangnya dua akhbar harian yang disiarkan di Malaysia, salah satu daripadanya hendaklah dalam bahasa kebangsaan.

(3) Anggota pemindah hendaklah menanggung rugi Perbadanan sekiranya apa-apa bayaran dibuat oleh Perbadanan kepada pendeposit disebabkan oleh insurans berasingan yang disebut dalam subseksyen (1).

(4) Jika keanggotaan anggota pemindah dibatalkan atau ditamatkan selepas tarikh liabiliti deposit dipindahkan kepada dan diambil alih oleh anggota penerima deposit yang mengambil alihnya, insurans berasingan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah terpakai sebagai ganti insurans berterusan yang disebut dalam perenggan 40(1)(b).

(5) Anggota penerima deposit hendaklah menyenggara apa-apa rekod yang dikehendaki oleh Perbadanan bagi maksud subseksyen (1).

(6) Anggota penerima deposit yang melanggar perenggan (2)(a) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit dan boleh, sebagai tambahan, dikenakan denda harian tidak melebihi lima puluh ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Deposit anggota penerima deposit diperoleh oleh bukan anggota penerima deposit

44. (1) Jika liabiliti deposit suatu anggota penerima deposit (dalam seksyen ini disebut “anggota pemindah”) dipindahkan kepada dan diambil alih oleh seseorang yang bukan anggota penerima deposit, deposit itu, ditolak apa-apa pengeluaran daripada deposit itu, hendaklah disifatkan sebagai dan akan terus diinsuranskan oleh Perbadanan setakat apa-apa had yang ditetapkan di bawah subseksyen 42(2), bagi baki tahun taksiran itu, atau sehingga deposit itu matang atau dikeluarkan kesemuanya, mengikut mana-mana yang lebih awal, selepas tarikh pemindahan dan pengambilalihan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), dan mengikut mana-mana kaedah yang dibuat oleh Perbadanan—

(a) berhubung dengan pendeposit, anggota pemindah hendaklah—

(i) mendapatkan kebenaran bertulis sekurang-kurangnya tujuh puluh lima peratus daripada semua pendeposit untuk memindahkan liabiliti deposit;

- (ii) mendapatkan perakuan bertulis daripada setiap pendeposit bahawa pendeposit sedar bahawa deposit yang dipindahkan kepada dan diambil alih oleh orang yang mengambil alihnya akan diinsuranskan bagi baki tahun taksiran itu, atau sehingga deposit itu matang atau dikeluarkan kesemuanya, mengikut mana-mana yang lebih awal, dan selepas itu, liabiliti deposit itu tidaklah lagi diinsuranskan keseluruhannya atau sebahagiannya oleh Perbadanan;
 - (iii) apabila dikehendaki secara bertulis, membayar kepada seorang pendeposit, amaun pokok deposit itu dan pulangan atau bunga, dikira sehingga tarikh pengeluaran dan tiada caj atau penalti boleh dikenakan berkenaan dengan pembayaran itu; dan
 - (iv) menyediakan suatu pernyataan bahawa obligasi anggota pemindah untuk membayar balik deposit akan diambil alih oleh orang yang mengambil alih deposit itu; dan
- (b) orang yang mengambil alih deposit itu hendaklah membuat suatu perjanjian secara bertulis untuk mengambil alih liabiliti deposit anggota pemindah atas terma dan syarat yang sama.

(3) Bagi maksud perenggan (2)(b), anggota pemindah hendaklah menanggung rugi Perbadanan sekiranya berlaku apa-apa bayaran yang dibuat oleh Perbadanan kepada pendeposit disebabkan oleh insurans berterusan yang disebut dalam subseksyen (1).

(4) Orang yang mengambil alih deposit itu hendaklah menyenggara apa-apa rekod yang dikehendaki oleh Perbadanan bagi maksud subseksyen (1).

Deposit disifatkan

45. Jika anggota penerima deposit mengambil alih liabiliti deposit daripada anggota penerima deposit yang lain di bawah seksyen 43, deposit itu bagi maksud seksyen 47 dan 48, disifatkan telah diletakkan dengan anggota penerima deposit yang mengambil alihnya pada hari ia diambil alih.

Bukan sebahagian deposit

46. Jika wang yang atau telah diterima oleh anggota penerima deposit yang baginya anggota penerima deposit itu telah mengeluarkan atau berkewajipan untuk mengeluarkan suatu surat cara yang membuktikan suatu deposit, selain suatu draf bank, cek kembara, surat kredit bayar dahulu atau kiriman wang—

- (a) wang itu tidak menjadi suatu deposit melainkan jika surat cara dan rekod anggota penerima deposit itu menyatakan orang yang berhak, pada tarikh pengeluaran surat cara itu, kepada pembayaran balik wang yang dibuktikan itu;
- (b) orang yang disebut dalam perenggan (a) hendaklah disifatkan sebagai pendeposit berkenaan dengan wang itu melainkan jika butiran suatu pindah milik surat cara itu dicatatkan dalam rekod anggota penerima deposit itu, dalam hal sedemikian penerima pindah milik terkini yang ditunjukkan dalam rekod itu hendaklah disifatkan sebagai pendeposit; dan
- (c) catatan suatu pindah milik dalam rekod anggota penerima deposit tidaklah berkesan bagi maksud perenggan (b), jika catatan itu dibuat selepas pembatalan atau penamatan keanggotaan anggota penerima deposit itu.

Bab 2

Premium

Takrif

46A. (1) Bagi maksud Bab ini—

- (a) “jumlah deposit diinsuranskan” ertinya jumlah deposit yang diinsuranskan secara berasingan sebagai deposit Islam atau deposit konvensional di bawah seksyen 42, dikira mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan;
- (b) “pihak pemindah” ertinya seseorang, termasuk suatu anggota penerima deposit, yang memindahkan perniagaannya di bawah skim pemindahan perniagaan;
- (c) “skim pemindahan perniagaan” merujuk kepada suatu skim pemindahan bagi keseluruhan atau bahagian material perniagaan penerima deposit; dan
- (d) “tarikh pemindahan” ertinya tarikh suatu skim pemindahan perniagaan berkuat kuasa sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(c), Perbadanan boleh menentukan perkara yang menjadi suatu bahagian material perniagaan penerima deposit.

Premium pertama berkenaan dengan anggota penerima deposit baharu

47. (1) Tertakluk pada subseksyen (2), (3) dan (4), Perbadanan hendaklah mentaksir dan memungut premium pertama yang kena dibayar oleh suatu anggota penerima deposit baharu bagi tahun taksiran yang ia menjadi institusi anggota seperti yang berikut:

- (a) dua ratus lima puluh ribu ringgit; atau
- (b) suatu amaun berdasarkan suatu kadar yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan dan dikira mengikut seksyen 47A,

mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

(2) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen (3), jika perniagaan satu atau lebih pihak pemindah dipindahkan di bawah skim pemindahan perniagaan kepada suatu anggota penerima deposit baharu, Perbadanan hendaklah mentaksir dan memungut premium pertama yang kena dibayar oleh anggota penerima deposit baharu seperti yang berikut:

- (a) dua ratus lima puluh ribu ringgit; atau
- (b) suatu amaun berdasarkan suatu kadar yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan dan dikira mengikut seksyen 47A,

mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

(3) Jika perniagaan satu atau lebih anggota penerima deposit sahaja dipindahkan di bawah skim pemindahan perniagaan kepada suatu anggota penerima deposit baharu—

- (a) sebelum tarikh kena bayar tahunan yang disebut dalam subseksyen 48(1) dalam suatu tahun taksiran, tiada premium tahunan yang dikehendaki untuk dibayar oleh anggota penerima deposit bagi tahun taksiran itu; dan
- (b) selepas tarikh kena bayar tahunan yang disebut dalam subseksyen 48(1) dalam suatu tahun taksiran, tiada premium pertama yang dikehendaki untuk dibayar oleh anggota penerima deposit baharu itu.

(4) Bagi mengelakkan keraguan, jika pihak pemindah merupakan anggota penerima deposit yang telah diluluskan di bawah

perenggan 15(1)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 untuk menjalankan perniagaan perbankan Islam dan perniagaan perbankan Islamnya dipindahkan kepada anggota penerima deposit baharu di bawah suatu skim pemindahan perniagaan sebelum tarikh kena bayar tahunan yang disebut dalam subseksyen 48(1) dalam suatu tahun taksiran, tiada premium tahunan yang dikehendaki untuk dibayar oleh anggota penerima deposit bagi tahun taksiran itu berkenaan dengan perniagaan perbankan Islam.

(5) Bagi mengelakkan keraguan, kadar yang berbeza boleh ditetapkan di bawah subseksyen (1) dan (2) bagi kategori yang anggota penerima deposit baharu dikelaskan di bawah peraturan-peraturan premium dan kadar yang berbeza boleh terpakai bagi kategori anggota penerima deposit baharu yang berbeza.

(6) Anggota penerima deposit baharu hendaklah membayar premium pertama kepada Perbadanan dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh ia menjadi anggota atau apa-apa tempoh lain yang boleh ditentukan oleh Perbadanan.

Pengiraan premium pertama berkenaan dengan anggota penerima deposit baharu

47A. (1) Premium pertama hendaklah dikira seperti yang berikut:

- (a) premium pertama yang kena dibayar oleh suatu anggota penerima deposit baharu hendaklah dikira berdasarkan asas sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri;
- (b) premium pertama deposit Islam dan konvensional hendaklah dikira secara berasingan; dan
- (c) kadar premium yang terpakai bagi setiap anggota penerima deposit baharu hendaklah berdasarkan apa-apa kriteria yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan.

(2) Premium pertama yang kena dibayar oleh suatu anggota penerima deposit baharu hendaklah berdasarkan penyata yang

diperakui oleh ketua eksekutif anggota penerima deposit baharu itu dan dikemukakan dalam apa-apa bentuk dan dalam tempoh sebagaimana yang dikehendaki oleh Perbadanan.

Premium tahunan berkenaan dengan anggota penerima deposit

48. (1) Tertakluk pada perenggan 47(3)(a) dan subseksyen 49A(1), tiap-tiap anggota penerima deposit hendaklah, bagi setiap tahun taksiran berikutan tahun taksiran yang ia menjadi institusi anggota, membayar premium tahunan pada atau sebelum tarikh kena bayar tahunan yang ditentukan oleh Perbadanan.

(2) Tertakluk pada subseksyen (3), kadar atau kadar-kadar premium tahunan adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan.

(3) Premium tahunan yang kena dibayar oleh anggota penerima deposit bagi suatu tahun taksiran tidak boleh lebih rendah daripada apa-apa amaun atau amaun-amaun minimum sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan.

(4) Bagi mengelakkan keraguan, kadar yang ditetapkan di bawah subseksyen (2) dan amaun minimum yang ditetapkan di bawah subseksyen (3) boleh berhubung dengan kategori yang dalamnya anggota penerima deposit dikelaskan di bawah peraturan-peraturan premium dan kadar dan amaun minimum yang berbeza boleh terpakai bagi kategori yang berbeza.

(5) Mana-mana anggota penerima deposit yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit dan boleh, sebagai tambahan, dikenakan denda harian tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Pengiraan premium tahunan berkenaan dengan anggota penerima deposit

49. (1) Tertakluk pada seksyen 49A, premium tahunan hendaklah dikira seperti yang berikut:

- (a) premium tahunan yang kena dibayar oleh suatu anggota penerima deposit hendaklah dikira berdasarkan asas sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri;
- (b) premium tahunan deposit Islam dan konvensional hendaklah dikira secara berasingan; dan
- (c) kadar premium yang terpakai bagi setiap anggota penerima deposit hendaklah berdasarkan apa-apa kriteria yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan.

(2) Premium yang kena dibayar oleh anggota penerima deposit hendaklah berdasarkan penyata yang diperakui oleh ketua eksekutif anggota penerima deposit itu dan dikemukakan dalam apa-apa bentuk dan tempoh sebagaimana yang dikehendaki oleh Perbadanan.

Premium tahunan berkenaan dengan anggota penerima deposit di bawah skim pemindahan perniagaan

49A. (1) Jika perniagaan satu atau lebih pihak pemindah dipindahkan di bawah skim pemindahan perniagaan kepada suatu anggota penerima deposit (dalam subseksyen ini disebut sebagai “anggota penerima pindahan”) sebelum tarikh kena bayar tahunan yang disebut dalam subseksyen 48(1) dalam suatu tahun taksiran—

- (a) anggota penerima pindahan hendaklah membayar premium tahunan bagi tahun taksiran itu yang dikira berdasarkan asas sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri;
- (b) premium tahunan yang kena dibayar di bawah perenggan (a) hendaklah—

- (i) berdasarkan kadar dan tertakluk pada amaun minimum yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan; dan
 - (ii) dikira mengikut apa-apa cara dan dibayar dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan;
- (c) pihak pemindah tidak dikehendaki untuk membayar premium tahunan di bawah seksyen 48 bagi tahun taksiran itu; dan
- (d) bagi mengelakkan keraguan, jika pihak pemindah merupakan anggota penerima deposit yang telah diluluskan di bawah perenggan 15(1)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 untuk menjalankan perniagaan perbankan Islam dan perniagaan perbankan Islamnya dipindahkan di bawah suatu skim pemindahan perniagaan kepada anggota penerima pindahan sebelum tarikh kena bayar tahunan yang disebut dalam subseksyen 48(1) dalam suatu tahun taksiran, tiada premium tahunan yang dikehendaki untuk dibayar oleh anggota penerima deposit bagi tahun taksiran itu berkenaan dengan perniagaan perbankan Islam.
- (2) Jika perniagaan satu atau lebih bukan anggota penerima deposit dipindahkan di bawah skim pemindahan perniagaan kepada suatu anggota penerima deposit (dalam subseksyen ini disebut sebagai “anggota penerima pindahan”) selepas tarikh kena bayar tahunan yang disebut dalam subseksyen 48(1) dalam suatu tahun taksiran —
- (a) anggota penerima pindahan itu hendaklah, walaupun ia telah membayar premium tahunan di bawah subseksyen 48(1), membayar premium tahunan tambahan yang dikira berdasarkan asas sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri; dan
 - (b) premium tahunan tambahan yang kena dibayar di bawah perenggan (a) hendaklah —

- (i) berdasarkan kadar dan tertakluk pada amaun minimum yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan; dan
- (ii) dikira mengikut apa-apa cara dan dibayar dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

(3) Bagi mengelakkan keraguan, kadar yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) dan (2) dan amaun minimum yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) dan (2) boleh berhubung dengan kategori yang anggota penerima deposit dikelaskan di bawah peraturan-peraturan premium dan kadar dan amaun minimum yang berbeza boleh terpakai bagi kategori yang berbeza.

(4) Mana-mana anggota penerima deposit yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit dan hendaklah, sebagai tambahan, dikenakan denda harian tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Tiada tolakan berkenaan dengan anggota penerima deposit

50. Melainkan jika Perbadanan bersetuju selainnya dalam mana-mana hal tertentu, tiada pembayaran premium atau surcaj premium yang terhutang kepada Perbadanan oleh anggota penerima deposit boleh dilepaskan, dikurangkan atau selainnya diselaraskan oleh sebab apa-apa tuntutan yang anggota penerima deposit itu ada terhadap Perbadanan.

Surcaj premium berkenaan dengan anggota penerima deposit

51. (1) Walau apa pun bayaran premium pertama berkenaan dengan tahun taksiran pertama atau premium tahunan berkenaan dengan mana-mana tahun taksiran tertentu, Perbadanan boleh mentaksirkan dan memungut suatu surcaj premium daripada anggota penerima

deposit berkenaan dengan tahun taksiran itu atau mana-mana bahagiannya mengikut seksyen ini.

(2) Surcay premium yang kena dibayar oleh anggota penerima deposit di bawah subseksyen (1) dalam mana-mana tahun taksiran tertentu tidak boleh melebihi premium yang kena dibayar oleh anggota penerima deposit itu berkenaan dengan tahun taksiran sebelumnya atau satu juta ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

(3) Jika, pada pendapat Perbadanan anggota penerima deposit—

(a) *(Dipotong oleh Akta A1505);*

(b) telah tidak atau tidak mematuhi terma dan syarat keanggotaan, mana-mana aku janji yang diberikan kepada atau perjanjian yang dibuat dengan Perbadanan, atau mana-mana peraturan, kaedah, perintah, undang-undang kecil, pemberitahuan, arahan, garis panduan, pekeliling atau nota Perbadanan berkenaan dengan insurans deposit;

(c) telah tidak atau tidak mematuhi permintaan bagi mendapatkan maklumat atau telah menyekat hak untuk mendapat akses kepada maklumat oleh Perbadanan, Bank Negara Malaysia atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Perbadanan, di bawah Akta ini; atau

(d) telah tidak atau tidak menyenggara rekod deposit dengan sewajarnya atau membuat salah nyataan, sama ada melalui apa-apa perbuatan atau peninggalan, mengenai apa-apa maklumat, termasuk maklumat tentang liabiliti deposit diinsuranskan yang digunakan sebagai suatu asas bagi apa-apa pentaksiran premium di bawah Bahagian ini,

Perbadanan hendaklah—

(A) jika ia bercadang untuk mengenakan surcay premium ke atas anggota penerima deposit itu, berunding dengan Bank Negara Malaysia tentang alasan untuk mengenakan suatu surcay premium dan amaun surcay premium itu; dan

- (B) memberi anggota penerima deposit itu suatu peluang untuk membuat representasi kepada Perbadanan tentang apa-apa cadangan surcaj premium dalam tempoh tujuh hari dari tarikh suatu notis bertulis dikeluarkan oleh Perbadanan kepada anggota penerima deposit itu.

(4) Jika Perbadanan menerima representasi daripada anggota penerima deposit itu dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam perenggan (3)(B), Perbadanan hendaklah menimbangkan representasi itu dan memutuskan sama ada untuk mengenakan suatu surcaj premium dan jika ya, memutuskan amaun surcaj premium itu.

(5) Jika Perbadanan memutuskan untuk mengenakan suatu surcaj premium, Perbadanan hendaklah mendapatkan kelulusan bertulis daripada Menteri sebelum mengenakan surcaj premium itu ke atas anggota penerima deposit itu.

(6) Suatu surcaj premium hendaklah dikenakan oleh Perbadanan melalui notis bertulis kepada anggota penerima deposit itu dan hendaklah kena dibayar kepada Perbadanan dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh notis itu atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

(7) Apa-apa pendapat yang dibentuk atau keputusan yang dibuat oleh Perbadanan berkaitan dengan pengenaan atau amaun apa-apa surcaj premium berkenaan dengan mana-mana anggota penerima deposit adalah muktamad dan mengikat.

(8) Suatu surcaj yang dibayar kepada Perbadanan di bawah seksyen ini hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan.

Caj lampau tempoh berkenaan dengan anggota penerima deposit

52. Jika mana-mana premium atau surcaj premium yang terhutang dan kena dibayar di bawah seksyen 47, 48 atau 51 belum dibayar oleh anggota penerima deposit pada tarikh kena dibayar, premium atau surcaj premium yang belum dibayar itu hendaklah, tanpa penyampaian

notis lanjutan kepada anggota penerima deposit itu, dinaikkan ke suatu jumlah yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan premium yang belum dibayar sedemikian.

Peraturan-peraturan premium berkenaan dengan anggota penerima deposit

53. Perbadanan boleh membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan penentuan premium pertama dan premium tahunan termasuk—

- (a) penubuhan suatu sistem pengelasan anggota penerima deposit dalam kategori berbeza; dan
- (b) kriteria atau faktor yang hendak diambil kira dan tatacara yang hendak diikuti oleh Perbadanan dalam menentukan kategori yang dalamnya anggota penerima deposit itu dikelaskan.

Premium dan surcaj ke atas anggota penerima deposit disifatkan diperoleh

54. (1) Tertakluk pada subseksyen (2), apa-apa premium atau surcaj premium yang kena dibayar di bawah Bahagian ini hendaklah disifatkan sebagai diperoleh sepenuhnya apabila kena dibayar dan tidaklah boleh dibayar balik.

(2) Menteri boleh, atas syor Perbadanan, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* —

- (a) memperuntukkan pengurangan sebahagian atau keseluruhan, penepian, pembayaran balik atau rebat amaun apa-apa premium atau surcaj premium kepada mana-mana anggota penerima deposit; dan
- (b) menentukan apa-apa syarat berkenaan dengan perenggan (a).

Bab 3

Bayaran

Bayaran

55. (1) Semua bayaran yang dibuat oleh Perbadanan berkenaan dengan—

- (a) deposit Islam dan segala kos yang berhubungan dengannya hendaklah dibuat daripada kumpulan wang insurans deposit Islam; dan
- (b) deposit konvensional dan segala kos yang berhubungan dengannya hendaklah dibuat daripada kumpulan wang insurans deposit konvensional.

(2) Semua sebutan dalam Bab ini mengenai anggota penerima deposit termasuklah, jika berkenaan, bekas anggota penerima deposit yang keanggotaannya telah dibatalkan di bawah seksyen 38 atau ditamatkan di bawah seksyen 39.

Bayaran wajib

56. (1) Perbadanan hendaklah membuat bayaran berkenaan dengan mana-mana deposit yang diinsuranskan oleh Perbadanan jika suatu perintah penggulangan telah dibuat berkenaan dengan—

- (a) anggota penerima deposit yang memegang deposit itu;
- (b) bekas anggota penerima deposit sebagaimana yang disebut dalam perenggan 40(1)(b), jika perintah penggulangan itu dibuat dalam tempoh dua tahun dari tarikh kuat kuasa pembatalan atau penamatan keanggotaannya; atau
- (c) mana-mana orang yang kepadanya liabiliti deposit telah dipindahkan di bawah subseksyen 44(1) jika perintah

penggulangan dibuat dalam baki tahun taksiran selepas tarikh pemindahan dan pengambilalihan.

(2) Jika Perbadanan berkewajipan untuk membuat bayaran di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan mana-mana deposit, Perbadanan hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin dan dalam apa-apa hal tidak lebih daripada tiga bulan dari tarikh perintah penggulangan (dalam seksyen ini disebut sebagai “tempoh statutori”) membuat bayaran kepada orang itu berdasarkan rekod anggota penerima deposit, bekas anggota penerima deposit atau orang yang kepadanya liabiliti deposit telah dipindahkan sebagaimana yang disebut dalam perenggan (1)(c), sebagaimana Perbadanan berpendapat ternyata berhak kepadanya.

(3) Tempoh statutori tidak boleh terpakai jika Perbadanan tidak dapat menentukan orang yang berhak kepada suatu bayaran atau amaun yang hendaklah dibayar berkenaan dengan suatu deposit, disebabkan oleh—

- (a) kuat kuasa undang-undang;
- (b) suatu tindakan di mahkamah mengenai hak ke atas atau amaun deposit;
- (c) suatu perintah mahkamah; atau
- (d) suatu petisyen kebangkrapan atau penggulangan dikemukakan kepada mahkamah terhadap seorang pendeposit.

(4) Apa-apa keputusan yang dibuat oleh Perbadanan berhubungan dengan orang yang berhak kepada suatu bayaran atau amaun yang hendaklah dibayar berkenaan dengan suatu deposit adalah muktamad dan mengikat.

Bayaran budi bicara

57. Perbadanan boleh, dengan kebenaran bertulis Menteri terlebih dahulu, membuat bayaran berkenaan dengan mana-mana deposit yang diinsuranskan oleh Perbadanan jika—

- (a) suatu anggota penerima deposit yang memegang deposit itu, bekas anggota penerima deposit yang memegang deposit sebagaimana yang disebut dalam perenggan 40(1)(b) atau seseorang yang kepadanya liabiliti deposit telah dipindahkan di bawah subseksyen 44(1), tidak dapat membuat apa-apa bayaran berkenaan dengan deposit itu, disebabkan oleh—
 - (i) suatu perintah mahkamah;
 - (ii) apa-apa tindakan yang diambil oleh suatu badan kawal selia atau Perbadanan; atau
 - (iii) apa-apa tindakan yang diambil oleh penerima, pengurus atau penerima dan pengurus semasa tempoh anggota penerima deposit itu atau orang yang kepadanya liabiliti deposit telah dipindahkan berada dalam penerimaan;
- (b) suatu petisyen penggulungan telah dikemukakan kepada mahkamah terhadap anggota penerima deposit yang memegang deposit itu atau seseorang yang kepadanya liabiliti deposit telah dipindahkan di bawah subseksyen 44(1); atau
- (c) keanggotaan anggota penerima deposit yang memegang deposit itu dibatalkan atau ditamatkan.

Bayaran pendahuluan

58. Bagi mengelakkan keraguan, Perbadanan boleh menggunakan budi bicaranya berkenaan dengan seksyen 56 atau 57 untuk membuat

apa-apa bayaran atau bayaran sebahagian kepada mana-mana pendeposit berkenaan dengan apa-apa deposit yang diinsuranskan oleh Perbadanan, mendahului bayaran kepada mana-mana pendeposit lain.

Tarikh mengira liabiliti

59. (1) Tarikh bagi mengira amaun bayaran wajib oleh Perbadanan hendaklah pada tarikh pemfailan petisyen penggulangan.

(2) Tarikh bagi mengira amaun bayaran budi bicara di bawah seksyen 57 hendaklah pada tarikh mana-mana kejadian yang disebut dalam seksyen 57 itu pertama kali berlaku.

Pengiraan pulangan atau bunga atas deposit bagi bayaran wajib

60. Bagi maksud mengira bayaran wajib oleh Perbadanan berkenaan dengan mana-mana deposit yang diinsuranskan oleh Perbadanan jika suatu perintah penggulangan telah dibuat berkenaan dengan anggota penerima deposit yang memegang deposit itu, bekas anggota penerima deposit sebagaimana yang disebut dalam perenggan 40(1)(b) atau mana-mana orang yang kepadanya liabiliti deposit telah dipindahkan di bawah subseksyen 44(1), wang pokok, termasuk pulangan atau bunga yang terakru berhubung dengan deposit itu hendaklah dimasukkan hanya sehingga tarikh pemfailan petisyen penggulangan itu.

Perbadanan boleh membayar pulangan atau bunga atas bayaran wajib

61. Jika Perbadanan membuat suatu bayaran wajib di bawah seksyen 56, Perbadanan boleh atas budi bicaranya sendiri membayar, sebagai tambahan kepada amaun yang Perbadanan berkewajipan untuk membayar, pulangan atau bunga ke atas amaun itu pada suatu kadar yang ditentukan oleh Perbadanan bagi tempoh yang bermula pada tarikh pemfailan petisyen penggulangan berkenaan dengan anggota penerima deposit yang memegang deposit itu dan berakhir pada tarikh bayaran dibuat berkenaan dengan deposit itu, tetapi agregat bayaran

yang dibuat di bawah seksyen ini dan seksyen 56 berhubung dengan deposit itu hendaklah dalam apa-apa hal tidak melebihi apa-apa had sebagaimana yang ditetapkan di bawah subseksyen 42(2).

Pengiraan pulangan atau bunga atas deposit bagi bayaran budi bicara

62. Bagi maksud mengira bayaran oleh Perbadanan berkenaan dengan mana-mana deposit yang diinsuranskan oleh Perbadanan jika Perbadanan membuat suatu bayaran budi bicara—

- (a) tertakluk pada perenggan (b), pulangan atau bunga yang terakru berhubung dengan deposit itu hendaklah dimasukkan hanya sehingga tarikh bayaran oleh Perbadanan; atau
- (b) jika suatu prosiding bagi penggulungan anggota penerima deposit yang memegang deposit itu telah dimulakan sebelum tarikh bayaran oleh Perbadanan tetapi suatu perintah penggulungan belum lagi dibuat, pulangan atau bunga yang terakru berhubung dengan deposit itu hendaklah dimasukkan hanya sehingga tarikh pemfailan petisyen penggulungan.

Pulangan atau bunga atas pelaburan berkaitan derivatif yang ditentukan sebelumnya sebagai diinsuranskan oleh Perbadanan

63. Apa-apa pulangan atau bunga yang disebut dalam seksyen 60 atau 62 berhubung dengan pelaburan berkaitan derivatif yang dipegang oleh anggota penerima deposit dan ditentukan sebelumnya sebagai diinsuranskan oleh Perbadanan hendaklah ditentukan mengikut kaedah-kaedah yang ditetapkan oleh Perbadanan jika suatu bayaran yang hendaklah dibuat oleh anggota penerima deposit itu berkenaan dengan pelaburan berkaitan derivatif itu akan ditentukan, keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan merujuk dalam apa-apa cara kepada—

- (a) harga pasaran sesuatu sekuriti, komoditi atau surat cara kewangan;
- (b) kadar pertukaran antara mana-mana dua mata wang;
- (c) suatu kadar rujukan yang ditentukan dengan merujuk kepada mana-mana satu atau lebih harga atau kadar itu;
- (d) suatu kadar rujukan yang ditentukan dengan merujuk kepada mana-mana satu atau lebih kejadian bukan kewangan; atau
- (e) apa-apa jenis indeks boleh ubah atau sumber rujukan yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

Pelepasan liabiliti, dsb., berkenaan dengan deposit diinsuranskan

64. (1) Bayaran di bawah Bab ini oleh Perbadanan berkenaan dengan mana-mana deposit yang diinsuranskan oleh Perbadanan melepaskan Perbadanan daripada semua liabiliti setakat amaun bayaran yang dibuat berkenaan dengan deposit itu, dan dalam apa-apa hal pun Perbadanan tidak mempunyai apa-apa kewajipan untuk memastikan bahawa bayaran yang dibuat itu digunakan sewajarnya dalam apa-apa cara.

(2) Perbadanan boleh membuat bayaran di bawah seksyen 56, 57, 58 atau 61 mengikut apa-apa cara yang disifatkan sesuai oleh Perbadanan.

(3) Tanpa menjejaskan subseksyen (2), Perbadanan boleh membuat bayaran dengan mengaturkan supaya orang yang dianggap oleh Perbadanan sebagai berhak kepada bayaran itu menerima suatu deposit di anggota penerima deposit sebanyak amaun bayaran itu yang kena dibayar balik apabila dituntut, dengan syarat bahawa deposit itu ialah suatu deposit Islam atau deposit konvensional mengikut sama ada deposit diinsuranskan itu yang berkenaan dengannya bayaran itu dibuat ialah suatu deposit Islam atau deposit konvensional.

Subrogasi

65. Jika Perbadanan membuat suatu bayaran di bawah Bab ini berkenaan dengan mana-mana deposit, Perbadanan adalah disubrogasi, setakat amaun bayaran yang dibuat, terhadap semua hak dan kepentingan pendeposit berhubung dengan deposit itu dan boleh mengambil suatu tindakan berkenaan dengan hak dan kepentingan itu atas nama pendeposit atau atas nama Perbadanan.

Penyerahhakan

66. Jika Perbadanan menyifatkannya sebagai wajar, Perbadanan boleh menahan bayaran berkenaan dengan mana-mana deposit dengan anggota penerima deposit sehingga ia menerima suatu penyerahhakan secara bertulis mengenai semua hak dan kepentingan pendeposit berhubung dengan deposit itu.

Had masa bagi tindakan berkenaan dengan deposit diinsuranskan

67. Had masa untuk memulakan suatu tindakan terhadap Perbadanan berkenaan dengan kewajipan Perbadanan di bawah subseksyen 56(2) untuk membuat bayaran berhubung dengan suatu deposit adalah sepuluh tahun selepas tarikh pemfailan petisyen penggulangan.

BAHAGIAN V

PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS

Bab 1

Skop perlindungan

Takrif

68. Bagi maksud Bahagian ini—

- (a) “manfaat takaful” ertinya agregat manfaat takaful yang baginya anggota penanggung insurans bertanggung kepada mana-mana orang dalam perjalanan biasa perniagaan takaful anggota penanggung insurans itu; dan
- (b) “manfaat insurans” ertinya agregat manfaat insurans yang baginya anggota penanggung insurans bertanggung kepada mana-mana orang dalam perjalanan biasa perniagaan insurans anggota penanggung insurans itu.

Skop perlindungan bagi sijil takaful dan polisi insurans

69. (1) Perbadanan hendaklah menyediakan perlindungan secara berasingan berkenaan dengan kehilangan manfaat dilindungi di bawah kategori sijil takaful atau polisi insurans yang berikut:

- (a) takaful keluarga;
- (b) takaful am;
- (c) insurans hayat; dan
- (d) insurans am.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Perbadanan boleh menetapkan yang berikut melalui peraturan-peraturan di bawah seksyen 209:

- (a) jenis atau perihalan manfaat takaful dalam kategori yang disebut dalam subseksyen (1) yang adalah manfaat takaful dilindungi, jenis atau perihalan benefisiari takaful dan jenis atau perihalan harta yang dilindungi, atau tidak termasuk, di bawah sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans; dan
- (b) jenis atau perihalan manfaat insurans dalam kategori yang disebut dalam subseksyen (1) yang adalah manfaat insurans dilindungi, jenis atau perihalan orang diinsuranskan dan jenis atau perihalan harta yang dilindungi, atau tidak

termasuk, di bawah sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans.

(3) Bagi maksud Bahagian ini—

(a) “risiko” ertinya—

- (i) berhubung dengan suatu sijil takaful keluarga, kematian atau keberterusan hidup orang hayat sertaan;
- (ii) berhubung dengan suatu polisi hayat, kematian atau keberterusan hidup orang diinsuranskan hayat;
- (iii) berhubung dengan suatu sijil takaful am, kerugian apabila berlakunya satu kejadian atau lebih yang diperuntukkan di bawah sijil itu; dan
- (iv) berhubung dengan suatu polisi am, kerugian apabila berlakunya satu kejadian atau lebih yang diperuntukkan di bawah polisi itu;

(b) “sijil kumpulan” atau “polisi kumpulan” ertinya sijil takaful atau polisi insurans yang di bawahnya terdapat tiga hayat sertaan atau orang diinsuranskan hayat atau lebih pada masa sijil atau polisi itu dikeluarkan;

(c) “pihak ketiga” ertinya seseorang, yang bukan benefisiari takaful atau orang diinsuranskan, yang terhadap tuntutananya seseorang benefisiari takaful atau orang diinsuranskan ditanggung rugi di bawah suatu sijil takaful am atau polisi am;

(d) “risiko kejadian” ertinya apa-apa kejadian yang berhubungan dengannya suatu sijil takaful atau polisi insurans memperuntukkan suatu manfaat takaful atau insurans.

(4) Bagi maksud subseksyen (1)—

- (a) jika seseorang pemunya sijil berhak ke atas manfaat dilindungi di bawah dua sijil takaful keluarga atau lebih dengan anggota penanggung insurans yang sama dengan risiko kejadian yang sama berkenaan dengan hayat sertaan yang sama, agregat manfaat itu hendaklah dilindungi setakat apa-apa amaun yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan;
- (b) jika seseorang pemunya polisi berhak ke atas manfaat dilindungi di bawah dua polisi hayat atau lebih dengan anggota penanggung insurans yang sama yang berhubungan dengan risiko kejadian yang sama berkenaan dengan orang diinsuranskan hayat yang sama, agregat manfaat itu hendaklah dilindungi setakat apa-apa amaun yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan;
- (c) jika seseorang pemunya sijil atau polisi berhak ke atas manfaat dilindungi di bawah dua sijil takaful am atau polisi am atau lebih dengan anggota penanggung insurans yang sama, agregat manfaat takaful atau insurans di bawah sijil takaful am atau polisi am itu hendaklah dilindungi—
 - (i) berkenaan dengan manfaat dilindungi di bawah takaful am yang berhubungan dengan risiko kejadian yang sama berkenaan dengan hayat sertaan atau harta dilindungi yang sama, setakat apa-apa amaun yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan; dan
 - (ii) berkenaan dengan manfaat dilindungi di bawah polisi am yang berhubungan dengan risiko kejadian yang sama berkenaan dengan orang diinsuranskan hayat atau harta diinsuranskan yang sama, setakat apa-apa amaun yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan;
- (d) jika seseorang pemunya sijil atau polisi ditanggung rugi oleh anggota penanggung insurans yang sama di bawah suatu sijil takaful am atau polisi am terhadap tuntutan dua yang sama, manfaat takaful atau insurans berkenaan dengan

tuntutan setiap pihak ketiga hendaklah dilindungi secara berasingan setakat apa-apa amaun sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan;

(e) jika—

- (i) seseorang pemunya sijil berhak kepada manfaat dilindungi di bawah suatu sijil takaful keluarga kumpulan; atau
- (ii) seseorang pemunya polisi berhak kepada manfaat dilindungi di bawah suatu polisi hayat kumpulan,

manfaat takaful atau insurans berkenaan dengan setiap hayat sertaan atau orang diinsuranskan hayat yang baginya kumpulan sijil takaful keluarga kumpulan atau polisi hayat kumpulan adalah berhubungan itu hendaklah dilindungi secara berasingan setakat apa-apa amaun yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan;

(f) jika—

- (i) seseorang pemunya sijil berhak kepada manfaat dilindungi di bawah suatu sijil takaful am kumpulan; atau
- (ii) seseorang pemunya polisi berhak kepada manfaat dilindungi di bawah suatu polisi am kumpulan,

manfaat takaful atau insurans berkenaan dengan setiap hayat sertaan atau orang diinsuranskan hayat yang baginya sijil takaful am kumpulan atau polisi am kumpulan itu adalah berhubungan hendaklah dilindungi secara berasingan setakat apa-apa amaun yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan;

(g) jika—

- (i) seseorang pemunya sijil berhak kepada manfaat dilindungi di bawah dua kumpulan sijil takaful keluarga kumpulan atau lebih yang dikeluarkan oleh anggota penanggung insurans yang sama yang berhubungan dengan risiko kejadian yang sama berkenaan dengan hayat sertaan yang sama; atau
- (ii) seseorang pemunya polisi berhak kepada manfaat dilindungi di bawah dua polisi hayat kumpulan atau lebih yang dikeluarkan oleh anggota penanggung insurans yang sama yang berhubungan dengan risiko kejadian yang sama berkenaan dengan orang diinsuranskan hayat yang sama,

agregat manfaat takaful atau insurans itu berkenaan dengan setiap hayat sertaan atau orang diinsuranskan hayat yang baginya sijil takaful keluarga atau polisi hayat kumpulan itu adalah berhubungan hendaklah dilindungi setakat apa-apa amaun yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan;

(h) jika—

- (i) seseorang pemunya sijil berhak kepada manfaat dilindungi di bawah dua sijil takaful am kumpulan atau lebih yang dikeluarkan oleh anggota penanggung insurans yang sama yang berhubungan dengan risiko kejadian yang sama berkenaan dengan hayat sertaan yang sama; atau
- (ii) seseorang pemunya polisi berhak kepada manfaat dilindungi di bawah dua polisi am kumpulan atau lebih yang dikeluarkan oleh anggota penanggung insurans yang sama yang berhubungan dengan risiko kejadian yang sama berkenaan dengan orang diinsuranskan hayat yang sama,

agregat manfaat takaful atau insurans itu berkenaan dengan setiap hayat sertaan atau orang diinsuranskan hayat yang baginya sijil takaful am kumpulan atau polisi am kumpulan

itu adalah berhubungan hendaklah dilindungi setakat apa-apa amaun yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan;

(i) jika—

- (i) seseorang pemunya sijil berhak kepada manfaat dilindungi di bawah suatu sijil takaful keluarga dan suatu sijil takaful keluarga kumpulan yang dikeluarkan oleh anggota penanggung insurans yang sama yang berhubungan dengan risiko kejadian yang sama berkenaan dengan hayat sertaan yang sama; atau
- (ii) seseorang pemunya polisi berhak kepada manfaat dilindungi di bawah suatu polisi hayat dan suatu polisi hayat kumpulan yang dikeluarkan oleh anggota penanggung insurans yang sama berhubungan dengan risiko kejadian yang sama berkenaan dengan orang diinsuranskan hayat yang sama,

agregat manfaat takaful atau insurans itu berkenaan dengan setiap hayat sertaan atau orang diinsuranskan hayat yang dengannya sijil takaful keluarga dan sijil takaful keluarga kumpulan itu atau polisi hayat dan polisi hayat kumpulan itu adalah berhubungan hendaklah dilindungi setakat apa-apa amaun yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan; dan

(j) jika—

- (i) seseorang pemunya sijil berhak kepada manfaat dilindungi di bawah suatu sijil takaful am dan satu sijil takaful am kumpulan atau lebih yang dikeluarkan oleh anggota penanggung insurans yang sama yang berhubungan dengan risiko kejadian yang sama berkenaan dengan hayat sertaan yang sama; atau
- (ii) seseorang pemunya polisi berhak kepada manfaat

dilindungi di bawah suatu polisi am dan satu polisi am kumpulan atau lebih yang dikeluarkan oleh anggota penanggung insurans yang sama yang berhubungan dengan risiko kejadian yang sama berkenaan dengan orang diinsuranskan hayat yang sama,

agregat manfaat takaful atau insurans itu berkenaan dengan setiap hayat sertaan atau orang diinsuranskan hayat yang baginya sijil takaful am dan sijil takaful am kumpulan itu atau polisi am dan polisi am kumpulan itu adalah berhubungan hendaklah dilindungi setakat apa-apa amaun yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan.

(5) Dalam hal seseorang pemunya sijil atau polisi yang berhak kepada manfaat dilindungi di bawah hanya satu sijil takaful atau polisi dengan suatu anggota penanggung insurans, manfaat takaful atau insurans itu hendaklah dilindungi setakat amaun berkaitan yang ditetapkan di bawah perenggan (4)(a), (b) atau (c).

(6) Dalam hal seseorang pemunya sijil atau polisi yang berhak kepada manfaat dilindungi di bawah perenggan (4)(a), (b), (g) atau (i) dan menyerahkan sijil takaful keluarga atau polisi hayatnya, atau sijil takaful keluarga kumpulan atau polisi hayat kumpulannya, agregat nilai serahan berkenaan dengan setiap hayat sertaan atau orang diinsuranskan hayat hendaklah dilindungi setakat apa-apa amaun yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan.

(7) Bagi mengelakkan keraguan, suatu amaun yang ditetapkan di bawah subseksyen (4) boleh berhubungan dengan apa-apa jenis, perihalan atau kategori manfaat dilindungi dan amaun berbeza boleh ditetapkan bagi jenis, perihalan atau kategori manfaat takaful dan insurans dilindungi yang berbeza.

Pemindahan sijil atau polisi antara anggota penanggung insurans

70. (1) Jika liabiliti sijil takaful atau polisi insurans suatu anggota penanggung insurans (dalam seksyen ini disebut “anggota pemindah”) dipindahkan kepada dan diambil alih oleh anggota penanggung

insurans lain, manfaat dilindungi itu hendaklah disifatkan sebagai dan akan terus dilindungi secara berasingan oleh Perbadanan sehingga penunaian obligasi anggota pemindah berkenaan dengan manfaat takaful atau insurans itu.

(2) Jika terdapat suatu pemindahan liabiliti sijil takaful atau polisi insurans di bawah subseksyen (1)—

- (a) anggota pemindah itu hendaklah memberikan notis mengenai pemindahan liabiliti sijil takaful atau polisi insurans dan perlindungan berasingan yang berterusan yang disebut dalam subseksyen (1); dan
- (b) Perbadanan boleh memberikan notis mengenai perkara yang disebut dalam perenggan (a) jika pada pendapat Perbadanan, kepentingan awam menghendaki supaya notis itu diberikan,

melalui penyiaran dalam sekurang-kurangnya dua akhbar harian yang disiarkan di Malaysia, salah satu daripadanya hendaklah dalam bahasa kebangsaan.

(3) Anggota penanggung insurans hendaklah menyenggara apa-apa rekod yang dikehendaki oleh Perbadanan bagi maksud subseksyen (1).

(4) Anggota penanggung insurans yang melanggar perenggan (2)(a) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit dan boleh, sebagai tambahan, dikenakan denda harian tidak melebihi lima puluh ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Bab 2

Levi

Takrif

70A. (1) Bagi maksud Bab ini—

- (a) “pihak pemindah” ertinya seseorang, termasuk suatu anggota penanggung insurans, yang memindahkan perniagaannya di bawah skim pemindahan perniagaan;
- (b) “skim pemindahan perniagaan” merujuk kepada suatu skim pemindahan bagi keseluruhan atau bahagian material perniagaan takaful keluarga atau insurans hayat atau perniagaan takaful am atau insurans am; dan
- (c) “tarikh pemindahan” ertinya tarikh suatu skim pemindahan perniagaan berkuat kuasa sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(b), Perbadanan boleh menentukan perkara yang menjadi suatu bahagian material perniagaan takaful keluarga atau insurans hayat atau perniagaan takaful am atau insurans am.

Levi pertama berkenaan dengan anggota penanggung insurans baharu

71. (1) Tertakluk pada subseksyen (2) dan (3), Perbadanan hendaklah mentaksir dan memungut levi pertama yang kena dibayar oleh suatu anggota penanggung insurans baharu bagi tahun taksiran yang ia menjadi suatu institusi anggota seperti yang berikut:

- (a) dua ratus lima puluh ribu ringgit; atau
- (b) suatu amaun berdasarkan suatu kadar yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan dan dikira mengikut seksyen 71A,

mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

(2) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen (3), jika perniagaan satu atau lebih pihak pemindah dipindahkan di bawah skim pemindahan perniagaan kepada suatu anggota penanggung insurans baharu, Perbadanan hendaklah

mentaksir dan memungut levi pertama yang kena dibayar oleh anggota penanggung insurans baharu seperti yang berikut:

- (a) dua ratus lima puluh ribu ringgit; atau
- (b) suatu amaun berdasarkan suatu kadar yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan dan dikira mengikut seksyen 71A,

mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

(3) Jika perniagaan satu atau lebih anggota penanggung insurans sahaja dipindahkan di bawah skim pemindahan perniagaan kepada suatu anggota penanggung insurans baharu—

- (a) sebelum tarikh kena bayar tahunan yang disebut dalam subseksyen 72(1) dalam suatu tahun taksiran, tiada levi tahunan yang dikehendaki untuk dibayar oleh anggota penanggung insurans bagi tahun taksiran itu; dan
- (b) selepas tarikh kena bayar tahunan yang disebut dalam subseksyen 72(1) dalam suatu tahun taksiran, tiada levi pertama yang dikehendaki untuk dibayar oleh anggota penanggung insurans baharu itu.

(4) Bagi mengelakkan keraguan, kadar yang berbeza boleh ditetapkan di bawah subseksyen (1) dan (2) bagi kategori yang anggota penanggung insurans baharu dikelaskan di bawah peraturan-peraturan levi dan kadar yang berbeza boleh terpakai bagi kategori anggota penanggung insurans baharu yang berbeza.

(5) Anggota penanggung insurans baharu hendaklah membayar levi pertama kepada Perbadanan dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh ia menjadi suatu anggota atau apa-apa tempoh lain yang ditentukan oleh Perbadanan.

Pengiraan levi pertama berkenaan dengan anggota penanggung insurans baharu

71A. (1) Levi pertama hendaklah dikira seperti yang berikut:

- (a) levi pertama yang kena dibayar oleh suatu anggota penanggung insurans baharu hendaklah dikira berdasarkan asas sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri;
- (b) levi pertama berkenaan dengan perniagaan takaful keluarga, takaful am, insurans hayat dan insurans am hendaklah dikira secara berasingan; dan
- (c) kadar levi yang terpakai bagi setiap anggota penanggung insurans baharu hendaklah berdasarkan apa-apa kriteria yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan.

(2) Levi pertama yang kena dibayar oleh suatu anggota penanggung insurans baharu hendaklah berdasarkan penyata yang diperakui oleh ketua eksekutif anggota penanggung insurans baharu itu dan dikemukakan dalam apa-apa bentuk dan dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dikehendaki oleh Perbadanan.

Levi tahunan berkenaan dengan anggota penanggung insurans

72. (1) Tertakluk pada perenggan 71(3)(a) dan subseksyen 73A(1), tiap-tiap anggota penanggung insurans hendaklah, bagi setiap tahun taksiran berikutan tahun taksiran yang ia menjadi institusi anggota, membayar levi tahunan pada atau sebelum tarikh kena bayar tahunan yang ditentukan oleh Perbadanan.

(2) Tertakluk pada subseksyen (3), kadar atau kadar-kadar levi tahunan adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan.

(3) Levi tahunan yang kena dibayar oleh anggota penanggung insurans bagi suatu tahun taksiran tidak boleh lebih rendah daripada

apa-apa amaun atau amaun-amaun minimum sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan.

(4) Bagi mengelakkan keraguan, kadar-kadar yang ditetapkan di bawah subseksyen (2) dan amaun-amaun minimum yang ditetapkan di bawah subseksyen (3) boleh berhubungan dengan kategori yang dalamnya anggota penanggung insurans dikelaskan di bawah peraturan-peraturan levi dan kadar dan amaun minimum yang berbeza boleh terpakai bagi kategori yang berbeza.

(5) Mana-mana anggota penanggung insurans yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit dan boleh, sebagai tambahan, dikenakan denda harian tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Pengiraan levi tahunan berkenaan dengan anggota penanggung insurans

73. (1) Tertakluk pada seksyen 73A, levi tahunan hendaklah dikira seperti yang berikut:

- (a) kadar levi yang terpakai bagi setiap anggota penanggung insurans hendaklah berdasarkan apa-apa kriteria yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan;
- (b) levi tahunan yang kena dibayar oleh suatu anggota penanggung insurans hendaklah dikira berdasarkan asas sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri;
- (c) *(Dipotong oleh Akta A1647);*
- (d) *(Dipotong oleh Akta A1647);*
- (e) *(Dipotong oleh Akta A1647);*

- (f) levi tahunan berkenaan dengan perniagaan takaful keluarga, takaful am, insurans hayat dan insurans am hendaklah dikira secara berasingan.

(2) (*Dipotong oleh Akta A1647*).

(3) Levi yang kena dibayar oleh suatu anggota penanggung insurans hendaklah berdasarkan kepada penyata yang diperaku oleh ketua eksekutif anggota penanggung insurans itu dan dikemukakan mengikut apa-apa bentuk dan dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dikehendaki oleh Perbadanan.

Levi tahunan berkenaan dengan anggota penanggung insurans di bawah skim pemindahan perniagaan

73A. (1) Jika perniagaan satu atau lebih pihak pemindah dipindahkan di bawah skim pemindahan perniagaan kepada suatu anggota penanggung insurans (dalam subseksyen ini disebut sebagai “anggota penerima pindahan”) sebelum tarikh kena bayar tahunan yang disebut dalam subseksyen 72(1) dalam suatu tahun taksiran—

- (a) anggota penerima pindahan hendaklah membayar levi tahunan bagi tahun taksiran itu yang dikira berdasarkan asas sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri;
- (b) levi tahunan yang kena dibayar di bawah perenggan (a) hendaklah—
 - (i) berdasarkan kadar dan tertakluk pada amaun minimum yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan; dan
 - (ii) dikira mengikut apa-apa cara dan dibayar dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan; dan
- (c) pihak pemindah tidak dikehendaki untuk membayar levi tahunan di bawah seksyen 72 bagi tahun taksiran itu.

(2) Jika perniagaan satu atau lebih bukan anggota penanggung insurans dipindahkan di bawah skim pemindahan perniagaan kepada suatu anggota penanggung insurans (dalam subseksyen ini disebut sebagai “anggota penerima pindahan”) selepas tarikh kena bayar tahunan yang disebut dalam subseksyen 72(1) dalam suatu tahun taksiran—

- (a) anggota penerima pindahan itu hendaklah, walaupun ia telah membayar levi tahunan di bawah subseksyen 72(1), membayar levi tahunan tambahan yang dikira berdasarkan asas sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri; dan
- (b) levi tahunan tambahan yang kena dibayar di bawah perenggan (a) hendaklah —
 - (i) berdasarkan kadar dan tertakluk pada amaun minimum yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan; dan
 - (ii) dikira mengikut apa-apa cara dan dibayar dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

(3) Bagi mengelakkan keraguan, kadar yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) dan (2) dan amaun minimum yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) dan (2) boleh berhubung dengan kategori yang anggota penanggung insurans dikelaskan di bawah peraturan-peraturan levi dan kadar dan amaun minimum yang berbeza boleh terpakai bagi kategori yang berbeza.

(4) Mana-mana anggota penanggung insurans yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit dan hendaklah, sebagai tambahan, dikenakan denda harian tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Tiada tolakan berkeñaan dengan anggota penanggung insurans

74. Melainkan jika Perbadanan bersetuju sebaliknya dalam mana-mana hal tertentu, tiada pembayaran levi atau surcay levi yang terhutang kepada Perbadanan oleh anggota penanggung insurans boleh dilepaskan, dikurangkan atau selainnya diselaraskan oleh sebab apa-apa tuntutan anggota penanggung insurans terhadap Perbadanan.

Surcay levi berkeñaan dengan anggota penanggung insurans

75. (1) Walau apa pun bayaran levi pertama berkeñaan dengan tahun taksiran pertama atau levi tahunan berkeñaan dengan mana-mana tahun taksiran tertentu, Perbadanan boleh mentaksirkan dan memungut suatu surcay levi daripada anggota penanggung insurans berkeñaan dengan tahun taksiran itu atau mana-mana bahagiannya mengikut seksyen ini.

(2) Surcay levi yang kena dibayar oleh anggota penanggung insurans di bawah subseksyen (1) dalam mana-mana tahun taksiran tertentu tidak boleh melebihi levi yang kena dibayar oleh anggota penanggung insurans itu berkeñaan dengan tahun taksiran yang sebelumnya atau satu juta ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

(3) Jika, pada pendapat Perbadanan anggota penanggung insurans—

(a) (*Dipotong oleh Akta A1505*);

(b) telah tidak atau tidak mematuhi terma dan syarat keanggotaan, mana-mana aku janji yang diberikan kepada atau perjanjian yang dibuat dengan Perbadanan, atau mana-mana peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, perintah, undang-undang kecil, pemberitahuan, arahan, garis panduan, pekeliling atau nota Perbadanan berkeñaan dengan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans;

- (c) telah tidak atau tidak mematuhi permintaan bagi mendapatkan maklumat atau telah menyekat hak untuk mendapat akses kepada maklumat oleh Perbadanan, Bank Negara Malaysia atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Perbadanan, di bawah Akta ini; atau
- (d) telah tidak atau tidak menyenggara rekod manfaat takaful atau insurans dengan sewajarnya atau membuat salah peninggalan, mengenai apa-apa maklumat, termasuk maklumat tentang liabiliti takaful atau insurans, atau sumbangan bersih atau premium bersih yang digunakan sebagai suatu asas bagi apa-apa pentaksiran levi di bawah Bahagian ini,

Perbadanan hendaklah—

- (A) jika ia bercadang untuk mengenakan surcay levi ke atas anggota penanggung insurans itu, berunding dengan Bank Negara Malaysia tentang alasan untuk mengenakan suatu surcay levi dan amaun surcay levi itu;
- (B) memberi anggota penanggung insurans itu suatu peluang untuk membuat representasi kepada Perbadanan tentang apa-apa cadangan surcay levi dalam tempoh tujuh hari dari tarikh suatu notis bertulis dikeluarkan oleh Perbadanan kepada anggota penanggung insurans itu.

(4) Jika Perbadanan menerima representasi daripada anggota penanggung insurans itu dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam perenggan (3)(B), Perbadanan hendaklah menimbang representasi itu dalam memutuskan sama ada untuk mengenakan suatu surcay levi dan jika ya, memutuskan amaun surcay levi itu.

(5) Jika Perbadanan memutuskan untuk mengenakan suatu surcay levi, Perbadanan hendaklah mendapatkan kelulusan bertulis daripada Menteri sebelum mengenakan surcay levi itu ke atas anggota penanggung insurans itu.

(6) Suatu surcay levi hendaklah dikenakan oleh Perbadanan melalui notis bertulis kepada anggota penanggung insurans itu dan hendaklah kena dibayar kepada Perbadanan dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh notis itu atau apa-apa tempoh lain yang ditentukan oleh Perbadanan.

(7) Apa-apa pendapat yang dibentuk atau keputusan yang dibuat oleh Perbadanan yang berhubungan dengan pengenaan atau amaun apa-apa surcay levi berkenaan dengan mana-mana anggota penanggung insurans adalah muktamad dan mengikat.

(8) Suatu surcay yang dibayar kepada Perbadanan di bawah seksyen ini hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan.

Caj lampau tempoh berkenaan dengan anggota penanggung insurans

76. Jika mana-mana levi atau surcay levi yang terhutang dan kena dibayar di bawah seksyen 71, 72 atau 75 belum dibayar oleh anggota penanggung insurans pada tarikh kena dibayar, levi atau surcay levi yang belum dibayar itu hendaklah, tanpa penyampaian notis lanjutan kepada anggota penanggung insurans itu, dinaikkan ke suatu jumlah yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan levi yang belum dibayar.

Peraturan-peraturan levi berkenaan dengan anggota penanggung insurans

77. Perbadanan boleh membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan penentuan levi pertama dan levi tahunan termasuk—

- (a) penubuhan suatu sistem pengkelasan anggota penanggung insurans dalam kategori berbeza; dan
- (b) kriteria atau faktor yang hendak diambil kira dan tatacara yang hendak diikuti oleh Perbadanan dalam menentukan

kategori yang dalamnya anggota penanggung insurans itu dikelaskan.

Levi dan surcay atas anggota penanggung insurans disifatkan diperoleh

78. (1) Tertakluk pada subseksyen (2), apa-apa levi atau surcay levi yang kena dibayar di bawah Bahagian ini hendaklah disifatkan sebagai diperoleh sepenuhnya apabila kena dibayar dan tidaklah boleh dibayar balik.

(2) Menteri boleh, atas syor Perbadanan, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* —

- (a) memperuntukkan pengurangan sebahagian atau keseluruhan, penepian, pembayaran balik atau rebat amaun apa-apa levi atau surcay levi kepada mana-mana anggota penanggung insurans; dan
- (b) menentukan apa-apa syarat berkenaan dengan perenggan (a).

Bab 3

Bayaran

Takrif

78A. Bagi maksud Bab ini —

- (a) “nilai polisi hayat itu” ertinya nilai sebagaimana yang ditetapkan di bawah subseksyen 83(3);
- (b) “nilai sijil takaful keluarga itu” ertinya nilai sebagaimana yang ditetapkan di bawah subseksyen 83(2); dan
- (c) “sumbangan takaful” ertinya amaun yang kena dibayar oleh pemunya sijil kepada pengendali takaful di bawah suatu

sijil takaful dan termasuklah apa-apa saraan bagi fungsi dan kewajipan yang diambil alih oleh pengendali takaful itu.

Bayaran berkenaan dengan manfaat dilindungi

79. (1) Semua bayaran yang dibuat oleh Perbadanan berkenaan dengan—

- (a) manfaat dilindungi di bawah takaful keluarga dan segala kos yang berhubung dengannya hendaklah dibuat daripada kumpulan wang perlindungan takaful keluarga;
- (b) manfaat dilindungi di bawah polisi hayat dan segala kos yang berhubung dengannya hendaklah dibuat daripada kumpulan wang perlindungan insurans hayat;
- (c) manfaat dilindungi di bawah takaful am dan segala kos yang berhubung dengannya hendaklah dibuat daripada kumpulan wang perlindungan takaful am; dan
- (d) manfaat dilindungi di bawah polisi am dan segala kos yang berhubung dengannya hendaklah dibuat daripada kumpulan wang perlindungan insurans am.

(2) Semua sebutan dalam Bab ini mengenai anggota penanggung insurans termasuklah, jika berkenaan, suatu bekas anggota penanggung insurans yang keanggotaannya telah dibatalkan di bawah seksyen 38 atau ditamatkan di bawah seksyen 39.

Bayaran wajib berkenaan dengan manfaat dilindungi

80. (1) Perbadanan hendaklah membuat bayaran berkenaan dengan suatu manfaat dilindungi jika suatu perintah penggulungan telah dibuat berkenaan dengan—

- (a) anggota penanggung insurans yang telah mengeluarkan sijil takaful atau polisi insurans itu; atau

- (b) suatu anggota penanggung insurans yang kepadanya liabiliti sijil takaful atau polisi insurans itu telah dipindahkan di bawah subseksyen 70(1).

(2) Jika Perbadanan berkewajipan untuk membuat bayaran di bawah subseksyen (1), Perbadanan hendaklah, berdasarkan sijil takaful atau polisi insurans itu dan apa-apa dokumentasi sokongan yang termasuk dalam rekod anggota penanggung insurans itu, membuat bayaran kepada mana-mana orang sebagaimana Perbadanan berpendapat ternyata berhak ke atasnya.

(3) Apa-apa keputusan yang dibuat oleh Perbadanan yang berhubungan dengan orang yang berhak kepada suatu bayaran atau amaun yang hendaklah dibayar berkenaan dengan suatu manfaat dilindungi adalah muktamad dan mengikat.

(4) *(Dipotong oleh Akta A1505).*

(5) Bagi mengelakkan keraguan, berkenaan dengan suatu sijil takaful keluarga atau polisi hayat—

- (a) nilai sijil takaful keluarga itu atau nilai polisi hayat itu yang disebut dalam perenggan 83(2)(b), 83(3)(b) atau subseksyen 84(3) ialah suatu manfaat dilindungi; dan
- (b) walau apa pun subseksyen 83(2), 83(3) dan 84(3), Perbadanan berkewajipan untuk membuat bayaran berkenaan dengan setiap hayat sertaan atau orang diinsuranskan hayat seperti yang berikut:
 - (i) jika terdapat satu sijil atau polisi, nilai sijil takaful keluarga itu atau nilai polisi hayat itu hanya setakat apa-apa amaun yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan; dan
 - (ii) jika terdapat dua atau lebih sijil atau polisi, agregat nilai sijil takaful keluarga itu atau nilai polisi hayat itu hanya setakat apa-apa amaun yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan.

Bayaran budi bicara berkenaan dengan manfaat dilindungi

81. Perbadanan boleh, dengan kebenaran bertulis Menteri terlebih dahulu, membuat bayaran berkenaan dengan suatu manfaat dilindungi jika—

- (a) anggota penanggung insurans yang telah mengeluarkan sijil takaful atau polisi insurans itu atau anggota penanggung insurans yang kepadanya liabiliti sijil takaful atau polisi insurans itu telah dipindahkan di bawah subseksyen 70(1), tidak dapat membuat apa-apa bayaran berkenaan dengan manfaat dilindungi itu, disebabkan oleh—
 - (i) suatu perintah mahkamah;
 - (ii) apa-apa tindakan yang diambil oleh suatu badan kawal selia atau Perbadanan; atau
 - (iii) apa-apa tindakan yang diambil oleh penerima, pengurus atau penerima dan pengurus dalam tempoh anggota penanggung insurans itu berada dalam penerimaan;
- (b) suatu petisyen penggulangan terhadap anggota penanggung insurans itu telah dikemukakan kepada mahkamah; atau
- (c) keanggotaan anggota penanggung insurans itu dibatalkan atau ditamatkan.

Bayaran pendahuluan berkenaan dengan manfaat dilindungi

82. Bagi mengelakkan keraguan, Perbadanan boleh menggunakan budi bicaranya berkenaan dengan seksyen 80 atau 81 untuk membuat apa-apa bayaran atau bayaran sebahagian kepada mana-mana benefisiari takaful atau orang diinsuranskan berkenaan dengan apa-apa manfaat dilindungi mendahului bayaran kepada mana-mana benefisiari takaful atau orang diinsuranskan yang lain.

Pemberhentian polisi insurans dan sijil takaful dalam penggulungan

83. (1) Suatu sijil takaful am atau takaful keluarga atau suatu polisi am atau polisi hayat hendaklah terhenti daripada berkuat kuasa pada tarikh perintah penggulungan.

(2) Jika suatu sijil terhenti berkuat kuasa di bawah subseksyen (1), pemunya sijil adalah layak untuk menuntut sebagai hutang yang kena dibayar kepadanya oleh anggota penanggung insurans disebabkan oleh sijil itu—

- (a) berkenaan dengan sijil takaful amnya, pemulangan sebahagian daripada sumbangan takaful yang sepadan dengan baki tempoh sijil takaful itu;
- (b) berkenaan dengan sijil takaful keluarganya, nilai sijil takaful keluarga itu;
- (c) nilai pelaburan atau simpanan yang dipegang secara berasingan berkenaan dengan sijil takaful itu; atau
- (d) apa-apa pemulangan atau amaun lain,

yang hendaklah dipastikan atas apa-apa asas sebagaimana yang ditetapkan oleh Perbadanan.

(3) Jika suatu polisi terhenti berkuat kuasa di bawah subseksyen (1), pemunya polisi adalah layak untuk menuntut sebagai hutang yang kena dibayar kepadanya oleh anggota penanggung insurans disebabkan oleh polisi itu—

- (a) berkenaan dengan polisi amnya, pemulangan sebahagian daripada premium yang sepadan dengan baki tempoh polisi itu;
- (b) berkenaan dengan polisi hayatnya, nilai polisi hayat itu;

- (c) nilai pelaburan atau simpanan yang dipegang secara berasingan berkenaan dengan polisi itu; atau
- (d) apa-apa pemulangan atau amaun lain,

yang hendaklah dipastikan atas apa-apa asas sebagaimana yang ditetapkan oleh Perbadanan.

(4) Bagi mengelakkan keraguan—

- (a) subseksyen (1) dan (2) tidak boleh berkuat kuasa untuk meniadakan apa-apa hak seseorang pemunya sijil atau mana-mana benefisiari takaful lain terhadap anggota penanggung insurans itu berkenaan dengan mana-mana risiko kejadian yang telah berlaku sebelum tarikh perintah penggulangan, yang dalam hal ini, pemunya sijil atau benefisiari takaful lain itu adalah layak untuk menuntut sebagai hutang yang kena dibayar kepadanya oleh anggota penanggung insurans itu, amaun yang kena dibayar kepadanya disebabkan oleh risiko kejadian yang telah berlaku itu; dan
- (b) subseksyen (1) dan (3) tidak boleh berkuat kuasa untuk meniadakan apa-apa hak seseorang pemunya polisi atau mana-mana orang diinsuranskan yang lain terhadap anggota penanggung insurans itu berkenaan dengan mana-mana risiko kejadian yang telah berlaku sebelum tarikh perintah penggulangan, yang dalam hal ini, pemunya polisi atau orang diinsuranskan yang lain itu adalah layak untuk menuntut sebagai hutang yang kena dibayar kepadanya oleh anggota penanggung insurans itu, amaun yang kena dibayar kepadanya disebabkan oleh risiko kejadian yang telah berlaku itu.

Penentuan bayaran wajib bagi sijil takaful keluarga dan polisi hayat

84. (1) Tertakluk pada subseksyen (2), jika, dalam tempoh tiga bulan

dari tarikh perintah penggulungan, Perbadanan menerima suatu tuntutan daripada seseorang benefisiari takaful atau orang diinsuranskan yang menyatakan bahawa suatu risiko kejadian di bawah takaful keluarga atau polisi hayat telah berlaku sebelum tarikh perintah penggulungan yang berkenaan dengannya bayaran belum dibuat oleh atau bagi pihak anggota penanggung insurans, amaun bayaran wajib berkenaan dengan suatu manfaat dilindungi hendaklah dikira berdasarkan kewajipan anggota penanggung insurans itu yang timbul apabila risiko kejadian itu berlaku.

(2) Bayaran wajib itu hendaklah tertakluk pada—

- (a) penerimaan tuntutan itu oleh Perbadanan dalam tempoh tiga bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen (1) mengikut apa-apa cara dan dengan apa-apa dokumentasi sokongan sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan;
- (b) bukti, sehingga dengan semunasabahnya memuaskan hati Perbadanan, bahawa risiko kejadian itu berlaku sebelum tarikh perintah penggulungan, jika Perbadanan berpendapat bahawa dokumentasi sokongan yang disebut dalam perenggan (a) tidaklah mencukupi; dan
- (c) kesahan tuntutan itu.

(3) Jika mana-mana syarat yang dinyatakan dalam subseksyen (1) dan (2) tidak dipenuhi, amaun bayaran wajib hendaklah berdasarkan kepada nilai sijil takaful keluarga itu atau nilai polisi hayat itu berkenaan dengan sijil takaful keluarga atau polisi hayat.

(4) Jika pemunya sijil atau pemunya polisi menyerahkan sijil takaful keluarga atau polisi hayatnya sebelum tarikh perintah penggulungan, amaun bayaran wajib hendaklah dikira berdasarkan nilai serahan sijil takaful keluarga atau polisi hayat itu pada masa serahan.

(5) Apa-apa keputusan yang dibuat oleh Perbadanan yang berhubungan dengan orang yang berhak kepada suatu bayaran atau

amaun yang hendaklah dibayar berkenaan dengan suatu manfaat dilindungi adalah muktamad dan mengikat.

Penentuan bayaran wajib bagi sijil takaful am dan polisi am

85. (1) Walau apa pun mana-mana peruntukan lain dalam undang-undang atau terma apa-apa sijil takaful atau polisi atau perjanjian lain, jika suatu petisyen penggulungan terhadap anggota penanggung insurans dikemukakan di mahkamah, Perbadanan boleh, dengan notis terdahulu tidak kurang daripada tiga puluh hari mengikut seksyen 86, menamatkan sijil takaful am atau polisi am yang memperuntukkan jenis manfaat takaful atau manfaat insurans yang dilindungi di bawah sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans.

(2) Tertakluk pada subseksyen (3), jika Perbadanan menerima suatu tuntutan daripada seseorang benefisiari takaful atau orang diinsuranskan yang menyatakan bahawa suatu risiko kejadian di bawah takaful am atau polisi am telah berlaku sebelum tarikh sijil takaful atau polisi itu terhenti berkuat kuasa yang berkenaan dengannya bayaran belum dibuat oleh atau bagi pihak anggota penanggung insurans, amaun bayaran wajib berkenaan dengan suatu manfaat dilindungi hendaklah dikira berdasarkan kepada kewajipan anggota penanggung insurans itu yang timbul apabila risiko kejadian itu berlaku.

(3) Bayaran wajib itu hendaklah tertakluk pada—

- (a) penerimaan tuntutan itu oleh Perbadanan dalam apa-apa tempoh, dan mengikut cara dan dengan apa-apa dokumentasi sokongan yang ditentukan oleh Perbadanan;
- (b) bukti, pada kepuasan munasabah Perbadanan, bahawa risiko kejadian itu berlaku sebelum tarikh sijil takaful atau polisi itu terhenti berkuat kuasa, jika Perbadanan berpendapat bahawa dokumentasi sokongan yang disebut dalam perenggan (a) tidaklah mencukupi; dan
- (c) kesahan tuntutan itu.

(4) Jika mana-mana syarat yang dinyatakan dalam subseksyen (2) dan (3) tidak dipenuhi, amaun bayaran wajib hendaklah berdasarkan amaun yang sepatutnya kena dibayar sebagai hutang yang kena dibayar kepada pemunya sijil atau pemunya polisi pada tarikh sijil takaful atau polisi itu terhenti berkuat kuasa sebagai pemulangan sebahagian daripada sumbangan takaful atau premium yang sepadan dengan baki tempoh sijil takaful atau polisi itu.

(5) Walau apa pun peruntukan seksyen 80 atau 81, Perbadanan boleh membuat bayaran yang disebut dalam seksyen ini pada bila-bila masa selepas suatu petisyen penggulangan terhadap anggota penanggung insurans itu dikemukakan di mahkamah.

(6) Walau apa pun mana-mana peruntukan yang bertentangan dalam sijil takaful atau polisi atau perjanjian lain, seseorang benefisiari takaful atau orang diinsuranskan disifatkan sebagai berhak di bawah sijil takaful atau polisi itu untuk membuat suatu tuntutan terhadap anggota penanggung insurans itu berdasarkan kewajipan anggota penanggung insurans itu berkenaan dengan suatu risiko kejadian yang berlaku sebelum tarikh sijil takaful atau polisi itu terhenti berkuat kuasa dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Perbadanan.

(7) Apa-apa keputusan yang dibuat oleh Perbadanan berkaitan dengan orang yang berhak kepada suatu bayaran atau amaun yang hendaklah dibayar berkenaan dengan suatu manfaat dilindungi adalah muktamad dan mengikat.

Pemberitahuan oleh Perbadanan

86. (1) Perbadanan hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, selepas pemfailan suatu petisyen penggulangan terhadap suatu anggota penanggung insurans, memberitahu pemunya sijil atau pemunya polisi perkara yang berikut:

- (a) tarikh yang ditetapkan untuk mendengar petisyen itu;
- (b) tempoh masa untuk memfailkan dengan Perbadanan tuntutan berkenaan dengan manfaat takaful keluarga atau

polisi hayat dilindungi berdasarkan risiko kejadian yang telah berlaku atau berlaku sebelum tarikh perintah penggulungan;

- (c) tempoh masa untuk memfailkan dengan Perbadanan tuntutan berkenaan dengan manfaat takaful am ataupun polisi am dilindungi berdasarkan risiko kejadian yang telah berlaku atau berlaku sebelum tarikh sijil takaful atau polisi itu terhenti berkuat kuasa; dan
- (d) apa-apa maklumat berkaitan yang lain yang ditentukan oleh Perbadanan.

(2) Pemberitahuan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dibuat melalui pos biasa yang dihantar ke alamat pemunya sijil atau pemunya polisi yang terakhir ditunjukkan dalam rekod anggota penanggung insurans dan melalui iklan dalam sekurang-kurangnya dua akhbar harian yang disiarkan di Malaysia, salah satu daripadanya hendaklah dalam bahasa kebangsaan.

Pengiraan pulangan atau bunga atas manfaat dilindungi bagi bayaran wajib

87. Bagi maksud mengira bayaran wajib oleh Perbadanan berkenaan dengan apa-apa manfaat dilindungi jika suatu perintah penggulungan telah dibuat berkenaan dengan anggota penanggung insurans, manfaat dilindungi itu, termasuk pulangan atau bunga yang terakru berhubung dengan kewajipan di bawah sijil takaful atau polisi insurans hendaklah, walau apa pun mana-mana peruntukan lain dalam undang-undang, dimasukkan hanya sehingga tarikh pemfailan petisyen penggulungan.

Perbadanan boleh membayar pulangan atau bunga atas bayaran wajib berkenaan dengan manfaat dilindungi

88. Jika Perbadanan membuat suatu bayaran wajib di bawah seksyen 80, Perbadanan boleh atas budi bicaranya sendiri membayar, sebagai tambahan kepada amaun yang Perbadanan berkewajipan untuk

membayar, pulangan atau bunga ke atas amaun itu pada suatu kadar yang ditentukan oleh Perbadanan bagi tempoh bermula pada tarikh pemfailan petisyen penggulungan anggota penanggung insurans itu dan berakhir pada tarikh bayaran dibuat oleh Perbadanan, tetapi agregat bayaran yang dibuat di bawah seksyen ini dan seksyen 80 berhubung dengan suatu manfaat dilindungi hendaklah dalam apa-apa hal tidak melebihi apa-apa amaun yang ditetapkan di bawah subseksyen 69(4).

Pengiraan pulangan atau bunga atas manfaat dilindungi bagi bayaran budi bicara

89. Bagi maksud mengira bayaran oleh Perbadanan berkenaan dengan apa-apa manfaat dilindungi jika Perbadanan membuat suatu bayaran budi bicara—

- (a) tertakluk pada perenggan (b), pulangan atau bunga terakru berhubung dengan manfaat takaful atau insurans itu hendaklah dimasukkan hanya sehingga tarikh bayaran oleh Perbadanan; atau
- (b) jika suatu prosiding bagi penggulungan anggota penanggung insurans itu telah dimulakan sebelum tarikh bayaran oleh Perbadanan tetapi suatu perintah penggulungan belum lagi dibuat, pulangan atau bunga yang terakru itu hendaklah dimasukkan hanya sehingga tarikh pemfailan petisyen penggulungan.

Pelepasan liabiliti, dsb., berkenaan dengan manfaat dilindungi

90. (1) Bayaran di bawah Bab ini oleh Perbadanan yang berkenaan dengan apa-apa manfaat dilindungi melepaskan Perbadanan daripada segala liabiliti setakat amaun bayaran yang dibuat berkenaan dengan manfaat dilindungi itu, dan dalam apa-apa hal pun Perbadanan tidak mempunyai apa-apa kewajipan untuk memastikan bayaran yang dibuat itu digunakan sewajarnya dalam apa-apa cara.

(2) Perbadanan boleh membuat bayaran di bawah seksyen 80, 81, 82 atau 88 mengikut apa-apa cara yang disifatkan sesuai oleh Perbadanan.

(3) Tanpa menjejaskan subseksyen (2), Perbadanan boleh membuat bayaran dengan—

- (a) mengaturkan supaya liabiliti bagi manfaat dilindungi dipindahkan kepada dan diambil alih oleh anggota penanggung insurans, dengan syarat bahawa kewajipan itu hendaklah diambil alih oleh pengendali takaful atau syarikat insurans mengikut sama ada manfaat dilindungi itu adalah di bawah suatu sijil takaful atau polisi insurans; atau
- (b) membayar kepada orang yang dianggap oleh Perbadanan sebagai berhak kepada bayaran nilai sijil takaful keluarga itu atau nilai polisi hayat itu tetapi dalam apa-apa hal tidak melebihi amaun maksimum perlindungan yang diberikan oleh Perbadanan berkenaan dengan manfaat itu.

Subrogasi berkenaan dengan manfaat dilindungi

91. Jika Perbadanan membuat suatu bayaran di bawah Bab ini berkenaan dengan apa-apa manfaat dilindungi, Perbadanan adalah disubrogasi, setakat amaun bayaran yang dibuat, terhadap semua hak dan kepentingan benefisiari takaful atau orang diinsuranskan berhubung dengan manfaat dilindungi itu dan boleh mengambil suatu tindakan berkenaan dengan hak dan kepentingan itu atas nama benefisiari takaful atau orang diinsuranskan itu atau atas nama Perbadanan.

Penyerahhakan berkenaan dengan manfaat dilindungi

92. Jika Perbadanan menyifatkannya sebagai wajar, Perbadanan boleh menahan bayaran berkenaan dengan apa-apa manfaat dilindungi sehingga ia telah menerima suatu penyerahhakan secara bertulis terhadap semua hak dan kepentingan benefisiari takaful atau orang diinsuranskan berhubung dengan manfaat dilindungi itu.

Had masa bagi tindakan berkenaannya dengan manfaat dilindungi

93. Had masa untuk memulakan suatu tindakan terhadap Perbadanan berkenaannya dengan kewajipan Perbadanan di bawah subseksyen 80(2) untuk membuat bayaran berhubung dengan suatu sijil takaful atau polisi insurans deposit adalah sepuluh tahun selepas tarikh pemfailan petisyen penggulangan.

94. *(Dipotong oleh Akta A1505).*

BAHAGIAN VI

PEMERIKSAAN INSTITUSI ANGGOTA

Bank Negara Malaysia hendaklah menyediakan maklumat

95. Bank Negara Malaysia hendaklah, dalam masa yang sesuai, menyediakan kepada Perbadanan—

- (a) laporan bertulis selepas pemeriksaan yang dijalankan di bawah seksyen 146 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau seksyen 158 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 atau mana-mana undang-undang lain yang berkaitan yang kepadanya sesuatu institusi anggota adalah tertakluk;
- (b) suatu perkadaran atau melalui apa-apa cara lain, suatu penilaian mengenai keselamatan dan kekukuhan institusi anggota, termasuk keadaan kewangannya;
- (c) apa-apa maklumat yang difikirkan berkaitan oleh Bank Negara Malaysia mengenai apa-apa perkara yang disebut dalam perenggan (a) atau (b); atau
- (d) apa-apa maklumat yang sampai ke perhatian Bank Negara Malaysia mengenai apa-apa perubahan dalam hal keadaan institusi anggota yang boleh memberi kesan secara material terhadap kedudukan Perbadanan.

Pemeriksaan

96. (1) Bagi maksud Akta ini, Perbadanan atau Bank Negara Malaysia, atas permintaan Perbadanan, boleh memeriksa operasi sesuatu institusi anggota.

(2) Skop pemeriksaan di bawah subseksyen (1) boleh termasuk pemeriksaan mengenai —

- (a) sama ada rekod yang wajar dan mencukupi mengenai liabiliti deposit atau manfaat takaful atau insuransnya disenggarakan oleh insititusi anggota;
- (b) sama ada laporan yang dibuat oleh institusi anggota mengenai premium, levi, liabiliti deposit, liabiliti takaful atau liabiliti insuransnya adalah betul secara substansial;
- (c) pematuhan terhadap terma dan syarat atau apa-apa kehendak lain mengenai keanggotaan; atau
- (d) apa-apa hal lain yang difikirkan sesuai oleh Perbadanan, selepas berunding dengan Bank Negara Malaysia.

(3) Perbadanan boleh menugaskan orang lain untuk menjalankan apa-apa pemeriksaan di bawah subseksyen (2) atau subseksyen 97(1).

(4) Suatu salinan laporan mengenai apa-apa pemeriksaan di bawah subseksyen (1) atau yang ditugaskan di bawah subseksyen (3) hendaklah disediakan oleh Perbadanan untuk Bank Negara Malaysia dalam tempoh tiga bulan selepas siapnya laporan itu.

(5) Perbadanan boleh mendapatkan apa-apa kos dan perbelanjaan yang dilakukan di bawah seksyen ini daripada institusi anggota sebagai suatu hutang yang perlu dan kena dibayar kepada Perbadanan.

Pemeriksaan khas

97. (1) Jika Perbadanan mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa pemeriksaan usaha wajar atau pemeriksaan lain patut dibuat bagi maksud menjalankan mana-mana kuasa Perbadanan di bawah seksyen 25 atau subseksyen 99(1) atau membuat bayaran di bawah Bab 3 Bahagian IV atau Bab 3 Bahagian V, Perbadanan boleh menjalankan satu pemeriksaan khas atau lebih terhadap institusi anggota.

(2) Skop pemeriksaan khas di bawah subseksyen (1) boleh termasuk pemeriksaan rekod, buku, akaun atau dokumen dan transaksi lain institusi anggota.

(3) Bagi maksud seksyen ini, seorang pegawai, juruaudit, penerima, pengurus, penerima dan pengurus, pelikuidasi atau ejen institusi anggota atau mana-mana orang lain hendaklah mengemukakan kepada pegawai atau pekerja Perbadanan atau mana-mana orang lain yang dilantik oleh Perbadanan apa-apa dokumen, bahan, maklumat atau penjelasan yang dikehendaki oleh Perbadanan.

(4) Perbadanan boleh mendapatkan apa-apa kos dan perbelanjaan pemeriksaan khas daripada institusi anggota sebagai suatu hutang yang perlu dan kena dibayar kepada Perbadanan.

(5) Perbadanan hendaklah membuat suatu laporan kepada Bank Negara Malaysia apabila selesainya pemeriksaan khas itu.

Perancangan resolusi

97A. Perbadanan boleh merangka, mengkaji semula dan meminda pelan resolusi bagi resolusi teratur sesuatu institusi anggota.

BAHAGIAN VII

TINDAKAN OLEH PERBADANAN

*Bab 1**Tindakan berkenaan dengan institusi anggota
tidak berdaya maju***Pemberitahuan mengenai tidak berdaya maju**

98. (1) Bank Negara Malaysia boleh memberitahu Perbadanan secara bertulis jika Bank Negara Malaysia berpendapat bahawa suatu institusi anggota telah terhenti menjadi berdaya maju atau berkemungkinan terhenti menjadi berdaya maju.

(2) Pemberitahuan di bawah subseksyen (1) adalah muktamad dan mengikat.

Kuasa Perbadanan dalam hal institusi anggota tidak berdaya maju

99. (1) Jika Perbadanan telah menerima suatu pemberitahuan di bawah seksyen 98, ia boleh menjalankan satu atau lebih kuasa yang berikut:

(a) menghendaki institusi anggota itu—

- (i) supaya mengambil apa-apa langkah, atau apa-apa tindakan, atau melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan atau benda, berhubung dengan dirinya, urusannya atau pegawainya dalam masa yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Perbadanan;
- (ii) supaya berhenti daripada menerima, mengambil atau membayar semula deposit atau berhenti daripada mengeluarkan atau memperbaharui, atau membuat bayaran di bawah sijil takaful atau polisi insurans,

atau menjalankan kuasanya atau sebahagian daripada urusannya sebagaimana yang diarahkan oleh Perbadanan; atau

- (iii) untuk menyusun semula keseluruhan atau sebahagian daripada urusannya,

sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan;

- (b) memperoleh syer institusi anggota itu daripada pemegang syernya yang sedia ada atau melanggan syer yang dikeluarkan oleh institusi anggota itu mengikut dokumen konstituen institusi anggota itu;
- (c) mengambil alih kawalan keseluruhan atau sebahagian daripada aset, liabiliti, urusan dan hal ehwal institusi anggota itu, menjalankan keseluruhan atau sebahagian daripada urusannya dan menguruskan keseluruhan atau sebahagian daripada aset, liabiliti dan hal ehwalnya termasuk melupuskan aset atau urusannya atau apa-apa bahagian daripadanya, atau melantik mana-mana orang untuk berbuat demikian bagi pihak Perbadanan (dalam Bahagian ini disebut “orang dilantik”) dan terma dan syarat bagi orang dilantik termasuk arahan Perbadanan kepada orang dilantik, hendaklah ditentukan oleh Perbadanan dan hendaklah mengikat institusi anggota yang berkenaan;
- (d) memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk melantik seorang penerima, pengurus atau penerima dan pengurus (mana-mana satu orang itu disebut dalam Bahagian ini sebagai “penerima”) untuk menguruskan keseluruhan atau sebahagian daripada aset, liabiliti, urusan dan hal ehwal institusi anggota itu;
- (e) tertakluk pada kelulusan Menteri, mengemukakan suatu petisyen kepada Mahkamah Tinggi untuk menggulung institusi anggota itu;

(f) dengan kelulusan Menteri, menamakan suatu subsidiari Perbadanan sebagai institusi perantaraan;

(g) memindahkan—

(i) apa-apa aset, urusan dan hal ehwal institusi anggota itu sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan; dan

(ii) apa-apa liabiliti deposit atau liabiliti takaful atau insurans dan liabiliti lain institusi anggota itu sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan,

kepada suatu institusi perantaraan, atau menyebabkan satu pindahan demikian atau lebih, atas terma dan syarat yang ditentukan oleh Perbadanan;

(ga) dengan kelulusan Menteri, melalui suatu perintah secara bertulis, memindahkan semua atau mana-mana yang berikut:

(i) syer dan surat cara modal yang dikeluarkan oleh institusi anggota; atau

(ii) waran atau hak di bawah apa-apa surat cara yang dikeluarkan oleh institusi anggota yang memberi hak kepada pemegangnya untuk memperoleh syer dalam institusi anggota,

kepada mana-mana orang, selain Perbadanan dan mana-mana subsidiari Perbadanan, menurut peruntukan yang berhubungan dengan pemindahan wajib syer dalam Bab 2A; atau

(h) melakukan apa-apa, kombinasi mana-mana yang disebut di atas,

dengan syarat bahawa liabiliti deposit Islam hendaklah dipindahkan hanya kepada suatu institusi anggota yang merupakan suatu bank Islam

atau institusi perantaraan yang operasinya dijalankan selaras dengan Shariah dan liabiliti takaful hendaklah dipindahkan hanya kepada suatu institusi anggota yang merupakan suatu pengendali takaful atau institusi perantaraan yang operasinya dijalankan selaras dengan Shariah.

(1A) Jika Perbadanan menjalankan mana-mana kuasa di bawah subseksyen (1), institusi anggota hendaklah membayar kos, caj dan perbelanjaan Perbadanan atau orang dilantik, termasuk saraan orang dilantik, daripada aset institusi anggota itu mendahului semua tuntutan lain.

(2) Perbadanan boleh menjalankan atau terus menjalankan kuasa di bawah subseksyen (1), kecuali perenggan (1)(a), berkenaan dengan bekas institusi anggota yang keanggotaannya telah dibatalkan di bawah seksyen 38 atau ditamatkan di bawah seksyen 39 dan sebutan mengenai institusi anggota dalam Bahagian ini termasuklah, jika berkenaan, bekas institusi anggota yang keanggotaannya telah dibatalkan di bawah seksyen 38 atau ditamatkan di bawah seksyen 39.

(3) Perbadanan atau orang dilantik, dalam melaksanakan apa-apa transaksi di bawah Bahagian ini—

- (a) tidak dikehendaki untuk memberitahu atau mendapatkan kelulusan pemegang syer atau pemiutang institusi anggota dalam suatu mesyuarat agung atau selainnya, atau mana-mana pihak berkuasa kerajaan, pengawal selia atau pihak berkuasa lain apa-apa jua kecuali, jika berkenaan, pihak berkuasa Negeri yang mempunyai bidang kuasa terhadap urusan tanah, atau mana-mana orang lain yang terjejas dengan transaksi itu walau apa pun apa-apa rukun undang-undang, kontrak atau apa-apa jua dalam mana-mana undang-undang termasuk Akta Syarikat 2016 atau apa-apa jua dalam dokumen konstituen institusi anggota; dan
- (b) tidak dikehendaki untuk membuat suatu tawaran ambil alih atau dikehendaki untuk memperoleh syer pemegang syer lain mana-mana institusi anggota atau syer peminjam di bawah apa-apa perkiraan pinjaman dan peminjaman syer,

walaupun apa pun apa-apa rukun undang-undang, kontrak atau apa-apa jua dalam mana-mana undang-undang,

dan bagi mengelakkan keraguan, seseorang, selain Perbadanan, orang dilantik atau mana-mana subsidiari Perbadanan, adalah tertakluk pada kehendak, jika ada, pihak berkuasa kerajaan, pengawal selia atau yang lain apa-apa jua yang berkenaan yang mempunyai bidang kuasa terhadap pemerolehan oleh atau pelupusan kepada orang itu apa-apa aset, liabiliti atau urusan institusi anggota atau sebahagian daripadanya.

(4) Mana-mana institusi anggota yang tidak mematuhi mana-mana kehendak Perbadanan menurut seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan boleh, sebagai tambahan, dikenakan denda harian tidak melebihi lima puluh ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

(5) Perbadanan boleh memindahkan apa-apa aset atau liabiliti institusi anggota kepada suatu institusi perantaraan di bawah Bahagian ini atau menyebabkan suatu pindahan balik kepada institusi anggota akan apa-apa aset atau liabiliti itu sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan—

(a) melalui satu surat cara pindah milik atau lebih; atau

(b) mengikut undang-undang am.

(6) Suatu surat cara pindah milik yang dikeluarkan mengikut Jadual Kedua hendaklah mempunyai kesan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan hendaklah mengikat mana-mana orang yang terjejas dengannya.

(7) Apa-apa penjalanan kuasa Perbadanan di bawah Bahagian ini yang menjejaskan mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja suatu institusi anggota, termasuk pemecatan seorang pengarah, pegawai atau pekerja institusi anggota atau pengubahan atau penamatan kontrak perkhidmatan mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja institusi

anggota, adalah menurut undang-undang dan sah walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana kontrak perkhidmatan atau kontrak atau perjanjian lain, sama ada secara tersurat atau tersirat, sama ada secara berseorangan atau kolektif, dan sama ada dibuat atau tidak dibuat atau diperuntukkan atau tidak diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, dan seseorang yang dipecat daripada jawatannya atau yang kontrak perkhidmatannya diubah atau ditamatkan, tidak berhak untuk menuntut apa-apa pampasan bagi kehilangan atau penamatan jawatan itu.

Notis pengambilalihan kawalan

100. Perbadanan hendaklah memberikan notis mengenai bermulanya pengambilalihan kawalan di bawah perenggan 99(1)(c) pada bila-bila masa yang disifatkan sesuai oleh Perbadanan dengan menyiarkan notis itu dalam sekurang-kurangnya dua akhbar harian di Malaysia, salah satu daripadanya hendaklah dalam bahasa kebangsaan, dan Perbadanan boleh memberikan notis mengenai tamatnya pengambilalihan kawalan itu mengikut cara yang sama.

Peruntukan berhubung dengan pengambilalihan kawalan

101. (1) Jika kawalan sesuatu institusi anggota telah diambil alih di bawah perenggan 99(1)(c), institusi anggota dan pegawainya hendaklah dengan serta-merta menyerahkan aset, liabiliti, urusan dan hal ehwalnya kepada kawalan itu, dan hendaklah memberi Perbadanan dan, jika kawalan itu diambil alih oleh orang dilantik, juga orang dilantik, segala kemudahan yang dikehendaki untuk menjalankan urusan dan menguruskan aset, liabiliti dan hal ehwal, termasuk melupuskan aset dan memindahkan liabiliti, institusi anggota itu.

(2) Jika kawalan sesuatu institusi anggota telah diambil alih di bawah perenggan 99(1)(c), Perbadanan atau orang dilantik hendaklah kekal mengawal aset, liabiliti, urusan dan hal ehwal institusi anggota itu, dan menjalankan urusan dan menguruskan aset, liabiliti dan hal ehwal institusi anggota itu atas nama dan bagi pihak institusi itu

termasuk melupuskan aset dan memindahkan liabilitinya, sehingga pengambilalihan itu ditamatkan oleh Perbadanan.

(3) Sepanjang tempoh kawalan sesuatu institusi anggota di bawah perenggan 99(1)(c), hendaklah terletak hak pada Perbadanan atau orang dilantik segala kuasa institusi anggota, dan pengarahnya, di bawah dokumen konstituen institusi itu, atau yang boleh dijalankan oleh institusi anggota atau pengarahnya di bawah mana-mana undang-undang, atau bagaimana jua pun selainnya, tidak kira sama ada kuasa itu boleh dijalankan melalui ketetapan, ketetapan khas atau mengikut apa-apa jua cara lain.

(4) Semasa tempoh kawalan sesuatu institusi anggota di bawah perenggan 99(1)(c), tiada pengarah institusi anggota boleh, sama ada secara langsung atau tidak langsung, terlibat dalam apa-apa aktiviti berhubung dengan institusi anggota itu, kecuali sebagaimana yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Perbadanan atau orang dilantik dan tiada saraan dalam apa-apa jua jenis boleh terakru atau kena dibayar kepada mana-mana pengarah institusi anggota itu, kecuali sebagaimana yang diluluskan secara bertulis oleh Perbadanan atau orang dilantik berhubung dengan apa-apa aktiviti yang dikehendaki atau dibenarkan sebagaimana yang disebut terdahulu oleh Perbadanan atau orang dilantik.

(5) Bagi mengelakkan keraguan, dengan ini diisytiharkan bahawa perjalanan kuasa di bawah perenggan 99(1)(c) tidaklah mempunyai kesan untuk memberi, atau meletak hak pada, Perbadanan atau orang dilantik, apa-apa hak kepada, atau apa-apa kepentingan benefisial dalam, mana-mana aset institusi anggota.

(6) Jika Perbadanan atau orang dilantik telah mengambil alih kawalan institusi anggota di bawah perenggan 99(1)(c), Perbadanan atau orang dilantik—

- (a) dalam menjalankan urusan dan menguruskan aset, liabiliti, urusan atau hal ehwal institusi anggota atau dalam menjalankan mana-mana transaksi yang berhubungan dengan institusi anggota itu atau aset, liabiliti, urusan atau hal ehwalnya, termasuk melupuskan aset dan memindahkan

liabiliti, hendaklah disifatkan bertindak sebagai ejen kepada institusi anggota itu; dan

- (b) tidak boleh, dengan sebab mengambil alih kawalan institusi anggota itu atau apa-apa tindakan yang diambil olehnya, dikira sebagai telah mengambil alih atau menanggung apa-apa obligasi atau liabiliti institusi anggota itu atas dirinya sendiri.

(7) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen (1) atau (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan boleh, sebagai tambahan, dikenakan denda harian tidak melebihi lima puluh ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Kuasa mengurangkan modal syer dan membatalkan syer institusi anggota di bawah perenggan 99(1)(c)

102. (1) Jika Perbadanan atau orang dilantik, telah mengambil alih kawalan institusi anggota di bawah perenggan 99(1)(c), dan Perbadanan atau orang dilantik, berpendapat bahawa modal berbayar institusi itu telah kerugian atau tidak digambarkan oleh aset yang ada, Perbadanan atau orang dilantik boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk suatu perintah bagi mengurangkan modal syer institusi itu dengan membatalkan apa-apa bahagian modal berbayarnya yang telah kerugian atau tidak digambarkan oleh aset yang ada.

(2) Jika Mahkamah Tinggi membuat suatu perintah di bawah subseksyen (1) untuk mengurangkan modal syer sesuatu institusi anggota, Mahkamah boleh—

- (a) atas permohonan oleh Perbadanan atau orang dilantik; dan
- (b) jika, apabila habis tempoh tiga puluh hari dari tarikh apa-apa panggilan yang dibuat oleh institusi anggota itu kepada pemegang syernya supaya membayar syer mereka

masing-masing, bayaran bagi apa-apa syer itu belum lagi dibuat,

juga memerintahkan supaya syer itu yang bayarannya belum lagi dibuat dibatalkan dengan sewajarnya.

(3) Jika modal syer sesuatu institusi anggota dikurangkan di bawah subseksyen (1), atau mana-mana syernya telah dibatalkan di bawah subseksyen (2), Perbadanan atau orang dilantik boleh menyebabkan dokumen konstituen institusi itu diubah dengan sewajarnya.

(4) Kuasa yang diberikan kepada Perbadanan atau orang dilantik di bawah peruntukan yang disebut terdahulu dalam seksyen ini hendaklah sebagai tambahan kepada apa-apa kuasa yang boleh dijalankan di bawah subseksyen 116(1) Akta Syarikat 2016, dan jika sesuatu permohonan dibuat kepada Mahkamah Tinggi di bawah subseksyen (1)—

- (a) Mahkamah Tinggi boleh menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 116 Akta Syarikat 2016 berhubung dengan suatu permohonan bagi pengesahan yang disebut dalam permohonan itu; dan
- (b) seksyen 122 dan subseksyen 116(9), 116(10) dan 116(12) Akta Syarikat 2016 hendaklah terpakai berhubung dengan permohonan itu.

Penyelesaian resolusi

103. (1) Jika perbadanan telah mengambil alih kawalan atau melantik seseorang untuk berbuat demikian bagi pihaknya di bawah perenggan 99(1)(c), Perbadanan dan orang dilantik boleh, sebagai tambahan kepada mana-mana hak dan kuasanya, menjalankan apa-apa resolusi yang meliputi—

- (a) suatu transaksi atau beberapa siri transaksi yang melibatkan jualan atau pelupusan lain oleh institusi anggota itu akan kesemua atau sebahagian daripada asetnya atau

pengambilalihan oleh mana-mana orang akan kesemua atau sebahagian daripada liabilitinya atau kedua-duanya;

- (b) apa-apa transaksi atau beberapa siri transaksi lain bagi maksud untuk menyusun semula kesemua atau sebahagian daripada urusan institusi anggota itu;
- (c) satu pindahan atau lebih yang disebut dalam perenggan 99(1)(g); atau
- (d) satu pindahan atau lebih yang disebut dalam subseksyen 115(3), (4) atau (5).

(2) Jika Perbadanan menganggap bahawa resolusi yang disebut dalam subseksyen (1) telah diselesaikan secara substansial, ia hendaklah menyebabkan suatu notis mengenai perkara itu yang menyatakan tarikh resolusi itu telah, pada pendapat Perbadanan, diselesaikan secara substansial, disiarkan dalam *Warta*.

(3) Perbadanan hendaklah membuat petisyen bagi penggulungan institusi anggota itu jika, pada pendapat Perbadanan, tiada resolusi yang disebut dalam subseksyen (1) telah atau akan diselesaikan secara substansial pada atau sebelum tarikh itu, iaitu—

- (a) dua tahun selepas tarikh Perbadanan atau orang dilantik mengambil alih kawalan institusi anggota itu; atau
- (b) habisnya tempoh lanjutan terakhir yang diluluskan di bawah subseksyen (4),

mana-mana yang kemudian.

(4) Menteri boleh, atas syor Perbadanan, meluluskan satu lanjutan tempoh atau lebih yang dinyatakan dalam perenggan (3)(a) bagi suatu tempoh lanjutan yang tidak melebihi tiga tahun dan setiap lanjutan tidak boleh melebihi satu tahun.

Penubuhan Jawatankuasa Pentaksir

104. (1) Hendaklah ditubuhkan suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai “Jawatankuasa Pentaksir” dan Jadual Pertama hendaklah terpakai bagi Jawatankuasa Pentaksir itu.

(2) Jika satu transaksi atau lebih yang disebut dalam subseksyen 103(1) dilaksanakan, suatu permohonan bagi kajian semula mengikut Jadual Pertama ialah satu-satunya cara untuk mempersoalkan amaun balasan yang diterima atau boleh diterima dalam transaksi atau berberapa siri transaksi atau pengagihan dan penggunaan balasan itu, dan tiada mahkamah yang boleh mendengar apa-apa tindakan, guaman atau prosiding yang bertujuan untuk mempersoalkan amaun atau pengagihan dan penggunaan balasan itu.

(2A) Jika Perbadanan membuat suatu pemindahan yang disebut dalam perenggan 99(1)(ga) atau menghapuskan hak yang disebut dalam perenggan 128B(7)(b), suatu permohonan bagi kajian semula mengikut Jadual Pertama ialah satu-satunya cara untuk mempersoalkan amaun balasan yang diterima atau boleh diterima dalam pemindahan itu atau amaun pampasan yang diterima atau boleh diterima berkenaan dengan hak yang dihapuskan itu, dan tiada mahkamah yang boleh mendengar apa-apa tindakan, guaman atau prosiding yang bertujuan untuk mempersoalkan amaun balasan atau pampasan itu.

(2B) Suatu transaksi atau siri transaksi yang disebut dalam subseksyen 103(1) atau suatu pemindahan yang disebut dalam perenggan 99(1)(ga) atau suatu penghapusan hak yang disebut dalam perenggan 128B(7)(b) hendaklah berkuat kuasa walaupun apa-apa permohonan atau apa-apa keputusan yang dibuat berkenaan dengan kajian semula di bawah subseksyen (2) dan (2A).

(3) Apa-apa keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pentaksir yang dibuat di bawah Jadual Pertama adalah muktamad dan mengikat.

(4) Sehingga Perbadanan menetapkan kaedah-kaedah di bawah subseksyen (5), Jawatankuasa Pentaksir boleh menentukan tatacara dan penjalanan bagi prosidingnya sendiri.

(5) Perbadanan boleh menetapkan kaedah-kaedah yang berhubungan dengan tatacara dan penjalanan prosiding atau di hadapan Jawatankuasa Pentaksir.

Perkhidmatan peralihan

105. (1) Jika satu transaksi atau lebih yang disebut dalam perenggan 99(1)(g) dilaksanakan, Perbadanan atau orang dilantik boleh menyebabkan institusi anggota bersetuju untuk menyediakan perkhidmatan kepada penerima pindahan sebagai balasan penerima pindahan membayar atau membayar balik kos munasabah institusi anggota berbuat demikian sebagaimana yang diluluskan oleh Perbadanan.

(2) Suatu perjanjian yang disebut dalam subseksyen (1) mengikat mana-mana penerima, pengurus, penerima dan pengurus atau pelikuidasi yang dilantik berkenaan dengan institusi anggota, dan dalam hal sedemikian, kos institusi anggota bagi menyediakan perkhidmatan itu hendaklah disifatkan termasuk fi penerima, pengurus, penerima dan pengurus atau pelikuidasi itu bagi masa yang digunakan berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan sebagaimana yang diluluskan oleh Perbadanan.

Pelantikan penerima, dsb.

106. (1) Mahkamah Tinggi hendaklah membuat suatu perintah menurut permohonan Perbadanan di bawah perenggan 99(1)(d) bagi melantik seorang penerima berkenaan dengan suatu institusi anggota.

(2) Atas suatu permohonan Perbadanan, Mahkamah hendaklah melantik sebagai penerima orang yang dinyatakan oleh Perbadanan dalam permohonannya untuk mengisi suatu kekosongan atau untuk melepaskan dan menggantikan seorang penerima yang telah dilantik di bawah subseksyen (1).

(3) Seorang penerima hendaklah mengambil kira objektif menguruskan urusan dan hal ehwal institusi anggota mengikut cara

yang dibentuk untuk mencapai keputusan yang terbaik bagi semua pemiutang institusi anggota.

(4) Dalam hal apa-apa percanggahan antara kepentingan pendeposit atau benefisiari takaful atau orang diinsuranskan dengan mana-mana pemiutang institusi anggota yang lain yang tidak bercagar, seorang penerima hendaklah memberi keutamaan kepada kepentingan pendeposit atau benefisiari takaful atau orang diinsuranskan itu.

(5) Semua kos, caj dan perbelanjaan seorang penerima, termasuk saraannya dan apa-apa kos yang dilakukan dalam menjalankan kuasa dan kewajipannya, hendaklah dibayar daripada aset institusi anggota itu, mendahului semua tuntutan lain.

(6) Seorang penerima boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi bagi mendapatkan arahan berhubung dengan apa-apa perkara khusus yang berbangkit dalam penerimaan.

(7) Perintah 30 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [*P.U. (A) 205/2012*] tidak terpakai terhadap suatu permohonan bagi melantik seorang penerima di bawah perenggan 99(1)(d).

(8) Suatu permohonan bagi melantik seorang penerima di bawah perenggan 99(1)(d) boleh dibuat melalui suatu saman pemula secara *ex parte*.

Peruntukan berhubung dengan pelantikan di bawah perenggan 99(1)(c) dan seksyen 106

107. (1) Berkenaan dengan suatu institusi anggota yang Perbadanan atau orang dilantik telah mengambil alih kawalannya atau seorang penerima telah dilantik menurut Akta ini, Perbadanan, orang dilantik atau penerima—

(a) hendaklah mempunyai kuasa—

(i) untuk memasuki mana-mana premis institusi anggota dan mengambil milikan dan kawalan ke atas aset dan

menghendaki mana-mana orang di dalam premis itu untuk bertanggungjawab dan menyerahkan kepada Perbadanan, orang dilantik atau penerima milikan dan kawalan ke atas aset itu;

- (ii) tertakluk pada subperenggan (iii), untuk menjual atau selainnya melupuskan aset dan perusahaan perniagaan institusi anggota melalui triti persendirian atau jualan awam atau dengan apa-apa cara lain dan atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang disifatkan sesuai oleh Perbadanan, orang dilantik atau penerima;
- (iii) untuk menjual atau selainnya melupuskan mana-mana aset yang tertakluk pada sesuatu perjanjian yang mewujudkan suatu kepentingan cagaran kepada mana-mana orang yang bersetuju untuk mengambil alih obligasi yang dijamin oleh kepentingan cagaran itu;
- (iv) untuk mengaturkan pengambilalihan keseluruhan atau mana-mana bahagian liabiliti institusi anggota oleh mana-mana orang;
- (v) untuk menjalankan urusan institusi anggota setakat yang disifatkan perlu atau berfaedah oleh Perbadanan, orang dilantik atau penerima;
- (vi) untuk membawa guaman, membela, mengkompromi dan menyelesaikan, atas nama institusi anggota, apa-apa tuntutan yang dibuat oleh atau terhadapnya;
- (vii) atas nama institusi anggota, untuk melakukan semua tindakan dan menyempurnakan semua penerimaan dan dokumen lain dan bagi maksud itu, apabila perlu, menggunakan meterai perbadanannya; dan
- (viii) untuk melakukan semua perkara lain sebagaimana yang perlu atau bersampingan dalam menjalankan

hak, kuasa, keistimewaan dan imuniti Perbadanan, orang dilantik atau penerima; dan

- (b) hendaklah mempunyai kuasa untuk membayar daripada aset institusi anggota segala kos, caj dan perbelanjaan Perbadanan, orang dilantik atau penerima dalam menjalankan kuasa dan kewajipan mereka, termasuk saraan orang dilantik atau penerima, mendahului semua tuntutan lain.

(2) Tanpa menjejaskan subseksyen 101(6), jika Perbadanan, orang dilantik atau penerima menjalankan satu kuasa atau lebih di bawah subseksyen (1), Perbadanan, orang dilantik atau penerima itu tidak boleh dianggap, atas alasan penjalanan kuasa demikian, sebagai telah mengambil alih atau menanggung apa-apa obligasi atau liabiliti sesuatu institusi anggota untuk dirinya sendiri.

(3) Tanpa menjejaskan subseksyen 101(3) dan (4), jika mana-mana orang telah, atau sedang diletak hak dengan kawalan, pentadbiran atau pengurusan suatu institusi anggota, kawalan, pentadbiran atau pengurusan demikian hendaklah terhenti dengan serta-merta dengan pengambilalihan oleh Perbadanan atau orang dilantik atau pelantikan penerima.

Kesahan transaksi

108. Apa-apa bayaran yang dibuat, transaksi yang dilakukan atau apa-apa perbuatan atau benda lain yang dilakukan oleh Perbadanan, orang dilantik atau penerima yang dilantik menurut Akta ini atau dengan arahan Perbadanan, adalah sah dan boleh dikuatkuasakan dan hendaklah tidak terbatal, boleh batal atau dianggap sebagai suatu keutamaan tidak wajar dalam penggulungan suatu institusi anggota.

Penggantungan prosiding

109. (1) Tertakluk pada subseksyen (2) dan walau apa-apa pun mana-mana undang-undang lain, jika Perbadanan atau orang dilantik

telah mengambil alih kawalan suatu institusi anggota di bawah perenggan 99(1)(c) atau seorang penerima telah dilantik menurut Akta ini—

- (a) tiada tindakan, guaman atau prosiding dalam mana-mana mahkamah atau tribunal boleh dimulakan terhadap Perbadanan atau orang dilantik berkenaan dengan pengambilalihan kawalan atau penerima berkenaan dengan pelantikannya;
- (b) tiada tindakan, guaman atau prosiding dalam mana-mana mahkamah atau tribunal boleh dimulakan atau diteruskan terhadap institusi anggota atau berkenaan dengan asetnya;
- (c) tiada penahanan, garnisan, pelaksanaan atau cara penguatkuasaan lain bagi suatu penghakiman, award atau perintah terhadap institusi anggota atau asetnya boleh diambil atau diteruskan;
- (d) tiada pemiutang institusi anggota mempunyai apa-apa remedi terhadap institusi anggota atau asetnya;
- (e) tiada pemiutang mempunyai apa-apa hak tolakan terhadap institusi anggota, yang untuk kepastian yang lebih, tidaklah termasuk penyatuan akaun yang disenggara dalam penjalanan biasa bagi maksud memperuntukkan perkhidmatan penjelasan dan penyelesaian atau perkhidmatan yang disebut dalam seksyen 114; dan
- (f) tiada seorang pun boleh menamatkan atau meminda apa-apa perjanjian dengan institusi anggota atau menuntut supaya suatu bayaran dipercepat di bawah apa-apa perjanjian sedemikian hanya disebabkan oleh—
 - (i) ketidaksolvenan institusi anggota itu;
 - (ii) suatu keingkaran, sebelum pengambilalihan kawalan di bawah perenggan 99(1)(c) oleh Perbadanan atau orang dilantik atau pelantikan penerima berkuat

kuasa, oleh institusi anggota itu dalam melaksanakan obligasinya di bawah perjanjian itu; atau

- (iii) pengambilalihan kawalan di bawah perenggan 99(1)(c) oleh Perbadanan atau orang dilantik atau pelantikan penerima,

dalam tempoh pengambilalihan kawalan institusi anggota oleh Perbadanan atau orang dilantik atau pelantikan penerima, mengikut mana-mana yang berkenaan, kecuali dengan persetujuan bertulis Perbadanan terlebih dahulu.

(2) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menghalang apa-apa langkah diambil, atau apa-apa tindakan, guaman atau prosiding dimulakan atau diteruskan, oleh Perbadanan berkenaan dengan suatu institusi anggota atau urusan, hal ehwal, aset atau liabilitinya.

Pelanjutan masa

110. Jika—

- (a) bagi apa-apa maksud suatu perbuatan dikehendaki dilakukan dalam suatu tempoh yang tertentu atau sebelum suatu masa yang tertentu di bawah peruntukan mana-mana undang-undang atau mana-mana perjanjian; dan
- (b) Akta ini menghalang tindakan itu daripada dilakukan dalam tempoh atau sebelum masa itu,

tempoh itu disifatkan sebagai dilanjutkan atau masa itu disifatkan sebagai ditangguhkan sehingga hari kelima urusan berikutan berakhirnya tempoh yang dalamnya perbuatan itu dihalang dilakukan oleh Akta ini.

Kesahan cagaran

111. Perbadanan boleh membuat, menyempurnakan atau menguatkuasakan atau menyebabkan pembuatan atau penyempurnaan apa-apa cagaran terhadap mana-mana aset suatu institusi anggota sebagai apa-apa balasan berhubung dengan perjalanan mana-mana kuasa di bawah Akta ini—

- (a) walau apa pun seksyen 109 atau mana-mana peruntukan lain Akta ini; dan
- (b) walaupun institusi anggota itu telah bersetuju bahawa ia tidak boleh atau tidak akan membuat apa-apa cagaran terhadap mana-mana asetnya atau ia boleh atau akan membuat cagaran itu hanya dengan persetujuan orang atau orang-orang lain.

Penyerahhakan bukan keingkaran, dsb.

112. (1) Tiada seorang pun boleh menamatkan atau meminda apa-apa perjanjian dengan suatu institusi anggota atau menuntut supaya suatu bayaran dipercepat di bawah apa-apa perjanjian sedemikian disebabkan perjanjian itu dipindahkan atau diserahkan kepada atau diambil alih oleh institusi anggota lain, institusi perantaraan atau pihak ketiga yang layak.

(2) Suatu pemindahan atau penyerahhakan apa-apa perjanjian dengan suatu institusi anggota kepada institusi anggota lain, institusi perantaraan atau pihak ketiga yang layak menurut Akta ini adalah sah dan mengikat terhadap semua pihak lain perjanjian itu walaupun institusi anggota itu telah bersetuju bahawa ia tidak boleh atau tidak akan menyerahkan perjanjian itu atau ia boleh atau akan menyerahkan perjanjian itu hanya dengan persetujuan orang atau beberapa orang yang lain.

Perjanjian diatasi bagi maksud perenggan 99(1)(c) dan seksyen 106

113. Jika Perbadanan atau orang dilantik telah mengambil alih kawalan suatu institusi anggota atau seorang penerima telah dilantik menurut Akta ini, apa-apa terma dalam mana-mana perjanjian tidak mempunyai kuat kuasa atau kesan sekiranya ia—

- (a) mempunyai kesan untuk memperuntukkan bagi, atau membenarkan, apa-apa jua pun yang, pada matannya, bertentangan dengan seksyen 107, 109 atau 125; atau
- (b) memperuntukkan, dalam perkara matan, bahawa institusi anggota itu terhenti mempunyai hak atau institusi perantaraan atau penerima pindahan atau pemegang serah hak tidak mempunyai hak untuk menggunakan atau berurusan dengan aset yang jika tidak, institusi anggota atau institusi perantaraan atau penerima pindahan atau pemegang serah hak itu akan mempunyai hak, disebabkan oleh—
 - (i) ketidaksolvenan institusi anggota itu;
 - (ii) keingkaran oleh institusi anggota itu dalam melaksanakan suatu obligasi;
 - (iii) pengambilalihan kawalan atau pelantikan penerima itu; atau
 - (iv) perjanjian itu dipindahkan atau diserahkan kepada atau diambil alih oleh institusi anggota lain, institusi perantaraan atau pihak ketiga yang layak.

Bekalan dan pendahuluan lanjut

114. Tiada apa-apa jua dalam seksyen 109 and 113 boleh ditafsirkan sebagai—

- (a) melarang seseorang daripada menghendaki bayaran dibuat secara tunai bagi barangan, perkhidmatan, penggunaan harta dipajakkan atau dilesenkan atau balasan berharga yang lain yang diperuntukkan selepas pengambilalihan kawalan di bawah perenggan 99(1)(c) atau pelantikan seorang penerima;
- (b) menghendaki pendahuluan wang atau kredit kepada suatu institusi anggota selepas pengambilalihan kawalan di bawah perenggan 99(1)(c) atau pelantikan seorang penerima; atau
- (c) menghendaki peruntukan kepada suatu institusi anggota, selepas bermulanya pengambilalihan kawalan atau pelantikan penerima, mana-mana perkhidmatan yang berikut yang jika dilakukan berkemungkinan, pada pendapat munasabah orang yang memberikan perkhidmatan itu, akan menyebabkan orang itu mendahulukan wang atau kredit kepada suatu institusi anggota selepas pengambilalihan kawalan atau pelantikan itu atau akan menimbulkan, selepas pengambilalihan kawalan atau pelantikan itu, suatu tuntutan oleh orang itu terhadap institusi anggota itu, iaitu—
 - (i) perkhidmatan pengurusan wang tunai;
 - (ii) perkhidmatan berhubung dengan penebusan surat cara hutang;
 - (iii) perkhidmatan berhubung dengan pengeluaran surat kredit atau jaminan;
 - (iv) perkhidmatan pemerakuan cek;
 - (v) perkhidmatan pembekalan mata wang;
 - (vi) perkhidmatan pemindahan dana dan perkhidmatan perintah pengiriman wang;

- (vii) perkhidmatan hantar serah dan penyelesaian sekuriti;
- (viii) perkhidmatan kad caj, kad kredit, kad debit dan kad bayaran;
- (ix) perkhidmatan perbankan automatik dan mesin teler;
- (x) perkhidmatan pemindahan dana secara elektronik di tempat jualan;
- (xi) perkhidmatan cek konsainan;
- (xii) perkhidmatan lain yang seumpama dengan yang disebut dalam subperenggan (i) hingga (xi);
- (xiii) mana-mana jenis perkhidmatan yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan; dan
- (xiv) suatu jaminan liabiliti berkenaan dengan mana-mana perkhidmatan yang disebut dalam subperenggan (i) hingga (xiii).

Perjanjian kewangan yang layak

115. (1) Tertakluk pada subseksyen (3), tiada apa-apa jua dalam seksyen 109 boleh menghalang penamatan mana-mana perjanjian yang berikut mengikut termannya atau penolakan atau penggunaan amaun yang kena dibayar di bawah perjanjian itu mengikut termannya, iaitu—

- (a) suatu perjanjian kewangan yang layak;
- (b) suatu derivatif yang diniagakan di —
 - (i) suatu bursa derivatif, papan derivatif atau pasaran lain yang dikawal selia bagi derivatif;

- (ii) suatu bursa niaga hadapan, papan niaga hadapan atau pasaran lain yang dikawal selia bagi niaga hadapan; atau
 - (iii) suatu bursa opsyen, papan opsyen atau pasaran lain yang dikawal selia bagi opsyen;
- (c) suatu perjanjian untuk—
- (i) menjelaskan atau menyelesaikan transaksi sekuriti, niaga hadapan, opsyen atau derivatif; atau
 - (ii) bertindak sebagai suatu depository sekuriti; atau
- (d) suatu pinjaman margin setakat yang berkenaan dengan suatu akaun sekuriti atau akaun niaga hadapan yang disenggarakan oleh suatu perantaraan kewangan.

(2) *(Dipotong oleh Akta A1505).*

(3) Jika Perbadanan atau orang dilantik mengambil alih kawalan suatu institusi anggota atau seorang penerima dilantik menurut Akta ini, seksyen 109 hendaklah menghalang penamatan suatu perjanjian kewangan yang layak bagi apa-apa tempoh berikutan pemulaan pengambilalihan kawalan atau pelantikan penerima itu sebagaimana yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan oleh Perbadanan dan jika, dalam tempoh itu, Perbadanan memindahkan, atau mengesahkan melalui notis bertulis bahawa ia akan memindahkan, perjanjian itu kepada suatu institusi perantaraan menurut perenggan 99(1)(g) atau pihak ketiga yang layak menurut subseksyen ini atau subseksyen (4) atau (5), perjanjian itu kemudiannya hanya boleh ditamatkan terhadap institusi perantaraan atau pihak ketiga yang layak itu mengikut termannya, seolah-olah perjanjian itu sememangnya sentiasa dengan institusi perantaraan atau pihak ketiga yang layak itu dan bukan dengan institusi anggota itu.

(4) Jika seseorang menjadi pihak balas di bawah dua atau lebih transaksi kewangan yang layak di bawah suatu perjanjian kewangan yang layak yang disebut dalam subseksyen (1) dengan institusi anggota yang sama, Perbadanan hanya boleh memindahkan kepada suatu

institusi perantaraan atau pihak ketiga yang layak semua atau tidak satu pun transaksi kewangan yang layak antara institusi anggota itu dan orang itu.

(5) Jika Perbadanan memindahkan suatu perjanjian kewangan yang layak yang berhubungan dengan cagaran kewangan yang terpakai bagi mana-mana harta institusi anggota, ia hendaklah juga memindahkan harta itu kepada institusi perantaraan atau pihak ketiga yang layak.

(6) Perbadanan boleh memindahkan mana-mana perjanjian yang disebut dalam subseksyen (3) atau mana-mana harta yang disebut dalam subseksyen (5) kepada institusi perantaraan atau pihak ketiga yang layak melalui suatu surat cara pindah milik yang dikeluarkan mengikut Jadual Kedua dan ia hendaklah mempunyai kesan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan hendaklah mengikat mana-mana orang yang terjejas dengannya.

(7) Jika Perbadanan tidak memindahkan, dan tidak mengisytiharkan bahawa ia akan memindahkan, suatu perjanjian kewangan yang layak dan orang yang menjadi pihak balas di bawah perjanjian itu boleh menamatkan perjanjian itu mengikut termannya tetapi tidak berbuat demikian, Perbadanan boleh mengisytiharkan melalui notis bertulis bahawa perjanjian itu ditamatkan, maka dalam hal sedemikian, dan walaupun terdapat apa-apa terma yang bertentangan dalam perjanjian itu, perjanjian itu hendaklah disifatkan telah ditamatkan oleh pihak balas itu.

Perbadanan, dsb., bukan majikan pengganti

116. Jika Perbadanan atau orang dilantik di bawah perenggan 99(1)(c) mengambil alih kawalan suatu institusi anggota, atau seorang penerima atau pelikuidasi dilantik menurut Akta ini, Perbadanan, orang dilantik, penerima atau pelikuidasi tidaklah—

- (a) dianggap sebagai majikan yang menggantikan institusi anggota itu;

- (b) bertanggung bagi apa-apa obligasi berkenaan dengan pekerja atau bekas pekerja institusi anggota atau mana-mana pendahulu institusi anggota yang wujud sebelum pengambilalihan kawalan atau pelantikan yang berkenaan dengan apa-apa pelan pencen atau pelan manfaat selepas pekerjaan yang lain bagi pekerja atau bekas pekerja institusi anggota atau penakat mereka; atau
- (c) bertanggung bagi apa-apa jumlah wang yang dikira dengan merujuk kepada suatu tempoh masa sebelum institusi perantaraan menjadi majikan orang yang berkenaan.

Tuntutan, prosiding tertentu dilarang

117. Walau apa pun seksyen 109 dan 125, suatu institusi perantaraan, Perbadanan, orang dilantik di bawah perenggan 99(1)(c), seorang penerima atau pelikuidasi yang dilantik menurut Akta ini tidak boleh dinamakan sebagai suatu pihak dalam apa-apa tuntutan atau permohonan yang dibuat atau ditambahkan sebagai suatu pihak dalam apa-apa prosiding yang dimulakan atau diteruskan oleh atau bagi pihak mana-mana pekerja atau bekas pekerja institusi anggota menurut Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [*Akta 177*] atau Akta Kerja 1955 [*Akta 265*].

Bab 2

Peruntukan yang berhubungan dengan institusi perantaraan

Penamaan institusi perantaraan

118. (1) Jika suatu subsidiari Perbadanan dinamakan sebagai institusi perantaraan—

- (a) penamaan itu hendaklah habis tempoh dua tahun selepas ia dibuat, melainkan jika penamaan itu—

- (i) dilanjutkan di bawah perenggan (b); atau
 - (ii) ditamatkan di bawah perenggan (c);
- (b) Menteri, atas syor Perbadanan, boleh melanjutkan penamaan untuk satu tempoh masa atau lebih yang setiap satunya tidak boleh melebihi satu tahun; dan
- (c) penamaan hendaklah tamat pada tarikh berlakunya mana-mana kejadian yang berikut, mengikut mana-mana yang lebih awal:
- (i) institusi perantaraan bukan lagi suatu subsidiari Perbadanan;
 - (ii) semua aset atau bahagian substantial aset institusi perantaraan diperoleh oleh, atau semua liabiliti atau bahagian substantial liabiliti institusi perantaraan diambil alih oleh, atau kedua-duanya, seseorang yang bukan suatu institusi perantaraan; atau
 - (iii) Perbadanan memutuskan penamaan itu hendaklah ditamatkan.

(2) Walau apa pun mana-mana undang-undang yang lain, jika suatu subsidiari Perbadanan yang dinamakan sebagai institusi perantaraan menukar nama syarikatnya dalam tempoh dua belas bulan sebelum atau selepas penamaan itu, subsidiari atau institusi perantaraan itu hendaklah dikecualikan daripada menyatakan atau selainnya menunjukkan nama lamanya atas apa-apa jua meterai, dokumen atau surat cara.

Siaran notis

119. Jika suatu subsidiari Perbadanan dinamakan sebagai institusi perantaraan atau penamaan itu dilanjutkan di bawah perenggan 118(1)(b) atau ditamatkan di bawah perenggan 118(1)(c), Perbadanan hendaklah menyiarkan suatu notis yang menyatakan tarikh

kejadian itu berlaku dalam sekurang-kurangnya dua akhbar harian di Malaysia, salah satu daripadanya hendaklah dalam bahasa kebangsaan.

Institusi perantaraan diberi kuasa untuk menjalankan perniagaan

120. (1) Apabila dinamakan sedemikian, dan selama tempoh penamaan itu berterusan, suatu institusi perantaraan hendaklah disifatkan sebagai telah diberi suatu lesen untuk menjalankan perniagaan sebagai—

- (a) suatu bank berlesen;
- (b) suatu bank Islam;
- (c) suatu syarikat insurans; atau
- (d) suatu pengendali takaful.

(2) Institusi perantaraan tidak dikehendaki membayar apa-apa fi berhubung dengan lesen itu.

Ketidakpakaian kehendak

121. Suatu institusi perantaraan adalah terkecuali daripada apa-apa kehendak di bawah atau yang dibuat menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan hendaklah diberi apa-apa kelulusan atau disediakan dengan apa-apa syor, sebagaimana yang dipersetujui dalam suatu perjanjian perikatan strategik antara Perbadanan dengan Bank Negara Malaysia.

Institusi perantaraan bukan majikan pengganti

122. Jika suatu institusi perantaraan menjadi majikan mana-mana orang yang merupakan pekerja atau bekas pekerja suatu institusi anggota, institusi perantaraan tidaklah—

- (a) dianggap sebagai majikan yang menggantikan institusi anggota itu;
- (b) bertanggung bagi apa-apa obligasi berkenaan dengan pekerja atau bekas pekerja institusi anggota atau mana-mana pendahulu institusi anggota yang wujud sebelum institusi perantaraan menjadi majikan orang itu atau yang berkenaan dengan apa-apa pelan pencen atau pelan manfaat selepas pekerjaan yang lain bagi pekerja atau bekas pekerja institusi anggota atau penakat mereka; atau
- (c) bertanggung bagi apa-apa jumlah wang yang dikira dengan merujuk kepada suatu tempoh masa sebelum institusi perantaraan menjadi majikan orang yang berkenaan.

Kuasa memberikan arahan

123. Perbadanan boleh memberikan arahan kepada lembaga pengarah institusi perantaraan dan lembaga pengarah hendaklah melaksanakan arahan demikian.

Pengambilalihan sebahagian liabiliti deposit yang tidak diinsuranskan atau manfaat yang tidak dilindungi

124. (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang atau kontrak, jika Perbadanan menyebabkan sebahagian liabiliti deposit yang tidak diinsuranskan oleh Perbadanan atau sebahagian liabiliti manfaat takaful atau manfaat insurans yang tidak dilindungi oleh Perbadanan dipindahkan kepada suatu institusi perantaraan, institusi perantaraan itu adalah disubrogasi kepada semua hak dan kepentingan pemiutang berhubung dengan keseluruhan liabiliti itu dan boleh mengambil tindakan atas nama institusi perantaraan atau nama pemiutang.

(2) Apabila sahaja institusi perantaraan telah menerima suatu amaun yang bersamaan dengan bahagian liabiliti yang telah diambil alih itu, hak dan kepentingan pemiutang berhubung dengan baki

liabiliti itu hendaklah kembali kepada pemiutang itu, tanpa apa-apa tindakan pindahan atau formaliti yang lain.

Penggantungan berkenaan dengan institusi perantaraan

125. Jika suatu subsidiari Perbadanan dinamakan sebagai institusi perantaraan—

- (a) tiada tindakan, guaman atau prosiding di mana-mana mahkamah atau tribunal boleh dimulakan atau diteruskan terhadap institusi perantaraan atau berkenaan dengan asetnya;
- (b) tiada penahanan, garnisan, pelaksanaan atau cara lain untuk menguatkuasakan penghakiman, award atau perintah terhadap institusi perantaraan atau asetnya boleh dibuat atau diteruskan; dan
- (c) tiada pemiutang institusi perantaraan mempunyai apa-apa remedi terhadap institusi perantaraan atau asetnya,

selama tempoh sembilan puluh hari selepas penamaan dibuat.

Notis mengenai niat untuk meneruskan prosiding

126. Jika, menurut kuasa suatu surat cara pindah milik, institusi anggota lain atau suatu institusi perantaraan menjadi pengganti dalam apa-apa tindakan, guaman atau prosiding oleh atau terhadap suatu institusi anggota (sama ada secara kehakiman, pentadbiran atau pengawalseliaan), prosiding itu tidak boleh diteruskan oleh mana-mana pihak selain institusi itu sebagai pengganti kecuali ia telah diberi notis selama sembilan puluh hari mengenai cadangan untuk meneruskan prosiding itu, dan jika masa yang dibenarkan untuk mengambil apa-apa langkah dalam prosiding akan habis tempoh sebelum berakhirnya tempoh notis itu, maka, walau apa pun yang bertentangan dalam mana-mana undang-undang yang lain, masa itu

adalah disifatkan sebagai dilanjutkan sehingga hari kelima mahkamah berurusan selepas tempoh notis itu berakhir.

Bantuan kepada institusi perantaraan

127. (1) Perbadanan boleh, dalam apa-apa cara yang difikirkannya patut, memberikan apa-apa bantuan kewangan kepada institusi perantaraan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Perbadanan.

(2) Suatu institusi perantaraan hendaklah, apabila dituntut atau pada masa lain yang ditentukan oleh Perbadanan, membayar atau membayar balik kepada Perbadanan—

- (a) apa-apa pinjaman atau pembiayaan lain yang diadakan oleh Perbadanan kepada atau disebabkan oleh institusi perantaraan;
- (b) amaun apa-apa bantuan kewangan lain yang diberikan oleh Perbadanan kepada atau disebabkan oleh institusi perantaraan;
- (c) kos kepada Perbadanan bagi apa-apa pinjaman atau peminjaman lain yang ditanggungnya untuk memberikan bantuan kewangan kepada atau disebabkan oleh institusi perantaraan;
- (d) amaun apa-apa kerugian nilai pelaburan apa-apa dana Perbadanan yang digunakan untuk memberikan bantuan kewangan kepada atau disebabkan oleh institusi perantaraan;
- (e) kos perbelanjaan sendiri atau overhead Perbadanan bagi menyediakan apa-apa perkhidmatan atau meminjamkan mana-mana pekerjaanya kepada institusi perantaraan; dan
- (f) apa-apa kos lain, termasuk cukai pendapatan atau cukai lain, yang Perbadanan tidak akan tanggung jika tidak kerana

tindakan yang diambilnya di bawah seksyen 99 atau selainnya yang berhubungan dengan institusi perantaraan.

Perbadanan boleh memegang syer institusi anggota

128. Walau apa pun subperenggan 25(2)(a)(iii), Perbadanan boleh memegang—

- (a) syer bekas institusi perantaraan; atau
- (b) syer mana-mana orang lain yang diterima oleh Perbadanan, sama ada secara langsung atau daripada suatu institusi perantaraan akibat jualan atau pelupusan lain syer institusi perantaraan atau jualan atau pelupusan lain aset institusi perantaraan oleh Perbadanan.

Bab 2A

Peruntukan yang berhubungan dengan pemindahan wajib syer

Takrif

128A. Bagi maksud Bab ini—

- (a) “pemindah” ertinya pemegang syer, yang syernya dipindahkan atau akan dipindahkan di bawah perenggan 99(1)(ga);
- (b) “penerima pindahan” ertinya seseorang yang kepadanya syer pemindah dipindahkan atau akan dipindahkan di bawah perenggan 99(1)(ga);
- (c) “perintah pindah milik” ertinya suatu perintah berkenaan dengan pemindahan syer yang disebut dalam perenggan 99(1)(ga) dan termasuklah suatu perintah pindah milik gantian yang disebut dalam seksyen 128D;

- (d) “syer” termasuklah surat cara modal, waran dan hak di bawah apa-apa surat cara lain yang dikeluarkan oleh institusi anggota yang memberi hak kepada pemegangnya untuk memperoleh syer dalam institusi anggota itu;
- (e) “tarikh pindah milik” ertinya tarikh yang dinyatakan pada suatu perintah pindah milik sebagai tarikh yang apa-apa syer dipindahkan atau disifatkan dipindahkan kepada penerima pindahan.

Pemindahan wajib syer

128B. (1) Apa-apa pemindahan syer yang dikeluarkan oleh suatu institusi anggota di bawah perenggan 99(1)(ga) hendaklah dilaksanakan dengan perintah pindah milik yang dikeluarkan oleh Perbadanan mengikut Bab ini.

(2) Jika berdasarkan rekod institusi anggota yang tersedia kepada Perbadanan dalam penjalanan kuasa pemindahan wajib syer terdapat seorang pemindah yang bankrap, Perbadanan hendaklah memberitahu Ketua Pengarah Insolvensi secara bertulis tentang pemindahan itu sebelum pemindahan itu berkuat kuasa dan apa-apa wang atau balasan lain yang boleh diterima berhubung dengan syer pemindah yang bankrap itu hendaklah diletak hak pada Ketua Pengarah Insolvensi.

(3) Jika Perbadanan mengeluarkan perintah pindah milik di bawah Bab ini, Perbadanan hendaklah—

- (a) memberitahu hakikat itu dalam *Warta*; dan
 - (b) memberi notis mengenai perintah pindah milik itu dengan secepat yang dapat dilaksanakan melalui penyiaran dalam sekurang-kurangnya dua surat khabar harian yang disiarkan di Malaysia, yang salah satu daripadanya hendaklah dalam bahasa kebangsaan.
- (4) Notis di bawah perenggan (3)(b) hendaklah termasuk perkara yang dinyatakan dalam subperenggan 2A(1) Jadual Pertama.

(5) Perintah pindah milik boleh dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa dan hendaklah berkuat kuasa mengikut Bab ini.

(6) Perintah pindah milik yang menyatakan bahawa apa-apa syer yang dikeluarkan oleh suatu institusi anggota yang hendak dipindahkan hendaklah menjadi keterangan muktamad pemindahan itu pada tarikh pindah milik itu.

(7) Perintah pindah milik itu boleh memperuntukkan semua atau mana-mana perkara yang berikut:

- (a) pemindahan kepada penerima pindahan bagi semua atau mana-mana syer yang dikeluarkan oleh institusi anggota;
- (b) penghapusan hak pemegang waran atau surat cara lain yang dikeluarkan oleh institusi anggota yang memberi hak kepada pemegang untuk memperoleh syer dalam institusi anggota itu;
- (c) penyingkiran daripada senarai rasmi mana-mana pasaran saham bagi syer yang dikeluarkan oleh institusi anggota atau suatu kelas sekuriti tertentu yang dikeluarkan oleh institusi anggota;
- (d) apa-apa perkara yang bersampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang Perbadanan berpendapat perlu untuk memastikan bahawa pemindahan itu berkuat kuasa sepenuhnya, termasuk syarat yang berhubungan dengan pemindahan itu.

(8) Perintah pindah milik hendaklah memperuntukkan pemindahan apa-apa syer yang dikeluarkan oleh institusi anggota untuk berkuat kuasa bebas daripada apa-apa amanah, liabiliti, tuntutan bertentangan atau bebanan lain.

Kesan perintah pindah milik

128C. (1) Jika suatu perintah pindah milik dibuat—

- (a) pemindah tidak dikehendaki untuk memberitahu atau mendapatkan kelulusan pemegang syer atau pemiutang mereka dalam suatu mesyuarat agung atau selainnya, atau mana-mana pihak berkuasa kerajaan, pegawai selia atau mana-mana jua pihak berkuasa lain, atau mana-mana orang lain yang terjejas dengannya walau apa pun apa-apa kontrak, apa-apa jua dalam dokumen konstituen pemindah atau apa-apa jua dalam mana-mana undang-undang termasuk tetapi tidak terhad kepada Akta Syarikat 2016, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;
- (b) penerima pindahan tidak dikehendaki untuk membuat suatu tawaran mengambil alih atau dikehendaki untuk memperoleh syer pemegang syer lain institusi anggota atau syer peminjam di bawah apa-apa perkiraan pinjaman dan peminjaman syer, walau apa pun apa-apa kontrak atau apa-apa jua dalam mana-mana undang-undang; dan
- (c) tertakluk pada subseksyen (2)—
 - (i) tiada seorang pun boleh menamatkan atau meminda apa-apa perjanjian dengan institusi anggota atau menuntut supaya suatu bayaran dipercepat di bawah apa-apa perjanjian sedemikian dengan institusi anggota hanya disebabkan oleh perintah pindah milik yang dibuat atau perubahan dalam pemegang syer yang dikeluarkan oleh institusi anggota;
 - (ii) apa-apa terma dalam mana-mana perjanjian tidak mempunyai kuat kuasa atau kesan sekiranya ia mempunyai kesan untuk memperuntukkan bagi, atau membenarkan, apa-apa jua pun yang, pada matannya, bertentangan dengan subperenggan (i); dan

- (iii) apa-apa terma dalam mana-mana perjanjian tidak mempunyai kuat kuasa atau kesan sekiranya ia memperuntukkan, pada matannya, bahawa institusi anggota itu terhenti mempunyai hak untuk menggunakan atau berurusan dengan aset yang jika tidak institusi anggota akan mempunyai hak itu pada masa perintah pindah milik itu dibuat atau perubahan dalam pemegang syer yang dikeluarkan oleh institusi anggota.

(2) Penguatkuasaan oleh pihak-pihak atas hak mereka di bawah perjanjian kewangan yang layak tidak akan terjejas oleh suatu perintah pindah milik yang dibuat bagi pemindahan semua atau mana-mana syer yang dikeluarkan oleh institusi anggota.

(3) Perbadanan boleh, dengan kelulusan Bank Negara Malaysia, dalam menjalankan kuasanya di bawah perenggan 99(1)(ga), melalui notis secara bertulis—

- (a) memecat daripada jawatan, berkuat kuasa dari apa-apa tarikh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu, mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja institusi anggota;
- (b) mengubah atau menamatkan kontrak perkhidmatan mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja institusi anggota itu, sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu; atau
- (c) melantik mana-mana orang sebagai pengarah, pegawai atau pekerja institusi anggota tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

(4) Sebelum menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (3), Perbadanan hendaklah memberi pengarah, pegawai atau pekerja institusi anggota itu peluang untuk membuat representasi.

(5) Bagi mengelakkan keraguan, jika Perbadanan menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (3), Perbadanan, institusi anggota atau

penerima pindahan tidak boleh dinamakan sebagai suatu pihak dalam apa-apa tuntutan atau permohonan yang dibuat atau ditambahkan sebagai suatu pihak dalam apa-apa prosiding yang dimulakan atau diteruskan oleh atau bagi pihak mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja institusi anggota itu menurut Akta Perhubungan Perusahaan 1967 atau Akta Kerja 1955.

(6) Suatu perintah pindah milik boleh menghendaki atau membenarkan—

- (a) pemindah untuk memberikan maklumat dan bantuan kepada penerima pindahan atau Perbadanan; atau
- (b) penerima pindahan untuk memberikan maklumat dan bantuan kepada pemindah atau Perbadanan.

(7) Mana-mana orang dalam mematuhi perintah pindah milik bagi maksud subseksyen (6) tidak boleh dianggap sebagai melanggar mana-mana undang-undang, kontrak, perjanjian atau perkiraan.

(8) Perintah pindah milik yang dikeluarkan mengikut Bab ini adalah muktamad dan mengikat semua orang yang baginya perintah pindah milik itu dibuat atau yang terjejas oleh perintah pindah milik itu tidak kira bahawa orang itu tidak mengetahui mengenai apa-apa hal keadaan yang menyebabkan perintah pindah milik itu dibuat, atau tidak mempunyai peluang untuk didengar oleh, atau untuk membuat apa-apa representasi kepada, Perbadanan berhubung dengan perintah pindah milik itu.

(9) Bab ini hendaklah mempunyai kuat kuasa dan kesan sepenuhnya walau apa pun—

- (a) apa-apa yang terkandung dalam mana-mana undang-undang yang berhubung dengan syer dan pengarah, pegawai dan pekerja institusi anggota termasuk undang-undang yang dengannya atau di bawahnya institusi anggota itu dibentuk, ditubuhkan, diperbadankan atau didaftarkan; atau

- (b) apa-apa yang terkandung dalam dokumen konstituen institusi anggota atau dalam mana-mana kontrak yang dibuat oleh atau bagi pihak institusi anggota itu atau dalam mana-mana kontrak yang menyentuh syer yang dikeluarkan oleh atau selainnya yang berhubungan dengan institusi anggota itu.

Perintah pindah milik gantian

128D. (1) Perbadanan boleh mengeluarkan suatu perintah pindah milik gantian untuk menggantikan mana-mana perintah pindah milik yang telah dikeluarkan sebelumnya bagi maksud membetulkan apa-apa peninggalan atau khilaf dalam perintah pindah milik itu.

(2) Apa-apa perintah pindah milik gantian yang dikeluarkan oleh Perbadanan di bawah subseksyen (1) yang menyatakan bahawa mana-mana syer yang dikeluarkan oleh institusi anggota telah dipindahkan kepada penerima pindahan hendaklah menjadi keterangan muktamad mengenai pemindahan itu pada tarikh pindah milik yang dinyatakan dalam perintah pindah milik gantian itu.

(3) Apa-apa perbuatan yang dilakukan oleh penerima pindahan, pemindah atau mana-mana orang lain, dengan bergantung kepada suatu perintah pindah milik yang dikeluarkan terdahulu tidaklah terjejas oleh mana-mana peninggalan atau khilaf yang dibetulkan dalam suatu perintah pindah milik gantian yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1).

Bab 3

Peruntukan am yang berhubungan dengan penggulungan

Takrif

128E. Bagi maksud Bab ini—

- (a) “perniagaan hayat” ertinya perniagaan yang mengaku janji liabiliti di bawah polisi hayat; dan
- (b) “perniagaan takaful keluarga” ertinya perniagaan yang berhubungan dengan pentadbiran, pengurusan dan operasi suatu perkiraan takaful di bawah sijil takaful keluarga.

Penggulungan institusi anggota atas permohonan Perbadanan

129. Walau apa pun seksyen 464, 465 dan 466 dan subseksyen 469(1) dan (2) Akta Syarikat 2016, Mahkamah Tinggi hendaklah membuat suatu perintah penggulungan berkenaan dengan suatu institusi anggota menurut petisyen yang dikemukakan oleh Perbadanan di bawah perenggan 99(1)(e).

Disifatkan sebagai pemiutang

130. Jika suatu petisyen bagi penggulungan suatu institusi anggota dikemukakan oleh mana-mana orang, Perbadanan hendaklah disifatkan bagi segala maksud sebagai seorang pemiutang.

Objektif pelikuidasi apabila menggulung institusi anggota

131. (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang lain, seorang pelikuidasi yang dilantik berkenaan dengan penggulungan suatu institusi anggota hendaklah mengambil kira objektif yang berikut:

- (a) untuk bekerjasama dengan Perbadanan bagi maksud memastikan bahawa—
 - (i) setiap pendeposit yang mempunyai suatu deposit diinsuranskan, sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan; atau
 - (ii) setiap benefisiari takaful atau orang diinsuranskan yang mempunyai suatu manfaat dilindungi,

sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan,
secepat yang dapat dilaksanakan—

- (A) dipastikan liabiliti deposit atau liabiliti manfaat takaful atau insurans yang berkaitan itu dipindahkan kepada dan diambil alih oleh orang lain; atau
 - (B) menerima bayaran daripada, atau yang dibuat bagi pihak, Perbadanan; dan
- (b) untuk menggulung hal ehwal institusi anggota dalam cara yang dibentuk untuk mencapai keputusan yang terbaik bagi semua pemiutang institusi anggota.

(2) Objektif dalam perenggan (1)(a) diberi keutamaan berbanding dengan objektif dalam perenggan (1)(b) dan seorang pelikuidasi hendaklah mula mengusahakan kedua-dua objektif serta-merta apabila dilantik.

Penerusan perniagaan takaful keluarga

131A. (1) Walau apa pun seksyen 83 Akta ini dan subperenggan 1(a) Bahagian II Jadual Kedua Belas kepada Akta Syarikat 2016, pelikuidasi pengendali takaful yang menjalankan perniagaan takaful keluarga—

- (a) boleh menjalankan perniagaan takaful keluarga pengendali takaful itu dengan tujuan untuk perniagaan itu dipindahkan sebagai perniagaan yang sudah berjalan kepada pengendali takaful lain tetapi tidak boleh mengeluarkan sijil takaful baru; dan
- (b) tertakluk pada subseksyen (3), boleh memindahkan aset dan liabiliti pengendali takaful kepada pengendali takaful yang lain atau institusi perantaraan, termasuk liabiliti di bawah sijil takaful keluarga yang berpunca daripada pengendali takaful yang pertama disebut dan kumpulan wang takaful yang

diuruskan oleh pengendali takaful yang pertama disebut dan Penggal 4 Bahagian VII Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 hendaklah terpakai bagi pemindahan itu.

(2) Aset dan liabiliti pengendali takaful yang disebut dalam subseksyen (1) ialah aset dan liabiliti kumpulan wang takaful dan kumpulan wang pemegang syer.

(3) Pelikuidasi boleh, bagi maksud pemindahan di bawah perenggan (1)(b), memohon kepada Mahkamah Tinggi bagi suatu perintah untuk mengurangkan—

(a) amaun liabiliti di bawah sijil takaful keluarga pengendali takaful itu; atau

(b) amaun liabiliti lain kumpulan wang takaful,

dan Mahkamah Tinggi boleh mengurangkan liabiliti itu setakat yang perlu dengan mempertimbangkan nilai aset sedia ada dalam kumpulan wang takaful dan kumpulan wang pemegang syer tertakluk pada apa-apa syarat yang pada pendapat Mahkamah Tinggi adalah patut.

Penerusan perniagaan hayat

131B. (1) Walau apa pun seksyen 83 Akta ini dan subperenggan 1(a) Bahagian II Jadual Kedua Belas kepada Akta Syarikat 2016, pelikuidasi syarikat insurans yang menjalankan perniagaan hayat—

(a) boleh menjalankan perniagaan hayat syarikat insurans itu dengan tujuan untuk perniagaan itu dipindahkan sebagai perniagaan yang sudah berjalan kepada syarikat insurans yang lain tetapi tidak boleh mengeluarkan polisi baharu; dan

(b) tertakluk pada subseksyen (3), boleh memindahkan aset dan liabiliti syarikat insurans itu kepada syarikat insurans yang lain atau institusi perantaraan, termasuk liabiliti di bawah

polisi hayat dan Penggal 4 Bahagian VI Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 hendaklah terpakai bagi pemindahan itu.

(2) Aset dan liabiliti syarikat insurans yang disebut dalam subseksyen (1) ialah aset dan liabiliti kumpulan wang insurans dan kumpulan wang pemegang syer.

(3) Pelikuidasi boleh, bagi maksud pemindahan di bawah perenggan (1)(b), memohon kepada Mahkamah Tinggi bagi suatu perintah untuk mengurangkan—

(a) amaun liabiliti di bawah polisi hayat syarikat insurans itu; atau

(b) amaun liabilitinya yang lain,

dan Mahkamah Tinggi boleh mengurangkan liabiliti itu setakat yang perlu dengan mempertimbangkan nilai aset sedia ada syarikat insurans tertakluk pada apa-apa syarat yang pada pendapat Mahkamah Tinggi adalah patut.

Pelantikan dan saraan pelikuidasi yang dilantik berkenaan dengan institusi anggota

132. (1) Atas suatu petisyen bagi penggulungan suatu institusi anggota dan tertakluk pada subseksyen 478(1) Akta Syarikat 2016, Mahkamah hendaklah melantik sebagai pelikuidasi mana-mana orang yang ditentukan oleh Perbadanan dalam petisyennya atau, jika Perbadanan bukan pempetisyen, permohonannya.

(2) Atas suatu permohonan Perbadanan, Mahkamah hendaklah melantik sebagai pelikuidasi mana-mana orang yang ditentukan oleh Perbadanan dalam permohonannya—

(a) untuk mengisi suatu kekosongan; atau

(b) untuk memecat dan menggantikan seorang pelikuidasi yang dilantik di bawah subseksyen (1) atau atas petisyen

penggulangan.

(3) Walau apa pun subseksyen 479(2) Akta Syarikat 2016, dalam penggulangan suatu institusi anggota, Mahkamah hendaklah menentukan saraan pelikuidasi atas syor Perbadanan, dan tiada orang selain Perbadanan boleh memohon kepada Mahkamah untuk mengkaji semula saraan pelikuidasi.

Penyeliaan Perbadanan

133. Tertakluk pada perintah Mahkamah dan walau apa pun subseksyen 487(4) Akta Syarikat 2016, seorang pelikuidasi, selain Pegawai Penerima, yang dilantik berkenaan dengan penggulangan suatu institusi anggota hendaklah menjalankan fungsinya di bawah arahan dan penyeliaan Perbadanan.

Bab 4

Peruntukan khusus mengenai penggulangan anggota penerima deposit

Keutamaan pembayaran dalam penggulangan anggota penerima deposit

134. Dalam penggulangan anggota penerima deposit, aset anggota penerima deposit itu hendaklah tersedia untuk menunaikan semua liabiliti anggota penerima deposit itu berkenaan dengan semua deposit di Malaysia dalam keutamaan berbanding semua liabiliti tidak bercagar yang lain anggota penerima deposit itu di Malaysia selain hutang keutamaan yang dinyatakan dalam subseksyen 527(1) Akta Syarikat 2016 dalam turutan yang dinyatakan dalam subseksyen itu dan hutang yang kena dibayar dan tuntutan terhutang kepada Kerajaan di bawah seksyen 10 Akta Prosiding Kerajaan 1956 [*Akta 359*].

Keutamaan pembayaran dalam penggulangan anggota penerima deposit yang menjalankan perniagaan perbankan Islam

134A. (1) Tanpa menjejaskan seksyen 134, dalam penggulangan anggota penerima deposit yang telah diluluskan di bawah perenggan 15(1)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 untuk menjalankan perniagaan perbankan Islam—

- (a) aset anggota penerima deposit itu yang diperoleh dalam perjalanan perniagaannya selain perniagaan perbankan Islamnya, hendaklah digunakan untuk menunaikan liabiliti yang ditanggung dalam perjalanan perniagaannya selain perniagaan perbankan Islam, dalam turutan yang dinyatakan dalam seksyen 134; dan
- (b) jika aset anggota penerima deposit yang disebut dalam perenggan (a) berlebihan selepas pembayaran telah dibuat untuk menunaikan liabilitinya di bawah perenggan (a), apa-apa lebihan aset anggota penerima deposit itu hendaklah digunakan untuk menunaikan liabiliti anggota penerima deposit itu di bawah subseksyen (2).

(2) Tanpa menjejaskan seksyen 134, dalam penggulangan anggota penerima deposit yang telah diluluskan di bawah perenggan 15(1)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 untuk menjalankan perniagaan perbankan Islam—

- (a) aset yang diperoleh oleh anggota penerima deposit dalam perjalanan perniagaan perbankan Islamnya termasuk kumpulan wang perbankan Islam atau mana-mana akaun yang ditubuhkan di bawah subseksyen 15(3) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, tertakluk pada perenggan (aa)—
 - (i) tidak tertakluk pada hutang anggota penerima deposit kecuali berkenaan dengan perniagaan perbankan Islam atau sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan (b); dan

- (ii) hendaklah tersedia untuk menunaikan semua liabiliti anggota penerima deposit itu berkenaan dengan deposit Islamnya di Malaysia dalam keutamaan daripada semua liabiliti tidak bercagar yang lain yang ditanggung dalam perjalanan perniagaan perbankan Islamnya, selain hutang keutamaan yang dinyatakan dalam subseksyen 527(1) Akta Syarikat 2016 dalam turutan yang dinyatakan dalam subseksyen itu dan hutang yang kena dibayar dan tuntutan terhutang kepada Kerajaan di bawah seksyen 10 Akta Prosiding Kerajaan 1956, yang berpunca daripada perniagaan perbankan Islamnya sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan dan aturan keutamaan bagi pembayaran kategori yang berlainan bagi deposit Islam boleh ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 209;
- (aa) walau apa pun subseksyen 527(1) Akta Syarikat 2016, tetapi tertakluk pada apa-apa kos dan perbelanjaan penggulangan yang dinyatakan dalam perenggan 527(1)(a) Akta Syarikat 2016 yang dibelanjakan secara langsung dalam menyelesaikan aset akaun pelaburan itu dan apa-apa cukai yang dinyatakan dalam perenggan 527(1)(f) Akta Syarikat 2016 yang berpunca daripada akaun pelaburan, aset akaun pelaburan yang diuruskan oleh anggota penerima deposit itu di Malaysia, hendaklah tersedia, dalam turutan yang dinyatakan seperti yang berikut:
 - (i) untuk membayar kos atau perbelanjaan akaun pelaburan yang belum selesai;
 - (ii) untuk membayar apa-apa keuntungan, fi, perolehan atau saraan lain yang kena dibayar kepada anggota penerima deposit itu; dan
 - (iii) untuk memenuhi liabiliti kepada pemegang akaun pelaburan; dan

- (b) jika aset anggota penerima deposit yang disebut dalam perenggan (a) berlebihan selepas pembayaran dibuat untuk menunaikan liabilitinya di bawah subperenggan (a)(ii), apa-apa lebihan aset anggota penerima deposit itu hendaklah digunakan untuk menunaikan liabiliti anggota penerima deposit itu termasuk liabiliti anggota penerima deposit di bawah seksyen 134 dalam aturan keutamaan yang dinyatakan di dalamnya.

(3) (*Dipotong oleh Akta A1647*).

Keutamaan pembayaran dalam penggulungan anggota penerima deposit yang merupakan suatu bank Islam

134B. Dalam penggulungan suatu anggota penerima deposit yang merupakan suatu bank Islam di dalam atau di luar Malaysia—

- (a) aset anggota penerima deposit itu, tertakluk pada perenggan (b) hendaklah tersedia untuk menunaikan semua liabiliti anggota penerima deposit itu berkenaan dengan deposit Islamnya di Malaysia dalam keutamaan daripada semua liabiliti tidak bercagar lain anggota penerima deposit itu selain hutang keutamaan yang dinyatakan dalam subseksyen 527(1) Akta Syarikat 2016 dalam turutan yang dinyatakan dalam subseksyen itu dan hutang yang kena dibayar dan tuntutan terhutang kepada Kerajaan di bawah seksyen 10 Akta Prosiding Kerajaan 1956 dan aturan keutamaan bagi pembayaran kategori deposit Islam yang berlainan boleh ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 209; dan
- (b) walau apa pun subseksyen 527(1) Akta Syarikat 2016, tetapi tertakluk pada apa-apa kos dan perbelanjaan penggulungan yang dinyatakan dalam perenggan 527(1)(a) Akta Syarikat 2016 yang dibelanjakan secara langsung dalam menyelesaikan aset akaun pelaburan itu dan apa-apa cukai yang dinyatakan dalam perenggan 527(1)(f) Akta Syarikat 2016 yang berpunca daripada akaun pelaburan,

aset akaun pelaburan yang diuruskan oleh anggota penerima deposit itu di Malaysia, hendaklah tersedia, dalam turutan yang dinyatakan seperti yang berikut:

- (i) untuk membayar kos atau perbelanjaan akaun pelaburan yang belum selesai;
- (ii) untuk membayar apa-apa keuntungan, fi, perolehan atau saraan lain yang kena dibayar kepada anggota penerima deposit itu; dan
- (iii) untuk memenuhi liabiliti kepada pemegang akaun pelaburan.

Bab 5

Peruntukan khusus mengenai penggulangan anggota penanggung insurans

Tafsiran

135. (1) Bagi maksud Bab ini—

- (a) sebutan mengenai aset pengendali takaful tidak termasuk apa-apa aset dana takaful; dan
- (b) sebutan mengenai aset syarikat insurans tidak termasuk apa-apa aset dana insurans.

(2) *(Dipotong oleh Akta A1505).*

Penggulangan anggota penanggung insurans atas permohonan oleh orang selain Perbadanan

136. Jika suatu petisyen bagi penggulangan suatu anggota penanggung insurans dikemukakan oleh seseorang selain Perbadanan,

Perbadanan hendaklah menjadi pihak kepada prosiding penggulungan itu dan—

- (a) orang itu hendaklah menyerahkan suatu salinan petisyen itu kepada Perbadanan pada masa yang sama ia dikemukakan;
- (b) Perbadanan berhak untuk hadir dan didengar dalam semua prosiding yang berhubungan dengan petisyen itu dan untuk memanggil, memeriksa dan memeriksa balas mana-mana saksi; dan
- (c) Perbadanan, jika difikirkannya patut, boleh menyokong atau menentang petisyen itu.

Notis prosiding penggulungan oleh orang selain Perbadanan

137. Jika suatu petisyen bagi penggulungan suatu anggota penanggung insurans dikemukakan oleh seorang selain Perbadanan, orang itu—

- (a) hendaklah memberi Perbadanan notis mengenai semua prosiding yang berhubungan dengan petisyen itu, termasuklah prosiding di bawah seksyen 492, 493, 494, 502 dan 510 dan subseksyen 486(2) Akta Syarikat 2016; dan
- (b) hendaklah menyerahkan kepada Perbadanan salinan dokumen dan rekod yang berhubungan dengan prosiding pada masa yang sama ia diserahkan dengan Mahkamah Tinggi atau disampaikan kepada mana-mana pihak kepada prosiding itu.

Laporan dan akaun pelikuidasi

138. Dalam penggulungan suatu anggota penanggung insurans, pelikuidasi hendaklah mengemukakan kepada Perbadanan—

- (a) suatu salinan laporan yang disebut dalam seksyen 485 Akta Syarikat 2016 pada masa yang sama dia mengemukakannya kepada Mahkamah;
- (b) suatu salinan dokumen yang disebut dalam subseksyen 514(1) Akta Syarikat 2016 pada masa yang sama dia mengemukakannya kepada Pegawai Penerima; dan
- (c) apa-apa dokumen lain sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

Penyata hal ehwal

139. Penyata hal ehwal suatu anggota penanggung insurans pada tarikh perintah penggulangan yang dibuat di bawah seksyen 484 Akta Syarikat 2016 hendaklah dikemukakan kepada Perbadanan pada masa yang sama ia dikemukakan kepada Pegawai Penerima atau pelikuidasi.

140. *(Dipotong oleh Akta A1505).*

141. *(Dipotong oleh Akta A1505).*

142. *(Dipotong oleh Akta A1505).*

Keutamaan pembayaran dalam penggulangan pengendali takaful

142A. (1) Dalam penggulangan pengendali takaful, aset suatu kumpulan wang takaful bagi apa-apa kelas atau perihalan perniagaan takaful yang ditubuhkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 hendaklah digunakan untuk menunaikan liabiliti kepada pemunya sijil atau penuntut yang sepatutnya berkenaan dengan kumpulan wang takaful itu dan liabiliti itu hendaklah mempunyai keutamaan atas semua liabiliti tidak bercagar kumpulan wang takaful itu termasuk apa-apa *qard* atau apa-apa bentuk sokongan kewangan lain yang disebut dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, selain apa-apa cukai yang dinyatakan dalam perenggan 527(1)(f) Akta Syarikat 2016 yang berpunca daripada kumpulan wang takaful.

(2) Dalam penggulungan pengendali takaful—

(a) jika aset suatu kumpulan wang takaful yang diuruskan oleh pengendali takaful berlebihan, selepas pembayaran telah dibuat untuk menunaikan liabilitinya di bawah subseksyen (1), lebihan aset kumpulan wang takaful itu hendaklah digunakan dalam turutan yang berikut:

(i) pertama, untuk menunaikan liabiliti kumpulan wang takaful lain yang diuruskan oleh pengendali takaful yang tidak mencukupi dan sekiranya bagi maksud ini terdapat dua atau lebih kumpulan wang takaful—

(A) yang berlebihan, lebihan itu hendaklah digunakan mengikut kadar lebihan dalam setiap kumpulan wang takaful untuk menunaikan liabiliti kumpulan wang takaful yang tidak mencukupi; atau

(B) yang tidak cukup, lebihan itu hendaklah digunakan mengikut kadar amaun yang tidak mencukupi itu untuk menunaikan liabiliti kumpulan wang takaful yang tidak mencukupi; dan

(ii) kedua, apa-apa maksud lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Perbadanan;

(b) apa-apa ketidakcukupan dalam aset suatu kumpulan wang takaful untuk menunaikan liabilitinya di bawah subseksyen (1) akan ditunaikan—

(i) pertama, sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan (a), dengan lebihan aset kumpulan wang takaful lain; dan

(ii) sekiranya lebihan aset itu tidak mencukupi untuk menunaikan liabiliti itu maka baki liabiliti itu hendaklah dipenuhi dengan lebihan aset kumpulan

wang pemegang syer selepas pembayaran telah dibuat untuk menunaikan liabiliti kumpulan wang pemegang syer itu di bawah subseksyen (3); atau

- (c) menurut subperenggan (b)(ii), jika aset kumpulan wang pemegang syer berlebihan, lebihan aset itu hendaklah digunakan untuk menunaikan liabiliti mana-mana kumpulan wang takaful yang tidak mencukupi, dan sekiranya lebihan aset itu digunakan untuk menunaikan liabiliti dua atau lebih kumpulan wang takaful yang asetnya tidak mencukupi, lebihan aset itu hendaklah digunakan mengikut kadar amaun yang tidak mencukupi itu.

(3) Dalam penggulangan pengendali takaful, aset kumpulan wang pemegang syernya hendaklah digunakan untuk menunaikan liabiliti kepada pemunya sijil setakat yang berpunca daripada kumpulan wang pemegang syer itu dan liabiliti itu hendaklah mempunyai keutamaan atas semua liabiliti tidak bercagar pengendali takaful, selain hutang keutamaan yang dinyatakan dalam subseksyen 527(1) Akta Syarikat 2016 dan hutang yang kena dibayar dan tuntutan terhutang kepada Kerajaan di bawah seksyen 10 Akta Prosiding Kerajaan 1956.

Keutamaan pembayaran dalam penggulangan syarikat insurans

142B. (1) Dalam penggulangan syarikat insurans, aset suatu kumpulan wang insurans hendaklah digunakan untuk menunaikan liabilitinya kepada pemunya polisi dan penuntut di bawah polisi kumpulan wang itu dan liabiliti ini hendaklah mempunyai keutamaan atas liabiliti tidak bercagar kumpulan wang itu, selain hutang keutamaan yang dinyatakan dalam subseksyen 527(1) Akta Syarikat 2016 dan hutang yang kena dibayar dan tuntutan terhutang kepada Kerajaan di bawah seksyen 10 Akta Prosiding Kerajaan 1956, setakat yang ia dikadarkan kepada kumpulan wang insurans.

- (2) Tertakluk pada subseksyen (1)—

- (a) aset suatu kumpulan wang insurans yang ditubuhkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 hendaklah digunakan pertamanya untuk menunaikan liabiliti kumpulan wang itu;
- (b) jika aset suatu kumpulan wang insurans, selain suatu kumpulan wang hayat yang berhubungan dengan polisi hayat sertaan, melebihi liabilitinya, lebihan aset itu boleh digunakan untuk menunaikan liabiliti kumpulan wang insuransnya yang lain yang tidak mencukupi dan sekiranya lebihan aset bagi dua atau lebih kumpulan wang insurans digunakan, lebihan aset itu hendaklah digunakan mengikut kadar atas amaun lebihan itu dan sekiranya lebihan aset itu digunakan untuk menunaikan liabiliti dua atau lebih kumpulan wang insurans yang tidak mencukupi, lebihan aset itu hendaklah digunakan mengikut kadar amaun yang tidak mencukupi itu;
- (c) apa-apa ketidakcukupan yang masih ada selepas penggunaan aset kumpulan wang insurans di bawah perenggan (a) dan (b) hendaklah ditunaikan daripada aset kumpulan wang pemegang syer, dan liabiliti yang tidak dipenuhi kepada pemunya polisi dan penuntut di bawah suatu polisi hendaklah mempunyai keutamaan atas liabiliti tidak bercagar yang lain selain hutang keutamaan yang dinyatakan di bawah subseksyen 527(1) Akta Syarikat 2016 dan hutang yang kena dibayar dan tuntutan terhutang kepada Kerajaan di bawah seksyen 10 Akta Prosiding Kerajaan 1956; dan
- (d) apa-apa aset lain yang dipegang oleh syarikat insurans itu, termasuk lebihan aset dalam suatu kumpulan wang hayat yang berhubungan dengan polisi hayat sertaan, hendaklah digunakan dengan cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Perbadanan.

Penilaian aset dan liabiliti suatu pengendali takaful atau syarikat insurans

142c. (1) Dalam penggulangan pengendali takaful, termasuk bekas anggota penanggung insurans yang keanggotaannya telah dibatalkan di bawah seksyen 38 atau ditamatkan di bawah seksyen 39 dan sama ada kumpulan wang pemegang syernya atau mana-mana kumpulan wang takaful yang diuruskan olehnya tidak solven atau tidak, nilai aset dan liabiliti kumpulan wang pemegang syer dan kumpulan wang takaful itu, termasuk liabiliti berkenaan dengan sijil takaful, hendaklah dipastikan atas asas sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan dan undang-undang yang berhubungan dengan kebangkrapan atau ketidaksolvenan tidak terpakai bagi penilaian liabiliti itu.

(2) Dalam penggulangan apa-apa syarikat insurans, termasuk bekas anggota penanggung insurans yang keanggotaannya telah dibatalkan di bawah seksyen 38 atau ditamatkan di bawah seksyen 39 dan sama ada ia tidak solven atau tidak, nilai aset dan liabilitinya, termasuk liabiliti berkenaan dengan polisi, hendaklah dipastikan atas apa-apa asas sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan dan undang-undang yang berhubungan dengan kebangkrapan atau ketidaksolvenan tidak terpakai bagi penilaian liabiliti itu.

Penepian beban bukti hutang yang ketat

143. Dalam penggulangan anggota penanggung insurans, jika pelikuidasi mendapati bahawa oleh sebab kekurangan dokumen, atau apa-apa hal keadaan lain, kesusahan akan wujud jika dia menghendaki beban bukti hutang yang ketat, dia boleh bertindak atas apa-apa keterangan yang difikirkannya patut dan pembayaran hutang yang dibuat secara suci hati oleh pelikuidasi kepada mana-mana orang yang berhak kepada pembayaran itu hendaklah melepaskan pelikuidasi daripada semua liabiliti berkenaan dengan hutang itu.

Ketidapkapaian peruntukan tertentu dalam Akta Syarikat 2016, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013

144. (1) Atas suatu petisyen bagi penggulungan anggota penanggung insurans, peruntukan statutori yang berikut tidak terpakai:

- (a) seksyen 366, 367, 368, 370, 487, 499 dan 512, subseksyen 454(2) dan 454(3) dan perenggan 1, 2, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12 dan 13 Jadual Kesepuluh Akta Syarikat 2016;
- (b) *(Dipotong oleh Akta A1505);*
- (c) *(Dipotong oleh Akta A1505).*

(2) Walau apa pun seksyen 268 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan seksyen 279 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukan Akta ini dengan peruntukan Akta-Akta itu, peruntukan Akta ini, dan Akta Syarikat 2016 setakat yang terpakai, hendaklah mengatasi.

BAHAGIAN VIII

PERLINDUNGAN PENSTABILAN

Tafsiran

145. Dalam Bahagian ini—

- (a) “tempoh perlindungan penstabilan” ertinya tempoh perintah perlindungan penstabilan termasuk apa-apa perubahan kepada tempoh itu sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri di bawah subseksyen 146(5);
- (b) “orang yang ditetapkan” ertinya orang, yang tidak disifatkan sebagai suatu institusi anggota di bawah

seksyen 36, yang ditetapkan dalam perintah perlindungan penstabilan;

- (c) “peruntukan khas” ertinya peruntukan seksyen 148 hingga 156; dan
- (d) “perlindungan penstabilan” ertinya apa-apa insurans atau perlindungan yang diperuntukkan mengikut seksyen 146.

Perintah perlindungan penstabilan

146. (1) Bagi maksud melindungi dan menggalakkan atau mengekalkan kestabilan sistem kewangan dan menggalakkan atau mengekalkan keyakinan orang awam, Perbadanan diberi kuasa untuk memperuntukkan perlindungan penstabilan.

(2) Suatu perlindungan penstabilan adalah tertakluk pada perintah perlindungan penstabilan yang ditetapkan oleh Menteri selepas berunding dengan Perbadanan dan Bank Negara Malaysia (disebut “perintah perlindungan penstabilan” dalam Bahagian ini).

(3) Walau apa pun apa-apa yang bertentangan yang terkandung dalam Akta ini, perintah perlindungan penstabilan boleh memperuntukkan satu atau lebih yang berikut:

- (a) insurans bagi suatu deposit pada suatu had maksimum yang lebih besar daripada yang selainnya terpakai dalam seksyen 42;
- (b) perlindungan bagi suatu manfaat takaful atau insurans dilindungi pada suatu amaun maksimum yang lebih besar daripada yang selainnya terpakai dalam seksyen 69;
- (c) insurans, secara keseluruhannya atau sebahagiannya, terhadap apa-apa liabiliti atau surat cara kewangan suatu anggota penerima deposit yang selainnya tidak diinsuranskan berbangkit daripada pemakaian

subsubperenggan 41(a)(A) hingga (F) atau peruntukan perenggan 46(a);

- (d) perlindungan, secara keseluruhannya atau sebahagiannya, terhadap suatu manfaat takaful atau insurans di bawah suatu sijil atau polisi yang dikeluarkan oleh suatu anggota penanggung insurans yang selainnya bukan suatu manfaat takaful atau insurans dilindungi dalam pengertian Akta ini;
- (e) insurans, secara keseluruhannya atau sebahagiannya, terhadap apa-apa liabiliti atau surat cara kewangan suatu orang yang ditetapkan yang sama atau serupa jenisnya dengan jenis liabiliti atau surat cara kewangan suatu anggota penerima deposit, sama ada termasuk atau tidak termasuk dalam takrif “deposit” dalam seksyen 41 atau peruntukan perenggan 46(a); dan
- (f) perlindungan, secara keseluruhannya atau sebahagiannya, terhadap apa-apa obligasi orang yang ditetapkan yang sama atau serupa jenisnya dengan suatu jenis manfaat yang ditawarkan oleh anggota penanggung insurans, sama ada atau tidak ia selainnya ialah suatu manfaat takaful atau insurans dalam pengertian Akta ini.

(4) Suatu perintah perlindungan penstabilan hendaklah bersifat sementara dan hendaklah berkuat kuasa bagi tempoh yang ditetapkan dalam perintah itu.

(5) Bagi maksud yang dinyatakan dalam subseksyen (1), Menteri boleh, selepas berunding dengan Perbadanan dan Bank Negara Malaysia, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda perintah perlindungan penstabilan termasuk mengubah tempoh perintah perlindungan penstabilan.

Pemakaian peruntukan khas

147. (1) Peruntukan khas hendaklah terpakai apabila suatu perintah perlindungan penstabilan sedang berkuat kuasa.

(2) Tertakluk pada seksyen 157, peruntukan khas hendaklah terhenti terpakai apabila habis tempoh perlindungan penstabilan.

Perlindungan penstabilan

148. (1) Perbadanan hendaklah memperuntukkan perlindungan penstabilan mengikut cara yang sama sebagaimana Perbadanan memperuntukkan insurans deposit dalam Bab 1 Bahagian IV atau perlindungan manfaat takaful atau insurans dalam Bab 1 Bahagian V.

(2) Apa-apa liabiliti atau surat cara kewangan atau manfaat takaful atau insurans yang menjadi hal perkara suatu perintah perlindungan penstabilan dan yang selainnya bukan suatu deposit atau manfaat takaful atau insurans dalam pengertian Akta ini, adalah disifatkan sebagai suatu deposit atau manfaat takaful atau insurans dan seseorang yang dengannya obligasi itu terhutang adalah disifatkan sebagai seorang pendeposit atau benefisiari takaful atau orang diinsuranskan bagi segala maksud Akta ini.

Fi, premium atau levi bagi perlindungan penstabilan

149. (1) Jika suatu perlindungan penstabilan diperuntukkan, institusi anggota atau orang yang ditetapkan hendaklah membayar kepada Perbadanan apa-apa fi, premium atau levi sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(2) Walau apa pun mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini, institusi anggota atau orang yang ditetapkan hendaklah membayar fi, premium atau levi di bawah subseksyen (1) dalam apa-apa tempoh dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Perbadanan.

Pemakaian peruntukan berkenaan dengan institusi anggota

150. (1) Jika suatu perlindungan penstabilan diperuntukkan berkenaan dengan orang yang ditetapkan, kesemua peruntukan Akta

ini yang terpakai bagi suatu institusi anggota hendaklah terpakai bagi orang yang ditetapkan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1)—

- (a) perenggan 14(1)(b) tidaklah terpakai bagi seorang pegawai orang yang ditetapkan;
- (b) Bab 2 Bahagian IV dan Bab 2 Bahagian V tidaklah terpakai bagi orang yang ditetapkan; dan
- (c) orang yang ditetapkan tidak boleh mengemukakan dirinya sebagai suatu institusi anggota dan seksyen 192 hendaklah terpakai bagi orang itu.

Fi, premium atau levi disifatkan sebagai diperoleh

151. Apa-apa fi, premium atau levi dikenakan dengan perlindungan penstabilan hendaklah disifatkan sebagai terperoleh sepenuhnya apabila kena dibayar dan tidak boleh dibayar balik.

Perluasan pemakaian seksyen 51 atau 75

152. Jika suatu perlindungan penstabilan diperuntukkan kepada suatu institusi anggota, seksyen 51 atau 75 boleh digunakan oleh Perbadanan jika pada pendapat Perbadanan, institusi anggota itu telah tidak atau tidak menyenggara rekod deposit atau manfaat takaful atau insurans yang sepatutnya atau institusi anggota itu membuat salah nyataan, melalui apa-apa perbuatan atau peninggalan, mengenai apa-apa maklumat yang digunakan sebagai asas bagi pentaksiran apa-apa fi, premium atau levi.

Surcaj

153. (1) Walau apa pun bayaran apa-apa fi, premium atau levi dikenakan dengan perlindungan penstabilan, Perbadanan boleh

mentaksirkan dan memungut suatu surcay di bawah Bahagian ini daripada orang yang ditetapkan bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dinyatakan di bawah subseksyen (3).

(2) Surcay di bawah subseksyen (1) dalam mana-mana tahun tertentu tidak boleh melebihi—

- (a) fi, premium atau levi yang kena dibayar oleh orang yang ditetapkan berkenaan dengan perlindungan penstabilan bagi tahun yang sebelumnya; atau
- (b) sejumlah satu juta ringgit,

mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

(3) Jika pada pendapat Perbadanan, orang yang ditetapkan—

- (a) *(Dipotong oleh Akta A1505)*;
- (b) telah tidak atau tidak mematuhi terma dan syarat keanggotaan, mana-mana aku janji yang diberikan kepada atau perjanjian yang dibuat dengan Perbadanan, atau mana-mana peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, perintah, undang-undang kecil, pemberitahuan, arahan, garis panduan, pekeliling atau nota Perbadanan berkenaan dengan perlindungan penstabilan;
- (c) telah tidak atau tidak mematuhi permintaan bagi mendapatkan maklumat atau telah menyekat hak untuk mendapatkan akses kepada maklumat oleh Perbadanan, Bank Negara Malaysia atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Perbadanan, di bawah Akta ini; atau
- (d) telah tidak atau tidak menyenggara rekod deposit atau manfaat takaful atau insurans dengan sepatutnya atau membuat salah nyataan, melalui apa-apa perbuatan atau peninggalan, mengenai apa-apa maklumat, termasuk maklumat mengenai deposit diinsuranskan, liabiliti manfaat dilindungi, sumbangan bersih atau premium bersih yang

digunakan sebagai suatu asas bagi pentaksiran apa-apa fi, premium atau levi berkenaan dengan perlindungan penstabilan,

Perbadanan hendaklah—

- (A) jika ia bercadang untuk mengenakan surcay ke atas orang yang ditetapkan itu, berunding dengan Bank Negara Malaysia tentang alasan untuk mengenakan suatu surcay dan amaun surcay itu; dan
- (B) memberi orang yang ditetapkan itu peluang untuk membuat representasi kepada Perbadanan tentang apa-apa cadangan surcay dalam tempoh tujuh hari dari tarikh notis bertulis yang dikeluarkan oleh Perbadanan kepada orang yang ditetapkan itu.

(4) Jika Perbadanan menerima representasi daripada orang yang ditetapkan itu dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam perenggan (3)(B), Perbadanan hendaklah menimbangkan representasi itu dalam memutuskan sama ada untuk mengenakan suatu surcay dan, jika mengenakan, memutuskan amaun surcay itu.

(5) Jika Perbadanan memutuskan untuk mengenakan suatu surcay, Perbadanan hendaklah mendapatkan kelulusan bertulis daripada Menteri sebelum mengenakan surcay itu ke atas orang yang ditetapkan itu.

(6) Suatu surcay hendaklah dikenakan oleh Perbadanan melalui notis bertulis kepada orang yang ditetapkan itu dan hendaklah kena dibayar kepada Perbadanan dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh notis itu atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

(7) Apa-apa pendapat yang dibentuk atau keputusan yang dibuat oleh Perbadanan yang berhubungan dengan pengenaan atau amaun apa-apa surcay berkenaan dengan mana-mana orang yang ditetapkan adalah muktamad dan mengikat.

(8) Suatu surcaj yang dibayar kepada Perbadanan di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan.

Caj lampau tempoh

154. Jika apa-apa fi, premium, levi atau surcaj yang terhutang dan kena dibayar di bawah Bahagian ini belum dibayar oleh suatu institusi anggota atau orang yang ditetapkan pada tarikh ia kena dibayar, amaun yang belum dibayar itu hendaklah, tanpa notis lanjutan disampaikan kepada institusi anggota atau orang yang ditetapkan itu, dinaikkan ke suatu jumlah yang ditentukan oleh Menteri.

Tiada tolakan

155. Melainkan jika Perbadanan bersetuju sebaliknya dalam mana-mana hal tertentu, tiada pembayaran yang terhutang kepada Perbadanan oleh suatu institusi anggota atau orang yang ditetapkan boleh dilepaskan, dikurangkan atau selainnya diselaraskan oleh sebab apa-apa tuntutan yang institusi anggota atau orang yang ditetapkan itu ada terhadap Perbadanan.

Pendanaan dan kerugian

156. (1) Menteri hendaklah—

- (a) memperuntukkan kepada Perbadanan apa-apa dana sebagaimana yang dikehendaki oleh Perbadanan untuk mentadbirkan dan melaksanakan suatu perlindungan penstabilan; atau
- (b) membayar balik kepada Perbadanan apa-apa kerugian yang ditanggung oleh Perbadanan sebagai akibat daripada memperuntukkan perlindungan penstabilan.

(2) Apa-apa peruntukan dana yang dibuat menurut perenggan (1)(a) atau pembayaran balik yang dibuat menurut perenggan (1)(b)

hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan dan jika peruntukan atau pembayaran balik itu dibuat, Menteri atau pembayaran balik itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada kesempatan yang paling awal.

(3) Perbadanan hendaklah membayar apa-apa fi, premium atau levi atau amaun lain berkenaan dengan perlindungan penstabilan atau apa-apa bahagiannya sebagaimana yang dipersetujui oleh Menteri dan Perbadanan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

(4) Bagi maksud perenggan (1)(b), faktor yang hendaklah diambil kira untuk menentukan sama ada Perbadanan telah menanggung suatu kerugian akibat memperuntukkan perlindungan penstabilan adalah seperti yang berikut:

- (a) fi, premium atau levi yang diterima oleh Perbadanan akibat memperuntukkan perlindungan penstabilan;
- (b) kos kepada Perbadanan bagi apa-apa pinjaman atau hutang lain yang ditanggungnya untuk membuat apa-apa bayaran yang disebabkan oleh perlindungan penstabilan;
- (c) fi, premium atau levi atau amaun lain atau apa-apa bahagiannya yang kena dibayar berkenaan dengan perlindungan penstabilan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan;
- (d) hasil bersih yang diperoleh oleh Perbadanan yang disebabkan oleh apa-apa bayaran perlindungan penstabilan;
- (e) kerugian nilai pelaburan apa-apa dana Perbadanan yang digunakan untuk membuat apa-apa bayaran perlindungan penstabilan;
- (f) apa-apa kos lain, termasuk cukai pendapatan atau cukai lain, yang ditanggung secara munasabah oleh Perbadanan akibat perlindungan penstabilan dan sebagaimana yang dipersetujui oleh Menteri; dan

- (g) apa-apa faktor lain yang dipersetujui sebagai sesuai oleh Menteri dan Perbadanan.

Pemakaian berterusan peruntukan khas

157. (1) Jika suatu perlindungan penstabilan diperuntukkan oleh Perbadanan kepada suatu institusi anggota di bawah seksyen 146 dan tempoh perlindungan penstabilan itu telah habis tempoh—

- (a) jika, sebelum tempoh perlindungan penstabilan itu habis tempoh, Perbadanan telah menjalankan mana-mana kuasanya di bawah seksyen 25, seksyen 161 atau Bahagian VII berkenaan dengan institusi anggota itu, peruntukan khas hendaklah terus terpakai bagi dan berkenaan dengan institusi anggota itu seolah-olah tempoh perlindungan penstabilan itu belum habis tempoh; dan
- (b) jika, sebelum tempoh perlindungan penstabilan itu habis tempoh, Perbadanan berkewajipan atau diberi kuasa untuk membuat suatu bayaran perlindungan penstabilan berkenaan dengan institusi anggota, peruntukan khas hendaklah terus terpakai bagi dan berkenaan dengan institusi anggota itu seolah-olah tempoh perlindungan penstabilan itu belum habis tempoh.

(2) Jika suatu perlindungan penstabilan diperuntukkan oleh Perbadanan kepada suatu orang yang ditetapkan dan tempoh perlindungan penstabilan telah habis tempoh—

- (a) orang yang ditetapkan itu hendaklah masih bertanggung bagi semua liabiliti kepada Perbadanan yang ditanggungnya semasa tempoh orang yang ditetapkan itu tertakluk pada peruntukan yang terpakai bagi suatu institusi anggota menurut kuasa seksyen 150;
- (b) seksyen 193 hingga 201 hendaklah terpakai berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan oleh orang yang ditetapkan semasa tempoh orang yang ditetapkan itu

tertakluk pada peruntukan yang terpakai bagi suatu institusi anggota menurut kuasa seksyen 150;

- (c) seksyen 202 dan 203 hendaklah terpakai seolah-olah orang yang ditetapkan itu masih tertakluk pada peruntukan yang terpakai bagi suatu institusi anggota menurut kuasa seksyen 150;
- (d) jika, sebelum tempoh perlindungan penstabilan itu habis tempoh, Perbadanan telah menjalankan mana-mana kuasanya di bawah seksyen 25, seksyen 161 atau Bahagian VII berkenaan dengan orang yang ditetapkan itu, peruntukan khas hendaklah terus terpakai bagi dan berkenaan dengan orang yang ditetapkan itu seolah-olah tempoh perlindungan penstabilan itu belum habis tempoh; dan
- (e) jika, sebelum tempoh perlindungan penstabilan itu habis tempoh, Perbadanan berkewajipan atau diberi kuasa untuk membuat suatu bayaran perlindungan penstabilan berkenaan dengan orang yang ditetapkan, peruntukan khas hendaklah terus terpakai bagi dan berkenaan dengan orang yang ditetapkan itu seolah-olah tempoh perlindungan penstabilan itu belum habis tempoh.

BAHAGIAN IX

KUASA BERHUBUNG DENGAN ASET YANG DIPEROLEH OLEH PERBADANAN

Bab 1

Pemerolehan dan pelupusan oleh Perbadanan

Pemerolehan dan pelupusan aset oleh Perbadanan

158. (1) Tanpa menjejaskan subseksyen 99(5), 115(6) dan 180(5), Perbadanan boleh memperoleh atau melupuskan mana-mana aset—

(a) menurut peruntukan peletakhakan statutori yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga; atau

(b) mengikut undang-undang am.

(2) Suatu perakuan peletakhakan atau perakuan pindah milik yang dikeluarkan mengikut Jadual Ketiga hendaklah mempunyai kesan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga dan hendaklah mengikat mana-mana orang yang terjejas dengannya.

Hak untuk melupuskan dan mengekalkan nilai harta

159. (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang dan sebagai tambahan kepada mana-mana kuasa Perbadanan yang lain yang terdapat di bawah mana-mana kontrak atau undang-undang, Perbadanan sebagai pemegang cagaran atas apa-apa harta, sama ada sebagai pemegang gadaian, pemegang gadai janji, pemegang serah hak, pemegang lien atau selainnya, adalah berhak—

(a) untuk melupuskan harta itu atau mana-mana bahagian harta itu secara triti persendirian mengikut Jadual Keempat; dan

(b) jika harta itu terdiri daripada tanah, untuk mengambil segala langkah yang disifatkannya patut untuk mengekalkan nilai tanah itu atau memudahkan pelupusan tanah itu secara triti persendirian mengikut Jadual Keempat, termasuk memasuki tanah itu, sama ada sendirian atau dengan mana-mana orang yang dibenarkan olehnya, untuk memeriksa, melindungi, menjamin selamat, menyenggara atau memperbaiki tanah itu.

(2) Pemerolehan dan pelupusan harta mengikut Jadual Keempat hendaklah mempunyai kesan yang dinyatakan dalam Jadual itu.

Bab 2

Peruntukan berkaitan dengan konservator

Tafsiran

160. (1) Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Bursa Malaysia” ertinya Bursa Malaysia Berhad, suatu syarikat pemegangan bursa yang diluluskan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;

“pemiutang bercagar” ertinya seorang yang memegang sebagai cagaran bagi suatu liabiliti orang terjejas—

- (a) suatu gadaian yang didaftarkan dengan sewajarnya di bawah *Kanun Tanah Negara, Ordinan Tanah Sabah atau Kanun Tanah Sarawak ke atas tanah yang dimiliki oleh orang terjejas;
- (b) suatu gadaian tetap atau terapung atas aku janji atau aset orang terjejas dan yang, jika dikehendaki oleh mana-mana peruntukan Akta Syarikat 2016, telah didaftarkan dengan sewajarnya mengikut peruntukan Akta Syarikat 2016 yang terpakai;
- (c) suatu penyerahhakan oleh orang terjejas atas haknya di bawah suatu perjanjian untuk membeli tanah atau suatu petak bagi suatu bangunan yang dokumen hakmilik keluaran kepada tanah atau hakmilik strata kepada petak bagi bangunan itu belum lagi dikeluarkan pada masa penyerahhakan;
- (d) dokumen hakmilik keluaran kepada mana-mana tanah atau pajakan pendua yang dimiliki oleh orang terjejas dan yang

*CATATAN—Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965] telah disemak dan dinamakan sebagai Kanun Tanah Negara [Akta 828] m.b.p 15 Oktober 2020

berkenaan dengannya suatu kaveat pemegang lien yang telah dibuat dengan sewajarnya mengikut peruntukan Kanun Tanah Negara;

- (e) suatu gadaian, gadai janji, sandaran atau lien ke atas sekuriti yang dimiliki oleh orang terjejas dan yang, jika dikehendaki dengan sewajarnya oleh mana-mana peruntukan Akta Syarikat 2016, telah didaftarkan dengan sewajarnya mengikut peruntukan Akta Syarikat 2016 yang terpakai; atau
- (f) suatu gadaian, gadai janji, sandaran atau lien ke atas wang yang diletakkan atas deposit tetap oleh orang terjejas dan yang, jika dikehendaki oleh mana-mana peruntukan Akta Syarikat 2016, telah didaftarkan dengan sewajarnya mengikut peruntukan Akta Syarikat 2016 yang terpakai.

(2) Menteri boleh, atas syor Perbadanan, meminda takrif “pemiutang bercagar” dalam subperenggan (1) melalui notis yang disiarkan dalam *Warta*.

Kuasa untuk melantik konservator dan konservator tambahan, dsb.

161. (1) Bagi maksud Akta ini, Perbadanan boleh melantik seorang konservator untuk mentadbirkan orang terjejas jika ia berpuas hati bahawa—

- (a) orang terjejas utama—
 - (i) tidak berupaya atau berkemungkinan tidak berupaya untuk membayar hutangnya; atau
 - (ii) tidak berupaya atau berkemungkinan tidak berupaya untuk memenuhi obligasinya kepada pemiutangnya;

- (b) kemandirian orang terjejas utama dan keseluruhan atau mana-mana bahagian asetnya sebagai usaha berterusan boleh tercapai;
- (c) penghasilan yang lebih menguntungkan akan aset orang terjejas utama boleh dicapai selain suatu penggulangan; atau
- (d) pelantikan itu boleh mencapai penghasilan yang lebih menguntungkan atau suatu penyelesaian yang lebih cepat akan suatu kewajipan atau liabiliti yang terhutang oleh mana-mana orang kepada Perbadanan atau mana-mana subsidiari Perbadanan, sama ada pada masa sekarang atau pada masa hadapan, atau sama ada terletak hak atau kontingen.

(2) Perbadanan boleh melantik seorang konservator atau lebih bagi orang terjejas.

(3) Perbadanan boleh pada bila-bila masa selepas pelantikan mana-mana konservator di bawah subseksyen (2) melantik konservator tambahan dan boleh, pada bila-bila masa, menamatkan mana-mana konservator sedia ada dan melantik seorang konservator baru untuk menggantikannya.

(4) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (3) boleh dikira sebagai menamatkan pentadbiran mana-mana orang terjejas melainkan jika ditamatkan sedemikian oleh Perbadanan.

(5) Apa-apa keputusan Perbadanan yang berhubungan dengan pelantikan seorang konservator, seorang konservator tambahan, penamatan mana-mana konservator sedia ada dan pelantikan seorang konservator baru bagi menggantikannya, adalah muktamad dan mengikat.

(6) Seorang konservator, dalam menjalankan kuasanya di bawah Bahagian ini, tidak dikehendaki untuk memberitahu atau mendapatkan kelulusan pemegang syer atau pemiutang orang terjejas dalam suatu mesyuarat agung atau selainnya walau apa pun apa-apa rukun

undang-undang, kontrak atau apa-apa jua dalam mana-mana undang-undang termasuk Akta Syarikat 2016 atau apa-apa jua dalam dokumen konstituen orang terjejas itu.

(7) Mana-mana orang yang melanggar—

(a) seksyen 173 atau 177; atau

(b) subseksyen 170(1), 174(1), 175(2), 176(1), 179(1) atau 183(1),

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Kelayakan konservator

162. (1) Tiada seorang pun boleh dilantik sebagai seorang konservator melainkan jika—

(a) orang itu ialah orang sebenar; dan

(b) dia telah bersetuju secara bertulis mengenai pelantikannya dan tidak menarik balik persetujuannya pada tarikh pelantikannya.

(2) Orang yang berikut layak untuk dilantik sebagai konservator:

(a) juruaudit syarikat yang diluluskan di bawah Akta Syarikat 2016;

(b) seorang yang mempunyai, pada pendapat Perbadanan, pengalaman yang dikehendaki; atau

(c) seorang yang, pada pendapat Perbadanan, berupaya melaksanakan tugas seorang konservator.

(3) Orang yang berikut tidak layak untuk dilantik sebagai konservator:

- (a) suatu perbadanan;
- (b) seorang bankrap yang belum dilepaskan;
- (c) seorang pemegang gadai janji mana-mana aset orang terjejas;
- (d) seorang juruaudit orang terjejas; atau
- (e) seorang pegawai orang terjejas.

Dua konservator atau lebih

163. Jika dua orang atau lebih dilantik sebagai konservator bagi orang terjejas—

- (a) fungsi atau kuasa konservator boleh dilaksanakan atau dijalankan oleh mana-mana satu daripada mereka atau oleh kedua-duanya atau kesemua mereka secara bersesama; dan
- (b) sebutan mengenai konservator dalam Akta ini ialah sebutan mengenai mana-mana satu daripada mereka yang dilantik.

Tempoh pentadbiran

164. (1) Pentadbiran orang terjejas oleh konservator hendaklah bermula dari tarikh pelantikan konservator dan hendaklah berterusan sehingga ditamatkan oleh Perbadanan.

(2) Lembaga boleh melantik suatu jawatankuasanya sendiri yang dipengerusikan oleh salah seorang daripada pengarahnya dan yang terdiri daripada seorang atau dua orang lagi pengarah dan orang lain yang mempunyai kepakaran yang berkaitan atau pengalaman yang berkaitan untuk mengawasi, memantau dan menilai prestasi

mana-mana atau kesemua konservator yang dilantik oleh Perbadanan.

(3) Jawatankuasa yang dilantik di bawah subseksyen (2) hendaklah, dari semasa ke semasa, membuat apa-apa cadangan atau syor termasuk suatu cadangan bagi penamatan konservator bagi pertimbangan Perbadanan.

(4) Seorang konservator hendaklah dilepaskan daripada pelantikannya apabila penamatan pelantikannya diluluskan oleh Perbadanan.

(5) Jika pelantikan seorang konservator telah dilepaskan di bawah seksyen ini atau subseksyen 189(2), dia hendaklah, berkuat kuasa dari pelepasan itu, dilepaskan daripada segala kewajipan dan liabiliti berkenaan dengan pentadbirannya atau selainnya berhubungan dengan kelakuannya sebagai seorang konservator.

(6) Tiada apa-apa dalam seksyen ini boleh menghalang suatu tindakan atau prosiding lain oleh mana-mana orang bagi kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh perbuatan salah laku yang sengaja atau kecuai melampau oleh konservator.

Pemberitahuan pelantikan konservator

165. (1) Jika seorang konservator telah dilantik, konservator itu hendaklah—

- (a) dalam tempoh dua hari selepas pelantikan sedemikian memberi notis bertulis kepada orang terjejas;
- (b) dalam tempoh tujuh hari selepas pelantikan sedemikian menyerah simpan suatu notis mengenai pelantikan konservator dengan—
 - (i) Suruhanjaya Syarikat Malaysia; dan
 - (ii) dalam hal suatu syarikat awam tersenarai, Bursa Malaysia,

mengikut apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan; dan

- (c) dalam tempoh tujuh hari selepas pelantikan itu menyebabkan suatu notis mengenai pelantikan konservator disiarkan dalam sekurang-kurangnya dua akhbar harian di Malaysia, salah satu daripadanya hendaklah dalam bahasa kebangsaan.

(2) Tiap-tiap invoice, pesanan barangan atau perkhidmatan, surat perniagaan, cek, nota kredit atau surat cara boleh niaga atau dokumen lain yang, selepas pelantikan seorang konservator berhubung dengan orang terjejas, telah dikeluarkan oleh atau bagi pihak orang terjejas atau konservator, yang merupakan suatu dokumen yang padanya atau dalamnya tertera nama orang terjejas, hendaklah mengandungi perkataan “Konservator Dilantik” atau perkataan yang seumpama itu.

(3) Suatu pelanggaran perenggan ini tidaklah menjejaskan kesahan tindakan konservator dalam pentadbiran orang terjejas.

Kesan pelantikan konservator

166. Pelantikan seorang konservator tidak boleh—

- (a) diambil kira sebagai meletakkan konservator, orang terjejas atau mana-mana orang lain yang melanggar atau ingkar di bawah mana-mana kontrak atau dalam pecah kepercayaan;
- (b) diambil kira sebagai membangkitkan suatu hak kepada mana-mana orang untuk—
 - (i) menamatkan, membatalkan atau mengubah suai suatu perjanjian;
 - (ii) menguatkuasakan atau mempercepat pelaksanaan suatu kewajipan; atau

- (iii) menghendaki pelaksanaan suatu obligasi yang jika tidak kerana itu tidak berbangkit untuk pelaksanaan;
- (c) dikira sebagai meletakkan konservator, orang terjejas atau mana-mana orang lain dalam kedudukan melanggar mana-mana undang-undang atau perjanjian yang melarang, menyekat atau mengawal selia penyerahhakan, jualan, pelupusan atau pindah milik apa-apa aset atau pendedahan maklumat;
- (d) melepaskan seorang penjamin daripada suatu kewajipan;
- (e) menidaksahkan atau melepaskan suatu kontrak atau cagaran;
- (f) dikira sebagai menamatkan, membatalkan atau mengubah apa-apa hak, keistimewaan, pengecualian (termasuk apa-apa pengecualian cukai) atau keutamaan berhubung dengan suatu aset; atau
- (g) dikira sebagai meletakkan Perbadanan atau konservator dalam kedudukan melanggar mana-mana undang-undang atau apa-apa perintah mahkamah.

Kuasa am konservator

167. Seorang konservator hendaklah mempunyai kuasa yang berikut:

- (a) kuasa untuk menukar lokasi pejabat berdaftar orang terjejas;
- (b) kuasa untuk menggunakan meterai perbadanan orang terjejas;
- (c) kuasa untuk melakukan segala perbuatan dan menyempurnakan atas nama dan bagi pihak orang terjejas apa-apa surat ikatan, resit atau dokumen lain;

- (d) kuasa untuk melantik mana-mana ejen untuk melakukan apa-apa urusan yang tidak dapat dilakukan sendiri oleh konservator atau yang boleh dilakukan dengan lebih mudah oleh seseorang ejen dan kuasa untuk mengambil kerja dan memecat pegawai dan pekerja hubung dengan orang terjejas;
- (e) kuasa untuk menubuhkan subsidiari orang terjejas;
- (f) kuasa untuk memindahkan kepada subsidiari orang terjejas semua atau mana-mana bahagian aset orang terjejas;
- (g) kuasa untuk mengambil dan mengekalkan insurans berkenaan dengan aset orang terjejas;
- (h) kuasa untuk mengambil milikan, mengumpul dan mendapatkan aset orang terjejas dan bagi maksud itu, untuk mengambil apa-apa prosiding sebagaimana yang suai manfaat kepada konservator;
- (i) kuasa untuk menjual atau selainnya melupuskan aset orang terjejas secara lelongan awam atau kontrak persendirian;
- (j) kuasa untuk memberikan atau menerima suatu penyerahan balik pajakan atau penyewaan aset orang terjejas, dan untuk mengambil pajakan atau penyewaan apa-apa aset yang dikehendaki atau sesuai untuk aset orang terjejas;
- (k) kuasa untuk membuat semua benda, termasuk menjalankan kerja, sebagaimana yang perlu bagi pengurusan dan penghasilan aset, urusan dan hal ehwal orang terjejas;
- (l) kuasa untuk mendapatkan wang, meminjam wang atau memberi cagaran baginya ke atas aset orang terjejas;
- (m) kuasa untuk mengeluarkan, menerima, membuat dan mengendors apa-apa bil pertukaran atau nota janji hutang atas nama dan bagi pihak orang terjejas;

- (n) kuasa untuk membuat panggilan ke atas mana-mana modal orang terjejas yang belum dipanggil;
- (o) kuasa untuk membuat apa-apa bayaran yang diperlukan atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya;
- (p) kuasa untuk menjalankan urusan orang terjejas;
- (q) kuasa untuk melaksanakan apa-apa fungsi dan menjalankan apa-apa kuasa, yang orang terjejas, mana-mana pengarah atau pegawainya boleh melaksanakan atau menjalankan sekiranya seorang konservator tidak dilantik;
- (r) kuasa untuk melantik mana-mana orang sebagai pengarah orang terjejas, sama ada untuk mengisi suatu kekosongan atau sebagai mana-mana pengarah tambahan;
- (s) kuasa untuk melantik seorang peguam cara, akauntan atau orang berkeelayakan profesional yang lain untuk membantunya dalam pelaksanaan fungsinya berhubung dengan orang terjejas;
- (t) kuasa untuk memecat atau menggantung jawatan mana-mana pengarah orang terjejas atau melantik orang lain untuk bertindak sebagai pengarah orang terjejas walau apa pun mana-mana undang-undang atau dokumen konstituen orang terjejas;
- (u) kuasa untuk membawa atau membela apa-apa tindakan atau prosiding undang-undang yang lain atas nama dan bagi pihak orang terjejas;
- (v) kuasa untuk merujuk kepada timbang tara apa-apa persoalan yang melibatkan orang terjejas;
- (w) kuasa untuk membuat apa-apa perkiraan atau kompromi bagi pihak orang terjejas;
- (x) kuasa untuk memeringkat dan menuntut dalam

kebankrapan, ketaksolvenan atau pelikuidasian mana-mana orang yang berhutang kepada orang terjejas dan untuk menerima dividen atau pulangan, dan untuk menyertai surat ikatan amanah bagi pemiutang orang terjejas;

- (y) kuasa untuk mengemukakan atau membela petisyen untuk penggulangan orang terjejas, dan untuk memulakan penggulangan orang terjejas secara sukarela; dan
- (z) kuasa untuk melakukan semua benda lain yang perlu untuk atau bersampingan dengan penjalanan kuasa yang disebut terdahulu.

Tugas am konservator

168. (1) Tanpa menjejaskan seksyen 173, 175 dan 176, konservator hendaklah, selepas pelantikannya, mengambil ke dalam jagaannya atau di bawah kawalannya semua aset yang kepadanya orang terjejas berhak atau ternyata berhak.

(2) Konservator hendaklah menguruskan aset, urusan dan hal ehwal orang terjejas—

- (a) pada bila-bila masa sebelum kelulusan cadangan oleh pemiutang bercagar orang terjejas di bawah seksyen 185, mengikut apa-apa arahan yang diberikan oleh Perbadanan; dan
- (b) pada bila-bila masa selepas kelulusan cadangan oleh pemiutang bercagar orang terjejas di bawah seksyen 185, mengikut cadangan itu sebagaimana yang diubahsuaikan dari semasa ke semasa mengikut seksyen 187.

Konservator sebagai ejen orang terjejas

169. Konservator hendaklah, dalam pentadbiran orang terjejas, disifatkan bertindak sebagai ejen orang terjejas.

Pegawai orang terjejas hendaklah melaksanakan atau menjalankan fungsi dengan kelulusan bertulis

170. (1) Jika seorang konservator telah dilantik, tiada seorang pun, termasuk lembaga pengarah orang terjejas, selain konservator, boleh melaksanakan atau menjalankan atau berupa sebagai melaksanakan atau menjalankan fungsi sebagai seorang pegawai orang terjejas, kecuali dengan kelulusan bertulis konservator terlebih dahulu.

(2) Jika konservator meluluskan pelaksanaan atau penjalanan sesuatu fungsi oleh pegawai orang terjejas mengikut subseksyen (1), konservator hendaklah membayar kepada pegawai itu apa-apa fi atau saraan lain sebagaimana yang ditentukan dengan munasabah oleh konservator.

(3) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2) dan walau apa pun mana-mana undang-undang atau kontrak lain, tiada apa-apa jua pun jenis saraan akan terakru atau boleh dibayar kepada mana-mana pegawai orang terjejas kecuali sebagaimana yang diluluskan secara bertulis oleh konservator itu berhubung dengan mana-mana aktiviti yang dikehendaki atau diberi kuasa oleh konservator bagi tempoh pentadbiran orang terjejas.

(4) Bagi maksud subseksyen (1), konservator berhak untuk menjalankan segala fungsi lembaga pengarah orang terjejas.

(5) Dalam seksyen ini, seseorang pekerja orang terjejas tidak boleh ditafsirkan sebagai seorang pegawai semata-mata kerana dia ialah pekerja orang terjejas.

Urus niaga dengan aset orang terjejas

171. (1) Jika seseorang orang terjejas berupa sebagai membuat atau mana-mana orang berupa sebagai membuat bagi pihak orang terjejas, suatu transaksi atau urus niaga dengan mana-mana aset orang terjejas, transaksi atau urus niaga itu hendaklah menjadi batal melainkan jika—

- (a) ia suatu transaksi atau urus niaga yang dibuat oleh Perbadanan atau konservator; atau
- (b) persetujuan bertulis konservator diperoleh terlebih dahulu bagi transaksi atau urus niaga itu.

(2) Mana-mana orang yang berupa sebagai membuat suatu transaksi atau urus niaga yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Pampasan

172. (1) Jika mahkamah mendapati seseorang bersalah bagi suatu kesalahan di bawah subseksyen 171(2) dan mahkamah berpuas hati bahawa orang terjejas atau seorang yang lain telah menanggung kerugian atau kerosakan kerananya, mahkamah boleh memerintahkan orang yang melakukan kesalahan itu supaya membayar pampasan kepada orang yang telah menanggung kerugian atau kerosakan itu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1) konservator boleh memulakan prosiding guaman terhadap mana-mana orang untuk mendapatkan kembali aset orang terjejas atau pampasan sebagai gantinya.

Obligasi pegawai orang terjejas

173. (1) Seseorang pegawai atau pekerja orang terjejas hendaklah dalam tempoh tujuh hari selepas pelantikan konservator—

- (a) menyerahkan kepada konservator semua buku, rekod, akaun atau dokumen lain orang terjejas dalam milikan pegawai atau pekerja itu; dan
- (b) jika pegawai atau pekerja itu mengetahui lokasi buku, rekod, akaun atau dokumen lain yang berhubungan dengan orang terjejas, memaklumkan konservator mengenai lokasi buku, rekod, akaun atau dokumen itu.

(2) Seseorang pegawai atau pekerja orang terjejas hendaklah—

- (a) memberi konservator apa-apa maklumat berkenaan dengan aset, urusan, hal ehwal dan hal keadaan kewangan orang terjejas; dan
- (b) membantu konservator pada bila-bila masa,

sebagaimana yang dikehendaki dengan munasabah oleh konservator.

Penyiasatan urusan dan hal ehwal

174. (1) Konservator boleh menghendaki mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen (2), dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh itu atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh konservator, untuk menentusahkan dan mengemukakan kepada konservator suatu pernyataan tentang urusan dan hal ehwal orang terjejas dalam bentuk yang ditentukan oleh konservator yang mengandungi—

- (a) butiran aset dan liabiliti orang terjejas;
- (b) nama dan alamat pemiutang orang terjejas;
- (c) cagaran yang dipegang oleh pemiutang orang terjejas yang disebut dalam perenggan (1)(b);
- (d) tarikh cagaran yang disebut dalam perenggan (1)(c) telah diberikan;
- (e) suatu akuan berkanun yang dibuat menurut peruntukan *Akta Akuan Berkanun 1960 [Akta 13], mengisytiharkan maklumat dalam pernyataan hal ehwal itu sebagai benar dan betul; dan
- (f) apa-apa maklumat lanjut atau maklumat lain sebagaimana

*CATATAN—Akta Akuan Berkanun 1960 [Akta 13] telah disemak dan dinamakan sebagai Akta Akuan Berkanun 1960 [Akta 783] m.b.p. 17 November 2016

yang dikehendaki oleh konservator.

(2) Konservator boleh menghendaki orang yang berikut supaya menentusahkan dan mengemukakan pernyataan urusan dan hal ehwal yang disebut dalam subseksyen (1):

- (a) orang yang menjadi atau pernah menjadi pegawai orang terjejas;
- (b) orang yang pernah mengambil bahagian dalam pembentukan orang terjejas pada bila-bila masa dalam tempoh dua tahun sebelum pelantikan konservator itu; atau
- (c) orang yang dalam penggajian orang terjejas atau pernah berada dalam penggajian orang terjejas dalam tempoh dua tahun sebelum pelantikan konservator yang, pada pendapat konservator, mempunyai maklumat yang dikehendaki.

(3) Konservator boleh pada bila-bila masa melepaskan seseorang daripada apa-apa obligasi yang dikenakan ke atasnya di bawah subseksyen (1) atau (2).

(4) Konservator hendaklah, apabila fungsi dan kewajipannya di bawah Akta ini tamat, memulangkan kepada orang terjejas apa-apa buku, pernyataan, rekod, akaun atau dokumen lain atau apa-apa jua yang disebut di bawah subseksyen 173(1), seksyen ini dan seksyen 175.

(5) Dalam seksyen ini, “penggajian” termasuklah penggajian di bawah suatu kontrak untuk perkhidmatan.

Hak konservator ke atas buku, rekod, akaun atau dokumen lain orang terjejas

175. (1) Tertakluk pada subseksyen (3), tiada seorang pun berhak berbanding dengan konservator—

- (a) untuk menyimpan dalam milikan buku, rekod, akaun atau dokumen lain orang terjejas; atau

- (b) untuk menuntut atau menguatkuasakan suatu lien ke atas buku, rekod, akaun atau dokumen lain orang terjejas.

(2) Konservator boleh memberikan notis kepada seseorang berhubung dengan buku, rekod, akaun atau dokumen lain orang terjejas dan orang itu hendaklah menyerahkan kepada konservator buku, rekod, akaun atau dokumen lain yang disebut dalam notis itu yang ada dalam milikannya.

(3) Subseksyen (1) dan (2) tidaklah terpakai berhubung dengan mana-mana buku, rekod, akaun atau dokumen lain—

- (a) yang berhak dimiliki oleh seorang pemiutang bercagar orang terjejas melainkan jika disebabkan oleh suatu lien; atau
- (b) orang terjejas yang ditahan oleh mana-mana badan kawal selia,

tetapi konservator itu berhak untuk memeriksa dan membuat salinan buku, rekod, akaun atau dokumen lain itu.

Hak konservator ke atas aset orang terjejas

176. (1) Konservator boleh menghendaki mana-mana orang yang mempunyai dalam milikan atau kawalannya aset, buku, rekod, akaun atau dokumen lain yang orang terjejas ternyata berhak kepadanya supaya menyampaikan, memberikan, menyerahkan atau memindahkan aset, buku, rekod, akaun atau dokumen lain kepada konservator dengan serta merta atau dalam apa-apa tempoh yang diarahkan oleh konservator dan orang itu hendaklah dengan serta merta menyampaikan, memberikan, menyerahkan atau memindahkan aset, buku, rekod, akaun atau dokumen lain itu kepada konservator.

(2) Jika konservator menyita apa-apa aset yang bukan aset orang terjejas dan pada masa penyitaan itu, mempercayai, dan mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai, bahawa dia berhak untuk menyita aset itu, maka konservator tidak bertanggunggan kepada

mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa kerugian atau kerosakan yang diakibatkan oleh penyitaan itu melainkan jika kerugian atau kerosakan itu disebabkan dengan sengaja oleh konservator atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya atau oleh kecuaian konservator sendiri.

Menyekat atau menghalang konservator

177. Tiada seorang pun boleh menyekat atau menghalang perjalanan mana-mana kewajipan, hak atau kuasa oleh seorang konservator.

Penafian tuntutan

178. (1) Tertakluk pada subseksyen (3), jika mana-mana bahagian aset orang terjejas terdiri daripada—

- (a) apa-apa kepentingan dalam tanah yang mengandungi waad yang membebankan;
- (b) syer dalam perbadanan;
- (c) kontrak yang tidak menguntungkan; atau
- (d) apa-apa aset lain yang tidak boleh dijual atau tidak sedia untuk dijual, oleh sebab ia mengikat pemiliknya kepada pelaksanaan apa-apa tindakan yang membebankan atau kepada pembayaran apa-apa jumlah wang,

konservator boleh dalam tempoh dua belas bulan selepas dia menyedari akan mana-mana aset yang tersebut di atas, menafikan tuntutan mana-mana aset sedemikian.

(2) Hak mana-mana orang yang terjejas oleh konservator menurut perjalanan kuasanya untuk menafikan tuntutan di bawah subseksyen (1) hendaklah diuruskan mengikut cara yang dinyatakan dalam cadangan itu dan apa-apa pampasan kepada orang itu hendaklah ditarafkan sebagai suatu hutang tidak bercagar.

(3) Konservator boleh tidak menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1) untuk menafikan tuntutan apa-apa kontrak pasaran.

(4) Bagi maksud subseksyen (3), suatu “kontrak pasaran” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan hendaklah termasuk kontrak niaga hadapan yang diniagakan dalam pasaran derivatif yang dijelaskan melalui suatu pusat penjelasan yang diluluskan.

Moratorium

179. (1) Tertakluk pada subseksyen (6), dengan pelantikan konservator, suatu moratorium hendaklah berkuat kuasa yang dalam tempoh itu—

- (a) tiada tindakan, guaman atau prosiding dalam mana-mana mahkamah atau tribunal boleh dimulakan atau diteruskan terhadap Perbadanan, konservator atau orang terjejas;
- (b) apa-apa petisyen untuk penggulungan orang terjejas hendaklah ditolak oleh Mahkamah Tinggi;
- (c) tiada ketetapan boleh diluluskan atau perintah dibuat bagi penggulungan orang terjejas, kecuali jika konservator mengambil apa-apa langkah untuk melaksanakan suatu cadangan di bawah Bahagian ini;
- (d) tiada penerima, pengurus, penerima dan pengurus atau pelikuidasi interim boleh dilantik, atau jika dilantik, pelantikannya hendaklah tamat dengan serta merta dan dia hendaklah mengosongkan jawatannya;
- (e) tiada langkah boleh diambil—
 - (i) untuk mewujudkan, menyempurnakan atau menguatkuasakan apa-apa cagaran ke atas mana-mana aset orang terjejas;

- (ii) untuk menguatkuasakan apa-apa penghakiman atau award atau perintah ke atas orang terjejas atau mana-mana aset orang terjejas;
- (iii) untuk memiliki semula apa-apa aset dalam milikan, jagaan atau kawalan orang terjejas; atau
- (iv) untuk menolak apa-apa hutang yang terhutang kepada orang terjejas berkenaan dengan apa-apa tuntutan terhadap orang terjejas,

kecuali dengan persetujuan bertulis Perbadanan terlebih dahulu;

- (f) tiada tindakan, guaman, prosiding, pelaksanaan atau proses undang-undang boleh dimulakan atau diteruskan, dan tiada distress boleh dilevikan, terhadap orang terjejas atau asetnya kecuali dengan persetujuan bertulis Perbadanan terlebih dahulu;
- (g) apa-apa permohonan yang dibuat di bawah Akta Syarikat 2016 berkenaan dengan apa-apa kompromi atau perkiraan yang melibatkan orang terjejas dan pemiutangnya atau pemegang syernya atau mana-mana kelasnya hendaklah ditangguhkan *sine die* dan apa-apa perintah sekatan yang dikeluarkan menurut mana-mana peruntukan Akta Syarikat 2016 hendaklah dilepaskan dan diketepikan dengan serta merta; dan
- (h) tiada tindakan, guaman, prosiding, pelaksanaan atau proses undang-undang boleh dimulakan atau diteruskan terhadap mana-mana orang yang menyediakan suatu jaminan atau yang bertindak sebagai seorang penjamin bagi liabiliti orang terjejas kecuali dengan persetujuan bertulis Perbadanan terlebih dahulu.

(2) Tempoh moratorium yang diperuntukkan dalam subseksyen (1) hendaklah bagi suatu tempoh dua belas bulan bermula dari tarikh

pelantikan konservator dan boleh ditamatkan pada bila-bila masa oleh Perbadanan.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), Perbadanan boleh melanjutkan moratorium itu bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang disifatkan sesuai oleh Perbadanan bagi membolehkan konservator menyediakan atau melaksanakan suatu cadangan di bawah Bahagian ini.

(4) Jika tempoh moratorium itu dilanjutkan menurut subseksyen (3), suatu notis mengenai pelanjutan itu hendaklah disiarkan dalam sekurang-kurangnya dua akhbar harian di Malaysia, satu daripadanya hendaklah dalam bahasa kebangsaan.

(5) Perbadanan tidaklah bertanggungjawab bagi sesuatu tindakan atau ganti rugi berkenaan dengan sesuatu keengganan untuk memberikan persetujuannya di bawah subseksyen (1).

(6) Tiada apa-apa dalam seksyen ini boleh menghalang apa-apa prosiding sivil atau jenayah daripada dimulakan atau diteruskan oleh mana-mana badan kawal selia di bawah mana-mana undang-undang terhadap orang terjejas.

(7) Apa-apa keputusan Perbadanan di bawah seksyen ini adalah muktamad dan mengikat.

Perjanjian kewangan yang layak dengan orang terjejas

180. (1) Walau apa pun seksyen 166, jika seorang konservator telah dilantik untuk mentadbirkan orang terjejas, tiada seorang pun yang menjadi pihak balas kepada suatu perjanjian kewangan yang layak dengan orang terjejas boleh menamatkan perjanjian itu, menjalankan apa-apa hak tolakan di bawah perjanjian itu atau menjalankan apa-apa remedi atau hak terhadap orang terjejas atau asetnya dan tiada peruntukan dalam mana-mana perjanjian itu yang memperuntukkan mana-mana yang disebut terdahulu boleh dikuatkuasakan atau memberi kesan melainkan jika ditentukan sebaliknya oleh Perbadanan secara bertulis dalam apa-apa tempoh berikutan pelantikan

konservator sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan oleh Perbadanan.

(2) Jika Perbadanan menyetujui pemindahan suatu perjanjian kewangan yang layak dengan orang terjejas kepada seorang pihak ketiga yang layak, tiada seorang pun yang menjadi suatu pihak kepada perjanjian itu boleh menamatkan perjanjian itu, menjalankan apa-apa hak tolakan di bawah perjanjian itu atau menjalankan apa-apa remedi atau hak terhadap orang terjejas atau asetnya dan tiada peruntukan dalam mana-mana perjanjian itu yang memperuntukkan mana-mana yang disebut terdahulu boleh dikuatkuasakan atau memberi kesan semata-mata oleh sebab pemindahan itu atau pelantikan konservator itu.

(2A) Jika seseorang menjadi pihak balas bagi dua atau lebih transaksi kewangan yang layak di bawah suatu perjanjian kewangan yang layak dengan orang terjejas yang sama, konservator hanya boleh memindahkan kepada suatu institusi perantaraan atau pihak ketiga yang layak semua atau tidak satu pun transaksi kewangan yang layak antara orang terjejas dan orang itu.

(3) Jika suatu perjanjian kewangan yang layak ialah suatu perjanjian yang berhubungan dengan cagaran kewangan yang terpakai bagi apa-apa harta orang terjejas, harta itu hendaklah juga dipindahkan kepada pihak ketiga yang layak.

(4) Jika suatu perjanjian kewangan yang layak tidak dipindahkan mengikut seksyen ini dan orang yang menjadi pihak balas boleh menamatkan perjanjian itu mengikut termannya tetapi belum berbuat demikian, Perbadanan boleh mengisytiharkan melalui notis bertulis bahawa perjanjian itu ditamatkan, dalam hal sedemikian, dan walaupun terdapat apa-apa terma yang bertentangan dalam perjanjian itu, perjanjian itu hendaklah disifatkan sebagai telah ditamatkan oleh pihak balas itu.

(5) Perbadanan boleh memindahkan suatu perjanjian kewangan yang layak kepada seorang pihak ketiga yang layak melalui suatu surat cara pindah milik yang dikeluarkan mengikut Jadual Kedua dan ia

hendaklah mempunyai kesan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan hendaklah mengikat mana-mana orang yang terjejas dengannya.

Mendapatkan balik balasan wang daripada aset yang diperoleh atau dijual sebelum pelantikan konservator

181. (1) Bagi maksud seksyen ini—

“balasan wang”, berhubung dengan suatu pemerolehan atau jualan oleh orang terjejas, ertinya balasan bagi pemerolehan atau jualan yang kena dibayar selain melalui pengeluaran syer oleh orang terjejas;

“pengarah” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Syarikat 2016;

“nilai aset” termasuklah nilai bagi apa-apa nama baik atau keuntungan yang mungkin diperoleh daripada aset atau balasan yang seumpama.

(2) Jika mana-mana aset telah diperoleh oleh orang terjejas untuk balasan wang dalam tempoh dua tahun sebelum pelantikan seorang konservator di bawah Akta ini—

(a) daripada seorang yang pada masa pemerolehan itu, ialah seorang pengarah bagi orang terjejas; atau

(b) daripada suatu syarikat yang baginya pada masa pemerolehan itu, seorang yang menjadi pengarahnya adalah juga pengarah bagi orang terjejas,

konservator boleh mendapatkan balik daripada orang atau syarikat yang daripadanya aset itu telah diperoleh apa-apa amaun yang balasan wang bagi pemerolehan itu melebihi nilai aset itu pada masa pemerolehannya.

(3) Jika apa-apa aset telah dijual oleh orang terjejas bagi sesuatu balasan wang dalam tempoh dua tahun sebelum pelantikan seorang konservator di bawah Akta ini—

- (a) kepada seorang yang pada masa jualan, ialah seorang pengarah bagi orang terjejas; atau
- (b) kepada suatu syarikat yang baginya pada masa jualan, seorang yang menjadi pengarahnya adalah juga pengarah bagi orang terjejas,

konservator boleh mendapatkan balik daripada orang atau syarikat yang kepadanya aset itu telah dijual apa-apa amaun yang nilai aset itu ketika jualan melebihi balasan wang.

Keutamaan tidak wajar

182. (1) Dengan pelantikan konservator, apa-apa pindahan, gadai janji, penyempurnaan, penahanan, obligasi, penyelesaian, gadaian, penyerahhakan, penghantaran barangan, bayaran atau perbuatan lain yang berhubungan dengan apa-apa aset yang dibuat, ditanggung oleh atau terhadap orang terjejas yang akan menjadi batal atau boleh batal jika dalam keadaan orang terjejas digulung di bawah Akta Syarikat 2016, bolehlah dielakkan atau didapatkan oleh konservator itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), jika sebutan dibuat dalam Akta Syarikat 2016 mengenai suatu tarikh bagi maksud untuk menentukan kesan penggulungan ke atas transaksi yang disebut dalamnya, tarikh itu hendaklah menjadi tarikh pelantikan konservator.

Pengosongan jawatan penerima, dsb.

183. (1) Mana-mana penerima, pengurus, penerima dan pengurus atau pelikuidasi interim yang mengosongkan jawatannya mengikut perenggan 179(1)(d) hendaklah dengan serta merta menyerahkan semua aset, buku, rekod, akaun atau dokumen lain orang terjejas kepada konservator.

(2) Semua jumlah wang yang ditanggung dengan sewajarnya berkenaan dengan kos, perbelanjaan dan saraan penerima, pengurus, penerima dan pengurus atau pelikuidasi interim hendaklah

dipertanggungkan pada dan dibayar daripada hasil terealisasi orang terjejas mengikut cara yang dinyatakan dalam cadangan di bawah seksyen 185.

Konservator hendaklah menyediakan cadangan

184. (1) Konservator hendaklah, tertakluk pada terma dan syarat pelantikannya, menyediakan dan mengemukakan kepada Perbadanan suatu cadangan yang membentangkan rancangan konservator berkenaan dengan orang terjejas.

(2) Cadangan konservator atau mana-mana pengubahsuaian kepada cadangan di bawah seksyen 187 boleh termasuk mana-mana peruntukan sebagaimana yang difikirkan patut oleh konservator.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan peruntukan yang terdahulu, cadangan itu boleh termasuk peruntukan untuk—

- (a) suatu kompromi atau perkiraan antara orang terjejas dengan pemiutangnya atau mana-mana kelas pemiutangnya atau antara orang terjejas dengan pemegang syernya atau mana-mana kelas pemegang syernya atau antara orang terjejas dengan penghutangnya atau mana-mana kelas penghutangnya;
- (b) pengubahan atau pengurangan keseluruhan atau sebahagian modal syer orang terjejas;
- (c) jualan keseluruhan atau sebahagian aku janji atau aset orang terjejas;
- (d) pemindahan kepada mana-mana syarikat akan keseluruhan atau mana-mana bahagian aku janji, aset atau liabiliti orang terjejas;
- (e) penerusan oleh atau terhadap syarikat yang disebut dalam perenggan (d) akan mana-mana prosiding undang-undang yang belum selesai oleh atau terhadap orang terjejas;

- (f) penggulangan atau pembubaran tanpa penggulangan orang terjejas; atau
- (g) mana-mana peruntukan lain yang perlu untuk memastikan cadangan atau rancangan konservator atau mana-mana kompromi, perkiraan, penyusunan semula atau percantuman berkenaan dengan orang terjejas hendaklah dijalankan dengan sepenuhnya dan secara berkesan.

(4) Perbadanan hendaklah menimbangkan cadangan yang dikemukakan oleh konservator dan, tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas pengemukakan cadangan itu atau apa-apa tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri, meluluskan atau menolak cadangan itu.

Mesyuarat pemiutang bercagar

185. (1) Konservator hendaklah, selepas kelulusan bagi cadangan oleh Perbadanan, menghantar melalui pos berdaftar bayar dahulu atau mengikut apa-apa cara lain yang ditetapkan di bawah Akta ini ke alamat terakhir setiap pemiutang bercagar orang terjejas yang diketahui oleh konservator—

- (a) suatu salinan cadangan itu;
- (b) jika Perbadanan menyifatkannya sesuai, suatu memorandum daripada Perbadanan yang membentangkan apa-apa perkara yang pada pandangan Perbadanan patut diambil kira oleh pemiutang bercagar dalam menimbangkan cadangan itu; dan
- (c) suatu notis mengenai mesyuarat pemiutang bercagar bagi maksud yang dinyatakan dalam seksyen ini.

(2) Suatu mesyuarat pemiutang bercagar orang terjejas hendaklah diadakan dalam tempoh empat belas hari selepas pengeluaran notis mengenai mesyuarat pemiutang bercagar di bawah subseksyen (1).

(3) Mesyuarat pemiutang bercagar orang terjejas yang diadakan di bawah subseksyen (2) hendaklah memutuskan sama ada untuk meluluskan atau menolak cadangan itu.

(4) Jika—

- (a) majoriti pemiutang bercagar mengikut nilai, yang hadir dan mengundi, sama ada dengan sendiri atau melalui proksi, pada mesyuarat itu meluluskan cadangan itu; atau
- (b) tiada pemiutang bercagar orang terjejas yang diketahui oleh konservator dan Perbadanan meluluskan cadangan itu di bawah subseksyen 184(4),

cadangan itu, termasuk cadangan sebagaimana ia diubahsuaikan kemudiannya di bawah seksyen 187, hendaklah mengikat orang terjejas, semua pemegang syer dan pemiutang orang terjejas atau mana-mana orang lain yang terjejas oleh cadangan itu, sama ada atau tidak orang itu mempunyai pengetahuan atau notis mengenai cadangan itu.

(5) Bagi maksud perenggan (4)(a), suatu resolusi untuk meluluskan cadangan itu dengan apa-apa ubah suaian hendaklah disifatkan sebagai suatu penolakan cadangan itu.

(6) Walau apa pun mana-mana undang-undang—

- (a) kelulusan atau pelaksanaan suatu cadangan di bawah subseksyen (4), termasuk cadangan sebagaimana ia boleh diubahsuaikan kemudiannya di bawah seksyen 187, tidak boleh melepaskan mana-mana cagaran yang diperuntukkan oleh mana-mana orang untuk menjamin apa-apa kewajipan atau liabiliti yang terhutang oleh orang terjejas kepada mana-mana pemiutang orang terjejas kecuali mengikut apa-apa cara dan setakat yang diperuntukkan dalam cadangan itu; dan
- (b) kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam cadangan itu setiap cagaran, kewajipan atau liabiliti sedemikian bagi

orang yang memperuntukkan cagaran itu hendaklah sentiasa sah dan berkuat kuasa terhadap orang itu walau apa pun kelulusan atau pelaksanaan cadangan itu, termasuk cadangan itu sebagaimana ia diubahsuaikan kemudiannya di bawah seksyen 187, atau mana-mana kompromi, perkiraan, penyusunan semula atau percantuman berkaitan dengan orang terjejas.

(7) Kegagalan untuk memberitahu mana-mana pemiutang bercagar orang terjejas mengenai mesyuarat pemiutang bercagar tidak boleh menidaksahkan mesyuarat yang diadakan di bawah subseksyen (2) atau resolusi yang diluluskan dalam mesyuarat itu.

(8) Bagi mengelakkan keraguan, jika Perbadanan ialah pemiutang bercagar orang terjejas, Perbadanan adalah berhak untuk menghadiri dan mengundi pada mesyuarat pemiutang bercagar orang terjejas yang diadakan oleh konservator di bawah subseksyen (2) atau seksyen 187.

Pelaksanaan cadangan

186. (1) Tertakluk pada seksyen 185, 187 dan 188, konservator hendaklah melaksanakan cadangan itu mengikut termanya.

(2) Konservator hendaklah—

- (a) dalam tempoh empat belas hari dari tarikh kelulusan cadangan itu oleh pemiutang bercagar orang terjejas di bawah seksyen 185;
- (b) jika tiada pemiutang bercagar yang diketahui oleh konservator, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh kelulusan cadangan itu oleh Perbadanan di bawah subseksyen 184(4); atau
- (c) dalam tempoh empat belas hari dari tarikh kelulusan cadangan di bawah subseksyen 184(4),

menyebabkan disiarkan dalam sekurang-kurangnya dua akhbar harian di Malaysia, salah satu daripadanya hendaklah dalam bahasa kebangsaan, kelulusan cadangan itu dan masa serta tempat bagi mana-mana pemiutang orang terjejas untuk memeriksa butiran mengenai cadangan itu.

(3) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang atau kontrak, suatu cadangan yang diluluskan atau diubahsuaikan di bawah Akta ini boleh dilaksanakan, dan konservator hendaklah mempunyai kuasa untuk melaksanakan dan melakukan segala benda yang perlu untuk menjalankan dan melaksanakan dengan sepenuhnya dan secara berkesan cadangan atau mana-mana bahagian cadangan itu tanpa memerlukan apa-apa notis kepada atau kelulusan atau persetujuan mana-mana pemegang syer, pemiutang orang terjejas atau mana-mana orang lain yang terjejas oleh cadangan itu atau kelulusan atau pengesahan oleh mahkamah, dan apa-apa notis, kelulusan, persetujuan atau pengesahan sedemikian, sama ada dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang, kontrak atau selainnya, hendaklah disifatkan sebagai telah diberikan atau didapati dengan sewajarnya.

(4) Jika mana-mana bahagian aset orang terjejas adalah tertakluk pada hak pemiutang bercagar atau mana-mana orang lain dan suatu cadangan telah diluluskan di bawah Akta ini, konservator berhak untuk menguruskan aset sedemikian mengikut cara yang dinyatakan dalam cadangan itu.

(5) Konservator hendaklah menggunakan semua hasil terealisasi dalam pelaksanaan cadangan itu mengikut cara yang dinyatakan dalam cadangan itu.

(6) Jika seorang konservator memindahmilikkan aset atau liabiliti menurut suatu cadangan, maka aset itu hendaklah dipindahmilikkan dan diletak hak pada, dan liabiliti itu hendaklah dipindahmilikkan kepada dan menjadi liabiliti, penerima pindah milik, bebas dalam hal mana-mana aset tertentu jika cadangan itu mengarahkan sedemikian, daripada mana-mana gadaian, kaveat atau bebanan lain.

(7) Walau apa pun apa-apa yang bertentangan dalam mana-mana undang-undang, Perbadanan atau subsidiarinya boleh memperoleh mana-mana aset atau sekuriti yang dikeluarkan oleh, orang terjejas.

(8) Walau apa pun apa-apa yang bertentangan dalam mana-mana undang-undang, konservator hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala benda yang perlu untuk memberi kesan kepada dan untuk melaksanakan cadangan yang diluluskan mengikut seksyen 184 dan 185 atau diubahsuaikan mengikut seksyen 187.

(9) Jika suatu cadangan memberi kesan kepada modal syer orang terjejas, konservator hendaklah dalam tempoh empat belas hari selepas cadangan itu diluluskan mengikut Bahagian ini, memberitahu Pendaftar Syarikat bagaimana cadangan itu menjejaskan modal syer orang terjejas.

(10) Suatu notis di bawah subseksyen (9) hendaklah dalam borang sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016.

(11) Apabila suatu notis diserahkan di bawah subseksyen (9), kesemua kehendak di bawah Akta Syarikat 2016 atau mana-mana undang-undang lain yang berkenaan dengan perubahan dalam modal syer orang terjejas hendaklah disifatkan telah dipatuhi dan, berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam cadangan itu, modal syer orang terjejas hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

(12) Dengan serahan notis di bawah subseksyen (9), butiran yang ditunjukkan dalam notis itu hendaklah disifatkan sebagai menggantikan butiran yang bersamaan dengannya dalam dokumen konstituen orang terjejas.

Pengubahsuaian kepada cadangan

187. (1) Konservator boleh pada bila-bila masa selepas—

- (a) cadangan itu diluluskan oleh pemiutang bercagar orang terjejas di bawah seksyen 185; atau

- (b) jika tiada pemiutang bercagar yang diketahui oleh konservator, kelulusan cadangan itu oleh Perbadanan di bawah subseksyen 184(4),

mencadangkan ubah suaian kepada cadangan itu.

(2) Jika Perbadanan berpandangan bahawa ubah suaian yang dicadangkan tidak berbeza secara substansial daripada cadangan pemiutang bercagar di bawah subseksyen (1), Perbadanan hendaklah memutuskan keperluan untuk mengadakan suatu mesyuarat pemiutang bercagar untuk menimbangkan cadangan ubah suaian yang dicadangkan itu.

(3) Keputusan Perbadanan di bawah subseksyen (2) adalah muktamad, konklusif dan mengikat konservator, orang terjejas, kesemua pemegang syer dan pemiutang orang terjejas dan orang lain yang terjejas oleh cadangan itu sama ada orang itu mempunyai pengetahuan atau notis mengenai cadangan yang diubahsuai itu.

(4) Sekiranya Perbadanan memutuskan bahawa adalah perlu untuk mengadakan suatu mesyuarat pemiutang bercagar untuk menimbangkan ubah suaian yang dicadangkan, Perbadanan hendaklah melalui notis bertulis memberitahu konservator mengenai keperluan untuk mengadakan mesyuarat itu.

(5) Konservator hendaklah, dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh penerimaan notis daripada Perbadanan atau apa-apa tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang dinyatakan oleh Perbadanan dalam notis itu, mengadakan suatu mesyuarat.

(6) Konservator hendaklah, sebelum mesyuarat yang diadakan di bawah subseksyen (5), menghantar melalui pos berdaftar bayar dahulu atau mengikut apa-apa cara lain yang ditetapkan di bawah Akta ini ke alamat terakhir setiap pemiutang bercagar yang diketahui oleh konservator—

- (a) suatu salinan ubah suaian yang dicadangkan itu;

- (b) jika Perbadanan menyifatkan sesuai, suatu memorandum daripada Perbadanan menyatakan apa-apa perkara yang pada pandangan Perbadanan patut diambil kira oleh pemiutang bercagar dalam menimbangkan ubah suaian yang dicadangkan itu; dan
- (c) suatu notis mengenai mesyuarat pemiutang bercagar bagi ubah suaian yang dicadangkan dalam seksyen ini.

(7) Mesyuarat pemiutang bercagar orang terjejas untuk menimbangkan ubah suaian yang dicadangkan itu hendaklah diadakan dan dijalankan mengikut cara yang dinyatakan dalam seksyen 185.

(8) Tanpa menjejaskan seksyen 188, pematuhan mana-mana syarat kelulusan yang dikenakan oleh suatu badan kawal selia tidak boleh ditafsirkan sebagai suatu ubah suaian kepada cadangan bagi maksud seksyen ini.

Syarat kelulusan kawal selia

188. (1) Jika—

- (a) kelulusan mana-mana badan kawal selia dikehendaki untuk melaksanakan cadangan itu; atau
- (b) kelulusan mana-mana badan kawal selia dikehendaki untuk melaksanakan apa-apa ubah suaian yang dicadangkan kepada cadangan itu,

dan syarat kelulusan dikenakan oleh badan kawal selia itu, Perbadanan boleh, walau pun pemiutang bercagar orang terjejas telah bersetuju dengan cadangan di bawah perenggan seksyen 185 atau 187, mengarahkan konservator untuk tidak meneruskan cadangan itu atau selainnya memberhentikan pelaksanaan cadangan itu jika Perbadanan berpendapat bahawa syarat kelulusan sedemikian adalah bukan demi kepentingan orang terjejas.

(2) Keputusan Perbadanan di bawah subseksyen (1) hendaklah mengikat orang terjejas, semua pemegang syer dan pemiutang orang terjejas dan mana-mana orang lain yang terjejas oleh cadangan itu, sama ada atau tidak orang itu mempunyai pengetahuan atau notis mengenai cadangan itu.

Penolakan atau pemberhentian cadangan

189. (1) Jika Perbadanan mengarahkan konservator untuk tidak meneruskan cadangan atau selainnya memberhentikan pelaksanaan cadangan di bawah seksyen 188 atau cadangan itu tidak diluluskan di bawah seksyen 185 atau 187, Perbadanan boleh menimbangkan opsyen lain untuk menguruskan pengurusan dan pelupusan aset orang terjejas dan boleh—

- (a) meminta konservator untuk mengemukakan suatu cadangan baru;
- (b) membatalkan moratorium yang dikenakan di bawah seksyen 179; atau
- (c) melantik seorang konservator gantian.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Perbadanan boleh pada bila-bila masa menamatkan pelantikan seorang konservator dan pentadbirannya jika pada pendapatnya penerusan pentadbiran itu tidak akan lagi mencapai matlamat yang dinyatakan dalam subseksyen 161(1).

(3) Apa-apa keputusan Perbadanan di bawah subseksyen (1) atau (2) adalah muktamad dan mengikat.

Laporan mengenai salah laku

190. Jika sesuatu penyiasatan ke dalam urusan dan hal ehwal orang terjejas oleh konservator mendedahkan apa-apa fraud, misfeasans atau salah laku lain berkaitan dengan penajaan atau pembentukan orang terjejas atau dalam pengurusan orang terjejas atau hal ehwalnya, atau

jika telah berlaku apa-apa pelepasan atau penahanan salah apa-apa aset kepunyaan orang terjejas, konservator hendaklah melaporkan fraud, misfeasans atau salah laku sedemikian kepada badan kawal selia atau badan penguatkuasa yang berkaitan.

Kesahan transaksi

191. Apa-apa bayaran yang dibuat, transaksi yang dibuat atau apa-apa perbuatan atau benda lain yang dilakukan dengan suci hati oleh, atau dengan persetujuan konservator, adalah sah dan mempunyai kuat kuasa bagi maksud Akta ini dan tidaklah terbatal, boleh batal atau dianggap sebagai suatu keutamaan tidak wajar dalam penggulangan orang terjejas.

BAHAGIAN X

KESALAHAN

Mengemukakan diri sebagai institusi anggota

192. (1) Tiada seorang pun boleh mengemukakan dirinya sebagai institusi anggota, atau menggambarkan bahawa mana-mana liabilitinya atau liabiliti mana-mana orang lain adalah diinsuranskan di bawah sistem insurans deposit atau dilindungi di bawah sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans, melainkan jika ia atau orang lain itu ialah suatu institusi anggota.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan, dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan boleh, sebagai tambahan, dikenakan denda harian tidak melebihi lima puluh ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Pernyataan palsu

193. Mana-mana orang yang menyediakan, menandatangani, meluluskan atau menyetujui dalam mana-mana—

- (a) akaun, pernyataan, penyata, laporan atau dokumen lain yang dikehendaki untuk dikemukakan kepada Perbadanan di bawah Akta ini yang dia tahu atau mempunyai sebab untuk mempercayai adalah palsu, atau mengandungi maklumat palsu atau mengelirukan; atau
- (b) penyata yang tidak menunjukkan secara berpatutan maklumat yang dikehendaki untuk dikemukakan kepada Perbadanan di bawah Akta ini,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan boleh, sebagai tambahan, dikenakan denda harian tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Tidak memberikan maklumat, dsb.

194. Tiap-tiap institusi anggota yang tidak atau cuai—

- (a) dalam masa yang ditentukan untuk berbuat demikian, untuk memberi Perbadanan apa-apa akaun, rekod, pernyataan, penyata, laporan atau dokumen lain berkenaan dengan urusan atau hal ehwal suatu institusi anggota yang dikehendaki untuk dikemukakan kepada Perbadanan di bawah Akta ini; atau
- (b) untuk memberi maklum balas, dalam masa yang ditentukan dalam notis, kepada suatu permintaan bagi maklumat atau penjelasan berkenaan dengan suatu institusi anggota yang dibuat oleh atau bagi pihak Perbadanan di bawah Akta ini,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan boleh, sebagai tambahan, dikenakan denda harian tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Kesalahan am

195. Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam Akta ini, mana-mana orang, selain Perbadanan dan pengarah, pegawai dan pekerjanya, yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, atau yang melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau apa-apa penentuan atau kehendak yang dibuat, atau apa-apa perintah secara bertulis, arahan, petunjuk, atau notis yang diberikan, atau apa-apa had, terma, syarat atau sekatan yang dikenakan, atau apa-apa benda lain bagaimana jua pun dilakukan, pada perjalanan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah, menurut atau menurut kuasa, mana-mana peruntukan Akta ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) dalam hal orang sebenar, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan boleh, sebagai tambahan, dikenakan denda harian tidak melebihi lima ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan; atau
- (b) dalam mana-mana hal lain, didenda tidak melebihi satu juta ringgit.

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan atau badan tidak diperbadankan atau oleh pengarah, pegawai, pengawal, dsb.

196. (1) Jika suatu kesalahan telah dilakukan oleh mana-mana pertubuhan perbadanan atau badan tidak diperbadankan di bawah Akta ini, mana-mana orang yang pada masa kesalahan itu dilakukan merupakan seorang pengarah, pegawai atau pengawal pertubuhan

perbadanan atau badan tidak diperbadankan itu atau berupa sebagai bertindak atas apa-apa sifat sedemikian, atau telah dengan apa jua cara atau apa-apa takat bertanggungjawab bagi penjalanan apa-apa urusan atau bagi pengurusan apa-apa aset, liabiliti atau hal ehwal pertubuhan perbadanan atau badan tidak diperbadankan itu, atau telah membantu dalam pengurusan sedemikian, melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha untuk mengelakkan berlakunya kesalahan itu sebagaimana yang sepatutnya telah dijalankannya, dengan mengambil kira kepada jenis fungsinya atas sifat itu dan kepada segala hal keadaan.

(2) Jika mana-mana orang (disebut dalam seksyen ini sebagai “prinsipal”) adalah bertanggung di bawah Akta ini bagi apa-apa hukuman atau penalti bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, keabaian atau keingkaran, dia boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, keabaian atau keingkaran demikian yang dilakukan oleh mana-mana kerani, pekhidmat atau ejennya, atau oleh kerani atau pekhidmat ejen itu.

(3) Subseksyen (2) hendaklah terpakai jika perbuatan, peninggalan, keabaian atau keingkaran itu telah dilakukan oleh kerani atau pekhidmat prinsipal itu dalam menjalankan kerjanya, atau oleh ejen itu semasa bertindak bagi pihak prinsipal, atau oleh kerani atau pekhidmat ejen itu dalam menjalankan kerjanya dengan ejen itu atau selainnya bagi pihak ejen itu.

(4) Bagi maksud seksyen ini, “pengawal” ertinya seseorang yang telah memperoleh suatu kelulusan Menteri di bawah seksyen 88 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau seksyen 100 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Kuasa Perbadanan untuk mengkompaun kesalahan

197. (1) Perbadanan, dengan keizinan Pendakwa Raya secara bertulis, boleh dalam hal yang disifatkannya layak dan patut untuk berbuat demikian, mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang yang boleh dihukum di bawah Akta ini, dengan

membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompau kesalahan dengan membayar kepada Perbadanan dalam masa yang ditentukan dalam tawaran itu apa-apa jumlah wang sebagaimana yang ditentukan dalam tawaran itu yang tidak boleh melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum, termasuk denda harian, jika ada, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, yang akan dikenakan kepada orang itu jika dia telah disabitkan atas kesalahan itu.

(2) Apa-apa wang yang dibayar kepada Perbadanan menurut peruntukan subseksyen (1) hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan.

(3) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang ditentukan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang ditentukan dalam tawaran itu, atau apa-apa pelanjutan masa yang diberikan oleh Perbadanan, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika sesuatu kesalahan telah dikompau di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh selepas itu dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompau itu dibuat.

Mahkamah boleh memerintahkan pematuhan

198. Jika seseorang telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini, mahkamah boleh, sebagai tambahan kepada apa-apa denda atau tempoh pemenjaraan yang dikenakan, memerintahkan orang itu untuk meremеди pelanggaran Akta ini yang berkenaan dengannya orang itu telah disabitkan.

Hukuman kewangan tambahan

199. Jika seseorang telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini, mahkamah boleh, jika ia berpuas hati bahawa sebagai akibat

daripada melakukan kesalahan itu orang yang disabitkan itu memperoleh suatu faedah kewangan atau bahawa suatu faedah kewangan telah terakru kepada orang itu, memerintahkan orang yang disabitkan itu untuk membayar, walau apa pun amaun maksimum mana-mana denda yang selainnya boleh dikenakan di bawah Akta ini, suatu denda tambahan dalam suatu amaun yang sama dengan anggaran mahkamah mengenai amaun faedah kewangan itu.

Perintah pematuhan atau penyekatan

200. Jika seseorang tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini yang terpakai berkenaan dengan orang itu, Perbadanan boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk suatu perintah mengarahkan orang itu supaya mematuhi atau menyekat orang itu daripada bertindak melanggar peruntukan itu dan, atas permohonan itu, mahkamah boleh memerintahkan sedemikian dan membuat apa-apa perintah selanjutnya yang difikirkannya patut.

Mendapatkan kembali denda

201. Segala denda yang kena dibayar di bawah Akta ini boleh didapatkan kembali dan dikuatkuasakan, dengan kos, atas guaman oleh Perbadanan, dimulakan oleh Perbadanan dan, apabila didapatkan kembali, hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan.

BAHAGIAN XI

PERUNTUKAN AM

Pengemukaan maklumat kepada Perbadanan

202. (1) Melainkan jika diperuntukkan selainnya secara nyata dalam Akta ini, jika, bagi maksud perjalanan mana-mana kuasanya, pelaksanaan mana-mana fungsinya, atau penunaian mana-mana tugasnya, di bawah Akta ini, Perbadanan menghendaki apa-

apamaklumat daripada suatu institusi anggota atau daripada mana-mana perbadanan yang berkaitan dengan suatu institusi anggota, tentang apa-apa perkara yang berhubungan dengan urusan atau hal ehwal institusi anggota atau perbadanan yang berkaitan itu, institusi anggota atau perbadanan yang berkaitan itu hendaklah, walau apa pun mana-mana peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, mengemukakan maklumat itu kepada Perbadanan.

(2) Mana-mana pegawai atau ejen institusi anggota atau perbadanan yang berkaitan atau mana-mana orang lain yang mempunyai akses atau memegang atau memiliki buku, rekod, akaun atau dokumen lain suatu institusi anggota atau perbadanan yang berkaitan hendaklah, jika pada bila-bila masa diminta secara bertulis oleh Perbadanan untuk melakukan sedemikian, mengemukakan buku, rekod, akaun atau dokumen lain itu kepada Perbadanan sebagaimana yang dikehendakinya.

(3) Jika maklumat yang didapati oleh Perbadanan di bawah subseksyen (1) atau (2) adalah berhubungan dengan akaun, urusan atau hal ehwal mana-mana pelanggan mana-mana institusi anggota atau perbadanan yang berkaitan yang membekalkan maklumat, maka maklumat itu hendaklah menjadi rahsia antara Perbadanan dengan institusi anggota atau perbadanan yang berkaitan yang membekalkannya.

(4) Mana-mana orang yang tidak mematuhi apa-apa kehendak di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit dan boleh, sebagai tambahan, dikenakan denda harian tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Pengemukakan maklumat kepada Bank Negara Malaysia

203. Bank Negara Malaysia berhak kepada semua maklumat yang didapati oleh atau dikemukakan kepada Perbadanan, sama ada semasa menjalankan suatu pemeriksaan, penelitian atau selainnya, berkenaan dengan urusan dan hal ehwal institusi anggota atau mana-mana

perbadanan yang berkaitan atau bersekutu dengannya atau mana-mana orang yang berurusan dengan institusi anggota itu atau mana-mana perbadanan yang berkaitan atau bersekutu dengannya, yang berhubungan dengan keselamatan dan kekukuhan atau pengendalian, institusi anggota itu.

Aktuari bebas

203A. (1) Jika, bagi maksud menjalankan mana-mana kuasa Perbadanan di bawah Bahagian VII berkenaan dengan anggota penanggung insurans atau bayaran yang dibuat di bawah Bab 3 Bahagian V, Perbadanan menyifatkannya sebagai wajar bagi nilai liabiliti berkenaan dengan sijil takaful atau polisi insurans anggota penanggung insurans itu ditentukan, Perbadanan boleh melantik seorang aktuari bebas untuk menentukan nilai itu.

(2) Seorang individu tidak boleh dilantik sebagai aktuari bebas melainkan jika dia memenuhi apa-apa kehendak atau mempunyai apa-apa kelayakan yang dinyatakan dalam mana-mana standard sebagaimana yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia.

(3) Mana-mana pegawai, juruaudit, penerima, pengurus, penerima dan pengurus, pelikuidasi atau ejen, masa sekarang atau dahulu, bagi pengendali takaful atau syarikat insurans yang berkenaan atau mana-mana orang lain hendaklah memberi kepada seorang aktuari bebas apa-apa dokumen, bahan, maklumat atau penjelasan sebagaimana yang aktuari bebas berpendapat patut dipertimbangkan dalam menentukan nilai liabiliti berkenaan dengan sijil takaful atau polisi insurans, anggota penanggung insurans itu.

(4) Nilai liabiliti berkenaan dengan sijil takaful atau polisi insurans anggota penanggung insurans itu yang ditentukan oleh seorang aktuari bebas adalah muktamad dan mengikat.

(5) Kos aktuari bebas, termasuk saraannya sebagaimana yang diluluskan oleh Perbadanan, hendaklah ditanggung oleh anggota penanggung insurans dan dalam keadaan berlaku apa-apa keingkaran pembayaran oleh anggota penanggung insurans itu, hendaklah kena

dibayar dengan keutamaan yang sama dan daripada sumber yang sama dengan hutang keutamaan yang disebut dalam subseksyen 142A(3) dan perenggan 142B(2)(c).

Niat untuk menggulung institusi anggota

204. (1) Suatu institusi anggota tidak boleh digulungkan secara sukarela tanpa kelulusan bertulis terdahulu Bank Negara Malaysia.

(2) Tiada permohonan untuk menggulung suatu institusi anggota boleh dibuat kepada Mahkamah Tinggi oleh mana-mana orang, selain oleh Perbadanan, tanpa kelulusan bertulis terdahulu Bank Negara Malaysia.

(3) Seksyen ini terpakai bagi bekas institusi anggota yang keanggotaannya telah dibatalkan atau ditamatkan di bawah Akta ini.

Pengiktirafan kehakiman

205. Mahkamah hendaklah memberikan pengiktirafan kehakiman mengenai—

- (a) apa-apa fakta atau perkara yang dikehendaki disiarkan di bawah Akta ini; dan
- (b) apa-apa fakta atau perkara yang dinyatakan dalam apa-apa perakuan atau surat cara yang dikeluarkan di bawah Akta ini.

Penggulungan Perbadanan

206. Tiada undang-undang bertulis yang berhubungan dengan ketidaksolvenan atau penggulungan mana-mana pertubuhan perbadanan terpakai bagi Perbadanan dan dalam apa jua keadaan urusan dan hal ehwal Perbadanan tidak boleh digulungkan.

Kekebalan

207. (1) Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding apa-apa jua pun, boleh dibuat atau dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah, tribunal atau di hadapan mana-mana pihak berkuasa lain terhadap—

- (a) Kerajaan Malaysia atau sesuatu Kerajaan Negeri;
- (b) Menteri;
- (c) Perbadanan;
- (d) Bank Negara Malaysia;
- (e) mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja mana-mana Kerajaan, Perbadanan atau Bank Negara Malaysia, sama ada secara peribadi atau atas sifat rasminya;
- (f) mana-mana orang yang dilantik di bawah perenggan 99(1)(c), mana-mana penerima, pengurus, penerima dan pengurus, pelikuidasi atau konservator yang dilantik menurut Akta ini, Jawatankuasa Pentaksir atau mana-mana anggota Jawatankuasa Pentaksir;
- (g) mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja suatu institusi perantaraan atau mana-mana subsidiari milik penuh Perbadanan; atau
- (h) mana-mana orang yang bertindak secara sah bagi pihak mana-mana Kerajaan, Perbadanan, Bank Negara Malaysia atau mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja, sama ada secara peribadi atau atas sifatnya sebagai seorang yang bertindak bagi pihak sedemikian,

bagi atau disebabkan oleh, atau berkenaan dengan, apa-apa perbuatan yang dilakukan atau pernyataan yang dibuat atau ditinggal daripada dilakukan atau dibuat, atau yang berupa sebagai dilakukan atau dibuat atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, menurut atau dalam

melaksanakan, atau penurutan atau pelaksanaan yang dimaksudkan terhadap, Akta ini, atau apa-apa perintah secara bertulis, arahan, petunjuk, notis atau apa-apa jua pun perkara lain yang dikeluarkan di bawah Akta ini:

Dengan syarat bahawa perbuatan atau pernyataan itu telah dilakukan atau dibuat, atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, dengan suci hati.

(2) Perbuatan atau pernyataan yang disebut dalam proviso kepada subseksyen (1) hendaklah disifatkan, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, sebagai dilakukan atau dibuat, atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, dengan suci hati.

(3) Dalam apa-apa hal tetapi tertakluk pada subseksyen (4), apa-apa tindakan, guaman atau prosiding oleh mana-mana orang di bawah Akta ini terhad kepada suatu tuntutan ganti rugi sahaja bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh orang itu.

(4) Bagi mengelakkan keraguan—

(a) walau apa pun tindakan, guaman atau prosiding yang disebut dalam subseksyen (3), mana-mana orang yang disebut dalam perenggan (1)(a) hingga (h) hendaklah terus menjalankan mana-mana atau semua kuasanya di bawah Akta ini atau selainnya; dan

(b) seseorang yang menuntut telah menanggung apa-apa kerugian berhubung dengan apa-apa perkara yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pentaksir di bawah Jadual Pertama hendaklah terlebih dahulu menghabiskan semua remedinya di bawah Jadual Pertama sebelum memulakan apa-apa tindakan, guaman atau prosiding lain berkenaan dengan tuntutan itu.

(5) Bagi maksud seksyen ini, mana-mana anggota pentadbiran Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Negeri hendaklah disifatkan sebagai seorang pegawai Kerajaan itu.

(6) Tiada apa-apa dalam subseksyen (1) boleh ditafsirkan sebagai melepaskan Perbadanan daripada obligasi untuk membuat bayaran berkenaan dengan suatu deposit yang diinsuranskan atau manfaat takaful atau insurans yang dilindungi di bawah Akta ini.

Pengecualian dari liabiliti

207A. Tiada pengarah suatu institusi anggota boleh bertanggung untuk dibawa guaman dalam mana-mana mahkamah atau di hadapan mana-mana pihak berkuasa lain kerana tidak dapat menjalankan tugasnya di bawah subseksyen 213(1) Akta Syarikat 2016 berhubung dengan mana-mana perbuatan yang perlu bagi—

- (a) pemindahan perniagaan, aset dan liabiliti institusi anggota;
- (b) pemindahan syer dan surat cara modal institusi anggota; dan
- (c) pemindahan waran atau surat cara lain, yang dikeluarkan oleh institusi anggota, yang memberi hak kepada pemegang untuk memperoleh syer dalam institusi anggota,

menurut penjalanan mana-mana kuasa di bawah Akta ini.

Pemakaian dan ketidakpakaian Akta lain

208. (1) Tertakluk pada seksyen 207, Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Perbadanan atau mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja Perbadanan berkenaan dengan mana-mana perbuatan atau peninggalan, yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat rasminya.

(2) Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [*Akta 400*] tidak terpakai bagi Perbadanan.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, perintah, undang-undang kecil, pemberitahuan, arahan, garis panduan, pekeliling atau nota

209. (1) Perbadanan boleh membuat—

- (a) dengan kelulusan Menteri, apa-apa peraturan-peraturan, kaedah-kaedah atau perintah; atau
- (b) undang-undang kecil, pemberitahuan, arahan, garis panduan, pekeliling atau nota,

sebagaimana yang perlu atau suai manfaat untuk melaksanakan sepenuhnya peruntukan Akta ini, untuk menjalankan atau mencapai matlamat dan maksud Akta ini, atau mana-mana peruntukannya, atau untuk melaksanakan peruntukan Akta ini selanjutnya, dengan lebih baik atau lebih mudah.

(2) Mana-mana peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, perintah, undang-undang kecil, pemberitahuan, arahan, garis panduan, pekeliling atau nota yang dibuat di bawah seksyen ini boleh berhubungan dengan semua, atau mana-mana kelas, kategori atau perihalan orang dan peruntukan yang berlainan boleh dibuat bagi orang, kelas, kategori atau perihalan orang yang berlainan.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, perintah, undang-undang kecil, pemberitahuan, arahan, garis panduan, pekeliling atau nota boleh dibuat berkenaan dengan—

- (a) borang, termasuk borang pemberitahuan, notis dan perakuan, bagi maksud Akta ini;
- (b) kelakuan, urusan dan hal ehwal Perbadanan;
- (c) deposit pemegang amanah, pemilik bersama atau perniagaan atau amalan profesional;

- (d) perlindungan deposit, bayaran berkenaan dengan deposit diinsuranskan dan hal berkaitan dengannya mengenai yang berikut:
 - (i) jika liabiliti deposit suatu anggota penerima deposit dipindahkan kepada dan diambil alih oleh anggota penerima deposit yang lain;
 - (ii) jika liabiliti deposit dengan suatu anggota penerima deposit akan diperoleh oleh seseorang yang bukan anggota penerima deposit; atau
 - (iii) berhubung dengan draf bank, cek atau surat cara bayaran lain yang seumpama itu atau arahan bayaran atau arahan penjelasan;
- (e) keutamaan bayaran kategori deposit Islam yang berlainan;
- (ea) (*Dipotong oleh Akta A1647*);
- (f) (*Dipotong oleh Akta A1505*);
- (g) pulangan atau bunga yang kena dibayar di bawah subsubperenggan 3(10)(j) Jadual Ketiga;
- (h) perlindungan manfaat takaful atau insurans, bayaran berkenaan dengan manfaat dilindungi dan perkara yang berkaitan, jika liabiliti sijil takaful atau polisi insurans suatu anggota penanggung insurans dipindahkan kepada dan diambil alih oleh anggota penanggung insurans lain;
- (i) membahagikan manfaat keluarga atau takaful am yang berlainan jenis kepada kategori yang berbeza dan menetapkan suatu keutamaan bayaran antara kategori manfaat takaful yang berbeza itu;
- (j) menentukan tarikh dan kadar penukaran kepada Ringgit bagi maksud membuat bayaran di bawah Bahagian IV

berkenaan dengan deposit mata wang asing yang diinsuranskan;

- (k) borang, kaedah dan tatacara bagi mengkompaun kesalahan; dan
- (l) apa-apa jua di bawah Akta ini yang dikehendaki atau dibenarkan untuk dibuat sebagai peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, perintah, undang-undang kecil, pemberitahuan, arahan, garis panduan, pekeliling atau nota.

(4) Apa-apa peraturan-peraturan atau perintah yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah disiarkan dalam *Warta* dan hendaklah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat secepat yang dapat dilaksanakan selepas penyiarannya.

BAHAGIAN XII

PEMANSUHAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN

Pemansuhan

210. Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 dimansuhkan.

Kecualian dan peralihan

211. Walau apa pun pemansuhan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 di bawah seksyen 210—

- (a) semua pengarah Perbadanan dan Ketua Pegawai Eksekutif yang memegang jawatan di bawah Akta yang dimansuhkan sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah disifatkan telah dilantik di bawah Akta ini dan hendaklah terus memegang jawatan itu bagi tempoh jawatan masing-masing yang belum habis tempohnya di bawah Akta yang dimansuhkan pada masa Akta itu dimansuhkan di bawah seksyen 210;

- (b) kumpulan wang insurans deposit Islam dan kumpulan wang insurans deposit konvensional yang disenggara dan ditadbirkan oleh Perbadanan di bawah Akta yang dimansuhkan hendaklah disifatkan telah dan terus disenggara dan ditadbirkan oleh Perbadanan di bawah Akta ini;
- (c) perundangan subsidiari dan apa-apa kelulusan, arahan, keputusan, pengecualian, syor, penentuan, notis dan perbuatan atau benda lain yang dikeluarkan, dibuat atau dilakukan di bawah Akta yang dimansuhkan dan berkuat kuasa atau mempunyai kesan sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini, hendaklah disifatkan telah dibuat atau dilakukan di bawah peruntukan yang bersamaan Akta ini, dan hendaklah terus mempunyai kuat kuasa dan kesan sepenuhnya berhubung dengan orang yang kepadanya ia terpakai sehingga dipinda atau digantikan;
- (d) semua transaksi, urus niaga, kontrak, surat kuasa wakil atau perkiraan yang disempurnakan atau dibuat menurut undang-undang dan semua urusan yang dilakukan menurut undang-undang, di bawah atau mengikut Akta yang dimansuhkan dengan mana-mana orang lain hendaklah disifatkan telah disempurnakan, dibuat atau dilakukan menurut undang-undang dan secara sah, di bawah atau mengikut Akta ini, dan dengan demikian itu, apa-apa hak atau liabiliti di bawah transaksi, urus niaga atau urusan itu yang wujud sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini, hendaklah disifatkan sebagai terus menurut undang-undang dan sah di bawah Akta ini;
- (e) tiada apa jua pun boleh menjejaskan liabiliti mana-mana orang untuk didenda, didakwa atau dihukum bagi apa-apa pelanggaran atau kesalahan yang dilakukan di bawah Akta yang dimansuhkan sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini;
- (f) apa-apa surat ikatan yang dikeluarkan atau disempurnakan secara sah di bawah Akta yang dimansuhkan hendaklah disifatkan telah dikeluarkan atau disempurnakan menurut

undang-undang dan secara sah di bawah atau mengikut Akta ini;

- (g) apa-apa harta alih, harta tak alih dan aset yang dibeli, diperoleh, dipajak atau dipegang oleh Perbadanan di bawah Akta yang dimansuhkan hendaklah disifatkan telah dibeli, diperoleh, dipajak atau dipegang di bawah atau mengikut Akta ini;
- (h) apa-apa sebutan mengenai Akta yang dimansuhkan dalam mana-mana undang-undang bertulis hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Akta ini dan apa-apa sebutan mana-mana peruntukan tertentu Akta yang dimansuhkan dalam mana-mana undang-undang bertulis hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai peruntukan Akta ini yang hampir-hampir bersamaan dengan peruntukan tertentu itu;
- (i) apa-apa perbuatan yang dikehendaki dilakukan di bawah Akta yang dimansuhkan hendaklah disifatkan sebagai dikehendaki dilakukan di bawah atau mengikut Akta ini;
- (j) apa-apa hak, faedah, keistimewaan, obligasi atau liabiliti yang diperoleh, terakru atau ditanggung di bawah Akta yang dimansuhkan, termasuk apa-apa obligasi untuk memelihara kerahsiaan, tidaklah terjejas oleh Akta ini dan hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan sepenuhnya; dan
- (k) semua perbuatan atau benda yang dilakukan mengikut Akta yang dimansuhkan hendaklah disifatkan telah dilakukan mengikut Akta ini dan sewajarnya, hendaklah terus sah di bawah Akta ini.

Pemindahan kumpulan wang tertentu daripada Bank Negara Malaysia

212. Pada suatu tarikh yang ditetapkan oleh Menteri atas syor Perbadanan dan Bank Negara Malaysia, wang dan apa-apa aset lain yang berada dalam kredit kumpulan wang skim jaminan insurans am dan hayat yang ditubuhkan di bawah seksyen 173 Akta Insurans 1996 hendaklah dipindahkan oleh Bank Negara Malaysia kepada Perbadanan dan dikreditkan secara bersamaan oleh Perbadanan kepada kumpulan wang perlindungan insurans am dan kumpulan wang perlindungan insurans hayat.

**CATATAN—lihat seksyen 96 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2016 [Akta A1505] m.b.p. 8 Mac 2016 yang memberikan peruntukan kecualian seperti yang berikut:*

***CATATAN—lihat seksyen 56 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2022 [Akta A1647] m.b.p. 22 Februari 2022 yang memberikan peruntukan kecualian seperti yang berikut:*

“Peruntukan kecualian

96. (1) Segala sebutan mengenai premium yang dibayar atau kena dibayar oleh anggota penanggung insurans kepada Perbadanan dalam mana-mana undang-undang bertulis hendaklah, pada mula berkuatkuasanya Akta ini, disifatkan sebagai sebutan mengenai levi.

(2) Segala sebutan mengenai “takaful perpaduan keluarga” dalam mana-mana undang-undang bertulis hendaklah, pada mula berkuatkuasanya Akta ini, disifatkan sebagai sebutan mengenai “takaful keluarga”.

(3) Walau apa pun penukaran nama dalam Akta ini, daripada takaful perpaduan keluarga kepada takaful keluarga dan daripada sijil takaful perpaduan keluarga kepada sijil takaful keluarga, perlindungan setakat yang diberi kepada manfaat apa-apa takaful di bawah Akta ibu hendaklah terus mempunyai kesan dan berkuat kuasa.

(4) Pindaan dalam seksyen 2, 3, 13, 14, 17, 44, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 57, 58, 59, 62, 63, 64, 65, 66, 67, 68, 69, 70, 71, 72, 73, 88, 89, 90, 91, 92, 93 dan 94 Akta ini yang berbangkit daripada penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan kecualian dan peralihan, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang diperuntukkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

(5) Apa-apa perbuatan, perkara atau prosiding, sama ada sivil atau jenayah, atau rayuan yang belum selesai atau sedia ada, di bawah seksyen yang dipinda sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini, boleh diteruskan di bawah Akta ibu seolah-olah Akta ibu tidak dipinda.”

“Kecualian

56. (1) Segala sebutan mengenai “deposit berkaitan indeks” dalam Akta ibu hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Akta ini, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai “pelaburan berkaitan derivatif”.

(2) Walau apa pun subsubperenggan 41(1)(a)(EA), semua pelaburan berkaitan derivatif yang telah ditentukan sebelumnya sebagai diinsuranskan oleh Perbadanan hendaklah terus diinsuranskan oleh

Perbadanan sehingga ia matang, dikeluarkan sepenuhnya atau selainnya ditamatkan, mengikut mana-mana yang lebih awal.

(3) Bagi mengelakkan keraguan, deposit Islam yang diterima oleh suatu anggota penerima deposit di bawah Akta Perbankan Islam 1983 [*Akta 276*] yang dimansuhkan yang disifatkan sebagai deposit Islam di bawah seksyen 288 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan yang telah ditentukan sebagai diinsuranskan oleh Perbadanan hendaklah terus diinsuranskan oleh Perbadanan sehingga mereka terhenti disifatkan sebagai deposit Islam di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.”.

JADUAL PERTAMA

[Seksyen 104]

JAWATANKUASA PENTAKSIR

Tafsiran

1. Dalam seksyen 104 dan Jadual ini—

“balasan”, berhubung dengan pemindahan syer yang disebut dalam perenggan 99(1)(ga), ertinya suatu amaun bersih yang dibayar atau kena dibayar kepada pemindah berkenaan dengan syer yang dikeluarkan oleh suatu institusi anggota yang dipindahkan menurut suatu perintah pindah milik yang dikeluarkan di bawah seksyen 128B;

“harga transaksi” ertinya balasan bersih yang diterima atau boleh diterima oleh suatu institusi anggota bagi mana-mana aset institusi anggota yang dianggap oleh Perbadanan sebagai substansial atau mana-mana perniagaan institusi anggota yang telah dijual atau selainnya dilupuskan, sama ada melalui satu surat cara pindah milik atau lebih atau apa-apa cara lain, semasa Perbadanan atau orang dilantik berada dalam kawalan di bawah perenggan 99(1)(c), dan jika aset atau perniagaan institusi anggota telah dijual atau selainnya dilupuskan dalam dua transaksi atau lebih, ertinya agregat balasan bersih.

“institusi anggota” ertinya suatu institusi anggota yang diambil alih kawalannya oleh Perbadanan atau orang dilantik di bawah perenggan 99(1)(c) atau suatu institusi anggota yang syernya tertakluk pada suatu pemindahan di bawah perenggan 99(1)(ga);

“pampasan” ertinya suatu amaun bersih yang dibayar atau kena dibayar kepada seseorang yang haknya dihapuskan di bawah perenggan 128B (7)(b);

“pemegang syer menentang” ertinya pemegang syer suatu institusi anggota, sama ada secara berseorangan atau kolektif yang memegang agregat tidak kurang daripada sepuluh peratus daripada modal dikeluarkan dan berbayar institusi anggota, pada masa yang ditentukan oleh Perbadanan dalam notis yang dikeluarkan di bawah subperenggan 2(1);

“pemindah” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 128A;

“pemiutang menentang” ertinya pemiutang suatu institusi anggota, sama ada secara berseorangan atau kolektif yang memegang agregat tidak kurang daripada sepuluh peratus daripada hutang belum dijelaskan yang cair dan tidak bercagar institusi anggota berdasarkan kepada rekod institusi anggota, pada masa yang ditentukan oleh Perbadanan dalam notis yang dikeluarkan di bawah subperenggan 2(1);

“penerima pindahan” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 128A;

“perintah pindah milik” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 128A;

“syer” hendaklah, kecuali bagi subperenggan 4(3), termasuk surat cara modal, waran dan hak di bawah apa-apa surat cara lain yang dikeluarkan oleh suatu institusi anggota yang memberi hak kepada pemegangnya untuk memperoleh syer dalam institusi anggota.

Notis transaksi

2. (1) Jika mana-mana aset institusi anggota yang dianggap Perbadanan sebagai substansial atau mana-mana perniagaan institusi anggota telah dijual atau selainnya dilupuskan, sama ada melalui satu surat cara pindah milik atau lebih atau apa-apa cara lain dan sama ada dalam satu transaksi atau lebih (dalam Jadual ini disebut secara kolektif sebagai “transaksi itu”), semasa Perbadanan atau orang dilantik berada dalam kawalan di bawah perenggan 99(1)(c), Perbadanan atau orang dilantik hendaklah memberikan notis mengenai jualan atau pelupusan lain itu pada suatu tarikh yang ditentukan oleh Perbadanan, selepas transaksi itu dianggap Perbadanan sebagai telah selesai secara substansial, dalam sekurang-kurangnya dua akhbar harian yang disiarkan di Malaysia, salah satu daripadanya hendaklah dalam bahasa kebangsaan.

(2) Notis di bawah subperenggan (1) hendaklah—

(a) menyatakan harga transaksi atau memperihalkan bagaimana harga transaksi akan dikira; dan

(b) menyatakan bahawa—

(i) jika institusi anggota berada dalam penggulungan, pelikuidasi boleh, tidak lebih daripada sembilan puluh hari dari tarikh notis yang disebut dalam subperenggan (1), memohon secara bertulis kepada Perbadanan bagi suatu kajian semula oleh Jawatankuasa Pentaksir mengenai kemunasabahan harga transaksi atau pengagihan dan penggunaan harga transaksi, atau kedua-duanya; atau

(ii) jika institusi anggota tidak berada dalam penggulungan—

(A) pemiutang menentang boleh, tidak lebih daripada dua puluh satu hari dari tarikh notis yang disebut dalam subperenggan (1), memohon secara bertulis kepada Perbadanan bagi suatu kajian semula oleh Jawatankuasa

Pentaksir mengenai kemunasabahan harga transaksi atau pengagihan dan penggunaan harga transaksi, atau kedua-duanya; dan

- (B) jika tiada permohonan dibuat oleh pemiutang menentang dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam subsubsubperenggan (A), pemegang syer menentang boleh, tidak lebih daripada duapuluh satu hari selepas tempoh masa itu, memohon secara bertulis kepada Perbadanan bagi suatu kajian semula oleh Jawatankuasa Pentaksir mengenai kemunasabahan harga transaksi.

(3) Suatu permohonan di bawah subsubperenggan (2)(b) hendaklah dalam bentuk yang ditentukan oleh Perbadanan.

Notis perintah pindah milik

2A. (1) Notis mengenai perintah pindah milik yang disebut dalam perenggan 128B(3)(b) hendaklah—

- (a) menyatakan balasan, jika ada;
- (b) menyatakan pampasan, jika ada; dan
- (c) menentukan yang seorang pemindah atau seseorang yang haknya dihapuskan di bawah perenggan 128B(7)(b), mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh penyiaran notis itu, memohon secara bertulis kepada Perbadanan untuk meminta suatu kajian semula oleh Jawatankuasa Pentaksir tentang kemunasabahan balasan atau pampasan.

(2) Permohonan di bawah subsubperenggan (1)(c) hendaklah mengikut apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Perbadanan.

Kajian semula oleh Jawatankuasa Pentaksir

3. (1) Jika Perbadanan menerima suatu permohonan yang disebut dalam subsubperenggan 2(2)(b) atau subsubperenggan 2A(1)(c), ia hendaklah dalam tempoh masa yang munasabah menubuhkan suatu Jawatankuasa Pentaksir dan merujukkan permohonan itu kepada Jawatankuasa itu.

(2) Suatu Jawatankuasa Pentaksir hendaklah terdiri daripada tiga orang anggota yang dipilih daripada suatu panel yang mengandungi sepuluh orang yang dilantik oleh Menteri.

(3) Orang yang dilantik ke panel itu hendaklah layak dan berupaya melaksanakan fungsi Jawatankuasa Pentaksir, setiap orang mempunyai sekurang-kurangnya pengalaman selama lima belas tahun dalam bidang audit, penilaian, perakaunan atau kewangan dan panel itu hendaklah termasuk sekurang-kurangnya yang berikut:

- (a) seorang juruaudit syarikat atau pelikuidasi yang diluluskan di bawah Akta Syarikat 2016;
- (b) seorang akauntan yang mempunyai kelayakan profesional; dan
- (c) seorang penilai yang mempunyai kelayakan profesional.

(4) Orang yang berikut tidak layak untuk dilantik ke panel itu:

- (a) suatu perbadanan;
- (b) seorang bankrap belum lepas;
- (c) seorang pemegang gadaian atau gadai janji mana-mana aset institusi anggota;
- (d) seorang juruaudit institusi anggota; atau
- (e) seorang pegawai institusi anggota.

(5) Tiada tindakan atau prosiding Jawatankuasa Pentaksir menjadi tidak sah semata-mata oleh sebab—

- (a) apa-apa kecacatan dalam keanggotaan Jawatankuasa Pentaksir; atau
- (b) apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan dalam prosiding Jawatankuasa Pentaksir.

Kuasa Jawatankuasa Pentaksir berkenaan dengan kajian semula harga transaksi

4. (1) Apabila suatu permohonan dirujukkan kepada Jawatankuasa Pentaksir di bawah subperenggan 3(1) berkenaan dengan suatu kajian semula tentang kemunasabahan harga transaksi, ia hendaklah mengkaji semula kemunasabahan harga transaksi atau pengagihan dan penggunaan harga transaksi, atau kedua-duanya, mengikut permintaan dalam permohonan itu.

(2) Dalam mengkaji semula kemunasabahan harga transaksi, Jawatankuasa Pentaksir hendaklah mengambil kira perkara yang berikut:

- (a) apa-apa perkara yang dianggapnya berkaitan termasuk hakikat bahawa suatu notis dalam perenggan 2 telah dikeluarkan; dan
- (b) keadaan pasaran yang terpakai bagi jualan atau pelupusan aset atau perniagaan dalam suatu penerimaan atau penggulungan,

dan dalam semua keadaan ia hendaklah menolak nilai manfaat yang diperoleh daripada apa-apa bantuan kewangan khas yang diperuntukkan, secara langsung atau tidak langsung, kepada institusi anggota oleh Perbadanan atau Bank Negara Malaysia.

(3) Walau apa pun subperenggan (2), jika suatu permohonan dibuat oleh pemegang syer menentang dan Jawatankuasa Pentaksir berpendapat institusi anggota adalah tidak solven, hakikat bahawa balasan bersih yang diterima adalah tidak mencukupi untuk mengakibatkan apa-apa bayaran kepada pemegang syer dan tiada apa-apa pun daripada balasan bersih itu diagihkan dan digunakan bagi syer institusi anggota adalah disifatkan sebagai munasabah secara konklusif.

(4) Jika Jawatankuasa Pentaksir memutuskan bahawa—

- (a) harga transaksi adalah rendah daripada harga yang pada pendapatnya adalah balasan munasabah bagi aset atau perniagaan itu (dalam subperenggan ini disebut “harga munasabah”), ia hendaklah menasihatkan Perbadanan supaya membayar kepada institusi anggota itu perbezaan antara harga transaksi dengan harga munasabah dan Perbadanan hendaklah dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pentaksir membayar perbezaan itu kepada institusi anggota itu; atau
- (b) harga transaksi adalah harga munasabah pada pendapatnya, ia hendaklah menasihatkan Perbadanan sewajarnya.

(5) Dalam mengkaji semula pengagihan harga transaksi, Jawatankuasa Pentaksir hendaklah memutuskan sama ada harga transaksi telah atau akan diagihkan antara pemiutang institusi anggota mengikut aturan keutamaan dan takat yang sama seolah-olah aset atau perniagaan itu tidak dijual atau selainnya dilupuskan oleh Perbadanan atau orang dilantik dan sebaliknya institusi anggota telah digulungkan secara keseluruhannya dan semua asetnya dijual atau selainnya dilupuskan untuk wang tunai.

(6) Jika Jawatankuasa Pentaksir memutuskan bahawa—

- (a) harga transaksi telah tidak atau tidak akan diagihkan dan digunakan dalam cara yang diperihalkan dalam subperenggan (5), ia hendaklah menasihatkan Perbadanan supaya membayar amaun yang berkenaan kepada institusi anggota itu atau mengambil apa-apa langkah lain untuk menghasilkan keputusan yang sama seolah-olah harga transaksi telah

atau akan diagihkan dan digunakan dalam cara yang diperihalkan dalam subperenggan (5) dan Perbadanan hendaklah berbuat demikian dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pentaksir; atau

- (b) harga transaksi telah atau akan diagihkan dan digunakan dalam cara yang diperihalkan dalam subperenggan (5), ia hendaklah menasihatkan Perbadanan sewajarnya.

(7) Jika Jawatankuasa Pentaksir memutuskan bahawa adalah adil dan munasabah sekiranya bunga atau pulangan lain dibayar atas suatu amaun yang kena dibayar di bawah subsubperenggan (4)(a) atau subsubperenggan (6)(a), bunga atau pulangan itu hendaklah dibayar oleh Perbadanan pada kadar atau dalam amaun yang diputuskan oleh Jawatankuasa Pentaksir itu sebagai adil dan munasabah dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pentaksir.

(8) Jika Jawatankuasa Pentaksir memutuskan bahawa adalah adil dan munasabah sekiranya kos prosiding di hadapan Jawatankuasa Pentaksir diawardkan kepada satu pihak terhadap pihak prosiding yang lain, amaun yang diputuskan oleh Jawatankuasa Pentaksir itu sebagai adil dan munasabah untuk diawardkan kepada satu pihak berkenaan dengan kosnya hendaklah dibayar oleh pihak yang lain itu dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pentaksir.

(9) Jawatankuasa Pentaksir hendaklah menyelesaikan sesuatu permohonan yang dirujukkan kepadanya di bawah subperenggan 3(1) dalam tempoh tiga bulan dari tarikh rujukan itu dibuat kepada Jawatankuasa Pentaksir atau dalam apa-apa tempoh lain yang diluluskan oleh Menteri.

(10) Suatu perakuan yang ditandatangani oleh ketiga-tiga anggota Jawatankuasa Pentaksir yang mengesahkan mana-mana keputusan Jawatankuasa Pentaksir hendaklah menjadi keterangan muktamad bagi keputusan itu.

(11) Jika harga transaksi telah dibayar atau kena dibayar oleh suatu institusi perantaraan, Perbadanan boleh menentukan mana-mana obligasi Perbadanan di bawah subperenggan (4), (6), (7) atau (8) yang hendaklah dilaksanakan oleh institusi perantaraan, secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dalam tempat dan menggantikan Perbadanan.

Kuasa Jawatankuasa Pentaksir berkenaan dengan kajian semula balasan atau pampasan

4A. (1) Apabila suatu permohonan dirujuk kepada Jawatankuasa Pentaksir di bawah subperenggan 3(1) berkenaan dengan suatu kajian semula tentang kemunasabahan balasan atau pampasan, Jawatankuasa Pentaksir hendaklah mengkaji semula kemunasabahan balasan atau pampasan mengikut permintaan yang terkandung dalam permohonan itu.

(2) Dalam mengkaji semula kemunasabahan balasan atau pampasan, Jawatankuasa Pentaksir hendaklah mengambil kira—

- (a) apa-apa perkara yang dianggap oleh Jawatankuasa Pentaksir sebagai berkaitan termasuk hakikat bahawa perintah pindah milik telah dikeluarkan; dan
- (b) keadaan pasaran yang terpakai bagi jualan atau pelupusan syer seumpama itu yang dikeluarkan oleh institusi anggota,

dan dalam semua keadaan Jawatankuasa Pentaksir hendaklah menolak nilai manfaat yang diperoleh daripada apa-apa bantuan kewangan khas yang diperuntukkan, secara langsung atau tidak langsung, kepada institusi anggota oleh Perbadanan atau Bank Negara Malaysia.

(3) Jika Jawatankuasa Pentaksir memutuskan bahawa—

- (a) balasan adalah lebih rendah daripada amaun yang pada pendapatnya adalah amaun munasabah bagi syer yang dipindahkan (dalam subperenggan ini disebut “amaun munasabah”), Jawatankuasa Pentaksir hendaklah menasihatkan Perbadanan supaya membayar kepada pemindah itu perbezaan antara balasan dengan amaun munasabah dan Perbadanan hendaklah dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pentaksir membayar perbezaan itu kepada pemindah itu; atau
- (b) balasan yang pada pendapatnya adalah amaun munasabah, Jawatankuasa Pentaksir hendaklah menasihatkan Perbadanan sewajarnya.

(4) Jika Jawatankuasa Pentaksir memutuskan bahawa—

- (a) pampasan adalah lebih rendah daripada amaun yang pada pendapatnya adalah amaun munasabah bagi hak yang dihapuskan di bawah perenggan 128B(7)(b) (dalam subperenggan ini disebut “amaun munasabah”), Jawatankuasa Pentaksir hendaklah menasihatkan Perbadanan supaya membayar kepada orang yang haknya dihapuskan di bawah perenggan 128B(7)(b) itu perbezaan antara pampasan dengan amaun munasabah dan Perbadanan hendaklah dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pentaksir membayar perbezaan itu kepada orang itu; atau
- (b) pampasan yang pada pendapatnya adalah amaun munasabah, Jawatankuasa Pentaksir hendaklah menasihatkan Perbadanan sewajarnya.

(5) Bagi mengelakkan keraguan, Jawatankuasa Pentaksir boleh memutuskan bahawa adalah munasabah tiada balasan ditawarkan atau kena dibayar kepada

pemindah atau tiada pampasan ditawarkan atau kena dibayar kepada orang yang haknya dihapuskan di bawah perenggan 128B(7)(b).

(6) Jika Jawatankuasa Pentaksir memutuskan bahawa adalah adil dan munasabah sekiranya bunga atau pulangan lain dibayar atas suatu amaun yang kena dibayar di bawah subsubperenggan (3)(a) atau (4)(a), bunga atau pulangan itu hendaklah dibayar oleh Perbadanan pada kadar atau dalam amaun yang diputuskan oleh Jawatankuasa Pentaksir itu sebagai adil dan munasabah dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pentaksir.

(7) Jika Jawatankuasa Pentaksir memutuskan bahawa adalah adil dan munasabah bahawa kos prosiding di hadapan Jawatankuasa Pentaksir diawardkan kepada satu pihak terhadap pihak yang lain, amaun yang diputuskan oleh Jawatankuasa Pentaksir itu sebagai adil dan munasabah untuk diawardkan kepada suatu pihak berkenaan dengan kosnya hendaklah dibayar oleh pihak yang lain itu dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pentaksir.

(8) Jawatankuasa Pentaksir hendaklah menyelesaikan permohonan yang dirujukkan kepadanya di bawah subperenggan 3(1) dalam tempoh tiga bulan dari tarikh rujukan kepada Jawatankuasa Pentaksir atau dalam apa-apa tempoh lain yang diluluskan oleh Menteri.

(9) Suatu perakuan yang ditandatangani oleh ketiga-tiga anggota Jawatankuasa Pentaksir yang mengesahkan mana-mana keputusan Jawatankuasa Pentaksir hendaklah menjadi keterangan muktamad bagi keputusan itu.

Pemohon dimaklumkan mengenai keputusan Jawatankuasa Pentaksir

5. Perbadanan hendaklah dengan secepat yang dapat dilaksanakan memaklumkan pemohon mengenai keputusan Jawatankuasa Pentaksir di bawah subperenggan 4(9).

Honorarium dan elaun

6. Pentaksir yang dilantik di bawah subperenggan 3(1) hendaklah dibayar apa-apa honorarium dan elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

JADUAL KEDUA

[Subseksyen 99(5), 115(6) dan 180(5)]

PEMINDAHAN ASET DAN LIABILITI

Tafsiran

1. (1) Dalam Jadual ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“kepentingan berdaftar” ertinya apa-apa hak atau kepentingan dalam—

- (a) suatu gadaian yang dibuat oleh suatu syarikat dan boleh didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 dan yang didaftarkan sewajarnya mengikut peruntukan yang berkenaan Akta itu; atau
- (b) tanah yang didaftarkan sewajarnya di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318], *Kanun Tanah Negara, Ordinan Tanah Sabah atau Kanun Tanah Sarawak;

“kepentingan mengenai tanah” ertinya—

- (a) apa-apa kepentingan mengenai tanah, sama ada berdaftar atau boleh didaftarkan, termasuk kepentingan yang baginya Akta Hakmilik Strata 1985 terpakai dan yang boleh dipindahmilikkan di bawah Bahagian Empat Belas Kanun Tanah Negara atau Bahagian V Ordinan Tanah Sabah atau Bahagian VI Kanun Tanah Sarawak;
- (b) apa-apa kaveat pemegang lien atau kaveat lain; atau
- (c) apa-apa hak atau kelayakan lain yang berhubungan dengan tanah;

“pemindah” dan “penerima pindahan” ertinya pihak masing-masing yang dinyatakan sedemikian dalam suatu surat cara pindah milik;

“penanggung kewajipan” ertinya mana-mana orang yang berhutang suatu kewajipan atau obligasi dalam apa-apa bentuk, sama ada pada masa sekarang atau hadapan, dan sama ada terletak hak atau kontingen, kepada seseorang pemindah, termasuk seseorang penanggung kewajipan di bawah suatu kemudahan pembiayaan Islam, kemudahan kredit konvensional, cagaran atau hak dalam tindakan yang lain;

*CATATAN—Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965] telah disemak dan dinamakan sebagai Kanun Tanah Negara [Akta 828] m.b.p 15 Oktober 2020

“surat cara pindah milik” ertinya suatu perakuan yang dikeluarkan oleh Perbadanan di bawah perenggan 2 dan termasuklah suatu surat cara pindah milik gantian yang dikeluarkan di bawah perenggan 4;

“tarikh pindah milik” ertinya tarikh yang dinyatakan dalam suatu surat cara pindah milik sebagai tarikh kuat kuasa pindahan suatu aset atau liabiliti.

(2) Sebutan mengenai “liabiliti” dalam Jadual ini ertinya keseluruhan atau mana-mana bahagian liabiliti yang dipindahkan melalui suatu surat cara pindah milik.

(3) Bagi mengelakkan keraguan, jika hanya suatu bahagian liabiliti dipindahkan, peruntukan Jadual ini dan kesan pindahan, termasuklah surat cara pindah milik, hendaklah berhubung dengan bahagian liabiliti yang dipindahkan itu sahaja.

Surat cara pindah milik

2. (1) Jika Perbadanan bercadang untuk memindahmilikkan mana-mana aset atau liabiliti menurut peruntukan Jadual ini, Perbadanan hendaklah mengeluarkan suatu surat cara pindah milik mengikut Jadual ini.

(2) Bagi mengelakkan keraguan, Perbadanan boleh mengeluarkan suatu surat cara pindah milik berkenaan dengan mana-mana perjanjian kewangan yang layak.

(3) Walau apa pun mana-mana undang-undang lain atau mana-mana rukun undang-undang atau perjanjian, suatu surat cara pindah milik hendaklah mempunyai kesan mengikut peruntukan Jadual ini dan hendaklah mengikat mana-mana orang yang terjejas dengannya.

(4) Suatu surat cara pindah milik boleh dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

(5) Suatu surat cara pindah milik hendaklah dikeluarkan di bawah meterai perbadanan atau meterai faksimile Perbadanan.

(6) Suatu surat cara pindah milik boleh dikeluarkan oleh Perbadanan sebelum, pada atau selepas tarikh pindah milik.

Kesan surat cara pindah milik

3. (1) Jika suatu aset dipindahkan di bawah suatu surat cara pindah milik—

- (a) dalam hal jika aset itu dipegang berseorangan oleh pemindah sebaik sebelum tarikh pindah milik, aset itu hendaklah pada dan dari tarikh pindah milik terletak hak pada penerima pindahan; dan

- (b) dalam hal jika aset itu dipegang bersesama oleh pemindah dan seorang yang lain sebaik sebelum tarikh pindah milik, aset itu hendaklah pada dan dari tarikh pindah milik terletak hak pada penerima pindahan bersesama dengan seorang yang lain itu.

(2) Penerima pindahan hendaklah, pada dan dari tarikh pindah milik suatu aset, memperoleh dan diletak hak dengan segala hak, hakmilik dan kepentingan pemindah mengenai, pada masa sekarang dan hadapan, dan kewajipan berkenaan dengan, aset itu, bebas daripada apa-apa bebanan kecuali apa-apa kepentingan berdaftar yang terpakai pada tarikh pindah milik.

(3) Suatu surat cara pindah milik yang menyatakan bahawa suatu aset atau liabiliti dipindahkan kepada penerima pindahan menjadi keterangan muktamad mengenai pindahan itu pada tarikh yang dinyatakan dalam surat cara pindah milik itu sebagai tarikh pindah milik.

(4) Tiada peruntukan dalam mana-mana undang-undang termasuk Akta Undang-Undang Sivil 1956 [*Akta* 67], rukun undang-undang atau perjanjian yang membataskan atau melarang hak pemindah atau menghendaki apa-apa persetujuan untuk menyerahkan, menjual, melupuskan atau memindahkan aset itu boleh terpakai atau mempunyai apa-apa kesan berkenaan dengan pindahan kepada atau pemerolehan oleh penerima pindahan.

(5) Jika aset yang dipindahkan di bawah suatu surat cara pindah milik ialah suatu kemudahan pembiayaan Islam atau kemudahan kredit konvensional, penerima pindahan disifatkan telah memberikan pembiayaan, pendahuluan, pinjaman atau kemudahan atau transaksi lain atau memberikan jaminan walau pun pembiayaan, pendahuluan, pinjaman, kemudahan atau transaksi lain atau jaminan itu telah diberikan, digunakan atau dikeluarkan oleh pemindah.

(6) Jika cagaran bagi suatu kemudahan pembiayaan Islam atau kemudahan kredit konvensional yang dipindahkan di bawah suatu surat cara pindah milik termasuk suatu syer—

- (a) bagi maksud perenggan perenggan 8(9)(b) Akta Syarikat 2016, penerima pindahan, disifatkan memegang suatu kepentingan mengenai syer hanya melalui cagaran bagi maksud suatu transaksi yang dibuat dalam perjalanan biasa perniagaan berkaitan dengan peminjaman wang atau pemberian pembiayaan; dan

- (b) kepentingan penerima pindahan dalam syer hendaklah diabaikan bagi maksud seksyen 8 Akta Syarikat 2016.

(7) Tertakluk pada subperenggan (8), berhubung dengan suatu liabiliti yang dipindahkan di bawah suatu surat cara pindah milik—

- (a) penerima pindahan disifatkan telah mengambil alih liabiliti; dan

- (b) pemindah dibebaskan dan dilepaskan daripada liabiliti dan penerima pindahan bertanggung, bukannya pemindah, untuk melepaskan liabiliti.

(8) Subperenggan (7) tidak terpakai bagi suatu pengambilalihan oleh penerima pindahan akan sebahagian sahaja liabiliti yang tidak diinsuranskan atau dilindungi oleh Perbadanan di bawah Akta ini.

(9) Bagi mengelakkan keraguan, jika sebahagian sahaja liabiliti dipindahkan di bawah suatu surat cara pindah milik—

- (a) bahagian baki liabiliti yang tinggal tidak diambil alih oleh penerima pindahan; dan
- (b) pemindah tidak dibebaskan atau dilepaskan daripada keseluruhan liabiliti.

(10) Berhubung dengan suatu aset atau liabiliti yang dipindahkan di bawah suatu surat cara pindah milik—

- (a) suatu perjanjian atau surat cara sedia ada, sama ada dalam bentuk suatu surat ikatan, wasiat atau selainnya, atau perintah mana-mana mahkamah, yang di bawah atau menurut kuasanya, pemindah mempunyai hakmilik atau pemilikan kepentingan mengenai atau hak kepada aset itu, hendaklah ditafsirkan dan hendaklah mempunyai kuat kuasa seolah-olah apa-apa sebutan dalamnya mengenai pemindah telah digantikan dengan sebutan mengenai penerima pindahan;
- (b) suatu perjanjian sedia ada yang di bawahnya pemindah ialah suatu pihak hendaklah mempunyai kuat kuasa seolah-olah penerima pindahan menjadi suatu pihak di bawahnya dan bukannya pemindah;
- (c) suatu petunjuk, arahan, mandat, surat kuasa wakil, kuasa, aku janji atau persetujuan sedia ada, sama ada berhubung dengan suatu akaun atau tidak, yang telah diberikan kepada pemindah, sama ada berseorangan atau secara berse sama dengan orang lain, hendaklah mempunyai kuat kuasa, seolah-olah diberikan kepada penerima pindahan sama ada berseorangan atau berse sama dengan orang lain itu;
- (d) mana-mana cagaran yang dipegang sebaik sebelum tarikh pindah milik oleh pemindah, atau oleh seorang penama atau pemegang amanah bagi pemindah, sebagai cagaran untuk pembayaran atau pelepasan apa-apa liabiliti mana-mana orang, hendaklah dipegang oleh penerima pindahan atau penama atau pemegang amanah itu sebagai penama atau pemegang amanah bagi penerima pindahan, dengan keutamaan yang sama seperti yang ada pada pemindah, dan setakat liabiliti itu hendaklah tersedia kepada penerima pindahan sebagai cagaran bagi pembayaran atau

pelepasan liabiliti itu, dan jika mana-mana cagaran diluaskan kepada pendahuluan atau liabiliti pada masa hadapan, ia hendaklah dipegang oleh dan tersedia kepada penerima pindahan sebagai cagaran bagi pendahuluan atau liabiliti masa hadapan kepada penerima pindahan mengikut cara yang sama dalam segala hal sebagaimana pendahuluan atau liabiliti masa hadapan kepada pemindah dijamin sebaik sebelum tarikh pindahmilik;

- (e) sebagai tambahan kepada apa-apa hak, kuasa atau remedi lain yang diberikan kepada penerima pindahan dalam Jadual ini, penerima pindahan hendaklah mempunyai hak, kuasa dan remedi pemindah (dan khususnya, hak dan kuasa untuk mengambil atau menentang prosiding undang-undang atau prosiding lain atau membuat atau menentang permohonan kepada mana-mana pihak berkuasa) bagi menentukan, melindungi atau menguatkuasakan hak, hakmilik atau kepentingan yang terletak hak pada penerima pindahan atau menentang mana-mana liabiliti, tuntutan atau kepentingan berdaftar seolah-olah ia pada setiap masa ialah hak, hakmilik, kepentingan atau liabiliti penerima pindahan, termasuklah hak, hakmilik, kepentingan atau liabiliti berhubung dengan mana-mana prosiding undang-undang atau prosiding lain atau permohonan kepada mana-mana pihak berkuasa yang belum selesai sebaik sebelum tarikh pindah milik oleh atau terhadap pemindah;
- (f) suatu penghakiman, award atau perintah yang diperoleh oleh pemindah dan tidak diselesaikan sepenuhnya sebelum tarikh pindah milik boleh dikuatkuasakan oleh penerima pindahan;
- (g) tiada pindahan kepada atau pemerolehan oleh penerima pindahan akan menjadi tidak sah atau boleh menjadi tidak sah disebabkan oleh pemakaian mana-mana undang-undang;
- (h) jika apa-apa—
 - (i) keuntungan atau pulangan lain (dalam subperenggan ini disebut sebagai “pulangan”); atau
 - (ii) bunga,

yang kena dibayar di bawah suatu perjanjian diputuskan dengan merujuk kepada kos dana atau kadar pinjaman asas atau sumber rujukan lain yang digunakan oleh pemindah, atau ia tidak lagi boleh diputuskan sebagaimana yang diperuntukkan dalam perjanjian itu, pulangan atau bunga yang kena dibayar di bawah perjanjian itu hendaklah sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 209 atau sebagaimana yang dipersetujui oleh penerima pindahan dengan penanggung kewajiban perjanjian itu;

- (i) jika jagaan mana-mana barangan, benda atau dokumen dipegang oleh pemindah sebagai baili sebaik sebelum tarikh pindah milik, barang, benda atau dokumen itu disifatkan telah berpindah kepada penerima pindahan dan hak dan obligasi pemindah di bawah mana-mana kontrak bailmen berkaitan dengan barang, benda atau dokumen itu hendaklah dipindahkan kepada penerima pindahan;
 - (j) suatu surat cara boleh niaga atau arahan bayaran wang yang diberikan kepada atau digunakan atau diterima oleh pemindah, atau kena dibayar di tempat perniagaan pemindah, sama ada diberikan, digunakan atau diterima sebelum, pada atau selepas tarikh pindah milik, hendaklah mempunyai kesan yang sama pada dan dari tarikh pindah milik, seolah-olah ia telah diberikan kepada atau digunakan atau diterima oleh penerima pindahan atau kena dibayar di tempat perniagaan penerima pindahan; dan
 - (k) mana-mana akaun antara pemindah dengan pelanggannya hendaklah menjadi akaun antara penerima pindahan dengan pelanggan itu, tertakluk pada syarat dan insiden yang ada hingga ketika itu, dan akaun itu disifatkan bagi semua maksud sebagai satu akaun yang berterusan.
- (11) Suatu pindahan aset atau liabiliti di bawah suatu surat cara pindah milik tidak boleh—
- (a) dianggap sebagai meletakkan—
 - (i) penerima pindahan;
 - (ii) pemindah;
 - (iii) mana-mana orang yang mendapat hakmilik daripada penerima pindahan; atau
 - (iv) mana-mana orang lain,dalam kedudukan mungkir atau ingkar di bawah apa-apa kontrak atau pecah kepercayaan;
 - (b) dianggap sebagai menimbulkan suatu hak atau kewajipan bagi mana-mana orang untuk—
 - (i) menamatkan, membatalkan atau mengubah suatu perjanjian;
 - (ii) menguatkuasakan atau mempercepat pelaksanaan suatu obligasi; atau

- (iii) mengkehendaki pelaksanaan suatu obligasi yang tidak selainnya timbul untuk pelaksanaan;
- (c) dianggap sebagai meletakkan pemindah, penerima pindahan atau mana-mana orang lain dalam kedudukan melanggar mana-mana undang-undang, rukun undang-undang atau perjanjian yang melarang, menyekat atau mengawal selia penyerahhakan, jualan, pelupusan atau pindah milik apa-apa aset atau liabiliti atau penzahiran maklumat;
- (d) melepaskan seorang penjamin daripada suatu obligasi;
- (e) menidaksahkan atau melepaskan suatu kontrak atau cagaran; atau
- (f) dianggap sebagai menamatkan, membatalkan atau mengubah apa-apa hak, keistimewaan, pengecualian (termasuk apa-apa pengecualian cukai) atau keutamaan yang pemindah berhak kepadanya dan yang menurut kuasa Jadual ini telah terletak hak pada penerima pindahan atau yang wujud demi manfaat pemindah berhubung dengan mana-mana aset atau liabiliti yang dipindahkan kepada penerima pindahan menurut Jadual ini.

Surat cara pindah milik gantian

4. (1) Perbadanan boleh mengeluarkan suatu surat cara pindah milik baru (dalam perenggan ini disebut “surat cara pindah milik gantian”) untuk menggantikan mana-mana surat cara pindah milik yang telah dikeluarkannya sebelum ini bagi tujuan membetulkan apa-apa peninggalan atau khilaf dalam surat cara pindah milik itu.

(2) Apa-apa surat cara pindah milik gantian yang dikeluarkan di bawah subperenggan (1) yang disempurnakan di bawah meterai perbadanan atau meterai faksimile Perbadanan, yang menyatakan bahawa suatu aset atau liabiliti telah dipindahkan kepada penerima pindahan menjadi keterangan muktamad mengenai pindahan itu pada tarikh pindah milik yang dinyatakan dalam surat cara pindah milik gantian itu.

(3) Jika mana-mana undang-undang menyatakan suatu tempoh masa yang dalamnya suatu pindahan apa-apa aset atau liabiliti yang menjadi hal perkara suatu surat cara pindah milik gantian hendaklah didaftarkan atau difailkan, tempoh itu hendaklah bermula dari tarikh pindah milik yang dinyatakan dalam surat cara pindah milik gantian atau tarikh surat cara pindah milik gantian itu dikeluarkan, mengikut mana-mana yang kemudian.

(4) Apa-apa perbuatan yang dilakukan oleh penerima pindahan atau mana-mana orang lain, dengan bergantung kepada suatu surat cara pindah milik yang dikeluarkan sebelum ini tidaklah terjejas oleh mana-mana peninggalan atau khilaf yang dibetulkan dalam suatu surat cara pindah milik gantian.

(5) Bagi maksud Akta ini, apa-apa sebutan mengenai suatu surat cara pindah milik hendaklah disifatkan sebagai termasuk suatu sebutan mengenai suatu surat cara pindah milik gantian.

Peruntukan tambahan mengenai tanah

5. (1) Walau apa pun peruntukan *Kanun Tanah Negara, Ordinan Tanah Sabah, Kanun Tanah Sarawak atau mana-mana undang-undang lain, apa-apa kaveat atau perintah larangan yang telah dimasukkan, diendorskan, didaftarkan atau diserahkan simpan, sebelum, pada atau selepas tarikh pindah milik tidaklah boleh menghalang pindah milik apa-apa kepentingan mengenai tanah pemindah kepada penerima pindahan.

(2) Jika suatu surat cara pindah milik meletak hak pada penerima pindahan apa-apa kepentingan mengenai tanah—

(a) di Semenanjung Malaysia, apabila diterima—

- (i) bayaran fi yang ditetapkan; dan
- (ii) surat cara pindah milik,

Pendaftar di bawah *Kanun Tanah Negara hendaklah, tanpa memerlukan apa-apa permohonan lanjut atau pemfailan apa-apa dokumen lanjut, membuat suatu memorial pada dokumen hakmilik daftaran dan membuat apa-apa catatan lain dan pada amnya melakukan segala benda yang diperlukan untuk menguatkuasakan pindah milik itu;

(b) di Sabah, apabila diterima—

- (i) bayaran fi yang ditetapkan; dan
- (ii) surat cara pindah milik,

Pendaftar di bawah Ordinan Tanah Sabah hendaklah, tanpa memerlukan apa-apa permohonan lanjut atau pemfailan apa-apa dokumen lanjut, membuat suatu memorial pada dokumen hakmilik daftaran dan membuat apa-apa catatan lain dan pada amnya melakukan segala benda yang diperlukan untuk menguatkuasakan pindah milik itu;

(c) di Sarawak, apabila diterima—

- (i) bayaran fi yang ditetapkan; dan

*CATATAN—Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965] telah disemak dan dinamakan sebagai Kanun Tanah Negara [Akta 828] m.b.p 15 Oktober 2020

- (ii) surat cara pindah milik,

Pendaftar di bawah Kanun Tanah Sarawak hendaklah, tanpa memerlukan apa-apa permohonan lanjut atau pemfailan apa-apa dokumen lanjut, membuat suatu memorial pada dokumen hakmilik daftaran dan membuat apa-apa catatan lain dan pada amnya melakukan segala benda yang diperlukan untuk menguatkuasakan pindah milik itu;

(3) Walau apa pun mana-mana peruntukan *Kanun Tanah Negara, Ordinan Tanah Sabah, Kanun Tanah Sarawak atau mana-mana undang-undang lain, suatu surat cara pindah milik berkuat kuasa untuk meletak hak suatu kepentingan mengenai tanah pada penerima pindahan pada tarikh pindah milik dan menjadi keterangan muktamad mengenai pindah milik itu.

Pendaftar lain hendaklah memberikan kuat kuasa kepada surat cara pindah milik

6. (1) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang lain, tiap-tiap pendaftar mahkamah, Pendaftar Syarikat, pendaftar kapal Malaysia, depositori pusat, ejen depositori yang dibenarkan dan mana-mana orang yang menyenggara suatu daftar atau rekod pemilikan, kepentingan atau cagaran (dalam perenggan ini disebut “Pendaftar”) hendaklah, apabila menerima—

- (a) bayaran fi yang ditetapkan; dan
(b) surat cara pindah milik,

tanpa memerlukan apa-apa permohonan lanjut atau pemfailan apa-apa dokumen lanjut, melakukan segala benda dan membuat semua catatan atau memorial dalam mana-mana daftar atau rekod yang disimpan oleh Pendaftar sebagaimana yang perlu untuk memberikan kuat kuasa kepada pindah milik aset yang berkaitan dengan surat cara pindah milik itu.

(2) Bagi maksud perenggan ini, subseksyen 359(1) Akta Syarikat 2016 hendaklah disifatkan terpakai bagi penerima pindahan seolah-olah perkataan “tiga puluh” dalam subseksyen itu telah digantikan dengan perkataan “seratus lapan puluh”.

(3) Walau apa pun mana-mana peruntukan Akta Syarikat 2016 atau mana-mana undang-undang lain, suatu surat cara pindah milik berkuat kuasa untuk meletak hak pada penerima pindahan, mana-mana hakmilik, kepentingan atau cagaran dalam aset atau untuk memindahkan liabiliti kepada penerima pindahan, pada tarikh pindah milik dan menjadi keterangan muktamad mengenai pindah milik atau pindahan itu.

*CATATAN—Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965] telah disemak dan dinamakan sebagai Kanun Tanah Negara [Akta 828] m.b.p 15 Oktober 2020

Kekebalan Pendaftar

7. Seseorang Pendaftar atau orang yang menyenggara suatu daftar atau rekod yang disebut di bawah perenggan 5 atau 6 tidaklah bertanggungjawab kepada mana-mana orang berkenaan dengan pembuatan apa-apa memorial atau catatan pada dokumen hakmilik daftaran atau mana-mana daftar atau rekod lain dengan bergantung pada surat cara pindah milik itu.

Gantian automatik dalam mana-mana prosiding undang-undang atau yang lain

8. Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang lain, tiap-tiap pendaftar mahkamah hendaklah apabila menerima suatu surat cara pindah milik melakukan segala benda dan membuat segala catatan dalam mana-mana daftar atau rekod yang disimpan oleh pendaftar itu sebagaimana yang perlu untuk memberi kesan kepada penggantian automatik penerima pindahan di tempat pemindah sebagai pihak dalam mana-mana prosiding undang-undang atau yang lain.

Pemindahan aset di luar Malaysia

9. (1) Suatu surat cara pindah milik yang dikeluarkan di bawah Jadual ini boleh berhubungan dengan mana-mana aset pemindah di luar Malaysia dan kesan boleh diberikan sama ada mengikut apa-apa perjanjian bersaling yang berhubungan dengan penguatkuasaan penghakiman yang wujud antara Malaysia dengan negara atau wilayah di luar Malaysia di mana aset itu terletak, atau jika tiada perjanjian sedemikian, mengikut undang-undang yang terpakai di negara atau wilayah itu, dan sehingga peletakhakan itu diberi kesan sepenuhnya di negara atau wilayah di luar Malaysia di mana aset itu terletak, pemindah hendaklah memegang aset itu, bersama-sama mana-mana aset atau hak tambahan yang terakru menurut kuasa aset itu atau apa-apa hak dalamnya, sebagai seorang pemegang amanah demi manfaat penerima pindahan dan dengan segera mengirimkan atau memindahkan kepada penerima pindahan apa-apa wang atau benda lain yang bernilai yang diterima oleh pemindah disebabkan oleh aset itu atau mana-mana aset atau hak tambahan itu.

(2) Atas permintaan penerima pindahan, pemindah, atas kosnya sendiri, hendaklah mengambil segala langkah yang perlu untuk memastikan peletakhakan mana-mana aset pemindah di luar Malaysia diberi kesan sepenuhnya di bawah undang-undang yang terpakai di negara atau wilayah di mana aset itu terletak.

JADUAL KETIGA

[Seksyen 158]

PELETAKHAKAN STATUTORI

Tafsiran

1. Dalam Jadual ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“kepentingan berdaftar” ertinya apa-apa hak atau kepentingan dalam—

- (a) suatu gadaian yang dibuat oleh suatu syarikat dan boleh didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 dan yang didaftarkan sewajarnya mengikut peruntukan yang berkenaan Akta itu; atau
- (b) tanah yang didaftarkan sewajarnya di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, *Kanun Tanah Negara, Ordinan Tanah Sabah atau Kanun Tanah Sarawak;

“kepentingan mengenai tanah” ertinya—

- (a) apa-apa kepentingan mengenai tanah, sama ada berdaftar atau boleh didaftarkan, termasuk kepentingan yang baginya Akta Hakmilik Strata 1985 terpakai dan yang boleh dipindahmilikkan di bawah Bahagian Empat Belas Kanun Tanah Negara atau Bahagian V Ordinan Tanah Sabah atau Bahagian VI Kanun Tanah Sarawak;
- (b) apa-apa kaveat pemegang lien atau kaveat lain; atau
- (c) apa-apa hak atau kelayakan lain yang berhubungan dengan tanah;

“kewajipan didedahkan”, berhubung dengan suatu perakuan peletakhakan, ertinya suatu kewajipan atau liabiliti yang terhutang kepada penanggung kewajipan oleh penjual di bawah atau berkenaan dengan aset dan kewajipan atau liabiliti itu didedahkan oleh penjual kepada Perbadanan secara bertulis sebelum tarikh peletakhakan;

“pembeli” ertinya seseorang yang kepadanya Perbadanan melupuskan sesuatu aset;

“penanggung kewajipan” ertinya mana-mana orang yang berhutang suatu kewajipan atau obligasi dalam apa-apa bentuk, sama ada pada masa sekarang atau hadapan, dan sama ada terletak hak atau kontingen, kepada seseorang pembeli,

*CATATAN—Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965] telah disemak dan dinamakan sebagai Kanun Tanah Negara [Akta 828] m.b.p 15 Oktober 2020

termasuk seseorang penanggung kewajiban di bawah suatu kemudahan pembiayaan Islam, kemudahan kredit konvensional, cagaran atau hak dalam tindakan yang lain;

“penjual” ertinya seseorang yang daripadanya Perbadanan memperoleh sesuatu aset;

“perakuan peletakhakan” ertinya suatu perakuan yang dikeluarkan oleh Perbadanan di bawah perenggan 3 dan termasuklah suatu perakuan peletakhakan gantian yang dikeluarkan di bawah perenggan 5;

“perakuan pindah milik” ertinya suatu perakuan yang dikeluarkan oleh Perbadanan di bawah perenggan 10 dan termasuklah suatu perakuan pindah milik gantian yang dikeluarkan di bawah perenggan 11;

“tarikh peletakhakan” ertinya tarikh yang dinyatakan dalam suatu perakuan peletakhakan sebagai tarikh yang suatu aset terletak hak pada Perbadanan atau suatu subsidiari Perbadanan;

“tuntutan” ertinya apa-apa jenis tuntutan, pembelaan, tuntutan balas, penolakan, prosiding undang-undang atau yang lain, tindakan, ekuiti atau kepentingan ekuiti oleh seseorang penanggung kewajiban atau mana-mana pihak ketiga terhadap penjual, atau yang berkenaan dengan suatu aset, sama ada pada masa sekarang atau hadapan, dan sama ada terletak hak atau kontingen;

“tuntutan didedahkan”, berhubung dengan suatu perakuan peletakhakan, ertinya apa-apa tuntutan khusus yang didedahkan oleh penjual kepada Perbadanan secara bertulis sebelum tarikh peletakhakan.

Peletakhakan

2. Jika Perbadanan bercadang untuk memperoleh atau melupuskan suatu aset menurut peruntukan peletakhakan statutori yang dinyatakan dalam Jadual ini, Perbadanan hendaklah mengeluarkan suatu perakuan peletakhakan berkenaan dengan perolehan itu atau suatu perakuan pindah milik berkenaan dengan pelupusan itu mengikut Jadual ini.

Perolehan

3. (1) Suatu perakuan peletakhakan boleh dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

(2) Suatu perakuan peletakhakan hendaklah dikeluarkan di bawah meterai perbadanan atau meterai faksimile Perbadanan.

(3) Suatu perakuan peletakhakan boleh dikeluarkan oleh Perbadanan sebelum, pada atau selepas tarikh peletakhakan.

(4) Jika Perbadanan memperoleh suatu aset dengan mengeluarkan suatu perakuan peletakhakan—

- (a) dalam hal jika aset itu dipegang berseorangan oleh penjual sebaik sebelum tarikh peletakhakan, aset itu hendaklah pada dan dari tarikh peletakhakan terletak hak pada Perbadanan; dan
- (b) dalam hal jika aset itu dipegang bersesama oleh penjual dan seorang yang lain sebaik sebelum tarikh peletakhakan, aset itu hendaklah pada dan dari tarikh peletakhakan terletak hak pada Perbadanan bersesama dengan seorang yang lain itu.

(5) Perbadanan hendaklah, pada dan dari tarikh peletakhakan suatu aset, memperoleh dan diletak hak dengan segala hak, hakmilik dan kepentingan penjual dalam, pada masa sekarang dan hadapan, dan kewajipan didedahkan berkenaan dengan, aset itu, bebas daripada apa-apa bebanan atau tuntutan kecuali apa-apa kepentingan berdaftar yang terpakai pada tarikh peletakhakan dan tuntutan didedahkan.

(6) Suatu perakuan peletakhakan yang menyatakan bahawa suatu aset terletak hak pada Perbadanan menjadi keterangan muktamad mengenai peletakhakan itu pada tarikh yang dinyatakan dalam perakuan peletakhakan itu sebagai tarikh peletakhakan.

(7) Tiada peruntukan dalam mana-mana undang-undang termasuk Akta Undang-Undang Sivil 1956, rukun undang-undang atau perjanjian yang membataskan atau melarang hak penjual atau menghendaki apa-apa persetujuan untuk menyerahkan, menjual, melupuskan atau memindahkan aset itu boleh terpakai atau mempunyai apa-apa kesan berkenaan dengan apa-apa perolehan atau pelupusan oleh Perbadanan, kecuali suatu pindah milik aset kepada Perbadanan hendaklah tertakluk pada apa-apa kehendak kelulusan Pihak Berkuasa Negeri yang berkaitan yang mempunyai bidang kuasa terhadap pindah milik itu.

(8) Jika aset yang Perbadanan peroleh mengikut Jadual ini ialah suatu kemudahan pembiayaan Islam atau kemudahan kredit konvensional, Perbadanan disifatkan telah memberikan pembiayaan, pendahuluan, pinjaman atau kemudahan atau transaksi lain atau memberikan jaminan walaupun pembiayaan, pendahuluan, pinjaman, kemudahan atau transaksi lain atau jaminan itu telah diberikan, digunakan atau dikeluarkan oleh penjual.

(9) Jika cagaran bagi suatu kemudahan pembiayaan Islam atau kemudahan kredit konvensional yang terletak hak di bawah Jadual ini termasuk suatu syer—

- (a) bagi maksud perenggan 8(9)(b) Akta Syarikat 2016, Perbadanan disifatkan memegang suatu kepentingan dalam syer hanya melalui cagaran bagi maksud suatu transaksi yang dibuat dalam perjalanan biasa perniagaan berkaitan dengan peminjaman wang atau pemberian pembiayaan; dan
 - (b) kepentingan Perbadanan dalam syer hendaklah diabaikan bagi maksud seksyen 8 Akta Syarikat 2016.
- (10) Berhubung dengan suatu aset yang terletak hak pada Perbadanan—
- (a) setiap penanggung kewajiban berkenaan dengan aset itu hendaklah disifatkan telah membebaskan dan melepaskan penjual daripada semua kewajiban didedahkan yang berkenaan dengan aset itu;
 - (b) setiap penanggung kewajiban dan tiap-tiap orang lain yang mempunyai apa-apa hak, hakmilik atau kepentingan dalam aset itu hendaklah disifatkan telah bersetuju dengan dan menerima pengambilalihan oleh Perbadanan akan semua kewajiban didedahkan yang berkenaan dengan aset itu;
 - (c) suatu perjanjian atau surat cara sedia ada, sama ada dalam bentuk suatu surat ikatan, wasiat atau selainnya, atau perintah mana-mana mahkamah, di bawah atau yang menurut kuasanya, penjual mempunyai hakmilik atau pemilikan kepentingan dalam atau hak ke atas aset itu, hendaklah ditafsirkan dan hendaklah mempunyai kuat kuasa seolah-olah apa-apa sebutan dalamnya mengenai penjual telah digantikan dengan sebutan mengenai Perbadanan;
 - (d) suatu perjanjian sedia ada yang kepada penjual ialah suatu pihak hendaklah mempunyai kuat kuasa setakat yang ia terpakai terhadap hakmilik, kepentingan dan hak penjual kepada aset itu dan kewajiban didedahkan, tuntutan didedahkan dan kepentingan berdaftar terhadap aset itu seolah-olah Perbadanan menjadi suatu pihak kepadanya dan bukannya penjual;
 - (e) suatu petunjuk, arahan, mandat, surat kuasa wakil, kuasa, aku janji atau persetujuan sedia ada yang telah diberikan kepada penjual, sama ada berseorangan atau secara bersesama dengan orang lain, hendaklah mempunyai kuat kuasa, seolah-olah diberikan kepada Perbadanan sama ada berseorangan atau bersesama dengan orang lain itu;
 - (f) mana-mana cagaran yang dipegang sebaik sebelum tarikh peletakhakan oleh penjual, atau oleh seorang penama atau pemegang amanah bagi penjual, sebagai cagaran untuk pembayaran atau pelepasan apa-apa liabiliti mana-mana orang, hendaklah dipegang oleh Perbadanan atau penama atau pemegang amanah itu sebagai penama atau pemegang

amanah bagi Perbadanan, dengan keutamaan yang sama seperti yang ada pada penjual, dan setakat liabiliti itu hendaklah tersedia kepada Perbadanan sebagai cagaran bagi pembayaran atau pelepasan liabiliti itu, dan jika mana-mana cagaran diluaskan kepada pendahuluan atau liabiliti pada masa hadapan, ia hendaklah dipegang oleh dan tersedia kepada Perbadanan sebagai cagaran bagi pendahuluan atau liabiliti masa hadapan kepada Perbadanan mengikut cara yang sama dalam segala hal sebagaimana pendahuluan atau liabiliti masa hadapan kepada penjual dijaminakan sebaik sebelum tarikh peletakhakan;

- (g) sebagai tambahan kepada apa-apa hak, kuasa atau remedi lain yang diberikan kepada Perbadanan dalam Jadual ini, Perbadanan hendaklah mempunyai hak, kuasa dan remedi penjual (dan khususnya, hak dan kuasa untuk mengambil atau menentang prosiding undang-undang atau prosiding lain atau membuat atau menentang permohonan kepada mana-mana pihak berkuasa) bagi menentukan, melindungi atau menguatkuasakan hak, hakmilik, kepentingan atau kewajipan didedahkan yang terletak hak pada Perbadanan termasuklah hak, hakmilik, kepentingan atau kewajipan didedahkan itu yang berkenaan dengan mana-mana prosiding undang-undang atau prosiding lain atau permohonan kepada mana-mana pihak berkuasa yang belum selesai sebaik sebelum tarikh peletakhakan oleh atau terhadap penjual, dan menentang mana-mana tuntutan didedahkan atau kepentingan berdaftar seolah-olah ia pada setiap masa ialah hak, hakmilik, kepentingan atau kewajipan Perbadanan;
- (h) suatu penghakiman, award atau perintah yang diperoleh oleh penjual dan tidak dijelaskan sepenuhnya sebelum tarikh peletakhakan boleh dikuatkuasakan oleh Perbadanan;
- (i) tiada pindahan kepada atau pemerolehan oleh Perbadanan akan menjadi tidak sah atau boleh menjadi tidak sah disebabkan oleh pemakaian mana-mana undang-undang;
- (j) jika apa-apa—
 - (i) keuntungan atau pulangan lain (dalam subperenggan ini disebut “pulangan”); atau
 - (ii) bunga,

yang kena dibayar di bawah suatu perjanjian diputuskan dengan merujuk kepada kos dana atau kadar pinjaman asas atau sumber rujukan lain yang digunakan oleh penjual, atau ia tidak lagi boleh diputuskan sebagaimana yang diperuntukkan dalam perjanjian itu, pulangan atau bunga yang kena dibayar di bawah perjanjian itu hendaklah sebagaimana yang ditetapkan

di bawah seksyen 209 atau sebagaimana yang dipersetujui oleh Perbadanan oleh dengan penanggung kewajipan perjanjian itu;

- (k) jika jagaan mana-mana barangan, benda atau dokumen dipegang oleh penjual sebagai baili sebaik sebelum tarikh peletakhakan, barang, benda atau dokumen itu disifatkan telah berpindah kepada Perbadanan dan hak dan kewajipan didedahkan penjual di bawah mana-mana kontrak bailmen berkaitan dengan barang, benda atau dokumen itu hendaklah dipindahkan kepada Perbadanan bebas daripada apa-apa tuntutan kecuali tuntutan didedahkan; dan
- (l) suatu surat cara boleh niaga atau arahan bayaran wang yang diberikan kepada atau digunakan atau diterima oleh penjual, sama ada diberikan, digunakan atau diterima sebelum, pada atau selepas tarikh peletakhakan, hendaklah mempunyai kesan yang sama pada dan dari tarikh peletakhakan, seolah-olah ia telah diberikan kepada atau digunakan atau diterima oleh Perbadanan.

(11) Peletakhakan mana-mana aset pada Perbadanan tidak boleh—

(a) dianggap sebagai meletakkan—

- (i) Perbadanan;
- (ii) penjual;
- (iii) mana-mana orang yang mendapat hakmilik daripada Perbadanan; atau
- (iv) mana-mana orang lain,

dalam kedudukan mungkir atau ingkar di bawah apa-apa kontrak atau pecah kepercayaan;

(b) dianggap sebagai menimbulkan suatu hak atau kewajipan bagi mana-mana orang untuk—

- (i) menamatkan, membatalkan atau mengubah suatu perjanjian;
- (ii) menguatkuasakan atau mempercepat pelaksanaan suatu obligasi; atau
- (iii) menghendaki pelaksanaan suatu obligasi yang tidak selainnya timbul untuk pelaksanaan;

(c) dianggap sebagai meletakkan penjual, Perbadanan atau mana-mana orang lain dalam kedudukan melanggar mana-mana undang-undang, rukun

undang-undang atau perjanjian yang melarang, menyekat atau mengawal selia penyerahhakan, jualan, pelupusan atau pindah milik apa-apa aset atau penzahiran maklumat;

- (d) melepaskan seorang penjamin daripada suatu obligasi;
- (e) menidaksahkan atau melepaskan suatu kontrak atau cagaran; atau
- (f) dianggap sebagai menamatkan, membatalkan atau mengubah apa-apa hak, keistimewaan, pengecualian (termasuk apa-apa pengecualian cukai) atau keutamaan yang penjual berhak kepadanya dan yang menurut kuasa Jadual ini telah terletak hak pada Perbadanan.

(12) Dalam mana-mana prosiding yang dibawa oleh atau terhadap Perbadanan berkenaan dengan apa-apa aset yang terletak hak pada Perbadanan menurut Jadual ini, tiada seorang pun boleh, melainkan jika tuntutan itu ialah suatu tuntutan dizahirkan, menimbulkan sebagai suatu tuntutan atau pembelaan terhadap prosiding itu mana-mana perkara yang berikut:

- (a) orang itu ada atau mungkin ada suatu tolakan atau tuntutan balas terhadap penjual atau mana-mana orang lain;
- (b) mana-mana orang mempunyai kepentingan terdahulu, sama ada di sisi undang-undang atau ekuiti, dalam aset itu;
- (c) mana-mana orang menjadi pihak kepada atau mengambil bahagian dalam apa-apa fraud, desakan, paksaan, pengaruh tidak wajar atau salah nyataan;
- (d) terdapat kesilapan undang-undang atau fakta;
- (e) mana-mana perjanjian yang berkaitan dengan aset itu adalah bagi melaksanakan maksud yang menyalahi undang-undang atau apa-apa balasan yang diberikan atau diterima di bawahnya adalah menyalahi undang-undang, atau matlamat perjanjian itu yang membentuk atau menjadi sebahagian daripada aset itu adalah menyalahi undang-undang;
- (f) terdapat kegagalan balasan secara menyeluruh atau tiada balasan atau terdapat apa-apa balasan yang gagal sebahagiannya;
- (g) orang yang menyempurnakan, disifatkan telah menyempurnakan atau menjadi pihak kepada, apa-apa dokumen hakmilik aset itu atau kontrak bertulis yang menjadi keterangan mengenai, menimbulkan atau menjamin aset itu, tidak memahami dokumen itu;
- (h) orang yang menyempurnakan, disifatkan telah menyempurnakan atau menjadi pihak kepada, apa-apa dokumen hakmilik aset itu atau kontrak

bertulis yang menjadi keterangan mengenai menimbulkan atau menjamin aset itu, tidak mempunyai keupayaan atau kuasa untuk melakukan sedemikian; dan

- (i) terdapat suatu kekhilafan dalam mana-mana penyata akaun yang dikeluarkan oleh penjual atau mana-mana orang lain yang berkenaan dengan apa-apa hutang yang dengannya aset itu adalah berhubungan.

Pengekalan hak

4. (1) Seseorang yang dihalang daripada membuat suatu tuntutan terhadap Perbadanan atau dihalang daripada menimbulkan suatu pembelaan terhadap Perbadanan di bawah Jadual ini, adalah berhak meminta pampasan terhadap penjual berkenaan dengan tuntutan itu.

(2) Jika mahkamah berpuas hati bahawa orang yang disebut dalam subperenggan (1) mempunyai tuntutan terhadap penjual termasuk mana-mana kepentingan ekuiti terdahulu dalam aset itu yang mungkin dapat ditimbulkan atau dituntut oleh orang itu tetapi dihalang oleh subperenggan 3(12), orang itu berhak mendapat pampasan daripada penjual berkenaan dengan tuntutan itu sebagaimana yang dianggap adil dan munasabah oleh mahkamah.

Perakuan peletakhakan gantian

5. (1) Perbadanan boleh mengeluarkan suatu perakuan peletakhakan baru (dalam perenggan ini disebut “perakuan peletakhakan gantian”) untuk menggantikan mana-mana perakuan peletakhakan yang telah dikeluarkannya sebelum ini bagi tujuan membetulkan apa-apa peninggalan atau khilaf dalam perakuan peletakhakan itu.

(2) Apa-apa perakuan peletakhakan gantian yang dikeluarkan di bawah subperenggan (1) yang disempurnakan di bawah meterai perbadanan atau meterai faksimile Perbadanan, yang menyatakan bahawa suatu aset telah terletak hak pada Perbadanan menjadi keterangan muktamad mengenai peletakhakan itu pada tarikh peletakhakan yang dinyatakan dalam perakuan peletakhakan gantian itu.

(3) Jika mana-mana undang-undang menyatakan suatu tempoh masa yang dalamnya suatu pindahan apa-apa aset yang menjadi hal perkara suatu perakuan peletakhakan gantian hendaklah didaftarkan atau difailkan, tempoh itu hendaklah bermula dari tarikh peletakhakan yang dinyatakan dalam perakuan peletakhakan gantian atau tarikh perakuan peletakhakan gantian itu dikeluarkan, mengikut mana-mana yang kemudian.

(4) Apa-apa perbuatan yang dilakukan oleh Perbadanan atau mana-mana orang lain, dengan bergantung pada suatu perakuan peletakhakan yang dikeluarkan

sebelum ini tidaklah terjejas oleh mana-mana peninggalan atau khilaf yang dibetulkan dalam suatu perakuan peletakhakan gantian.

(5) Bagi maksud Akta ini, apa-apa sebutan mengenai suatu perakuan peletakhakan hendaklah disifatkan sebagai termasuk suatu sebutan mengenai suatu perakuan peletakhakan gantian.

Peruntukan tambahan mengenai tanah

6. (1) Walau apa pun peruntukan *Kanun Tanah Negara, Ordinan Tanah Sabah, Kanun Tanah Sarawak atau mana-mana undang-undang lain, apa-apa kaveat atau perintah larangan yang telah dimasukkan, diendorskan, didaftarkan atau diserahkan simpan, sebelum, pada atau selepas tarikh peletakhakan tidaklah boleh menghalang suatu pindah milik apa-apa kepentingan mengenai tanah penjual kepada Perbadanan.

(2) Jika suatu perakuan peletakhakan meletak hak pada Perbadanan apa-apa kepentingan mengenai tanah—

(a) di Semenanjung Malaysia, apabila diterima—

(i) bayaran fi yang ditetapkan; dan

(ii) perakuan peletakhakan,

Pendaftar di bawah Kanun Tanah Negara hendaklah, tanpa memerlukan apa-apa permohonan lanjut atau pemfailan apa-apa dokumen lanjut, membuat suatu memorial pada dokumen hakmilik daftaran dan membuat apa-apa catatan lain dan pada amnya melakukan segala benda yang diperlukan untuk menguatkuasakan peletakhakan itu;

(b) di Sabah, apabila diterima—

(i) bayaran fi yang ditetapkan; dan

(ii) perakuan peletakhakan,

Pendaftar di bawah Ordinan Tanah Sabah hendaklah, tanpa memerlukan apa-apa permohonan lanjut atau pemfailan apa-apa dokumen lanjut, membuat suatu memorial pada dokumen hakmilik daftaran dan membuat apa-apa catatan lain dan pada amnya melakukan segala benda perkara yang diperlukan untuk menguatkuasakan peletakhakan itu;

(c) di Sarawak, apabila diterima—

*CATATAN—Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965] telah disemak dan dinamakan sebagai Kanun Tanah Negara [Akta 828] m.b.p 15 Oktober 2020

- (i) bayaran fi yang ditetapkan; dan
- (ii) perakuan peletakhakan,

Pendaftar di bawah Kanun Tanah Sarawak hendaklah, tanpa memerlukan apa-apa permohonan lanjut atau pemfailan apa-apa dokumen lanjut, membuat suatu memorial pada dokumen hakmilik daftaran dan membuat apa-apa catatan lain dan pada amnya melakukan segala benda yang diperlukan untuk menguatkuasakan peletakhakan itu;

(3) Walau apa pun mana-mana peruntukan *Kanun Tanah Negara, Ordinan Tanah Sabah, Kanun Tanah Sarawak atau mana-mana undang-undang lain, suatu perakuan peletakhakan berkuat kuasa untuk meletak hak suatu kepentingan mengenai tanah pada Perbadanan pada tarikh peletakhakan dan menjadi keterangan muktamad mengenai peletakhakan itu.

Pendaftar lain hendaklah memberikan kuat kuasa kepada perakuan peletakhakan

7. (1) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang lain, tiap-tiap pendaftar mahkamah, Pendaftar Syarikat, pendaftar kapal Malaysia, depositori pusat, ejen depositori yang dibenarkan dan mana-mana orang yang menyenggara suatu daftar atau rekod pemilikan, kepentingan atau cagaran (dalam perenggan ini disebut “Pendaftar”) hendaklah, apabila menerima—

- (a) bayaran fi yang ditetapkan; dan
- (b) perakuan peletakhakan,

tanpa memerlukan apa-apa permohonan lanjut atau pemfailan apa-apa dokumen lanjut, melakukan segala benda dan membuat semua catatan atau memorial dalam mana-mana daftar atau rekod yang disimpan oleh Pendaftar sebagaimana yang perlu untuk memberikan kuat kuasa kepada peletakhakan aset yang berkaitan dengan perakuan peletakhakan itu.

(2) Bagi maksud perenggan ini, subseksyen 359(1) Akta Syarikat 2016 hendaklah disifatkan terpakai bagi Perbadanan seolah-olah perkataan “tiga puluh” dalam subseksyen itu telah digantikan dengan perkataan “seratus lapan puluh”.

(3) Walau apa pun mana-mana peruntukan Akta Syarikat 2016 atau mana-mana undang-undang lain, suatu perakuan peletakhakan berkuat kuasa untuk meletak hak pada Perbadanan, mana-mana hakmilik, kepentingan atau cagaran dalam aset pada

*CATATAN—Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965] telah disemak dan dinamakan sebagai Kanun Tanah Negara [Akta 828] m.b.p 15 Oktober 2020

tarikh peletakhakan dan adalah menjadi keterangan muktamad mengenai peletakhakan itu.

Kekebalan Pendaftar

8. Seseorang Pendaftar atau orang yang menyenggara suatu daftar atau rekod yang disebut di bawah perenggan 6 atau 7 tidaklah bertanggung kepada mana-mana orang berkenaan dengan pembuatan apa-apa memorial atau catatan pada dokumen hakmilik daftaran atau mana-mana daftar atau rekod lain dengan bergantung pada perakuan peletakhakan itu.

Gantian automatik dalam mana-mana prosiding undang-undang atau yang lain

9. Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang lain, tiap-tiap pendaftar mahkamah hendaklah apabila menerima suatu perakuan peletakhakan melakukan segala benda dan membuat segala catatan dalam mana-mana daftar atau rekod yang disimpan oleh pendaftar itu sebagaimana yang perlu untuk memberi kesan kepada penggantian automatik Perbadanan di tempat penjual sebagai pihak dalam mana-mana prosiding undang-undang atau yang lain.

Pelupusan

10. (1) Perbadanan boleh mengeluarkan suatu perakuan pindah milik bagi maksud menjual atau selainnya melupuskan mana-mana aset oleh Perbadanan dan mana-mana harta yang terhadapnya Perbadanan memegang suatu cagaran, sama ada sebagai pemegang gadaian, pemegang gadai janji, pemegang serah hak, pemegang lien atau selainnya.

(2) Tertakluk pada kelulusan, jika dikehendaki, badan pengawal selia atau Pihak Berkuasa Negeri yang berkaitan yang mempunyai bidang kuasa terhadap pelupusan suatu aset oleh Perbadanan, pelupusan itu kepada mana-mana pembeli hendaklah mempunyai kesan seperti suatu perolehan oleh Perbadanan seolah-olah pembeli itu ialah Perbadanan di bawah perenggan 3 dan peruntukan perenggan 3 (kecuali subperenggan 3(12)) dan perenggan 6 hingga 9 hendaklah terpakai bagi pembeli itu sebagaimana ia terpakai bagi Perbadanan, kecuali—

- (a) sebutan mengenai “penjual” hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Perbadanan;
- (b) sebutan mengenai “Perbadanan” hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai pembeli itu;
- (c) sebutan mengenai “perakuan peletakhakan” hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai perakuan pindah milik; dan

- (d) sebutan mengenai “tarikh peletakhakan” hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai tarikh yang dinyatakan dalam perakuan pindah milik sebagai tarikh pelupusan.

(3) Suatu pelupusan aset oleh Perbadanan kepada seseorang pembeli hendaklah mempunyai kesan memindahmilikkan kepada pembeli itu kesemua hak, hakmilik, kepentingan dan kewajiban Perbadanan berhubung dengan aset itu.

(4) Tertakluk pada apa-apa kehendak kelulusan badan pengawalselia atau Pihak Berkuasa Negeri yang berkaitan terhadap pindah milik itu, suatu perakuan pindah milik yang menyatakan suatu aset telah dipindahmilik kepada pembeli menjadi keterangan muktamad mengenai pindah milik itu pada tarikh yang dinyatakan dalam perakuan pindah milik sebagai tarikh pelupusan.

Perakuan pindah milik gantian

11. (1) Perbadanan boleh mengeluarkan suatu perakuan pindah milik baru (dalam perenggan ini disebut “perakuan pindah milik gantian”) untuk menggantikan mana-mana perakuan pindah milik yang telah dikeluarkannya sebelum ini bagi tujuan membetulkan apa-apa peninggalan atau khilaf dalam perakuan pindah milik itu.

(2) Apa-apa perakuan pindah milik gantian yang dikeluarkan di bawah subperenggan (1) yang disempurnakan di bawah meterai perbadanan atau meterai faksimile Perbadanan, yang menyatakan bahawa suatu aset telah dipindahkan kepada pembeli menjadi keterangan muktamad mengenai pindahan itu pada tarikh pelupusan yang dinyatakan dalam perakuan pindah milik gantian itu.

(3) Jika mana-mana undang-undang menyatakan suatu tempoh masa yang dalamnya suatu pindahan apa-apa aset yang menjadi hal perkara suatu perakuan pindah milik gantian yang dikeluarkan di bawah subperenggan hendaklah didaftarkan atau difailkan, tempoh itu hendaklah bermula dari tarikh pelupusan yang dinyatakan dalam perakuan pindah milik gantian atau tarikh perakuan pindah milik gantian itu dikeluarkan, mengikut mana-mana yang kemudian.

(4) Apa-apa perbuatan yang dilakukan oleh Perbadanan atau mana-mana orang lain, dengan bergantung suatu perakuan pindah milik yang dikeluarkan sebelum ini tidaklah terjejas oleh mana-mana peninggalan atau khilaf yang dibetulkan dalam suatu perakuan pindah milik gantian yang dikeluarkan di bawah subperenggan (1).

(5) Bagi maksud Akta ini, apa-apa sebutan mengenai suatu perakuan pindah milik hendaklah disifatkan sebagai termasuk sebutan mengenai suatu perakuan pindah milik gantian.

Pindahan kepada dan antara subsidiari

12. Walau apa pun mana-mana peruntukan lain Akta ini, Perbadanan boleh memberi kesan kepada—

- (a) apa-apa pindahan aset oleh Perbadanan kepada mana-mana subsidiari Perbadanan;
- (b) apa-apa pindahan aset antara mana-mana subsidiari Perbadanan; dan
- (c) apa-apa pindaan suatu aset kepada Perbadanan daripada mana-mana subsidiari Perbadanan,

dengan mengeluarkan suatu perakuan peletakhakan, yang hendaklah mempunyai kesan meletak hak kesemua hak, hakmilik, kepentingan dan liabiliti pemindah berkenaan dengan aset itu pada penerima pindahan.

Peletakhakan aset di luar Malaysia

13. (1) Suatu perakuan peletakhakan yang dikeluarkan di bawah Jadual ini boleh berhubungan dengan mana-mana aset penjual di luar Malaysia dan kesan boleh diberikan sama ada mengikut apa-apa perjanjian bersaling yang berhubungan dengan penguatkuasaan penghakiman yang wujud antara Malaysia dengan negara atau wilayah di luar Malaysia di mana aset itu terletak, atau jika tiada perjanjian sedemikian, mengikut undang-undang yang terpakai di negara atau wilayah itu, dan sehingga peletakhakan itu diberi kesan sepenuhnya di negara atau wilayah di luar Malaysia di mana aset itu terletak, penjual hendaklah memegang aset itu, bersama-sama mana-mana aset atau hak tambahan yang terakru menurut kuasa aset itu atau apa-apa hak dalamnya, sebagai seorang pemegang amanah demi manfaat Perbadanan dan dengan segera mengirimkan atau memindahkan kepada Perbadanan apa-apa wang atau benda lain yang bernilai yang diterima oleh penjual disebabkan oleh aset itu atau mana-mana aset atau hak tambahan itu.

(2) Atas permintaan Perbadanan, penjual, atas kosnya sendiri, hendaklah mengambil segala langkah yang perlu untuk memastikan peletakhakan mana-mana aset penjual di luar Malaysia diberi kesan sepenuhnya di bawah undang-undang yang terpakai di negara atau wilayah di mana aset itu terletak.

JADUAL KEEMPAT

[Seksyen 159]

HAK UNTUK MEMELIHARA, MELUPUSKAN
ATAU MEMPEROLEH HARTA

Tafsiran

1. Dalam Jadual ini—

“pembeli” ertinya mana-mana orang yang kepadanya Perbadanan melupuskan apa-apa harta di bawah seksyen 159;

“undang-undang tanah yang berkaitan” ertinya—

- (a) dalam hal Semenanjung Malaysia, kaedah-kaedah tanah masing-masing Negeri;
- (b) dalam hal Sabah, Ordinan Tanah Sabah; atau
- (c) dalam hal Sarawak, Kanun Tanah Sarawak.

Kuasa disifatkan untuk memperoleh

2. Bagi maksud seksyen 159—

- (a) Perbadanan disifatkan sebagai diberi kuasa oleh pemberi cagaran atau pemunya berdaftar harta untuk melupuskan harta dan memberi kesan kepada pindahan hakmilik atau pemunya harta kepada pembeli; dan
- (b) tiap-tiap pendaftar mahkamah, Pendaftar Syarikat, Pendaftar tanah, pendaftar kapal Malaysia, depositori pusat, ejen depositori yang dibenarkan dan mana-mana orang yang menyenggara suatu daftar atau rekod pemilikan atau kepentingan hendaklah menerima suatu perakuan peletakhakan atau perakuan pindah milik atau suatu surat cara pindah milik atau apa-apa dokumen atau surat cara pendaftaran lain yang dilaksanakan oleh Perbadanan dan tertakluk pada bayaran fi yang ditetapkan di bawah undang-undang tanah yang berkaitan, mendaftarkan atau selainnya memberi kesan kepada pindah milik harta itu atau mana-mana bahagian harta itu kepada pembeli tanpa memerlukan apa-apa permohonan lanjut atau pemfailan apa-apa dokumen selanjutnya.

Jualan harta melalui triti persendirian

3. Suatu jualan melalui suatu triti persendirian di bawah seksyen 159 boleh dibuat melalui suatu kontrak persendirian, lelongan, tender atau apa-apa cara jualan yang lain.

Perbadanan boleh memperoleh harta

4. Jika Perbadanan atau suatu subsidiari Perbadanan melupuskan mana-mana harta atau mana-mana bahagian harta itu melalui triti persendirian maka, walau apa pun apa-apa jua yang bertentangan dalam mana-mana undang-undang, Perbadanan atau subsidiari itu boleh tanpa perlu membayar apa-apa deposit, memperoleh harta itu atau sebahagian daripada harta itu dan menolak harga belian terhadap apa-apa liabiliti yang terhutang kepada Perbadanan atau subsidiari itu.

Hak pemerolehan Perbadanan hendaklah mengatasi

5. Hak Perbadanan di bawah seksyen 159 boleh dijalankan—

- (a) walau apa pun apa-apa perintah jualan yang dibuat sama ada di bawah mana-mana kaedah mahkamah, *Kanun Tanah Negara, Ordinan Tanah Sabah, Kanun Tanah Sarawak atau mana-mana undang-undang lain atau apa-apa langkah atau prosiding yang diambil atau yang belum selesai untuk menjual harta;
- (b) tanpa memerlukan apa-apa kelulusan, pengesahan atau perintah mahkamah; dan
- (c) bersesama dengan apa-apa hak atau remedi yang diperuntukkan oleh mana-mana undang-undang lain atau mana-mana kontrak.

*CATATAN—Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965] telah disemak dan dinamakan sebagai Kanun Tanah Negara [Akta 828] m.b.p 15 Oktober 2020

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 720****PERBADANAN INSURANS DEPOSIT
MALAYSIA 2011****SENARAI PINDAAN**

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A1505	Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2016	08-03-2016
Akta A1647	Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2022	22-02-2022; kecuali seksyen 12, 13, 14, 15, 16, 17, 22, 23, 24, 25, 26 dan 27, 21 Julai 2023

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 720

PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa yang meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta A1505 Akta A1647	08-03-2016 22-02-2022
10	Akta A1505	08-03-2016
11	Akta A1647	22-02-2022
12	Akta A1647	22-02-2022
13	Akta A1647	22-02-2022
14	Akta A1505	08-03-2016
16	Akta A1647	22-02-2022
18	Akta A1647	22-02-2022
Bab 4 Bahagian II	Akta A1505	08-03-2016
25	Akta A1505	08-03-2016
26	Akta A1505	08-03-2016
27	Akta A1505	08-03-2016
28	Akta A1505 Akta A1647	08-03-2016 22-02-2022
29	Akta A1505	08-03-2016
34	Akta A1505 Akta A1647	08-03-2016 22-02-2022
36	Akta A1505	08-03-2016
38	Akta A1505	08-03-2016
39	Akta A1505	08-03-2016

Seksyen	Kuasa yang meminda	Berkuat kuasa dari
40	Akta A1505	08-03-2016
41	Akta A1505 Akta A1647	08-03-2016 22-02-2022
42	Akta A1505	08-03-2016
43	Akta A1505	08-03-2016
44	Akta A1505	08-03-2016
46	Akta A1505	08-03-2016
46A	Akta A1647	21-07-2023
47	Akta A1647	21-07-2023
47A	Akta A1647	21-07-2023
48	Akta A1505 Akta A1647	08-03-2016 21-07-2023
49	Akta A1647	21-07-2023
49A	Akta A1647	21-07-2023
51	Akta A1505	08-03-2016
52	Akta A1505	08-03-2016
54	Akta A1647	22-02-2022
55	Akta A1505	08-03-2016
56	Akta A1505	08-03-2016
57	Akta A1505	08-03-2016
58	Akta A1505	08-03-2016
60	Akta A1505	08-03-2016
61	Akta A1505	08-03-2016
63	Akta A1647	22-02-2022
65	Akta A1505	08-03-2016
66	Akta A1505	08-03-2016
67	Akta A1647	22-02-2022
69	Akta A1505 Akta A1647	08-03-2016 22-02-2022
70	Akta A1505	08-03-2016

Seksyen	Kuasa yang meminda	Berkuat kuasa dari
Bab 2 Bahagian V	Akta A1505	08-03-2016
70A	Akta A1647	21-07-2023
71	Akta A1505 Akta A1647	08-03-2016 21-07-2023
71A	Akta A1647	21-07-2023
72	Akta A1505 Akta A1647	08-03-2016 21-07-2023
73	Akta A1505 Akta A1647	08-03-2016 21-07-2023
73A	Akta A1647	21-07-2023
74	Akta A1505	08-03-2016
75	Akta A1505	08-03-2016
76	Akta A1505	08-03-2016
77	Akta A1505	08-03-2016
78	Akta A1505 Akta A1647	08-03-2016 22-02-2022
78A	Akta A1505	08-03-2016
80	Akta A1505	08-03-2016
83	Akta A1505	08-03-2016
84	Akta A1505	08-03-2016
85	Akta A1505	08-03-2016
90	Akta A1505	08-03-2016
93	Akta A1647	22-02-2022
94	Akta A1505	08-03-2016
95	Akta A1505	08-03-2016
96	Akta A1505	08-03-2016
97A	Akta A1647	22-02-2022
99	Akta A1505 Akta A1647	08-03-2016 22-02-2022
102	Akta A1647	22-02-2022
104	Akta A1505	08-03-2016

Seksyen	Kuasa yang meminda	Berkuat kuasa dari
106	Akta A1505	08-03-2016
109	Akta A1505	08-03-2016
115	Akta A1505	08-03-2016
120	Akta A1505	08-03-2016
121	Akta A1505	08-03-2016
127	Akta A1505	08-03-2016
Bab 2A Bahagian VII	Akta A1505	08-03-2016
128A	Akta A1505	08-03-2016
128B	Akta A1505	08-03-2016
128C	Akta A1505 Akta A1647	08-03-2016 22-02-2022
128D	Akta A1505	08-03-2016
128E	Akta A1505	08-03-2016
129	Akta A1505 Akta A1647	08-03-2016 22-02-2022
130	Akta A1505	08-03-2016
131A	Akta A1505 Akta A1647	08-03-2016 22-02-2022
131B	Akta A1505 Akta A1647	08-03-2016 22-02-2022
132	Akta A1505 Akta A1647	08-03-2016 22-02-2022
133	Akta A1505 Akta A1647	08-03-2016 22-02-2022
134	Akta A1505 Akta A1647	08-03-2016 22-02-2022
134A	Akta A1505 Akta A1647	08-03-2016 22-02-2022
134B	Akta A1505 Akta A1647	08-03-2016 22-02-2022
135	Akta A1505	08-03-2016
137	Akta A1647	22-02-2022

Seksyen	Kuasa yang meminda	Berkuat kuasa dari
138	Akta A1647	22-02-2022
139	Akta A1647	22-02-2022
140–142	Akta A1505	08-03-2016
142A	Akta A1505	08-03-2016
	Akta A1647	22-02-2022
142B	Akta A1505	08-03-2016
	Akta A1647	22-02-2022
142C	Akta A1505	08-03-2016
144	Akta A1505	08-03-2016
	Akta A1647	22-02-2022
145	Akta A1505	08-03-2016
146	Akta A1505	08-03-2016
	Akta A1647	22-02-2022
149	Akta A1505	08-03-2016
150	Akta A1505	08-03-2016
	Akta A1647	22-02-2022
151	Akta A1505	08-03-2016
152	Akta A1505	08-03-2016
153	Akta A1505	08-03-2016
154	Akta A1505	08-03-2016
155	Akta A1505	08-03-2016
156	Akta A1505	08-03-2016
157	Akta A1505	08-03-2016
160	Akta A1647	22-02-2022
161	Akta A1505	08-03-2016
	Akta A1647	22-02-2022
162	Akta A1647	22-02-2022
165	Akta A1505	08-03-2016
178	Akta A1505	08-03-2016
179	Akta A1647	22-02-2022
180	Akta A1505	08-03-2016

Seksyen	Kuasa yang meminda	Berkuat kuasa dari
181	Akta A1647	22-02-2022
182	Akta A1647	22-02-2022
183	Akta A1647	22-02-2022
186	Akta A1647	22-02-2022
196	Akta A1505	08-03-2016
202	Akta A1505	08-03-2016
203A	Akta A1505	08-03-2016
204	Akta A1505	08-03-2016
207A	Akta A1505	08-03-2016
	Akta A1647	22-02-2022
209	Akta A1505	08-03-2016
	Akta A1647	22-02-2022
Jadual Pertama	Akta A1505	08-03-2016
	Akta A1647	22-02-2022
Jadual Kedua	Akta A1647	22-02-2022
Jadual Ketiga	Akta A1647	22-02-2022
